

**SUMBANGAN 'ABD AL-MAJID AL-ZINDANI DALAM  
BIDANG AL-I'JAZ AL-'ILM : KAJIAN TERHADAP  
KITAB TA'SIL AL-I'JAZ AL-'ILM  
*FI AL-QUR'AN WA  
AL-SUNNAH***

**TAZLIE SHAM BIN AB.RAHMAN**

**JABATAN AL-QURAN DAN HADITH  
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2015**

**SUMBANGAN ‘ABD AL-MAJID AL-ZINDANI  
DALAM BIDANG *AL-I’JAZ AL-‘ILMI* :  
KAJIAN TERHADAP KITAB  
*TA’SIL AL-I’JAZ AL-‘ILMI*  
*FI AL-QUR’AN WA*  
*AL-SUNNAH***

**TAZLIE SHAM BIN AB.RAHMAN**

**DISERTASI DISERAHKAN SEBAGAI  
MEMENUHI KEPERLUAN BAGI  
IJAZAH SARJANA USULUDDIN  
(SECARA PENYELIDIKAN)**

**JABATAN AL-QURAN DAN HADITH  
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2015**

**UNIVERSITI MALAYA**  
**PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Nama:  
No. Pendaftaran/Matrik:  
Nama Ijazah:  
Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis (“Hasil Kerja ini”):

Bidang Penyelidikan:

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut se munasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hak cipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hak cipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya (“UM”) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hak cipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hak cipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh

Nama:

Jawatan:

## ABSTRAK

Shaykh Abd al-Majid bin ‘Aziz al-Zindanī merupakan salah seorang tokoh dalam kajian al-Ijāz al-Ilmī (Mukjizat Saintifik). Kajian dilakukan terhadap kitab Ta’īl al-Ijāz al-Ilmī fī al-Qur’ān wa al-Sunnah (Ta’īl) untuk mengetahui sumbangan penting al-Zindanī dalam perkembangan kajian al-Ijāz al-Ilmī, metodologi yang digunakan, bentuk huraian terhadap kaedah-kaedah asas al-Ijāz al-Ilmī berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah serta bentuk analisis terhadap contoh-contoh al-Ijāz al-Ilmī. Objektif utama kajian ini adalah untuk mengumpulkan maklumat penting tentang biografi al-Zindanī dan sumbangan beliau dalam kajian al-Ijāz al-Ilmī terhadap dunia Islam, mengkaji metodologi penulisan dalam kitab Ta’sīl dan pendalilan terhadap al-Ijāz al-Ilmī, menghuraikan kaedah-kaedah al-Ijāz al-Ilmī dalam kitab Ta’sīl serta menganalisis contoh-contoh al-Ijāz al-Ilmī yang ditulis oleh beliau untuk melihat konsep dan model al-Ijāz al-Ilmī menurut kefahaman beliau. Metode kajian ini berbentuk penyelidikan perpustakaan atau Library Research dengan menggunakan metode pengumpulan data, metode analisis kandungan dan metode kualitatif. Hasil dapatan kajian ini ialah pemerkasaan kefahaman terhadap kaedah-kaedah penting kajian al-Ijāz al-Ilmī untuk memastikan ia dibina di atas asas ilmiah yang kukuh, memahami pengertian dan kaedah penerimaan al-Ijāz al-Ilmī, konsep dan model menurut kefahaman al-Zindanī bersandarkan dalil al-Quran dan al-Sunnah supaya dapat mengharmonikan percanggahan pendapat terhadap kefahaman dan penerimaan kajian al-Ijāz al-Ilmī.

## ABSTRACT

Shaykh Abd al-Majīd bin ‘Azīz al-Zindānī is a notable researcher in the study of al-Ijāz al-Ilmī (Islamic Scientific Miracles). The study was carried out on the results of his work entitled *Ta’līf al-Ijāz al-Ilmī fī al-Qur’ān wa al-Sunnah* (*Ta’līf*) to investigate his important contribution in the development study of al-Ijāz al-Ilmī, the methodology used, summaries of the basic rules of al-Ijāz al-Ilmī by al-Qur’ān and al-Sunnah and the analysis of samples of al-Ijāz al-Ilmī written by him based on the basic rules of al-Ijāz al-Ilmī. The primary objectives of this study are to gather important information about al-Zindānī’s biography and his contributions in the study of al-Ijāz al-Ilmī to the Muslim world, study the writing methodology al-Zindānī used in his book and his source for al-Ijāz al-Ilmī, explain the rules of al-Ijāz al-Ilmī in the book of *Taṣīl* and analyse samples from al-Ijāz al-Ilmī written by al-Zindānī to see if they are written in the concept and model of al-Ijāz al-Ilmī exemplifies his understanding. This study is done through a library research by collecting data, content analysis and qualitative method. The findings of this study is the empowerment of understanding of the research method of al-Ijāz al-Ilmī to ensure that this method is develop on a strong scientific basis, understand the meaning of al-Ijāz al-Ilmī and acceptance method, concept and model according to al-Zindānī’s understanding and writing based on al-Qur’ān and al-Sunnah in order to harmonize the disagreement on the understanding and acceptance of al-Ijāz al-Ilmī.

## **PENGHARGAAN**

Dengan nama Allah SWT yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Alhamdulillah, segala puji bagi Allah SWT, selawat dan salam kepada Rasulullah SAW, ahli keluarga serta para sahabat baginda.

Saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada penyelia saya Dr. Monika @ Munirah Binti Abd Razzak yang telah banyak memberikan tunjuk ajar, nasihat dan bimbingan yang berguna sepanjang tempoh penulisan tesis ini. Terima kasih yang tidak terhingga juga kepada Dr. ‘Abd Allāh bin ‘Abd al-Majīd al-Zindānī serta sahabat-sahabat yang membantu sama ada secara langsung atau tidak langsung sehingga tesis ini berjaya disiapkan. Tidak lupa kepada kedua-dua ibu bapa saya dan adik beradik yang sentiasa mendoakan dan memberikan sokongan terhadap usaha ini. Kepada isteri tercinta, terima kasih atas keprihatinan, sokongan dan dorongan yang telah ditunjukkan selama ini.

Semoga Allah SWT menerima segala amalan kebajikan dan memberkati segala usaha. Mudah-mudahan tesis ini akan memberikan manfaat yang sewajarnya.

**Pengkaji boleh dihubungi melalui:**

**E-mel** : [tazliesham@gmail.com](mailto:tazliesham@gmail.com)

**Telefon** : +6016 247 4454

## PANDUAN TRANSLITERASI

### i. Konsonan

Arab	Roman	Arab	Roman	Arab	Roman
ء، ؤ	a, ’	ز	z	ق	q
ب	b	س	s	ك	k
ت	t	ش	sh	ل	l
ث	th	ص	ṣ	م	m
ج	j	ض	ḍ	ن	n
ح	ḥ	ط	ṭ	ه	h
خ	kh	ظ	ẓ	و	w
د	d	ع	‘	ي	y
ذ	dh	غ	gh	ة	h, t
ر	r	ف	f		

### ii. Vokal

Vokal Pendek	Transliterasi	Contoh	Transliterasi
○	a	قَنَتْ	<i>qanata</i>
○	i	سَلَمَ	<i>salima</i>
○	u	جُعلَ	<i>ju‘ilā</i>

Vokal Panjang	Transliterasi	Contoh	Transliterasi
ا، ي	ā	كَبِيرَى، بَابٌ	<i>Bāb, Kubrā</i>
ي	ī	وَكِيلُ	<i>wakīl</i>
و	ū	سُورَةُ	<i>sūrah</i>

### iii. Diftong

Diftong	Transliterasi	Contoh	Transliterasi
و --	aw	قول	<i>qawl</i>
ي --	ay	خير	<i>khayr</i>
و --	uww	قوه	<i>quwwah</i>
ي --	iy, ī	عربي	<i>'arabiyy/ ī</i>

### iv. Contoh Penggunaan Pedoman Transliterasi

a. *Alif* “ ” dan *wāw* “ ” sebagai vokal tidak perlu diromanisasikan.

Contohnya:

:	<i>ulā'ik</i>	:	<i>qālū</i>
:	<i>ja'alū</i>	:	<i>isma'uū</i>

b. Tanda (-) mewakili vokal “a” panjang yang dimansuhkan. Contohnya:

ابراهيم	:	<i>Ibrāhīm</i>	سلیمان	:	<i>Sulaymān</i>
	:	<i>Mūsā</i>	عیسی	:	<i>'Isā</i>

c. *Alif* “ ” hendaklah diromanisasikan sebagai “ā” jika berfungsi sebagai vokal panjang. Contohnya:

:	<i>qāl</i>	:	<i>qārī</i>
:	<i>riḍā</i>	:	<i>al-Islām</i>

- d. *Wāw* “ ” hendaklah diromanisasikan sebagai “w” jika berfungsi sebagai konsonan, sama ada di awal, tengah atau akhir kalimah. Contohnya:

وَيْلٌ	:	<i>wayl</i>	:	<i>waqf</i>
	:	<i>ḥalwā</i>	:	<i>'iwaḍ</i>
	:	<i>dalw</i>	:	<i>naḥw</i>

- e. *Wāw* “ ” hendaklah diromanisasikan sebagai “ū” jika berfungsi sebagai vokal panjang. Contohnya:

:	<i>sūrah</i>	:	<i>wuqūf</i>
:	<i>sūrah</i>	:	<i>dhū</i>

- f. *Wāw* “ ” hendaklah diromanisasikan sebagai “aw” jika berfungsi sebagai diftong. Contohnya:

:	<i>awlā</i>	:	<i>khawf</i>
:	<i>awḥā</i>	:	<i>nawm</i>

- g. *Yā* “ ” hendaklah diromanisasikan sebagai “y”. Contoh:

يَوْمٌ	:	<i>yawm</i>	عَيْنٌ	:	<i>'ayn</i>
يَهْيَ	:	<i>Yaḥyā</i>		:	<i>waḥy</i>

- h. *Yā* “ ” hendaklah diromanisasikan sebagai “ī” jika berfungsi sebagai vokal panjang. Contohnya:

<b>إيمان</b>	:	<i>īmān</i>	<b>قيل</b>	:	<i>qīl</i>
<b>إيلاع</b>	:	<i>īlā’</i>		:	<i>fīl</i>

- i. *Yā* “ ” hendaklah diromanisasikan sebagai “ay” jika berfungsi sebagai diftong. Contohnya:

<b>أينما</b>	:	<i>aynāmā</i>	<b>القيوم</b>	:	<i>al-Qayyūm</i>
<b>عني</b>	:	<i>‘aynay</i>		:	<i>shay’</i>

- j. *Alif maqṣūrah* “ ” hendaklah diromanisasikan sebagai “ā” jika berfungsi sebagai vokal panjang. Contohnya:

<b>عيسى</b>	:	<i>‘Isā</i>	:	<i>sughrā</i>
	:	<i>al-Ma’wā</i>	:	<i>da‘wā</i>

- k. *Hamzah* “ ” di awal kalimah hendaklah diromanisasikan sebagai sama ada “a”, “i” atau “u” mengikut bunyi. Contohnya:

:	<i>abrār</i>	:	<i>akbar</i>
:	<i>inna</i>	:	<i>insān</i>
:	<i>umirtu</i>	:	<i>uns</i>

- l. *Hamzah* “ ” hendaklah diromanisasikan sebagai (’) jika hidup atau mati atas sesuatu konsonan atau diftong. Contohnya:

:	<i>al-mas’alah</i>	:	<i>al-ra’y</i>
:	<i>‘ajā’ib</i>	:	<i>khatīr</i>

- m.** *Alif māddah* “” yang terdapat pada awal atau tengah kata hendaklah ditransliterasikan sebagai “a”. Contohnya:

:	<i>al-Qur'ān</i>	:	<i>ma'ābā</i>	
أَمْنِينَ	:	<i>āminīn</i>	:	<i>ākhar</i>

- n.** *Shaddah* “ ” atas *wāw* “ ” hendaklah diromanisasikan sebagai “aww” jika berada selepas konsonan berbaris *fathah* dan berfungsi serentak sebagai diftong dan konsonan. Contohnya:

:	<i>tawwāb</i>	:	<i>sawwar</i>
:	<i>awwal</i>	:	<i>'awwām</i>

- o.** *Shaddah* “ ” atas *wāw* “ ” hendaklah diromanisasikan sebagai “uvw” jika berada selepas konsonan berbaris *Dammah* dan berfungsi sebagai konsonan. Contohnya:

:	<i>quwwah</i>	:	<i>nubuwwah</i>
:	<i>ghuluww</i>	:	<i>'aduww</i>

- p.** *Shaddah* “ ” atas *yā'* “ ” hendaklah diromanisasikan sebagai “ī” jika berada selepas konsonan berbaris *kasrah* di akhir kalimah. Contohnya:

العَرَبِيَّةُ	:	<i>al-'Arabiyyah</i>	المَاتِرِيَّةُ	:	<i>al-Māturīdiyyah</i>
هَدِيَّةُ	:	<i>hadiyyah</i>	أَلْوَهِيَّةُ	:	<i>Ulūhiyyah</i>

- q. *Shaddah* “ ” atas *yā’* “ ” hendaklah diromanisasikan sebagai “ayy” jika berada selepas konsonan berbaris *fathah* dan berfungsi serentak sebagai diftong dan konsonan. Contohnya:

سَيِّدَةٌ	:	<i>sayyidah</i>	أَيَّامٌ	:	<i>ayyām</i>
	:	<i>hayy</i>		:	<i>ghayy</i>

- r. *Shaddah* “ ” atas huruf konsonan hendaklah diromanisasikan dengan menulis huruf tersebut sekali lagi. Contohnya:

:	<i>rabbanā</i>	:	<i>innā</i>
:	<i>thumma</i>	:	<i>kashshāf</i>

- s. *Alif lām* hendaklah diromanisasikan sebagai “al” sama ada bagi *lām shamsiyyah* atau *qamariyyah* dan dihubungkan dengan kalimah induk dengan tanda sempang (-). Dalam pada itu, “a” dalam “al” tidak menerima hukum huruf besar menurut pedoman umum ejaan Bahasa Melayu. Sebaliknya hukum huruf besar terpakai kepada huruf pertama kalimah induk. Contohnya:

الْمُكَبَّةُ	:	<i>al-Imtiḥān</i>	:	<i>al-Aṣl</i>
	:	<i>al-Makkiyyah</i>	:	<i>al-Futūḥāt</i>

- t. *Tā’ al-marbūṭah* pada akhir kalimah hendaklah diromanisasikan dengan “h” jika kalimah itu bermula dengan al- atau menjadi kalimah terakhir dalam sesuatu ayat. Contohnya:

**المكتبة الورقية** : *al-Maktabah al-Wahbah*  
**الرسالة العلمية** : *al-risālah al-‘ilmīyyah*

- u.** *Tā' al-marbūtah* pada akhir kalimah hendaklah diromanisasikan dengan "t" jika selepasnya kalimah bermula dengan al-. Contohnya:

<b>مشكاة المصايب</b>	:	<i>Mishkāt al-Maṣābiḥ</i>
	:	<i>Tuhfat al-Ahwadhi</i>

- v. Tanwin hendaklah diromanisasikan mengikut ejaan, bukan sebutan.

Contohnya:

عَيْنٌ	: 'ayn	<i>insān</i>	:
وَعْوَّذَةٌ	: <i>quwwah</i>	<i>hayy</i>	:

- w. Kalimah Bahasa Arab yang telah menjadi sebutan Bahasa Melayu hendaklah dieja mengikut Bahasa Melayu. Semua kalimah Bahasa Arab, Inggeris atau bahasa asing hendaklah diitalik kecuali nama khas.

- x. Kata nama khas hendaklah diromanisasikan dengan mengambil kira penggunaan huruf besar seperti kaedah Bahasa Melayu. Contohnya:

:      Muhammad	:	al-Nadawī
:      Abū al-Hasan	:	Abū Bakr

## **SENARAI KEPENDEKAN**

AS	‘Alaihis Salām
Cet.	Cetakan
ed.	Edisi
et al	Penulis-penulis
H.	Hijrah
<i>Ibid.</i>	Rujukan yang sama
M.	Masihi
RA	Rađiyallāhu ‘anh
SAW	Sallalāhu ‘alayhi wa Sallam
SWT	Subḥanahū wa Ta‘ālā
t.p.	Tanpa penerbit
t.t.	Tanpa tarikh
t.tp.	Tanpa tempat
Terj.	Terjemahan

## ISI KANDUNGAN

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN.....	ii
ABSTRAK .....	iii
PENGHARGAAN .....	v
PANDUAN TRANSLITERASI.....	vi
SENARAI KEPENDEKAN .....	xiii
ISI KANDUNGAN.....	xiv

<b>BAB 1: PENDAHULUAN.....</b>	1
A. Latar Belakang .....	1
B. Masalah Kajian.....	8
C. Objektif Kajian .....	11
D. Skop Kajian .....	12
E. Definisi Tajuk.....	12
F. Kepentingan Kajian.....	13
G. Kajian Lepas .....	15
H. Metodologi Penyelidikan .....	21
I. Sistem Penulisan.....	27
<b>BAB 2: BIOGRAFI AL-ZIND N DAN SUMBANGAN DALAM <i>AL-I'JAZ AL-'ILMI</i>.....</b>	28
2.1 Pendahuluan .....	28
2.2 Nama, Kelahiran dan Keturunan .....	28
2.3 Latar Belakang Pendidikan al-Zind nī.....	29
2.4 Nama Guru-guru al-Zind nī.....	31
2.5 Nama Murid-murid al-Zind nī.....	32
2.6 Perkahwinan dan Keluarga.....	35
2.7 Kerjaya, Jawatan dan Sumbangan.....	35
2.8 Sumbangan-sumbangan al-Zind nī dalam <i>al-I jāz al- Ilmī</i> .....	40
2.9 Penemuan Rawatan AIDS .....	52

2.10	Akhlik dan Keperibadian .....	52
2.11	Hasil Karya dan Penulisan .....	53
2.12	Pandangan dan Puji .....	57
2.13	Tohmahan dan Fitnah .....	58
2.14	Pengaruh al-Zindānī .....	58
2.15	Maklumat Terkini al-Zindānī .....	60
2.16	Kesimpulan.....	61
<b>BAB 3:</b>	<b>PENGENALAN KITAB TA’ IJĀZ AL-ILM F AL-QUR’ĀN WA AL-SUNNAH DAN METODOLOGI PENULISANNYA .....</b>	<b>62</b>
3.1	Pendahuluan .....	62
3.2	Nama Kitab.....	62
3.3	Pengenalan Terhadap Kitab <i>Ta’ Ijāz al-Ilmī fī al-Qur’ān wa al-Sunnah</i> .....	62
3.4	Faktor Penulisan .....	64
3.5	Objektif Penulisan .....	65
3.6	Subjek Utama Kitab .....	65
3.7	Rujukan Penulisan Kitab .....	67
3.8	Metodologi Penulisan Kitab <i>Ta’ Ijāz al-Ilmī fī al-Qur’ān wa al-Sunnah</i> .....	70
3.9	Metodologi Pendalilan Dalam Kitab <i>Ta’ Ijāz al-Ilmī fī al-Qur’ān wa al-Sunnah</i> .....	86
3.10	Pandangan Ulama Terhadap Kitab <i>Ta’ Ijāz al-Ilmī fī al-Qur’ān wa al-Sunnah</i> .....	96
3.11	Komentar Terhadap Kitab .....	96
3.12	Kesimpulan.....	97
<b>BAB 4:</b>	<b>AL-IJĀZ AL-‘ILMĪ MENURUT AL-ZINDĀNĪ DAN KAEAH PENERIMAANNYA .....</b>	<b>99</b>
4.1	Pendahuluan .....	99
4.2	Pengenalan Mukjizat al-Quran Menurut al-Zindānī .....	100
4.3	Ketelitian Catatan Mukjizat Luar Biasa ( <i>al-Mu’jizah al-Khāriqah</i> ) ...	106
4.4	Perkembangan Kefahaman Penggunaan Istilah <i>al-Ijāz</i> .....	116
4.5	Pendirian Ulama Terhadap <i>al-Tafsīr al-‘Ilmī</i> dan <i>al-Ijāz al-‘Ilmī</i> ....	121
4.6	Definisi <i>al-Ijāz al-‘Ilm</i> .....	123

4.7	Keistimewaan <i>al-I'jāz al-'Ilmī</i> .....	125
4.8	Kepentingan <i>al-I'jāz al-'Ilmī</i> Pada Zaman Ini .....	136
4.9	Definisi <i>al-Tafsīr al-'Ilmī</i> .....	137
4.10	Perbezaan antara <i>al-I'jāz al-'Ilmī</i> dan <i>al-I'jāz al-Tashrīfī</i> .....	138
4.11	Kaitan antara <i>al-I'jāz al-'Ilmī</i> dan <i>al-Khawāriq al-'Ādah</i> .....	139
4.12	Sumber-Sumber <i>al-I'jāz al-'Ilmī</i> .....	140
4.13	Medan Kajian <i>al-I'jāz al-'Ilmī</i> .....	141
4.14	<i>al-I'jāz al-'Ilmī</i> dan Iman .....	142
4.15	Kesimpulan.....	145
<b>BAB 5:</b>	<b>ANALISIS KAEDEAH-KAEDAH AL-I'JĀZ AL-'ILMĪ OLEH AL-ZIND N BERSERTA CONTOH-CONTOHNYA.....</b>	147
5.1	Pengenalan.....	147
5.2	Huraian Kaedah-kaedah <i>al-I'jāz al-'Ilmī</i> .....	147
5.2.1	Kaedah Pertama.....	148
5.2.2	Kaedah Kedua .....	150
5.2.3	Kaedah Ketiga .....	153
5.2.4	Kaedah Keempat .....	155
5.2.5	Kaedah Kelima .....	156
5.2.6	Kaedah Keenam .....	159
5.2.7	Kaedah Ketujuh .....	161
5.2.8	Kaedah Kelapan .....	164
5.3	Analisis Kaedah-Kaedah <i>al-I'jāz al-'Ilmī</i> Berdasarkan Contoh.....	172
5.3.1	Analisis Contoh <i>al-I'jāz al-'Ilmī</i> Dalam Bidang Oseanografi.....	174
5.3.2	Analisis Contoh <i>al-I'jāz al-'Ilmī</i> Dalam Bidang Geologi .....	189
5.3.3	Analisis Contoh <i>al-I'jāz al-'Ilmī</i> Dalam Bidang Anatomi dan Fisiologi Otak .....	196
5.3.4	Analisis Contoh <i>al-I'jāz al-'Ilmī</i> Dalam Bidang Botani .....	203
5.3.5	Analisis Contoh <i>al-I'jāz al-'Ilmī</i> Dalam Bidang Embriologi .....	211
5.4	Kesimpulan.....	226
<b>BAB 6:</b>	<b>PENUTUP .....</b>	227
6.1	Kesimpulan Umum.....	227
6.2	BIBLIOGRAFI.....	232
6.3	LAMPIRAN .....	239

# **BAB 1**

## **PENDAHULUAN**

### **A. Latar Belakang**

Allah SWT telah mewahyukan al-Quran kepada Nabi Muhammad SAW melalui malaikat Jibrail AS secara berperingkat-peringkat yang mengambil masa selama lebih kurang 23 tahun,<sup>1</sup> berbeza dengan penurunan kitab-kitab samawi yang lain.<sup>2</sup> Bermula daripada penurunan al-Quran, para sahabat sangat mengambil berat terhadap ayat-ayat Allah SWT ini, melalui penyampaian Rasulullah SAW sama ada hafalan atau kefahaman.<sup>3</sup>

Generasi awal yang menyaksikan sendiri penurunan al-Quran telah memindahkan ilmu yang dipelajari kepada generasi baru sehingga lahirnya para ilmuwan. Mereka mengkaji al-Quran daripada pelbagai sudut, sama ada dalam bidang tafsir, qiraat, gaya bahasa, fikah dan lain-lain yang berkaitan.

Tidak ketinggalan, para ilmuwan yang mengkaji dalam bidang mukjizat al-Quran telah menyemarakkan lagi perkembangan ilmu al-Quran dengan

---

<sup>1</sup> Muḥammad Abū Zahrah, *al-Mu'jizah al-Kubrā* (Kaherah: Dār al-Fikr al-‘Arabī, 1998), 17.

<sup>2</sup> Maṇn ‘al-Qaṣṣān, *Mabāith fī Ul mā al-Qur’ān* (Riyadh: Maktabah al-Mārif li an-Nashr wa al-Tawzī’, 2000), 106.

<sup>3</sup> *Ibid.*, 5.

mewujudkan dan menggunakan istilah-istilah tertentu yang merujuk kepada penelitian yang ingin dilontarkan dalam karya-karya mereka.

Istilah *mu'jizah* dipercayai telah digunakan pertama kali oleh Abū 'Abd All h al-W si yang meninggal dunia pada 306H dalam kitabnya yang berjudul *I'jāz al-Qur'ān*.<sup>4</sup> Semenjak itu, bermulalah era penulisan dalam bidang mukjizat al-Quran secara lebih terperinci dan tersusun.

Al-Quran adalah mukjizat Nabi Muhammad SAW yang paling besar. Mukjizat al-Quran dari segi *fa ā ah* (kefasihan) telah menundukkan para sasterawan Arab. Mukjizat *al-Bishārāt* (perkhabaran kebangkitan Nabi Muhammad SAW) telah mengemukakan hujah tentang kebenaran baginda kepada para pendeta dan paderi. Mukjizat tentang *al-Khawāriq* (perkara luar biasa) telah menunjukkan tentang hujah Nabi Muhammad SAW secara jelas kepada orang-orang kafir yang berdegil. Mukjizat *al-Ikhbār bi al-Ghayb* (perkhabaran tentang perkara ghaib) telah zahir, sentiasa menjelma serta berlaku sepanjang kurun dan zaman.<sup>5</sup>

Oleh sebab al-Quran adalah mukjizat terbesar Nabi Muhammad SAW yang merupakan nabi akhir zaman, maka sudah semestinya bentuk mukjizat ini akan sentiasa diperbaharui supaya menjadi bukti yang berkesan terhadap

---

<sup>4</sup> ub al- le , *Mabāhith f 'Ul m al-Qur'ān*, cet. ke-9 (Beir t: D r al-'Ilm li al-Mal y n, 1997), 316.

<sup>5</sup> 'Abd al-Majīd al-Zind nī et al., *Bayyināt al-Ras l wa Mu'jizātuh* (Sana'a: Markaz al-Buḥ th bi J mi ah al- m n, 2004), 69.

kerasulan Nabi Muhammad SAW dan kebenaran Islam sehingga ke hari kiamat bersesuaian dengan peningkatan ilmu pengetahuan dan kepakaran yang ada pada manusia.

Al-Quran datang dengan mukjizat yang terang dan nyata. Allah SWT telah menzahirkan kepada manusia pelbagai mukjizat di sepanjang kurun. Pada zaman penemuan sains ini, Allah SWT telah menzahirkan mukjizat terkini yang dikenali sebagai *al-I'jāz al-'Ilmī* di dalam al-Quran dan *al-Sunnah*. Lalu, manusia pada zaman ini mengetahui bahawa al-Quran adalah wahyu yang mengandungi ilmu Allah SWT yang Maha Mengetahui rahsia alam semesta.<sup>6</sup>

Kebenaran dan ketepatan fakta sains di dalam al-Quran telah berjaya dibuktikan dengan bantuan kemajuan ilmu sains dan penemuan berterusan melalui penggunaan peralatan moden. Bersama peredaran zaman, fakta tersebut akan lebih jelas dan lengkap setelah kajian menyeluruh dilakukan secara berterusan. Perkara ini hanya berlaku dalam agama Islam yang benar.

Manakala dalam agama Kristian, berlaku perkara yang berbeza. Semenjak Revolusi Perindustrian di Eropah, manusia telah hidup dalam suasana pertembungan antara sains dan agama.<sup>7</sup> Medan pertembungan ini semakin meluas

---

<sup>6</sup> *Ibid.*, 73.

<sup>7</sup> Faisal Othman, “Pendidikan Islam : Konsep dan Realiti,” dalam *Pendidikan Islam Malaysia*, ed. Ismail Ab. Rahman (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1993), 30-31.

sehingga meliputi bidang-bidang ilmu pengetahuan di pelosok dunia.<sup>8</sup> Oleh sebab itu, ramai manusia telah cuba untuk lari daripada tanggungjawab beragama dan mereka telah menjadikan pertembungan antara agama Kristian di Eropah dengan ilmu sains moden sebagai alasan yang kukuh untuk tidak mempercayai Tuhan serta memisahkan agama daripada urusan keduniaan.

Punca pertembungan ini disebabkan penyelewengan yang telah berlaku dalam kitab suci agama Kristian.<sup>9</sup> Sekularisme yang menular ke seluruh dunia kini ialah hasil perkembangan konflik tersebut. Banyak ideologi yang sesat contohnya komunisme telah memesongkan manusia daripada akidah yang benar.

Pengaruh komunis di beberapa buah negara khususnya di Yaman,<sup>10</sup> telah menyebabkan segelintir umat Islam terpengaruh dengan ideologi sesat ini sehingga tidak mempercayai kewujudan Allah SWT dan kebenaran agama Islam. Slogan ‘agama adalah candu masyarakat’ telah mempengaruhi pemikiran sehingga mereka menolak kebenaran agama Islam.

Krisis keyakinan yang mendominasi majoriti manusia khususnya kebanyakan umat Islam telah menyebabkan mereka bersikap prejudis terhadap agama Islam. Krisis keyakinan ini telah memudahkan mereka untuk dipengaruhi

---

<sup>8</sup> ‘Abd al-Majīd al-Zind nī, Suat Yıldırım dan Mu ammad al-Amīn Walad al-Shaykh, *Ta‘l al-I‘jāz al-‘Ilm fī al-Qur’ān wa al-Sunnah* (Sana'a: Universiti al- m n, t.t), 3.

<sup>9</sup> A mad Y suf Al - j, *Maws ‘ah al-I‘jāz al-‘Ilm* ( cet. ke-2, Damsyik: Maktabah Ibn ajar, 2003), 15.

<sup>10</sup> Zainudin Hashim dan Riduan Mohamad Nor, *Tokoh-Tokoh Gerakan Islam Abad Moden* (Kuala Lumpur: Jundi Resources, 2009), 29.

seterusnya menerima secara membata tuli segala persepsi barat dan tertipu dengan kemajuan kebendaan mereka.

Suasana kekufuran yang merupakan implikasi daripada fahaman komunis di Yaman telah menyebabkan ulama-ulama Yaman bangkit menentang fahaman ini yang semakin menular dalam masyarakat. Pengaruh fahaman komunis telah memberi kesan yang amat buruk terhadap akidah umat Islam sehingga wujud keraguan dalam diri masyarakat terhadap kebenaran ajaran agama Islam seterusnya meletakkan sempadan dengan memusuhi Islam dan ulama persis peristiwa yang berlaku dalam agama Kristian.

Bertitik tolak daripada keyakinan terhadap agama Islam yang terpelihara daripada sebarang penyelewengan, sudah semestinya apa yang berlaku dalam agama Kristian tidak akan berlaku dalam agama Islam. Ini kerana, al-Quran ialah wahyu yang terkandung di dalamnya ilmu Allah SWT dan kesemua makhluk di dunia merupakan ciptaan Allah SWT. Al-Quran yang datang daripada Allah SWT telah menyingkap fakta-fakta tentang makhluk ciptaan Nya. Mana mungkin, dua perkara yang berasal daripada sumber yang sama akan bercanggah antara satu sama lain. Penelitian terhadap ayat-ayat al-Quran, perkembangan serta kemajuan sains telah menzahirkan mukjizat yang sentiasa diperbaharui pada zaman ini yang lebih dikenali dengan istilah *al-I'jaz al-'Ilm*.

Kajian *al-I'jāz al-'Ilmī* semakin berkembang dan melalui era kegemilangannya dengan peranan besar yang dilakukan oleh 'Abd al-Majīd bin Azīz al-Zindānī (al-Zind nī).<sup>11</sup> Beliau ialah salah seorang ulama *al-I'jāz al-'Ilmī* yang telah banyak memberikan pelbagai sumbangan penting dalam kajian bidang tersebut.

Al-Zind nī telah berusaha keras untuk memajukan kajian dalam *al-I'jāz al-'Ilmī* terutamanya semasa berada di Arab Saudi. Bermula dengan idea penubuhan *Hay'ah al-I'jāz al-'Ilmī fī al-Qur'ān wa al-Sunnah*<sup>12</sup> (*Commission on Scientific Signs in Quran and Sunnah*) yang berpusat di Mekah, beliau telah berusaha mengumpul, menganalisis, dan menyaring data berkaitan *al-I'jāz al-'Ilmī* sehingga berjaya menghasilkan sejumlah kertas kerja untuk dibentangkan dalam persidangan-persidangan di peringkat nasional dan antarabangsa. Akhirnya, sebahagian besar hasil kajian beliau telah dicetak.

Antara sumbangan al-Zind nī yang sangat penting dalam kajian *al-I'jāz al-'Ilmī* ialah tulisannya yang bertajuk *al-Mu'jizah al-'Ilmiyyah fī al-Qur'ān wa al-Sunnah* yang dimuatkan dalam kitab yang bertajuk *Ta'īl al-I'jāz al-'Ilmī fī al-Qur'ān wa al-Sunnah* (*Ta'īl*).

<sup>11</sup> li Mu ammad bin ulays al -Y fi 'ī, *al-Dawr al-Tār khī al-Hadhārī al-'Ilmī wa al-Jihādī*, *Shaykh al-Zindānī wa 'Ulamā' al-Yaman fī Masīrah al-I lāh al-Shāmīl* (t.t.p.: t.p., 1992), 225-238.

<sup>12</sup> "Ta'sīs al-Hay'ah wa Taqwīrahā" dicapai 10 Oktober 2010, laman sesawang *Hay'ah al-I'jāz al-'Ilmī fī al-Qur'ān wa al-Sunnah*, <http://www.eajaz.org/>.

Kandungan kitab tersebut merupakan penjelasan tentang pengenalan *al-I'jāz al-'Ilmī* berdasarkan nas al-Quran dan *al-Sunnah* serta inti pati kaedah-kaedah berkaitan yang telah digariskan. Perkara ini amat menarik perhatian untuk dikaji kerana sebarang kajian *al-I'jāz al-'Ilmī* perlu didirikan di atas asas-asas yang kukuh melalui kaedah-kaedah ini yang perlu diteliti dan difahami. Ia bagi memastikan natijah yang betul selari dengan kaedah-kaedah dan disiplin berkaitan kajian bidang ini.

Kitab tersebut telah ditulis mengikut metode kajian ilmiah yang betul ketika membincangkan tentang *al-I'jāz al-'Ilmī* daripada aspek al-Quran dan *al-Sunnah*. Ia menjadi rujukan penting di dalam menganalisis pelbagai pandangan ulama terhadap *al-I'jāz al-'Ilmī*. Al-Zind nī telah mengumpulkan secara ringkas dan padat beberapa dalil al-Quran dan hadis serta pendapat para ulama menjadikan kitab tersebut sangat bermanfaat dan sebagai salah satu rujukan untuk para pengkaji *al-I'jāz al-'Ilmī*. Oleh itu, ia perlu diteliti dan difahami untuk memperkuuhkan asas dalam kajian *al-I'jāz al-'Ilmī*.

Melalui kitab tersebut, al-Zind nī telah membuka ruang yang cukup besar kepada para ulama dan pengkaji yang berkemampuan untuk segera memberikan khidmat yang sewajarnya terhadap *al-I'jāz al-'Ilmī* bagi menyempurnakan kekurangan-kekurangan yang dihadapi.<sup>13</sup>

---

<sup>13</sup> 'Abd al-Majīd al-Zind nī, *Ta' l al-I'jāz al-'Ilmī fī al-Qur'ān wa al-Sunnah*, 23.

## B. Masalah Kajian

Kajian terhadap ilmu berkaitan al-Quran sentiasa berkembang kerana di dalamnya terkandung ilmu Allah SWT yang Maha Luas. Al-Quran masih kekal asli sehingga kini tanpa sebarang perubahan kerana jaminan Allah SWT untuk menjaganya sehingga ke hari kiamat. Oleh sebab kitab al-Quran adalah mukjizat terbesar Nabi Muhammad SAW, maka ia menghimpunkan pelbagai kategori mukjizat. Kajian ini mengkhususkan kepada *al-I'jāz al-'Ilmī* sebagai bukti mukjizat terkini yang mampu disaksikan dengan mata kasar oleh para pengkaji. Ia merupakan pembuktian terhadap kebenaran al-Quran yang terkandung di dalamnya ilmu Allah SWT.

Keprihatinan terhadap kajian *al-I'jāz al-'Ilmī* di negara-negara Arab sudah mencapai tahap yang amat membanggakan kerana mendapat perhatian yang sewajarnya sehingga tertubuhnya sebuah badan yang bertanggungjawab terhadap kajian bidang ini berpusat di Arab Saudi. Di Yaman, *Jāmi‘ah al-mān* (Universiti al-Imān)<sup>14</sup> telah menjadikan subjek *al-I'jāz al-'Ilmī* sebagai teras sukatan mata pelajaran. Namun begitu, kajian *al-I'jāz al-'Ilmī* perlu dipertingkatkan lagi daripada masa ke semasa.

---

<sup>14</sup> Universiti al- m n ialah sebuah badan swasta untuk tujuan pendidikan dan pengajian tinggi serta pusat kajian ilmiah. Pengasasnya ialah Shaykh‘Abd al-Majīd al-Zind nī. Universiti ini diasaskan dengan resolusi daripada Kementerian Pendidikan Tinggi Yaman No. (28) tahun 1993. Perletakan batu asas universiti ini telah dilakukan oleh Presiden Republik Yaman ketika itu, ‘Alī ‘Abd All h li pada 22 Rabī‘ al-Akhir 1415H bersamaan 27 September 1994M. “Ta‘rīf bi J mi ah al- m n,” dikemaskini 11 Julai 2012, dicapai 25 April 2013, laman sesawang J mi ah al- m n, <http://www.jameataleman.org/>.

Kajian *al-I'jāz al-'Ilmī* merupakan satu kajian yang agak sukar kerana ia memerlukan gabungan beberapa disiplin ilmu dan kepakaran. Ia juga memerlukan komitmen yang tinggi untuk memastikan ketepatan fakta-fakta yang akan diketengahkan supaya dapat diterima dan diyakini tanpa sebarang keraguan. Tambahan pula, kajian ini berkaitan dengan wahyu Allah SWT yang mesti dijalankan dengan penuh teliti dan berhati-hati.

Oleh sebab kajian tentang *al-I'jāz al-'Ilmī* perlu didirikan di atas kaedah-kaedah tertentu, maka ia perlu difahami dengan mendalam supaya proses kajian akan memberikan natijah yang betul dan sahih. Sebagaimana telah dinyatakan dalam bahagian latar belakang, antara tulisan penting tentang kaedah *al-I'jāz al-'Ilmī* yang mesti diteliti dan difahami oleh para pengkaji *al-I'jāz al-'Ilmī* ialah tulisan ringkas al-Zind nī dalam kitab *Ta'īl*. Walaupun penerangan dalam kitab tersebut amat ringkas tetapi ia telah mengutarakan sorotan penting berkaitan *al-I'jāz al-'Ilmī*. Cuma ia tidak disertakan dengan contoh yang banyak tentang *al-I'jāz al-'Ilmī* menyebabkan kesukaran untuk memahami beberapa bahagian dalam kitab tersebut secara lebih jelas.

Melalui kajian dan penelitian, ada beberapa persoalan menarik bagi masalah kajian yang dapat dilihat daripada aspek sumbangan al-Zind nī sebagai tokoh ulama yang telah menghasilkan karya-karya dalam *al-I'jāz al-'Ilmī*. Kesemua persoalan ini amat penting untuk diketengahkan dan dikembangkan supaya boleh diteliti dengan lebih mendalam, antaranya seperti berikut:

1. Siapakah al-Zindānī dan apakah sumbangan penting al-Zindānī dalam perkembangan kajian *al-I'jāz al-'Ilmī*?
2. Apakah metodologi yang digunakan oleh al-Zindānī dalam kitab *Ta'sīl* untuk memastikan kajian *al-I'jāz al-'Ilmī* dibina di atas asas ilmiah yang kukuh?
3. Apakah pengertian *al-I'jāz al-'Ilmī* dan kaedah penerimaannya menurut kefahaman al-Zindānī bersandarkan dalil al-Quran dan *al-Sunnah*?
4. Bagaimanakah bentuk huraian terhadap ringkasan kaedah-kaedah asas *al-I'jāz al-'Ilmī* berdasarkan al-Quran dan *al-Sunnah* yang telah diketengahkan oleh al-Zindānī sehingga dapat mengharmonikan percanggahan pendapat terhadap kefahaman dan penerimaan kajian *al-I'jāz al-'Ilmī*?
5. Bagaimanakah bentuk analisis terhadap contoh-contoh *al-I'jāz al-'Ilmī* yang ditulis oleh al-Zindānī berdasarkan kaedah-kaedah asas *al-I'jāz al-'Ilmī* yang beliau ketengahkan untuk melihat secara praktikal konsep dan model *al-I'jāz al-'Ilmī* menurut kefahaman beliau?

### C. Objektif Kajian

Setiap suatu pekerjaan daripada manusia yang berakal mestilah didahului oleh fikrah atau akidah (pegangan) yang menggariskan objektif daripada perbuatannya serta menggambarkan langkah-langkah atau pelan tindakan sebelum memulakan pekerjaan.<sup>15</sup> Di samping untuk memberikan sumbangan penyelidikan kepada Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya melalui penulisan disertasi bagi melengkapkan ijazah Sarjana Usuluddin, pengkaji telah menggariskan beberapa objektif khusus. Antara objektif kajian ini:

1. Mengkaji biografi al-Zindānī dan sumbangan beliau yang penting dalam kajian *al-I‘jāz al-‘Ilmī*.
2. Mengkaji metodologi penulisan al-Zindānī dalam kitab *Ta’sīl* dan pendalilan beliau terhadap *al-I‘jāz al-‘Ilmī* untuk memastikan kajian *al-I‘jāz al-‘Ilmī* dibina di atas asas ilmiah yang kukuh.
3. Mengkaji pengertian *al-I‘jāz al-‘Ilmī* dan kaedah penerimaannya menurut kefahaman al-Zindānī bersandarkan dalil al-Quran dan *al-Sunnah*.
4. Menghuraikan kaedah-kaedah asas *al-I‘jāz al-‘Ilmī* dalam kitab *Ta’sīl* berdasarkan al-Quran dan *al-Sunnah* yang telah diketengahkan oleh al-

---

<sup>15</sup> ‘Abd al-Majīd al-Zindānī, *Tawādīd al-Khāliq* (Mesir: Dār al-Salām li al-ibāhah wa al-Nashr, 1994), 3:5.

Zindānī sehingga dapat mengharmonikan percanggahan pendapat terhadap kefahaman dan penerimaan kajian *al-I'jāz al-'Ilmī*.

5. Menganalisis contoh-contoh *al-I'jāz al-'Ilmī* yang ditulis oleh al-Zindānī untuk melihat secara praktikal konsep dan model *al-I'jāz al-'Ilmī* menurut kefahaman beliau.

#### **D. Skop Kajian**

Kajian akan dilakukan terhadap karya-karya al-Zindānī dengan mengupas pandangan beliau tentang *al-I'jāz al-'Ilmī* dan kaedah *al-I'jāz al-'Ilmī* dalam kitab *Ta'sīl al-I'jāz al-'Ilmī fī al-Qur'ān wa al-Sunnah* serta mengambil contoh-contoh *al-I'jāz al-'Ilmī* daripada artikel beliau dalam laman sesawang [www.jameataleman.org](http://www.jameataleman.org).

#### **E. Definisi Tajuk**

Tajuk lengkap disertasi ini ialah: **Sumbangan ‘Abd al-Majīd al-Zindānī Dalam Bidang *al-I'jāz al-'Ilmī*: Kajian Terhadap Kitab *Ta'sīl al-I'jāz al-'Ilmī fī al-Qur'ān wa al-Sunnah***. Berdasarkan tajuk ini, beberapa istilah perlu diuraikan untuk difahami dengan lebih jelas kerana ia merupakan kata kunci dalam kajian ini.

**Sumbangan** : sesuatu yang diberikan sebagai bantuan.<sup>16</sup> Sumbangan dalam kajian merujuk kepada sesuatu yang diberikan oleh al-Zind nī dalam bidang *al-I'jāz al-'Ilmī*.

**Al-I'jāz al-'Ilmī**: suatu berita atau perkhabaran al-Quran dan *al-Sunnah* tentang hakikat sesuatu yang dapat dibuktikan oleh ilmu eksperimen dan hal itu belum tercapai kerana keterbatasan peralatan manusia pada zaman Rasulullah SAW.<sup>17</sup>

**Al-Quran** : kalam Allah SWT yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW dan membacanya ialah suatu ibadat.<sup>18</sup>

**Al-Sunnah** : sesuatu yang disandarkan kepada Rasulullah SAW sama ada perkataan, perbuatan atau sifat.<sup>19</sup>

## F. Kepentingan Kajian

Kajian ini sangat penting untuk;

1. Mengenali al-Zind nī sebagai salah seorang tokoh ulama *al-I'jāz al-'Ilmī* dan mengetahui sumbangan penting beliau dalam *al-I'jāz al-'Ilmī*

<sup>16</sup> Kamus Dewan, ed. ke-4 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007), 1540, entri “sumbangan.”

<sup>17</sup> ‘Abd al-Majid al-Zind nī, *Ta’līf al-I’jāz al-‘Ilmī fī al-Qur’ān wa al-Sunnah*, 10.

<sup>18</sup> Mann ‘al-Qaṣīn, *Mabāith fī Ulūm al-Qur’ān*, 106.

<sup>19</sup> Maḥmūd al-Taḥḥān, *Taysīr Muṣṭalaḥ al-Hadīth* (Iskandariah: Markaz al-Hudā li al-Dirāsāt, 1410H, 16).

2. Meneliti metodologi penulisan dalam kitab *Ta'sīl* dan pendalilan *al-I'jāz al-'Ilmī* untuk memastikan kajian *al-I'jāz al-'Ilmī* dibina di atas asas ilmiah yang kukuh.
3. Memahami pengertian *al-I'jāz al-'Ilmī* dan kaedah penerimaannya menurut kefahaman al-Zindānī bersandarkan dalil al-Quran dan *al-Sunnah*.
4. Memperkemaskan kefahaman terhadap kaedah-kaedah asas *al-I'jāz al-'Ilmī* dalam kitab *Ta'sīl* berdasarkan al-Quran dan *al-Sunnah* yang telah diketengahkan oleh al-Zindānī sehingga dapat mengharmonikan percanggahan pendapat terhadap kefahaman dan penerimaan kajian *al-I'jāz al-'Ilmī*.
5. Memahami konsep dan model *al-I'jāz al-'Ilmī* menurut al-Zindānī melalui analisis contoh-contoh *al-I'jāz al-'Ilmī* tulisannya untuk melihat secara praktikal konsep dan model *al-I'jāz al-'Ilmī* menurut kefahaman beliau.

Berdasarkan kepada hasil kajian ini, diharap dapat menyumbangkan sedikit sebanyak usaha ke arah perkembangan intelektual terhadap kemajuan akademik yang akan memberi impak yang baik kepada negara dan umat Islam seluruhnya.

## G. Kajian Lepas

Melalui kajian lepas, terdapat beberapa penulisan tentang sumbangan al-Zind nī dalam bidang mukjizat al-Quran. Tulisan-tulisan tersebut merangkumi karya al-Zind nī sendiri yang mempunyai kaitan secara langsung atau tidak langsung dengan diri dan sumbangan beliau yang boleh dikategorikan sebagai sumber-sumber primer. Terdapat juga sumber-sumber sekunder yang merangkumi hasil-hasil karya yang ditulis, memuatkan beberapa kupasan dan pandangan para pengkaji lain terhadap *al-I'jāz al-'Ilmī* melalui sudut pandang daripada aspek yang berbeza. Antaranya adalah seperti berikut:

1. Sebuah kitab yang merekodkan tentang al-Zind nī dan sumbangannya dalam pelbagai bidang telah ditulis oleh Abū 'Abd al-Rahmān li Mu'ammad bin Ulays al-Yāfi'i bertajuk *al-Dawr al-Tārīkhī al-Hāfi'ī al-'Ilmī wa al-Jihādī*, *Shaykh al-Zindānī wa 'Ulamā' al-Yaman fī Masīrah al-Ilāhī al-Shāmil* (1992) tanpa penerbit telah menyentuh tentang latar belakang al-Zind nī, suasana dan peristiwa yang dilalui di Yaman, Mesir dan Arab Saudi, peranan dan sumbangan beliau dalam aspek politik, ekonomi, sosial, ilmu pengetahuan dan sebagainya.
2. *Al-I'jāz al-'Ilmī fī al-Qur'ān al-Karīm (Dirāsah Ta'īliyyah Ta'bīqiyah fī aw' al-Nasq al-Taḥlīlī wa al-Mawā'il li al-Qur'ān)* (1997) tesis master oleh Tawfīq Mu'ammad Tawfīq Ulwan. Fakulti *al-Qur'ān al-Karīm, Jāmi'ah al-Qur'ān al-Karīm wa al-Ulūm al-Islāmiyyah*, Sudan. Tesis ini

merupakan kajian dan analisis terhadap contoh-contoh *al-Ijāz al-‘Ilmī* di dalam al-Quran.

3. *Qaḍīyyah al-Ijāz al-‘Ilmī fī al-Qur’ān al-Karīm wa Dawābiṭ al-Ta‘āmul ma‘a hā* (2009), terbitan Maktabah al-Nahdah, Mesir tulisan Dr. Zaghlūl al-Najjār.
4. *Qaḍīyyah al-Ijāz al-‘Ilmī fī al-Qur’ān al-Karīm bayn al-Muayyid wa al-Mu‘ārid* (2008), terbitan Maktabah al-Nahdah, Mesir tulisan Dr. Zaghlūl al-Najjār.
5. *Al-Ijāz al-‘Ilmī fī al-Sunnah al-Nabawiyah* (2007), terbitan Maktabah al-Nahdah, Mesir tulisan Dr. Zaghlūl al-Najjār.
6. *Al-Ijāz al-‘Ilmī fī al-Qur’ān al-Karīm* (1986) tesis master oleh Abd al-Salim Ahmad al-Law, Fakulti Syariah, Universiti of Jordan. Tesis ini membincangkan tentang pandangan pro kontra ulama terhadap *al-Ijāz al-‘Ilmī* seterusnya mengambil pendapat pertengahan dengan syarat dan kaedah tertentu. Kemudian dikemukakan contoh-contoh *al-Ijāz al-‘Ilmī*.
7. *Al-Ijāz al-‘Ilmī fī al-Qur’ān wa al-Sunnah; Tārīkhuh wa awābiuh* (2006), terbitan *al-Hay‘ah al-‘Ālamiyah lī al-Ijāz al-‘Ilmī fī al-Qur’ān wa al-Sunnah*, Mekah merupakan sebuah risalah kecil berkaitan kaedah-kaedah *Ijāz al-‘Ilmī* tulisan Dr. ‘Abd Allāh bin Abd al-Azīz al-Mu‘āli.
8. *Al-Ijāz al-‘Ilmī wa al-Tārīkhī fī al-Qur’ān al-Karīm* (2013), terbitan Dār Ghaydā’, Jordan tulisan Muḥammad Maḥmūd ‘Abd Allāh.
9. *Al-Tafsīr al-‘Ilmī fī al-Mu‘āṣir wa Atharuh fī Kashf al-Ijāz al-‘Ilmī fī al-Qur’ān al-Karīm* (2004), terbitan Dār al-Ḥaḍārah, Riyadh tulisan Sulaymān bin Ṣalih al-Qar‘āwī.

10. *Mawsū‘ah al-I’jāz al-‘Ilmī fī al-Qur’ān wa al-Sunnah* (2007), terbitan Dār al-Maktabī, Damsyik oleh Muḥammad Rātib al-Nāblisī.
11. *Mawsū‘ah al-I’jāz al-‘Ilmī fī al-Hadīth al-Nabawī* (2004), terbitan Nahḍah Miṣr, Kaherah oleh Aḥmad Shawqī Ibrāhīm.
12. *Mawsū‘ah al-I’jāz al-‘Ilmī fī al-Hadīth al-Nabawī al-Sharīf* (2003), terbitan Dār al-Maḥabbah, Damsyik tulisan ‘Abd al-Raḥīm Mardīnī.
13. *Al-I’jāz al-‘Ilmī fī al-Qur’ān; Ta’sīl Fikrī wa Tārīkh Manhaj* (2001), terbitan Dār al-Nafā’is, Beirut oleh Sāmī Aḥmad al-Mūṣilī.
14. *Al-I’jāz al-‘Ilmī fī al-Sunnah al-Nabawiyah* (2001), terbitan Maktabah al-‘Ubaykān, Riyadh oleh Ṣāliḥ bin Aḥmad Riḍā. Beliau hanya mengumpulkan hadis-hadis berkaitan *al-I’jāz al-‘Ilmī*.
15. *Wujūh Mutanawwi‘ah min al-I’jāz al-‘Ilmī fī al-Qur’ān wa al-Sunnah* (1998) diterbitkan di Madinah tulisan ‘Abd al-Badī‘ Hamzah al-Zulalī.
16. *Min Dalā'il al-I’jāz al-‘Ilmī fī al-Qur’ān al-Karīm wa al-Sunnah al-Nabawiyah* (1994), terbitan Mu'assasah al-Khalīj al-‘Arabī, Mesir oleh Mūsā al-Khaṭīb.
17. *Al-I’jāz al-‘Ilmī fī al-Islām; al-Qur’ān al-Karīm* (1993), terbitan Dār al-Miṣriyyah al-Lubnāniyyah, Mesir oleh Muḥammad Kāmil ‘Abd al-Şamad.
18. *Āyāt min al-I’jāz al-‘Ilmī fī al-Qur’ān al-Karīm* (1992), terbitan Maktabah al-Anjlū al-Miṣriyyah, Mesir oleh Jamāl al-Dīn Ḥusayn Mihrān.
19. *Al-Tabī'iyyāt wa al-I’jāz al-‘Ilmī li al-Qur’ān al-Karīm* (1986), terbitan al-Dār al-Sa‘ūdiyyah, Jeddah oleh ‘Abd al-‘Alīm ‘Abd al-Raḥmān Khaḍir.

20. *Al-Dābiṭ al-Lughawī fī al-Tafsīr al-‘Ilmī li al-Qur’ān al-Karīm* (2005) tesis doktor falsafah oleh Hudā Hishām Ismā‘īl al-Zaydī. Kajian berkaitan makna lafaz al-Quran berdasarkan pendapat ulama bahasa Arab dan ulama tafsir. Kemudian analisis terhadap contoh *al-Ijāz al-‘Ilmī* untuk memastikan ia menepati skop makna dari segi bahasa Arab.
21. *Al-Kawn wa al-Ijāz al-‘Ilmī li al-Qur’ān* (1981), terbitan Dār al-Fikr al-‘Arabī, Mesir oleh Maṣṣūr Muḥammad Hasab al-Nabī.
22. *Aqbās min al-Ijāz al-‘Ilmī fī al-Qur’ān wa al-Sunnah* (2001), terbitan Dār al-Raqīm, Iraq oleh ‘Alā’ al-Dīn al-Mudarris.
23. Kitab *al-Ijāz al-‘Ilm fī al-Qur’ān wa al-Sunnah; Manhaj al-Tadrīs al-Jāmi’ī* (2008) oleh Dr. ‘Abd Allāh bin Abd al-Azīz al-Mu’li dan Dr. ‘Abd al-Jawwād al-Suwī. Kitab ini ditulis untuk dijadikan sukanan pelajaran di universiti dengan menggariskan pengenalan dan perkara yang berkaitan dengan *al-Ijāz al-‘Ilmī*. Seterusnya dikemukakan contoh-contoh *al-Ijāz al-‘Ilmī*.
24. Kitab *al-Tafsīr al-‘Ilmī li al-Qur’ān al-Karīm* (1985) diterbitkan di Tunisia tulisan Dr. Hind Shalabī. Terdapat banyak kitab yang membincangkan tentang *al-Tafsīr al-‘Ilmī* dan *al-Ijāz al-‘Ilmī*. Kitab ini adalah antara yang terbaik kerana ia menitik beratkan dua elemen penting:
- Beliau membincangkan secara terperinci pendirian ulama terhadap *al-Tafsīr al-‘Ilmī* dengan mengemukakan hujah pro dan kontra. Perbincangan ini diletakkan dalam bab pertama yang merupakan bahagian teori *al-Tafsīr al-‘Ilmī*.

- Membincangkan tajuk-tajuk berkaitan dengan merujuk kitab-kitab muktabar dalam bidang tafsir al-Quran, bahasa Arab dan *Ulūm al-Qur’ān*. Di samping itu, ia mengemukakan pendapat secara adil dengan meneliti satu persatu hujah pro dan kontra terhadap *al-Tafsīr al-‘Ilmī*.
25. Kitab *al-Tafsīr al-‘Ilmī li al-Qur’ān fī al-Mīzān* (2005), terbitan Dār Qutaybah li al-Ṭibā‘ah wa al-Nashr wa al-Tawzī‘ tulisan Aḥmad ‘Umar Abū Ḥajar. Ia merupakan tesis peringkat PhD beliau. Kandungan tesis ini menyatakan sejarah kemunculan *al-Tafsīr al-‘Ilmī*, pendapat pro kontra terhadap tafsir jenis ini dan menerangkan tentang teori dan praktikal dalam *al-Tafsīr al-‘Ilmī*.
26. Kitab *I‘jāz al-‘Ilmī Ilā Aynā* (2010) terbitan Dār Ibn al-Jawzī, Arab Saudi tulisan Dr. Musa‘id bin Sulaymān al-Tayyār. Kitab ini memberikan beberapa komen sebagai memperbetulkan beberapa kriteria ketika membahaskan *al-I‘jāz al-Ilmī*.
27. Kitab *Taṣlīḥ Ṭariqah Mu‘ālajah Tafsīr al-Salaf fī Buhūth al-I‘jāz al-‘Ilmī* (2006) terbitan Majalah Ma‘had al-Imām al-Shāṭibī tulisan Dr. Musā‘id bin Sulaymān al-Tayyār menyatakan kepentingan untuk merujuk pendapat ulama salaf dalam mentafsirkan lafaz al-Quran berkaitan *al-I‘jāz al-‘Ilmī*. Beliau juga menerangkan tentang siapakah yang dimaksudkan dengan golongan ulama tafsir salaf.
28. Kitab *al-Tafsīr wa al-I‘jāz al-‘Ilmī fī al-Qur’ān al-Karīm Dawābiṭ wa Tatbīqāt* (2010), terbitan Dār Muḥammad al-Amīn li al-Ṭibā‘ah wa al-Nashr

wa al-Tawzī‘ tulisan Dr. Murhif ‘Abd al-Jabbār Saqā. Kitab ini terdiri daripada dua jilid. Jilid pertama membincangkan tentang definisi tafsir dan *al-Ijāz al-‘Ilmī* serta sejarah kecenderungan terhadap tafsir ini sehingga kini, kaedah dan syarat untuk kajian tafsir dan *al-Ijāz al-Ilmī*. Beliau membincangkan contoh amali terhadap kaedah kajian *al-Ijāz Ilmī* di dalam al-Quran berdasarkan karya penulis semasa yang terkenal dalam penulisan *al-Ijāz al-‘Ilmī*. Jilid kedua dikhususkan untuk praktikal terhadap teori, kaedah dan syarat yang terkandung dalam jilid pertama.

29. *Kemukjizatan al-Quran dan Sains* (1998) tesis master Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya oleh Juriah Mohd Amin membincangkan tentang pengharmonian antara al-Quran dan sains dengan mengemukakan contoh-contoh untuk dianalisis melalui penelitian terhadap pandangan pro dan kontra dalam kalangan pengkaji.
30. *Konsep Ijāz al-Qur’ān Menurut al-Khaṭṭābī : Kajian Terhadap Bayān Ijāz al-Qur’ān* (2002), tesis M.A Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya oleh Haziyah binti Hussin.
31. *Al-Amthāl bi al-Hayawān dalam al-Qur’ān; Kajian dari Perspektif Ijāz Bayānī dan Ijāz ‘Ilmī* (2011), tesis PhD Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya oleh Mohd Sukki bin Othman.
32. *Al-Tafsīr al-‘Ilmī al-Mu‘āṣir wa Atharuh fī Kashf al-Ijāz al-‘Ilmī li al-Qur’ān al-Karīm* oleh Sulaymān bin Ṣalih Qar‘āwī.

33. *Al-I'jāz al-Qur'ānī fī Daw' al-Iktishāf al-'Ilmī al-Hadīh* oleh Marwān Wahīd Sha'bān.

## H. Metodologi Penyelidikan

Metodologi ialah usaha yang merangkumi kaedah dan prinsip yang digunakan dalam sesuatu kegiatan, disiplin, dan sebagainya.<sup>20</sup> Perkataan "metodologi" memberi maksud ilmu yang membicarakan tentang tatacara melakukan penelitian.<sup>21</sup> Perkataan ini berasal daripada perkataan Yunani yang terdiri daripada penggabungan dua perkataan iaitu *methodos* yang bermaksud cara dan *logos* yang bermaksud ilmu.<sup>22</sup> Kesimpulannya, metodologi penyelidikan ialah satu cara atau usaha yang bersifat sistematik dan objektif, bertujuan untuk memperoleh, mengumpul dan menganalisis data yang tepat dan berkesan.<sup>23</sup> Bagi memastikan natijah yang betul terhadap hasil kajian, ia memerlukan kepada penggunaan kaedah atau metode yang sesuai.

Kajian yang cuba dikemukakan ini boleh dikategorikan sebagai kajian teks berbentuk penyelidikan perpustakaan atau *Library Research*. Di dalam kajian ini, metode-metode tertentu akan diguna pakai bertujuan untuk mendapatkan data dan maklumat iaitu:

---

<sup>20</sup> Kamus Dewan, ed. ke-4 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007), 1030, entri "metodologi."

<sup>21</sup> Imam Barnadib, *Arti dan Metode Sejarah Pendidikan* (Yogyakarta: Yayasan Penerbitan FIB-IKIP, 1982), 51.

<sup>22</sup> Koentjaraningrat, ed., *Metode-metode Penelitian Masyarakat* (Jakarta: Penerbit P.T Gramedia, 1977), 16.

<sup>23</sup> Hadibroto, *Methode Research* (t.p.: t.p., 1965), 5.

## **1. Metode Pengumpulan Data**

Metode pengumpulan data merupakan satu usaha yang dilakukan dengan cara mengumpulkan data dan pentafsiran terhadap data yang terkumpul.<sup>24</sup> Data ialah butir atau maklumat yang diketahui atau yang telah dikumpulkan tentang sesuatu dan dapat dijadikan asas untuk membuat kajian (analisis atau kesimpulan).<sup>25</sup> Data juga merupakan keterangan yang mampu memberikan gambaran tentang suatu keadaan atau persoalan.<sup>26</sup> Data dan maklumat-maklumat perlu dikumpulkan terlebih dahulu untuk melihat berapa banyak yang boleh dicapai dan akan membantu untuk proses kajian. Proses pengumpulan data untuk kajian ini akan menggunakan metode-metode seperti berikut:

### **1 (a). Metode Sejarah**

Metode sejarah akan digunakan untuk mencatat data sejarah yang berkaitan dengan kajian secara sistematik bagi memastikan sesuatu peristiwa benar-benar berlaku pada waktu yang lampau. Peristiwa-peristiwa itu diproses, diringkaskan dan dianalisis bagi mengetahui faktor-faktor yang mempengaruhi terjadinya suatu peristiwa sejarah.<sup>27</sup>

---

<sup>24</sup> Abdul Halim Mat Diah, “Falsafah Pendidikan Islam di Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia” (disertasi PhD di Institut Agama Islam Negeri (IAIN), Sunan Kalijogo, Yogyakarta, 1986), 111.

<sup>25</sup> Kamus Dewan, ed. ke-4 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007), 317, entri “data.”

<sup>26</sup> J. Supranto, *Metode Riset dan Aplikasinya Di Dalam Riset Pemasaran* (Jakarta: Lembaga Penerbit Fakultas Ekonomi Universitas Indonesia, 1974), 9.

<sup>27</sup> Muhammad Muqim, ed., *Research Methodology in Islamic Perspective* (Kuala Lumpur: Syed Abdul Majid & Co., 1997), 30.

Proses pengumpulan data sejarah melalui metode ini diharap dapat mengenal pasti maklumat-maklumat sejarah lampau dan juga data sejarah al-Zind nī yang berkaitan serta sumbangan beliau dalam *al-I‘jāz al-‘Ilmī*. Ia juga dapat mengesan sebarang percanggahan maklumat yang berlaku. Metode ini diaplikasikan untuk membantu menyelesaikan cara penulisan biografi al-Zind nī dan sorotan sejarah *al-I‘jāz al-‘Ilmī*.

Rujukan untuk kajian ini ialah data sejarah yang diterbitkan dalam media cetak atau elektronik sama ada kitab, majalah, surat khabar, wawancara dan sebagainya.

### **1 (b). Metode Dokumentasi**

Metode dokumentasi merupakan satu cara himpunan atau kumpulan bahan atau dokumen (yang dapat digunakan sebagai asas bagi sesuatu kajian, penghasilan suatu terbitan dan lain-lain).<sup>28</sup> Dokumen ialah bahan bertulis yang dapat memberikan pelbagai jenis keterangan.<sup>29</sup> Dokumen ialah sesuatu berbentuk tulisan atau bahan bercetak dan seumpamanya yang dijadikan sebagai sandaran terhadap fakta, pandangan, metode, keterangan dan lain-lain yang berkaitan dengan kajian ini.

---

<sup>28</sup> Kamus Dewan, ed. ke-4 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007), 360, entri “dokumentasi.”

<sup>29</sup> Charles Issawi, *Filsafat Islam Tentang Sejarah*, terj. Dr. A. Mukti Ali (Jakarta: Tinta Emas, 1962), 36.

Antara bahan yang akan dijadikan rujukan utama ialah karya-karya al-Zind nī yang telah diterbitkan atau masih belum diterbitkan sama ada dalam bahasa Arab atau bahasa Inggeris, al-Quran, kitab tafsir al-Quran, kitab hadis, jurnal, tesis dan sebagainya. Melalui bahan-bahan ini, maklumat-maklumat akan dikumpulkan untuk mendapatkan data yang berkaitan dengan kajian khususnya tentang biografi al-Zind nī dan sumbangannya dalam *al-I'jāz al-'Ilmī*.

Apa yang ingin dicapai dalam menggunakan metode ini ialah pengukuhan suatu kenyataan dengan merujuk dokumen-dokumen berkenaan. Metode ini akan digunakan hampir dalam kesemua bab.

## 2. Metode Analisis Kandungan (*Content Analysis*)

Metode analisis kandungan ialah satu cara dalam melakukan proses penyelidikan atau penguraian sesuatu (seperti keadaan, masalah, persoalan dan lain-lain untuk mengetahui pelbagai aspeknya (ciri-cirinya dan lain-lain) secara terperinci dan mendalam.<sup>30</sup>

Kandungan kitab yang dianalisis adalah berdasarkan sumber primer yang mempunyai hubungan secara langsung dengan subjek yang dikaji dan juga sumber sekunder. Sumber primer ialah sumber yang ada kaitan langsung dengan keadaan dikaji seperti laporan, autobiografi, temu bual, tesis dan karya asal penulis. Sumber sekunder pula ialah sumber yang ada perantaraan antara keadaan

---

<sup>30</sup> Kamus Dewan, ed. ke-4 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007), 51, entri “analisis.”

atau pengalaman yang dikaji seperti ulasan, makalah dan juga kitab-kitab ilmiah.<sup>31</sup> Setelah sejumlah maklumat terkumpul, ia akan dikaji dan dianalisis melalui metode-metode berikut:

### **3. Metode Kualitatif**

Metode kualitatif digunakan untuk menganalisis data yang bersifat kualitatif atau nilai data yang tidak dapat dinilai dengan angka iaitu data yang menggunakan fakta, maklumat, pernyataan, ulasan, konsep dan seumpamanya.<sup>32</sup> Sepanjang kajian, pengkaji akan menggunakan metode ini untuk proses analisis kandungan data dengan melakukan beberapa metode berkaitan iaitu:

#### **3 (a). Metode Induktif**

Metode induktif ialah satu cara dalam proses penghuraian yang membawa kepada pencapaian sesuatu kesimpulan hukum daripada fakta atau maklumat yang bersifat khusus.<sup>33</sup> Metode ini dikenali sebagai suatu kaedah yang menggunakan pendekatan induktif-generatif, iaitu satu kaedah yang memerlukan penyelidik mengumpulkan maklumat yang bersifat terhad dan berasingan yang diperoleh daripada pembacaan (*istiqrā'*) secara berterusan bagi menghuraikan fenomena

---

<sup>31</sup> Idris Awang, *Kaedah Penyelidikan Suatu Sorotan* (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Intel Multimedia and Publications, 2001), 75.

<sup>32</sup> *Ibid.*, 6.

<sup>33</sup> *Kamus Dewan*, ed. ke-4 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007), 576, entri “induktif.”

yang dikaji.<sup>34</sup> Kemudian, suatu rumusan atau kesimpulan akan dibuat. Metode ini akan digunakan secara meluas dalam Bab 3 dan Bab 4.

### **3 (b). Metode Deduktif**

Metode deduktif ialah satu cara untuk mendapatkan kesimpulan atau rumusan yang dibuat daripada maklumat atau fakta yang ada.<sup>35</sup> Metode ini ialah satu kaedah membuat analisa atau kesimpulan daripada data umum yang diperoleh kepada kenyataan-kenyataan secara lebih khusus. Kaedah ini dikenali sebagai kaedah *istinbā* dalam *Uṣūl al-Fiqh*.<sup>36</sup> Ia merupakan satu kaedah analisis data dan penulisan oleh pengkaji di dalam mengemukakan bukti melalui dalil umum terhadap dalil khusus.

Metode ini akan digunakan secara meluas dalam Bab 5 ketika menghuraikan ringkasan kaedah-kaedah *al-Ijāz al-‘Ilmī* supaya menjadi fakta-fakta dan contoh-contoh konkret yang menjelaskan kaedah tersebut.

Dengan menggunakan metode-metode tersebut serta hanya mengambil kira pandangan para pengkaji yang berautoriti, diharapkan maklumat-maklumat terkumpul dapat diteliti dan dianalisis untuk menghasilkan kesimpulan yang boleh diterima.

---

<sup>34</sup> Idris Awang, *Kaedah Penyelidikan Suatu Sorotan*, 82.

<sup>35</sup> Kamus Dewan, ed. ke-4 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007), 325, entri “deduktif.”

<sup>36</sup> Idris Awang, *Kaedah Penyelidikan Suatu Sorotan*, 82.

## I. Sistem Penulisan

Sistem penulisan hendaklah secara teratur dan bersistematik untuk kesinambungan fakta-fakta. Penulisan kajian ini akan dibahagikan kepada 6 bab:

**Bab 1** merupakan pendahuluan yang terdiri daripada latar belakang, objektif, skop, definisi tajuk, kepentingan kajian, kajian lepas, metodologi kajian, sistem penulisan.

**Bab 2** akan menerangkan biografi al-Zindānī dan sumbangannya dalam *al-I'jāz al-'Ilmī*.

**Bab 3** menyatakan tentang pengenalan kitab *Ta' ḥ al-I'jāz al-'Ilmī fī al-Qur'ān wa al-Sunnah* dan metodologi penulisannya.

**Bab 4** membincangkan tentang pengertian *al-I'jāz al-'Ilmī* dan kaedah penerimaannya.

**Bab 5** adalah analisis kaedah-kaedah *al-I'jāz al-'Ilmī* oleh al-Zindānī berserta contoh-contohnya.

**Bab 6** merupakan penutup dan kesimpulan umum bagi seluruh disertasi.

## BAB 2

### BIOGRAFI AL-ZIND N DAN SUMBANGAN DALAM

*AL-I'JĀZ AL-'ILMĪ*

#### 2.1 Pendahuluan

Kajian tentang kehidupan seseorang tokoh, pertumbuhan dan faktor-faktor tertentu yang membentuk peribadi, pemikiran, perjuangan dan sebagainya adalah sangat penting. Ia menyingkap liku-liku hidup melalui pengalaman-pengalaman tokoh berkenaan serta hasil-hasil kerja dan sumbangan penting yang telah dilakukan.

Bab ini merupakan hasil kajian terhadap pelbagai maklumat biografi Abd al-Majīd al-Zind nī (al-Zind nī) merangkumi nama, kelahiran, keturunan, latar belakang pendidikan, perkahwinan, kerjaya, jawatan, kegiatan ilmiah, hasil karya, pengaruh dan sumbangan-sumbangan beliau.

#### 2.2 Nama, Kelahiran dan Keturunan

Nama penuh al-Zind n ialah Abd al-Majīd bin Azīz bin am d al-Zind nī. Dilahirkan pada tahun 1942 di perkampungan *al- ahbār* dalam daerah *al-Syāfi* di

wilayah *Ib*,<sup>1</sup> Yaman. Beliau berketurunan Arab daripada kabilah *Ar ab*. Kabilah ini dalam sejarahnya telah melahirkan Mu ammad bin Ma m d al-Zubayrī<sup>2</sup> (al-Zubayrī) yang mencurahkan jasa yang besar dalam lipatan sejarah kontemporari terhadap revolusi di Yaman<sup>3</sup> sekali gus menjadi guru dan mentor kepada al-Zind nī.<sup>4</sup>

Gelaran al-Zind nī berasal daripada nama sebuah kampung di daerah *Ar ab* iaitu *Qaryah Zindān* yang merupakan tempat tinggal moyangnya suatu ketika dahulu.

### 2.3 Latar Belakang Pendidikan al-Zind nī

Pendidikan merupakan asas yang memainkan peranan penting dalam mempengaruhi sahsiah seseorang. Latar belakang pendidikan al-Zind nī dapat dikategorikan kepada dua bahagian iaitu pendidikan dalam negara dan luar negara.

---

<sup>1</sup> Wilayah *Ib* dikenali oleh masyarakat Yaman sebagai *al-Liw ’ al-Akh ar*.

<sup>2</sup> Beliau digelar sebagai *Ab al-A r r* (Bapa Kebebasan) dan merupakan pejuang revolusi Yaman. Dilahirkan pada tahun 1910 di Bandar Sana'a, Yaman. Mati ditembak pada 1 April 1965. Lihat “al-Zubayrī; Shā’ir al-Thuwār Abū al-Āhrār al-Yamaniyyīn”, laman sesawang *al-Ikhwān al-Muslimūn*, dicapai 24 April 2013, <http://www.ikhwanwiki.com/>.

<sup>3</sup> li Mu ammad bin ulays al -Y fi ‘ī, *al-Dawr al-Tār khī al-Hadhārī al-‘Ilmī wa al-Jihādī*; *Shaykh al-Zindānī wa ‘Ulamā’ al-Yaman fī Masīrah al-I lāh al-Shānil*, 67-81.

<sup>4</sup> *Ibid.*, 158.

### 2.3.1 Pendidikan Dalam Negara

Pendidikan al-Zind nī bermula sejak kecil melalui asuhan, didikan dan pengawasan ibu bapanya sendiri yang kuat beragama. Bapanya yang sangat menitik beratkan pendidikan agama pada peringkat awal menghantar al-Zind nī ke *al-Kuttāb*<sup>5</sup> ketika pemerintahan monarki di Yaman.<sup>6</sup> Menurut al-Zind nī, bapanya telah menghantar beliau kepada para ulama dan menjemput para ulama datang ke rumah untuk proses pendidikan.<sup>7</sup>

Kemudian, al-Zind nī telah dibawa ke Aden<sup>8</sup> untuk mengikuti pengajian peringkat sekolah rendah. Salah seorang guru beliau yang mengajar tata bahasa Arab iaitu al-Qādī Ismā‘il bin Alī al-Akwa<sup>9</sup> sentiasa menanamkan dalam diri al-Zind nī kecintaan kepada para pejuang revolusi dan ulama Islam.<sup>10</sup>

<sup>5</sup> Sebuah tempat yang kecil untuk mendidik kanak-kanak membaca, menulis dan menghafaz al-Quran. Lihat Ibrāhīm Muṣṭafā , *al-Mu’jam al-Wasī* (Istanbul: al-Maktabah al-Islāmiyyah, t.t), 775.

<sup>6</sup> Pemerintahan Imam Ya‘ūnā amīd al-Dīn. Lihat “Shaykh ‘Abd al-Majīd al-Zind nī,” dicapai 1 Disember 2011, <http://www.jameataleman.org/index.html>.

<sup>7</sup> “‘Abd al-Majīd al-Zindānī; Sīrat al-Shaykh wa Tārīkh al-Balad Jild 1”, laman sesawang *aljazeera.net*, dicapai 20 April 2013, <http://www.aljazeera.net/NR/exeres/F88E963A-C1A0-4B3C-B3BA-7BABEF821C8F.htm#L1>.

<sup>8</sup> Sebuah bandar yang terletak di bahagian selatan Yaman.

<sup>9</sup> Beliau merupakan ulama, ahli politik dan ahli sejarah Yaman. Dilahirkan di bandar Dhamr, Yaman pada tahun 1920. Meninggal dunia pada 21 Oktober 2008. Mempunyai banyak karya penulisan terutamanya tentang sejarah. Lihat “al-Qādī Ismā‘il bin Alī al-Akwa ,” dicapai 21 Disember 2011, [http://marebpress.net/news\\_details.php?sid=13531&lng=arabic](http://marebpress.net/news_details.php?sid=13531&lng=arabic).

<sup>10</sup> “al-Zubayrī wa al-Thawrah,” al-Īmān li Bay wa Tawzī al-Ashriṭah, t.t, video.

### 2.3.2 Pendidikan Luar Negara

Ketika berumur 14 tahun, dengan keputusan bapanya, al-Zindānī telah dihantar ke Mesir untuk meneruskan pendidikan peringkat sekolah rendah dan menengah<sup>11</sup> sehingga berjaya melanjutkan pengajian di Fakulti Farmasi, Universiti ‘Ain Shams, Mesir sehingga tahun kedua pengajian.<sup>12</sup> Tetapi beliau mengambil keputusan untuk berhenti belajar dan kembali ke Sana’ā,<sup>13</sup> Yaman atas permintaan al-Zubayrī<sup>14</sup> setelah tercetusnya Revolusi 26 September 1962 (*North Yemen Civil War*).<sup>15</sup>

### 2.4 Nama Guru-guru al-Zindānī

Al-Zindānī pernah berguru dengan beberapa orang tokoh ulama secara langsung.<sup>16</sup> Selain daripada al-Qādī Ismā‘il bin Alī al-Akwa dan al-Zubayrī, antara ulama Yaman yang pernah menjadi guru beliau ialah al-Qādī Shaykh Aḥmad Salāmah.<sup>17</sup>

<sup>11</sup> “al-Burhān fī I‘jāz al-Qur’ān”, laman sesawang [www.alrahma.tv](http://www.alrahma.tv), dicapai 17 September 2014, <http://www.alrahma.tv/Pages/Liberary/Details.aspx?ID=6964>.

<sup>12</sup> “ afa t min ay t ī,” Qan h al-Majd, 2009, video.

<sup>13</sup> Ibu negara Yaman.

<sup>14</sup> Ili Mu ammad bin ulays al-Yāfi‘ī, *al-Dawr al-Tār khī al-Hadhārī al-‘Ilmī wa al-Jihādī*; *Shaykh al-Zindānī wa ‘Ulamā’ al-Yaman fī Masīrah al-Ilāh al-Shāmil*, 190.

<sup>15</sup> *Ibid.*, 71-78.

<sup>16</sup> Dinyatakan oleh al-Zindānī dalam kuliah di *Jāmi‘ah al-Īmān*, Yaman, tahun 2007.

<sup>17</sup> Seorang ulama Yaman. Dilahirkan pada tahun 1915 di *Dhamār*, Yaman. Meninggal dunia pada 12 Februari 1987. Lihat ‘Abd al-Malik al-Shaybānī, “al-Qādī al-‘Allāmah Aḥmad bin Aḥmad Salāmah,” laman sesawang *Muntadāyāt Ṣawt al-Yaman*, dicapai 2 Mei 2013, <http://www.yemen-sound.com/vb/showthread.php?t=51586>.

## 2.5 Nama Murid-murid al-Zind nī

Murid al-Zind nī adalah dalam jumlah yang sangat ramai khususnya yang menjadi mahasiswa di Universiti al-Īmān. Majoritinya terdiri daripada warganegara Yaman dan selainnya datang daripada pelbagai negara umat Islam.

Nama-nama berikut ialah sebahagian daripada murid beliau yang masyhur:

1. Dr. Faḍl ‘Abd Allāh Murād.

Beliau berasal daripada Yaman dan dilahirkan pada 1 April 1975.

Beliau adalah antara pelajar terawal di Universiti *al-Īmān* sehingga ke peringkat sarjana. Kemudian menyambung pelajaran ke peringkat PhD di Universiti Omdurman, Sudan.

Setelah menamatkan pengajian peringkat sarjana, beliau banyak menerima pengiktirafan dan pengijazahan daripada para ulama terkenal termasuk Dr. Yūsuf al-Qardāwī, Dr. ‘Abd al-Karīm Zaydān, al-Qādī Muḥammad bin Ismā‘īl al-‘Amrānī khususnya dalam bidang fikah.

Kini, beliau memegang jawatan ketua jabatan Usul Fikah, ketua jabatan Fikah dan dekan Fakulti Syariah, Universiti *al-Īmān*, Yaman. Di samping itu, beliau menganggotai *al-Ittiḥād al-‘Ālamī li ‘Ulamā’*

*al-Muslimīn, Jam‘iyyah ‘Ulamā’ al-Yaman* dan *Hay’ah ‘Ulamā’ al-Yaman.*

Beliau telah menghasilkan banyak karya dan artikel dalam masalah fikah. Antara hasil karya beliau yang terkenal dan baru diterbitkan ialah kitab *al-Muqaddimah fī Fiqh al-‘Asr*.<sup>18</sup>

## 2. Dr. ‘Abd Allāh bin ‘Abd al-Majīd al-Zindānī.

Beliau merupakan anak kandung al-Zindānī. Dilahirkan pada 10 Jun 1970. Mendapat ijazah pertama dalam bidang pengurusan di *University of Science and Technology*, Yaman. Kemudian beliau menyambung pengajian peringkat sarjana dalam bidang ekonomi di Jordan dan akhir sekali peringkat PhD dalam bidang yang sama di Sudan.

Kini, beliau memegang jawatan dekan Fakulti Ekonomi dan Politik di Universiti *al-Imān*, Yaman. Di samping itu beliau adalah pengurus Syarikat Petroleum di Yaman.

Dr. ‘Abd Allāh mewarisi ilmu *al-I‘jāz al-‘Ilmī* daripada bapanya sendiri dan beliau sering diundang dalam program tv untuk

---

<sup>18</sup> “Autobiografi Dr. Faḍl ‘Abd Allāh Murād”, laman sesawang [www.facebook.com](https://www.facebook.com/brov.fadelmorad/info), dicapai 17 September 2014, <https://www.facebook.com/brov.fadelmorad/info>.

membincangkan tentang *al-I'jāz al-'Ilmī*. Contohnya slot *al-Burhān fī I'jāz al-Qur'ān*, siaran tv al-Rahma.<sup>19</sup>

### 3. Dr. Şāliḥ bin 'Abd al-Qawiy al-Sanabānī.

Beliau merupakan warganegara Yaman dan dilahirkan pada 1 Januari 1975. Mendapat ijazah pertama dan sarjana di Universiti *al-İmān*, Yaman. Kemudian menyambung pelajaran di peringkat PhD di Universiti Omdurman, Sudan dalam bidang *al-I'jāz al-'Ilmī*.

Beliau pernah menjadi tutor di Universiti *al-İmān*, Yaman dan kini, memegang jawatan pensyarah *al-I'jāz al-'Ilmī*, Fakulti Iman di universiti yang sama.<sup>20</sup>

Beliau adalah salah seorang pembantu al-Zindānī dalam mengumpul maklumat untuk menghasilkan beberapa buah buku. Buktinya, nama beliau terdapat pada kulit buku kebanyakan karya al-Zindānī.

---

<sup>19</sup> “*al-Burhān fī I'jāz al-Qur'ān*”, laman sesawang [www.alrahma.tv](http://www.alrahma.tv), dicapai 17 September 2014, <http://www.alrahma.tv/Pages/Liberary/Details.aspx?ID=6964>.

<sup>20</sup> “Autobiografi Dr. Şāliḥ bin 'Abd al-Qawiy al-Sanabānī”, laman sesawang [www.facebook.com](https://www.facebook.com/saleh.alsanabani/about?section=bio), dicapai 17 September 2014, <https://www.facebook.com/saleh.alsanabani/about?section=bio>.

## **2.6 Perkahwinan dan Keluarga**

Al-Zind nī berkahwin ketika berumur 20-an.<sup>21</sup> Beliau mempunyai dua orang isteri dan telah dikurniakan 16 orang anak yang terdiri daripada lapan orang lelaki dan lapan orang perempuan.<sup>22</sup> Antara anak lelaki beliau bernama ‘Abd Allāh, Mu ammad, Abu Bakr, Uthmān, ‘Alī dan ‘Abd al-‘Azīz manakala salah seorang anak perempuan bernama Asm’.

## **2.7 Kerjaya, Jawatan dan Sumbangan**

Jasa dan usaha al-Zind n dalam dakwah untuk memartabatkan Islam dapat dilihat melalui pelbagai kerjaya, jawatan dan sumbangan sejak dahulu sehingga sekarang dalam rentetan perjalanan hidup beliau. Hasil kajian mendapati sejumlah maklumat berikut:

### **2.7.1 Guru Sekolah Agama**

Al-Zind nī memulakan tugas sebagai tenaga pengajar subjek pendidikan Islam di sekolah-sekolah Yaman bahagian utara. Kemudian, bertugas di *Ma had al-N r al-Islāmī* di daerah *al-Shaykh Uthmān*, Aden, bahagian selatan Yaman.<sup>23</sup>

---

<sup>21</sup> “ afa t min ay tī,” Qan h al-Majd, 2009, video.

<sup>22</sup> Adat dan tradisi di Yaman tidak mendedahkan maklumat-maklumat peribadi khususnya isteri dan anak perempuan kerana ia dikategorikan sebagai ‘aib iaitu menjatuhkan maruah keluarga tersebut. (Pengkaji).

<sup>23</sup> li Mu ammad bin ulays al-Y fi‘ī, *al-Dawr al-Tār khī al-Hadhārī al-‘Ilmī wa al-Jihādī*; *Shaykh al-Zindānī wa ‘Ulamā’ al-Yaman fī Masīrah al-I lāh al-Shāmil*, 171.

## **2.7.2 Penubuhan *Hizb Allāh***

Penubuhan *Hizb Allāh* pada bulan Disember 1964 oleh al-Zubayrī telah disaksikan oleh al-Zindīn dan dihadiri oleh beberapa orang individu lain setelah tercetusnya perkembangan politik di Yaman. Ia menjadi wadah yang menghimpunkan para pemimpin masyarakat dan intelek. Al-Zindīn telah diamanahkan untuk menggerakkan dan melaksanakan tugas-tugas tarbiah. Hasilnya, lahir akhbar *Sawt al-Yaman* sebagai medium untuk menyampaikan maklumat *Hizb Allāh* kepada masyarakat Yaman.<sup>24</sup>

## **2.7.3 Pemimpin *Jamā'ah al-Ikhwān al-Muslimūn* di Yaman**

Hubungan al-Zindīn dengan *Jamā'ah al-Ikhwān al-Muslimūn* bermula ketika beliau melanjutkan pelajaran di Mesir. Al-Zindīn bersama-sama beberapa orang tokoh ulama telah mengasaskan gerakan Islam di Yaman dengan melantik al-Zubayrī sebagai setiausaha agung.

Hakikatnya, gerakan Islam ini telah diresapi roh *Jamā'ah al-Ikhwān al-Muslimūn*.<sup>25</sup> Setelah kematian Shaykh Abdurrahman bin Muhammad al-Mikhlīfī,<sup>26</sup> al-

---

<sup>24</sup> *Ibid.*, 203-204.

<sup>25</sup> “Abd al-Majid al-Zindanī: Jihād li Taṭbīq al-Shari‘ah Jild 2,” laman sesawang *aljazeera.net*, dicapai 2 Mei 2013, <http://www.aljazeera.net/programs/pages/f77cc0fd-6a0c-40dc-9856-d5769f4190e9>.

<sup>26</sup> Seorang khatib, pendidik dan ahli politik. Dilahirkan di kawasan *al-Mikhlīfī*, Wilayah Ib, Yaman pada tahun 1937. Meninggal dunia dalam kemalangan kereta pada tahun 1969.

Lihat “Abdurrahman bin Muhammad al-Mikhlīfī,” laman sesawang *Wikipedia al-Ikhwān al-Muslimūn*, dicapai 2 Mei 2013, <http://www.ikhwanwiki.com/>.

Zindānī menerajui kepimpinan *Jamā'ah al-Ikhwān al-Muslimīn* dari tahun 1969 sehingga 1978.<sup>27</sup>

#### **2.7.4 Ketua *Maktab al-Tawjīh wa al-Irshād***

Pada tahun 1975,<sup>28</sup> beliau menjadi ketua di *Maktab al-Tawjīh wa al-Irshād*.<sup>29</sup> Al-Zindānī telah mencetuskan tindak balas pemikiran yang ketara dengan menjemput tokoh ulama dan pemikir Islam datang ke Yaman untuk memberikan kesedaran Islam yang betul di samping menolak komplot komunis dari Yaman Selatan.<sup>30</sup>

#### **2.7.5 Pengasas *al-Ma'āhid al-Islāmiyyah***

Al-Zindānī bersama para ulama Yaman telah mengasaskan *al-Ma'āhid al-Islāmiyyah*<sup>31</sup> dengan menggariskan manhaj Islam sebagai dasar pendidikan.<sup>32</sup> Penubuhannya adalah untuk memperkasakan kefahaman Islam dalam diri para pelajar. Dalam masa yang sama, menjadi benteng kukuh untuk mempertahankan syiar Islam.

---

<sup>27</sup> “Shaykh ‘Abd al-Majīd al-Zindānī,” laman sesawang *Jāmi’ah al-mān*, dicapai 23 November 2012, <http://jameataleman.org/zendani/say/say4.htm>.

<sup>28</sup> Era Ibrahim al-Hamdi menjadi Presiden Yaman dari tahun 1974 hingga 1977.

<sup>29</sup> Jabatan Bimbingan dan Kaunseling.

<sup>30</sup> Lihat “Shaykh ‘Abd al-Majīd al-Zindānī,” laman sesawang *Jāmi’ah al-mān*, dicapai 23 November 2012, <http://jameataleman.org/zendani/say/say4.htm>.

<sup>31</sup> Sekolah-sekolah agama.

<sup>32</sup> Ili Mu’ammad bin Ulays al-Yafi’i, *al-Dawr al-Tār khī al-Hadhārī al-‘Ilmī wa al-Jihādī*; *Shaykh al-Zindānī wa ‘Ulamā’ al-Yaman fī Masīrah al-Ilāh al-Shāmil*, 171.

### **2.7.6 Menteri Pendidikan Yaman**

Tidak lama kemudian, al-Zind nī dipilih sebagai menteri di Kementerian Pendidikan Yaman. Beliau mula menceburkan diri dalam bidang penulisan dan lebih giat menyampaikan ceramah agama. Beliau bersama sekumpulan ulama telah menulis kitab-kitab asas akidah untuk menangkis propaganda komunis yang tersebar luas.<sup>33</sup>

### **2.7.7 Wakil Negara Yaman dalam *Rābi ah al- Ālam al-Islāmī* di Mekah**

Dalam tempoh tersebut, berlaku perkembangan dalam politik Yaman yang menyebabkan al-Zind nī mengambil keputusan berhijrah ke Arab Saudi pada tahun 1979. Pada awal tahun 1980an, al-Zind nī telah dilantik sebagai wakil negara Yaman dalam *Rābi ah al- Ālam al-Islāmī*(Liga Dunia Islam) di Mekah.<sup>34</sup>

### **2.7.8 Anggota Majlis Presiden**

Selepas pilihan raya parlimen pada tahun 1993, al-Zind nī telah dipilih sebagai anggota Majlis Presiden mewakili *al-Tajammu’ al-Yamanī li al-I lā* (Parti Islāmī).

Dalam masa yang sama beliau adalah anggota *Majlis Shūrā* dan Majlis Tertinggi parti tersebut.<sup>35</sup> Kedudukan al-Zind nī sebagai anggota Majlis Presiden bukan

---

<sup>33</sup> *Ibid.*,171.

<sup>34</sup> “afa t min ay t ī”, Qan h al-Majd, 2009, video.

<sup>35</sup> “afa t min ay t ī”, Qan h al-Majd, 2009, video. Lihat “al-Tajammu’ al-Yamanī li al-I lā fī Sūtūr, laman sesawang *al-Tajammu’ al-Yamanī li al-I lā*, dicapai 2 Mei 2013, <http://www.al-islah.net/details.aspx?pageid=3458&pagename=gen>.

penghalang dalam usaha melaksanakan tanggungjawab amar makruf nahi mungkar untuk merealisasikan pindaan perlembagaan Yaman kepada perlembagaan yang menjadikan al-Quran dan *al-Sunnah* sebagai rujukan tertinggi yang telah diperjuangkan sejak tahun 1963 lagi.<sup>36</sup>

Akhirnya, pada tahun 1994, perkara ketiga dalam Perlembagaan Yaman telah dipinda dan termaktub sehingga kini: Syariat Islam adalah sumber semua perundangan (*Islamic Shariah is the source of all legislation*).<sup>37</sup>

### 2.7.9 Rektor *Jāmi‘ah al-īmān* (Universiti *al-mān*)

Jawatan yang masih disandang oleh al-Zindān sehingga sekarang ialah rektor *Jāmi‘ah al-mān*<sup>38</sup> sejak penubuhannya merangkap tenaga pengajar di universiti tersebut. Subjek-subjek yang diajar oleh beliau adalah berkaitan *al-Ijāz al-‘Ilmī*, akidah dan dakwah.

---

<sup>36</sup> li Mu ammad bin ulays al-Y fi ‘ī, *al-Dawr al-Tār khī al-Hadhārī al-‘Ilmī wa al-Jihādī*, *Shaykh al-Zindānī wa ‘Ulamā’ al-Yaman fī Masīrah al-I lāh al-Shāmil*, 95.

<sup>37</sup> Profesor usayn al-‘Amrī, ed., *The Constitution of the Republic of Yemen* (Sana'a: Majallah al-Thaw'ib, 2002), 1.

<sup>38</sup> Universiti Al- mān ialah sebuah badan swasta untuk tujuan pendidikan dan pengajian tinggi serta pusat kajian ilmiah. Pengasasnya ialah Shaykh ‘Abd al-Majīd al-Zindānī. Universiti ini diasaskan dengan resolusi daripada Kementerian Pendidikan Tinggi Yaman No. (28) tahun 1993. Peletakan batu asas universiti ini telah dilakukan oleh Presiden Republik Yaman ketika itu, ‘Alī ‘Abd Allāh li pada 22 Rabī‘ al-Āakhir 1415H bersamaan 27 September 1994M. Lihat “Ta‘rif bi Jāmi‘ah al-mān,” laman sesawang *Jāmi‘ah al-mān*, dicapai 2 Mei 2013, <http://jameataleman.org/>.

### **2.7.10 Ketua *Hay'ah 'Ulamā' al-Yaman***

Al-Zind nī juga masih memegang jawatan ketua *Hay'ah 'Ulamā' al-Yaman* (Komuniti Ulama Yaman) yang dianggotai oleh majoriti ulama Yaman. Komuniti ini sangat peka terhadap isu-isu besar yang berlaku di Yaman dan dunia Islam dengan secara proaktif melakukan pelbagai usaha penerangan untuk menanganinya berdasarkan perspektif Islam. Memo dan pekeliling akan dikeluarkan untuk menyatakan pandangan dan pendirian komuniti ini dalam pelbagai isu.<sup>39</sup>

### **2.7.11 Anggota *Rābi ah Ulamā' al-Muslimīn***

Beliau turut menjadi anggota *Rābi ah Ulamā' al-Muslimīn*<sup>40</sup> (Ikatan Ulama Muslim). Penubuhannya bertujuan untuk bekerjasama menyempurnakan usaha ilmiah dan dakwah berkaitan hala tuju dan tuntutan umat Islam.<sup>41</sup>

## **2.8 Sumbangan-sumbangan al-Zind nī dalam *al-Ijāz al-Ilmī***

Hubungan al-Zind nī dan *al-Ijāz al-Ilmī* telah bermula ketika beliau masih menuntut di Mesir sekitar tahun 1958.<sup>42</sup> Beliau terkesan dengan buku Abd al-

---

<sup>39</sup> “Bayān Hay'ah ‘Ulamā’ al-Yaman,” laman sesawang *Jāmi ah al-mān*, dicapai 2 Mei 2013, [http://jameataleman.org/main/articles.aspx?selected\\_article\\_no=1963](http://jameataleman.org/main/articles.aspx?selected_article_no=1963).

<sup>40</sup> Diasaskan pada 20 Januari 2010 di Kuwait. Presidennya ialah al-Shaykh al-Amīn al-Hāj.

<sup>41</sup> “al-Turkī Yu‘lin Ta’sīs R bi ah Ulamā’ al-Muslimīn,” laman sesawang *Mufakkirah al-Islām*, dicapai 2 Mei 2013, <http://www.islammemorandum.cc/akhbar/arab/2010/01/26/94048.html>.

<sup>42</sup> “al-Zubayrī wa al-Thawrah”, al-Īmān li Bay‘ wa Tawzī‘ al-Ashriṭah, t.t, video.

Razz q bin Nawfal<sup>43</sup> berjudul *al-Qur'ān wa al-Ilm* yang menolak dakwaan komunis dalam *gray pamphlet* tentang percanggahan ayat-ayat al-Quran dan pertentangannya dengan ilmu sains. Kesan daripada buku tersebut telah memotivasikan beliau untuk mengikuti kajian-kajian yang berkaitan dengan al-Quran dan ilmu sains kerana kekuatan hujahnya terhadap puak komunis, ateis<sup>44</sup> dan penyeru ke jalan kekufuran.<sup>45</sup>

Setelah kembali ke Sana'a, al-Zind nī memperuntukkan sebahagian besar masanya menghadapi isu-isu politik Yaman yang berterusan dilanda krisis. Beliau terpaksa mengesampingkan seketika cita-citanya untuk menerokai *al-Ijaz al-Ilmi* secara lebih serius.

### **2.8.1 Membuat Kajian Lanjutan *al-Ijaz al-Ilmi* dan Menyampaikan Ceramah**

Pada tahun 1979, al-Zind nī berpindah ke Arab Saudi dan tinggal di sana dalam tempoh yang agak lama.<sup>46</sup> Di Mekah, beliau bertemu dengan ulama-ulama besar Arab Saudi seperti Shaykh Abd al-Azīz bin Abd All h bin B z, Shaykh

<sup>43</sup> Beliau ialah seorang penulis Islam. Dilahirkan pada 8 Februari 1917 di Hayy ‘Ābidīn, Kaherah, Mesir. Meninggal dunia pada 12 Mei 1984. Lihat ‘Abd al-Razzāq Nawfal: ‘Ālim min Ṭirāz Farīd,’ laman sesawang *al-Mujtama‘*, dicapai 2 Mei 2013, <http://magmj.com/index.jsp?inc=5&id=3807&pid=795>.

<sup>44</sup> Orang yang tidak mengakui atau mempercayai kewujudan Tuhan. Lihat *Kamus Dewan*, ed. ke-4 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007), 88, entri “ateis.”

<sup>45</sup> “Liqā‘ ma‘a Faḍīlat al-Shaykh ‘Abd al-Majīd al-Zindānī,” laman sesawang *al-Hay’ah al-‘Ālamiyah li al-Ijaz al-Ilmi fī al-Qur’ān wa al-Sunnah*, dicapai 2 Mei 2013, [http://www.eajaz.org/arabic/index.php?option=com\\_content&view=article&id=556](http://www.eajaz.org/arabic/index.php?option=com_content&view=article&id=556).

<sup>46</sup> “afa t min ay t ī”, Qan h al-Majd, 2009, video.

Mu'ammad bin 'Uthaimīn dan lain-lain. Para ulama tersebut menjadi tempat rujukan al-Zindānī berkaitan hukum syarak.

Di Mekah, al-Zindānī berpeluang untuk memberikan sepenuh masanya terhadap kajian *al-Ijāz al-Ilmī*. Beliau menyampaikan ceramah-ceramah berkaitan *al-Ijāz al-Ilmī* di kebanyakan sekolah, masjid dan universiti di Arab Saudi. Sesi ceramah tersebut telah berjaya menghimpunkan pelbagai lapisan masyarakat yang terdiri daripada para pelajar, ahli akademik, ulama dan intelek sekali gus membangkitkan perasaan kagum terhadap mukjizat al-Quran.

### 2.8.2 Menyelia *Mu'assasah al-Ijāz al-Ilmī*

Pada tahun 1980M bersamaan 1400H al-Zindānī menjadi penyelia *Mu'assasah al-Ijāz al-Ilmī* (Yayasan *al-Ijāz al-Ilmī*) yang diasaskan di *Jāmi'ah al-Malik 'Abd al-'Azīz* (Universiti Raja Abd al-Azīz), Jeddah, Arab Saudi. Ia dianggap permulaan perkembangan secara berperingkat ke arah penubuhan badan rasmi yang menguruskan hal ehwal berkaitan *al-Ijāz al-Ilmī*.<sup>47</sup>

---

<sup>47</sup> “afa t min ay t ī”, Qanāt al-Majd, 2009, video. Lihat “Ta'sīs al-Hay'ah wa Ta'twīrahā,” laman sesawang *al-Hay'ah al-'Ālamiyah li al-Ijāz al-Ilmīfi al-Qur'ān wa al-Sunnah*, dicapai 2 Mei 2013, [http://www.eajaz.org/arabic/index.php?option=com\\_content&view=article&id=874&Itemid=1](http://www.eajaz.org/arabic/index.php?option=com_content&view=article&id=874&Itemid=1).

### **2.8.3 Mengenal Pasti dan Bekerjasama Dengan Saintis Pakar Untuk Kajian *al-Ijāz al-Ilmī***

Ketika al-Zind nī membuat kajian tentang fakta embriologi dalam al-Quran dan *al-Sunnah* di Universiti Raja Abd al-Azīz, beliau cuba mengenal pasti individu yang paling pakar dalam bidang tersebut. Al-Zind nī telah meminta bantuan daripada wakil-wakil yang berada di beberapa buah negara supaya mengirimkan buku rujukan utama yang muktamad dalam bidang embriologi.<sup>48</sup> Hasilnya, setiap wakil tersebut yang berada di Jerman, Kanada dan Amerika telah mengirimkan satu naskhah buku yang bertajuk *The Developing Human* tulisan Profesor Dr. Keith Leon Moore (Profesor Moore).<sup>49</sup>

Al-Zind nī berhasrat untuk bertemu sendiri dengan Profesor Moore bagi meminta penjelasan terhadap fakta embriologi di dalam al-Quran dan *al-Sunnah*. Akhirnya, Profesor Moore bersetuju untuk datang ke Arab Saudi. Dalam pertemuan ini, al-Zind nī mengambil peluang untuk membentangkan nas-nas al-Quran dan *al-Sunnah* berkaitan embriologi kepada Profesor Moore.

Profesor Moore datang ke Arab Saudi dan telah menyampaikan ceramah dalam *7th Saudi Medical Meeting, Dammān*, Arab Saudi<sup>50</sup> yang berlangsung

---

<sup>48</sup> Salah satu cabang ilmu perubatan yang mengkaji perkembangan embrio. Lihat *Kamus Dewan*, ed. ke-4 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007), 388, entri “embriologi.”

<sup>49</sup> Saintis pakar dalam bidang anatomi dan embriologi di University of Toronto, Canada. Bukuanya telah diterjemahkan dalam beberapa bahasa: Rusia, Jepun, Jerman, Cina, Itali, Sepanyol dan Portugis. Lihat Abdullah M. al-Rehaili, *This is The Truth* (Makkah: Muslim World League, t.t.), 4-5.

<sup>50</sup> “ afa t min ay t ī”, Qan h al-Majd, 2009, video.

pada 3 hingga 6 Mei 1982 bertajuk *Human Development as Described in the Quran and Sunnah* di hadapan audiens yang terdiri daripada golongan mahasiswa, ahli akademik, intelek dan para ulama. Ceramah ini merupakan hasil usaha keras al-Zind nī yang telah berjaya meyakinkan Profesor Moore sehingga beliau telah membuat kenyataan bahawa fakta embriologi yang terkandung di dalam al-Quran dan *al-Sunnah* merupakan ilmu Tuhan kepada Muhammad SAW membuktikan baginda ialah rasul utusan.<sup>51</sup>

Al-Zind nī telah membuat penambahan fakta Islamik tentang embriologi bersumberkan al-Quran dan *al-Sunnah* dalam buku Profesor Moore bertajuk *The Developing Human with Islamic Edition* (1983). Ini menunjukkan tahap keyakinan yang tinggi Profesor Moore terhadap al-Zind nī memandangkan buku tersebut merupakan rujukan utama suatu masa dahulu dan telah diterjemahkan dalam beberapa bahasa dunia.<sup>52</sup>

#### 2.8.4 Menuju Hay'ah al-Ijāz al-Ilmī fī al-Qurān wa al-Sunnah

Melalui Shaykh 'Abd Allāh Bin Bazz yang pada masa itu memegang jawatan sebagai ketua *al-Majlis al-Aḥāl al-Ālamī li al-Masājid* (*International Supreme Council for Mosques*) al-Zind nī mencadangkan supaya ditubuhkan satu badan yang menguruskan kajian *al-Ijāz al-Ilmī* secara lebih bersistematik dengan

<sup>51</sup> li Mu ammad bin ulays al -Yāfi'i, *al-Dawr al-Tārīkhī al-Hadhārī al-Ilmī wa al-Jihādī*, *Shaykh al-Zindānī wa 'Ulamā' al-Yaman fī Masārah al-Iḥāh al-Shāmil*, 234.

<sup>52</sup> Abd al-Majid Azīz al-Zind nī, *Annahu al-Haq* (Makkah: al-Hay'ah al-'Ālamiyah li al-Ijāz al-Ilmī fī al-Qurān wa al-Sunnah, 2006) 25.

peranan yang lebih luas. Pada tahun 1984M/1404H, *Hay'ah al-Ijāz al-Ilmīfī al-Qurān wa al-Sunnah* (*Commission on Scientific Signs in Quran and Sunnah*) telah ditubuhkan secara rasmi berpusat di *Rābi'ah al-'Ālam al-Islāmī* (*The Muslim World League*) di Mekah. Al-Zindah telah diberikan kepercayaan untuk memegang jawatan setiausaha agung pertama badan itu sehingga tahun 1990M/1412H.<sup>53</sup> Kini, ia dikenali sebagai *al-Hay'ah al-'Ālamiyah li al-Ijāz al-Ilmīfī al-Qurān wa al-Sunnah* (*International Commission on Scientific Signs in the Quran and Sunnah*).<sup>54</sup>

Antara peranan *Hay'ah al-Ijāz al-Ilmīfī al-Qurān wa al-Sunnah* ialah menganjurkan persidangan, forum, wacana ilmiah dan sebagainya.<sup>55</sup> Beberapa persidangan berkaitan *al-Ijāz al-Ilmī* telah dilangsungkan antaranya:

1. Persidangan Perubatan Islam di Kaherah, Mesir (1985)
2. Seminar Sains Angkasa (1986)
3. Persidangan *al-Ijāz al-Ilmī* Sedunia di Islamabad, Pakistan (1987)
4. Persidangan *al-Ijāz al-Ilmī* di Senegal (1990)
5. Persidangan *al-Ijāz al-Ilmī* di Indonesia (1994)
6. Persidangan *al-Ijāz al-Ilmī* di Beirut, Lubnan (2000)
7. Persidangan *al-Ijāz al-Ilmī* di Dubai, Emiriah Arab Bersatu (2004)

<sup>53</sup> "Ibn Mu'ammad bin 'Ulays al-Yafi'i, *al-Dawr al-Tarikhī al-Hadhārī al-Ilmī wa al-Jihādī*, *Shaykh al-Zindānī wa 'Ulamā' al-Yaman fī Masārah al-I'lāh al-Shāmil*, 233.

<sup>54</sup> "Afa' ta min ayat tarihi", Qanah al-Majd, 2009, video.

<sup>55</sup> "Ta'sis al-Hay'ah wa Tatwirihah," laman sesawang *al-Hay'ah al-'Ālamiyah li al-Ijāz al-Ilmīfī al-Qurān wa al-Sunnah*, dicapai 2 Mei 2013, [http://www.eajaz.org/arabic/index.php?option=com\\_content&view=article&id=874&Itemid=1](http://www.eajaz.org/arabic/index.php?option=com_content&view=article&id=874&Itemid=1).

8. Persidangan *al-Ijāz al-Ilmī* di Kuwait (2006)
9. Persidangan *al-Ijāz al-Ilmī* di Algeria (2007)
10. Persidangan *al-Ijāz al-Ilmī* di Mesir (2010)
11. Persidangan *al-Ijāz al-Ilmī* di Turki (2011)
12. Persidangan *al-Ijāz al-Ilmī* di Qatar (2013)

### **2.8.5 Membuat Pembentangan Kertas Kerja Berkaitan *al-Ijāz al-Ilmī***

Al-Zindīnī telah turut serta membentangkan beberapa tajuk kertas kerja di dalam persidangan-persidangan pelbagai peringkat. Sebagai contoh, al-Zindīnī bersama beberapa orang ahli sains terkemuka dunia telah menyiapkan beberapa tajuk kertas kerja berkaitan embriologi untuk dibentangkan dalam *8th Saudi Medical Meeting*,<sup>56</sup> Riyadh, Arab Saudi.<sup>57</sup> Kemudian dibentangkan dalam persidangan seterusnya di Mesir (1985), Pakistan (1987), Senegal (1991) dan akhirnya di Rusia (1993).

Kesemua tajuk kertas kerja yang dibentangkan telah disemak, dibuat penambahbaikan dan dibukukan dengan tajuk *Human Development as Described in The Quran and Sunnah Correlation with Modern Embryology*. Senarai tajuk kertas kerja adalah seperti berikut:

---

<sup>56</sup> Berlangsung pada 30 Oktober hingga 3 November 1983. Lihat li Mu ammad bin ulays al-Yāfi'i, *al-Dawr al-Tārīkhī al-Hadhārī al-Ilmī wa al-Jihādī*; Shaykh al-Zindānī wa 'Ulamā' al-Yāman fī Masīrah al-I'lāh al-Shāmil, 234.

<sup>57</sup> "Conferences/Symposia Attended," laman sesawang King Saud University, dicapai 26 Mei 2013, <http://faculty.ksu.edu.sa/52876/Pages/Conferences.Symposiaattended.aspx>.

1. *Some Aspects of the Historical Progress of Embryology* oleh Gerald C. Goeringer, Abd al-Majid bin Aziz al-Zind nī and Mus afa A. A mad.
2. *Description of Human Development: the Nufah Stage* oleh E. Marshall Johnson, Abd al-Majid bin Aziz al-Zind nī and Mus afa A. A mad.
3. *Genetic Programming in the Nufah Stage: Complexity Due to Multiple Mechanism* oleh Joe Leigh Simpson, Abd al-Majid bin Aziz al-Zind nī and Mus afa A. A mad.
4. *Description of Human Development: Alaqah and Mu ghah Stages* oleh Keith L. Moore, Abd al-Majid bin Aziz al-Zind nī and Mus afa A. A mad.
5. *Description of Human Development: I m and La hm Stages* oleh G. C. Goeringer, Abd al-Majid bin Aziz al-Zind nī and Mus afa A. A mad.
6. *Description of Human Development: Nash'ah Stage – the Fetal Period* oleh T. V. N. Persaud, Abd al-Majid bin Aziz al-Zind nī and Mus afa A. A mad.
7. *Embryogenesis and Human Development in the First Forty Days* oleh Abd al-Majid bin Aziz al-Zind nī, Mus afa A. A mad and Joe Leigh Simpson.
8. *Human Development after the Forty-Second Day* oleh T. V. N. Persaud, Abd al-Majid bin Aziz al-Zind nī and Mus afa A. A mad.
9. *New Terms for Classifying Human Development* oleh Keith L. Moore, Abd al-Majid bin Aziz al-Zind nī and Mus afa A. A mad.

10. *The Scientific Significances of the Quranic Terms* oleh Abd al-Majid bin Aziz al-Zind nī and Mus afa A. A mad and E. Marshall Johnson.

Kemudian, di bawah *Islamic Academy for Scientific Research*, Mekah, Arab Saudi, beberapa artikel lain telah ditulis seterusnya dibukukan dengan tajuk *The Quran and Modern Science Correlation Studies*<sup>58</sup> oleh Keith L. Moore, Abd al-Majid bin Aziz al-Zind nī dan Mus afa A. A mad.

#### **2.8.6 Menubuhkan *Jāmi‘ah al- mān***

Pada tahun 1993, al-Zind nī dan beberapa orang tokoh ulama Islam telah menubuhkan *Jāmi‘ah al- mān* di *Sana'a*, Republik Yaman. Universiti ini telah menjadikan mata pelajaran *al-I‘jāz al- ‘Ilmī* sebagai sukanan pelajaran wajib. Melalui penubuhan universiti tersebut, bidang-bidang kajian *al-I‘jāz al- ‘Ilmī* telah disusun dan diletakkan dalam sukanan mata pelajaran sepanjang tahun-tahun pengajian. Antara bidang kajian *al-I‘jāz al- ‘Ilmī* yang dijadikan sukanan mata pelajaran ialah embriologi, geologi, oseanografi, kosmologi dan lain-lain.

Laman rasmi Universiti *al-Imān* boleh dilawati di [www.jameataleman.org](http://www.jameataleman.org).

Ia memuatkan pelbagai maklumat berkaitan universiti, fatwa, aktiviti, forum, artikel ilmiah dan sebagainya.

---

<sup>58</sup> Keith L. Moore, Abd al-Majid bin Aziz al-Zind nī and Mus afa A. A mad, *The Quran and Modern Science Correlation Studies* (Muslim World League: Islamic Academy for Scientific Research, 1991), ISBN 0962723606 (ISBN13: 9780962723605).

## **2.8.7 Ceramah *al-Ijāz al-‘Ilmī* dalam Bentuk Video, Audio dan Visual**

Kebanyakan ceramah al-Zind n mengandungi perkongsian ilmu, perbincangan, pengalaman, temu bual, soal jawab dan sebagainya dirakam terutamanya berkaitan *al-Ijāz al-‘Ilmī* dalam pelbagai bidang kajian. Sebahagian rakaman video ceramah beliau telah disiarkan dalam beberapa saluran televisyen seperti berikut:

### **2.8.7.1 Rancangan Televisyen**

Terdapat beberapa stesen televisyen telah menyiaran rancangan bersama al-Zind n seperti berikut:

#### **1. Siri ‘Annahu al- aq**

Rancangan bersiri ini telah disiarkan oleh Stesen Televisyen Qatar. Ia merupakan himpunan perbincangan dan dialog al-Zind nī dengan 14 orang tokoh sains dunia dalam pelbagai bidang kepakaran yang akhirnya telah dibukukan dan boleh didapati dalam bahasa Arab dan Inggeris.

#### **2. Siri ‘Barāhīn al- mān**

Segmen ini telah disiarkan oleh TV Iqra’, Arab Saudi. Ia membincangkan tentang dalil-dalil rukun iman dan telah disiarkan oleh stesen televisyen di Arab Saudi, Qatar dan Kuwait.

### **3. Program *Su’āl an Āyāt min Dhikri al- akīn***

Ia mengandungi soal jawab berkaitan ayat-ayat al-Quran dan fatwa dalam isu semasa.<sup>59</sup>

### **4. Program *al-Sharīah wa al-Hayāh***

Ia merupakan salah satu rancangan Stesen Televisyen Aljazeera yang menjemput tokoh tertentu ke studio termasuk al-Zind n untuk sesi soal jawab.<sup>60</sup>

### **5. Program *Ziyārah Khāssah***

Rancangan yang dikendalikan oleh Stesen Televisyen Aljazeera dengan menziarahi tokoh tertentu termasuk al-Zind n untuk sesi temu ramah dan soal jawab kemudian disiarkan dalam beberapa siri.<sup>61</sup>

#### **2.8.7.2 Kaset dan Cakera Padat**

Terdapat pelbagai tajuk ceramah al-Zind n berkaitan *al-I‘jāz al-‘Ilmī* telah dirakam dalam bentuk kaset atau cakera padat antaranya:

##### **1. *Al-I‘jāz al-‘Ilmī fī al-Qur’ān wa al-Sunnah***

Ia merupakan kupasan terhadap *al-I‘jāz al-‘Ilmī* dengan mengemukakan pelbagai contoh.

<sup>59</sup> li Mu ammad bin ulays al -Y fi ‘ī, *al-Dawr al-Tār khī al-Hadhārī al-‘Ilmī wa al-Jihādī*, *Shaykh al-Zindānī wa ‘Ulamā’ al-Yaman fī Masīrah al-I lāh al-Shāmil*, 235.

<sup>60</sup> “al-Sharīah wa al-Hayāh”, Qan h al-Jazeera, 2002, video.

<sup>61</sup> “Ziyārah Khāssah”, Qan h al-Jazeera, 2007, video.

**2. *Al-I'jāz al-'Ilmī fī Majāl al-Faṣṣ Muqābalah ma ḥāfi Dr. Fārūq al-Bāz*<sup>62</sup>**

Temu ramah bersama Dr. Fārūq al-Bāz<sup>63</sup> yang membincangkan tentang maklumat kosmologi disusuli dengan ulasan al-Zindanī bersandarkan dalil al-Quran dan *al-Sunnah*.

**3. *Al-I'jāz al-'Ilmī (al-Māṣ wa al-ayāh)***

Ia merupakan kupasan terhadap *al-I'jāz al-'Ilmī* tentang air dan kaitannya dengan kehidupan.

**4. *Al-I'jāz al-'Ilmī fī 'Ālam al-Maykr bāt***

Ia merupakan kupasan terhadap *al-I'jāz al-'Ilmī* tentang mikroorganisma khususnya tentang hikmah daripada larangan Allah SWT terhadap makanan yang diharamkan dan kepentingan wuduk dan tayamum.

**5. *Al-I'jāz al-'Ilmī fī Ilm al-Ajinnah***

Ia merupakan kupasan terhadap *al-I'jāz al-'Ilmī* dalam kajian dan perkembangan bidang embriologi serta sejarahnya.

**6. *Al-Mu'jizah al-Mutajaddidah fī al-Qur'ān wa al-Sunnah***

Ia merupakan kupasan terhadap *al-I'jāz al-'Ilmī* sebagai bentuk mukjizat terkini berserta penerangan melalui pelbagai contoh semasa.

**7. *Al-Islām wa al-'Ilm***

Ia merupakan kupasan terhadap kaitan agama Islam dan fakta-fakta sains berdasarkan al-Quran dan *al-Sunnah*.

---

<sup>62</sup> “al-I'jāz al-'Ilmī fī Majāl al-Faṣṣ Muqābalah ma ḥāfi Dr. Fārūq al-Bāz”, al-Īmān li Bay‘ wa Tawzī‘ al-Ashriṭah, t.t, video.

<sup>63</sup> Dilahirkan pada 2 Januari 1938 di Zaqqaziq, Mesir. Beliau ialah ahli sains Mesir yang pernah bekerja di agensi NASA pada tahun 1967 hingga 1972 sebagai perancang tempat pendaratan angkasawan di bulan. Lihat “Biography”, laman sesawang *Dr. Fārūq al-Bāz*, dicapai 2 Mei 2013, <http://faroukelbaz.com/>.

### **8. *Al-Qur'an; Ayat wa Mu jizat***

Ia merupakan kupasan terhadap empat perkara iaitu makna mukjizat, contoh mukjizat, fakta penciptaan manusia serta kajian laut dan awan.

### **2.9 Penemuan Rawatan AIDS**

Penglibatan al-Zind nī dalam kajian *al-I'jāz al-'Ilmī* di samping latar belakang pengajian beliau di Fakulti Farmasi telah memberikan kelebihan yang besar dalam penemuan rawatan terhadap AIDS. Di samping itu, beliau mewujudkan satu kumpulan pakar perubatan yang membantu di dalam membuat kajian khususnya berkaitan perubatan nabawi. Menurut al-Zind ni, kajian *al-I'jāz al-'Ilmī* berdasarkan al-Quran dan *al-Sunnah* tentang cara perubatan nabawi telah menatijahkan satu rumusan penting yang membawa kepada penemuan rawatan AIDS. Pada 7 April 2011, al-Zind nī telah berjaya mendaftarkan vaksin AIDS berdasarkan herba dengan *World International Property Organization (WIPO)*.<sup>64</sup>

### **2.10 Akhlak dan Keperibadian**

Al-Zind nī merupakan seorang yang berpegang teguh di atas prinsip yang bersesuaian dengan al-Quran dan *al-Sunnah*. Perkara ini dapat dilihat dalam perjalanan hidupnya, pendiriannya serta perjuangannya. Beliau sentiasa mencurahkan ilmu, memberikan pandangan, bergerak bersama-sama para ulama

---

<sup>64</sup> WO 2011/039574 A1: *International Application Published Under The Patent Cooperation Treaty (PCT)*. 07.04.2011

menunjukkan kepekaan beliau terhadap isu-isu semasa yang berlaku mengikut suasana, masa dan keperluan.

Di samping itu, beliau sentiasa melaksanakan amar makruf nahi mungkar, mencintai ilmu dan ulama, berani, tegas dalam pendirian, pemaaf, berfikiran terbuka, mementingkan kesatuan dan ukhuwah serta merendah diri. Sifat-sifat tersebut di atas boleh dikenal pasti melalui perjalanan hidup, lontaran idea dalam ceramah beliau, temu bual dan karya-karya beliau.

## **2.11 Hasil Karya dan Penulisan**

Al-Zind nī giat menerbitkan karya-karya yang bermanfaat terutamanya dalam kepakaran beliau yang utama iaitu *al-I'jāz al-'Ilmī*. Beliau juga menghasilkan karya lain dalam ilmu tauhid dan politik. Kebanyakan karya beliau telah dibukukan dan sebahagian lagi masih dalam bentuk nota universiti. Antara karya tersebut ialah:

### **2.11.1 Karya yang Telah Dibukukan**

Sebahagian besar karya berikut telah dicetak dan diedarkan kepada mahasiswa *Jāmi‘ah al-Īmān*:

## **1. *Al- mān***

Buku yang membincangkan tentang rukun-rukun iman disertakan dalil *naqlī*<sup>65</sup> dan *aqlī*<sup>66</sup> serta fakta saintifik yang jauh daripada perbincangan secara falsafah yang rumit. Pengarang telah menggariskan kaedah-kaedah akal yang jitu tentang kewujudan Allah melalui gaya bahasa moden, serta penolakan terhadap keraguan dalam akidah. Kandungan kitab tersebut telah disemak dan disahkan oleh 100 orang ulama Yaman serta mendapat kebenaran bertulis daripada Kementerian Kehakiman Yaman untuk disebarluaskan.<sup>67</sup>

## **2. *Ilm al- mān***

Buku yang mengupas tentang rukun-rukun iman tetapi perbahasannya lebih luas dan terperinci. Ia merangkumi makna iman sebenar yang merupakan gabungan iktikad, perkataan dan amalan.<sup>68</sup>

## **3. *Annahu al- aq***

Temu ramah al-Zind nī dengan 14 orang saintis bukan Islam berkaitan ayat al-Quran dan fakta sains dalam pelbagai bidang ilmu.<sup>69</sup>

## **4. *Bayyināt al-Ras l wa Mukjizātuh***

Buku tentang konsep mukjizat disertakan himpunan contoh pelbagai kategori mukjizat al-Quran dan *al-Sunnah*. Kemudian satu bab

---

<sup>65</sup> Daripada nas al-Quran dan hadis. Lihat *Kamus Dewan*, ed. ke-4 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007), 1070, entri “naqli.”

<sup>66</sup> Daripada logik akal.

<sup>67</sup> ‘Abd al-Majid al-Zind n et al., *al-Imān* (Sana'a: Jāmi'ah al-Imān, t.t.), 3.

<sup>68</sup> ‘Abd al-Majid al-Zind n, ‘Ilm al-Imān (Sana'a: Jami'ah al-Iman, 2001), 1 - 8.

<sup>69</sup> M. Abdullah al-Rehaili, *This Is The Truth* (Makkah: World Supreme Council for Mosques Affairs, Commission on Scientific Signs of Qur'an and Sunnah, Muslim World League, 1995), iii.

daripadanya telah dicetak berasingan menjadi risalah kecil bertajuk *al-Bayyinah al- Ilmiyyah fī al-Qur'ān al-Karīm*.<sup>70</sup>

#### **5. *Al- awm; ikam wa A kām***

Risalah kecil berkaitan hikmah ibadat puasa berdasarkan kajian saintifik. Bahagian akhir risalah ialah soalan dan jawapan tentang hukum puasa berdasarkan ilmu fikah.<sup>71</sup>

#### **6. *Na wa al- mān***

Risalah kecil yang merupakan siri pertama *Silsilah li Tathbīt al- mān* mengutarakan tentang persoalan kehidupan dan penciptaan.<sup>72</sup>

#### **7. *arīq al- mān***

Risalah kecil yang merupakan siri kedua *Silsilah li Tathbīt al- mān* menggariskan jalan keimanan kepada orang kafir dan jalan menguatkan iman bagi orang Muslim.<sup>73</sup>

#### **8. *Kitāb al-Tawḥīd* dan *Kitāb Tawḥīd al-Khāliq***

Kedua-dua buku ini masing-masing terdiri daripada gabungan tiga jilid yang membincangkan persoalan tauhid menggunakan pendekatan semasa yang sesuai. Ia disusun dalam bentuk soal jawab dan rumusan ringkas.<sup>74</sup>

Buku ini digunakan dalam sukatan pelajaran di *al-Ma'āhid al-'Ilmiyyah* di

<sup>70</sup> 'Abd al-Majīd bin 'Azīz, *Bayyināt al-Ras l wa Mu'jizātuh* (Sana'a: Markaz al-Buhūth bimā'ih al-Mān, 2004), 11 - 13.

<sup>71</sup> 'Abd al-Majīd bin Zindān, *al- awm; ikam wa A kām* (Sana'a: Jami'ah al-Imān, xxxx), x.

<sup>72</sup> 'Abd al-Majīd bin Zindān, *Na wa al- mān* (x.x.: x.x, xxxx), x.

<sup>73</sup> 'Abd al-Majīd bin Zindān, *Tarīq al- mān* (x.x.: x.x, xxxx), x.

<sup>74</sup> 'Abd al-Majīd bin 'Azīz al-Zindānī, *Tawḥīd al-Khāliq*, cet. ke-3, (Kaherah: Maktabah Dar al-Salām li al-ibrahīm 'ahwāl Nashr, 1994), 3. View 'Abd al-Majīd bin 'Azīz al-Zindānī, *Kitāb al-Tawḥīd*, cet. ke-3, (Kaherah: Maktabah Dar al-Salām li al-ibrahīm 'ahwāl Nashr, 1994), 3.

Yaman<sup>75</sup> sejak penubuhan rasminya pada tahun 1974 sehingga dimansuhkan pada tahun 2001.<sup>76</sup>

#### **9. *Al-Mar'ah wa uq quh ā al-Siyāsiyyah* (politik)**

Buku ini membincangkan hak-hak wanita dalam politik serta persoalan kepimpinan wanita berdasarkan al-Quran dan *al-Sunnah* serta fakta sains moden.<sup>77</sup>

#### **2.11.2 Karya yang Belum Dicetak**

Kesemua karya yang belum dibukukan ini merupakan nota-nota universiti yang dijadikan sukanan mata pelajaran di *Jāmi‘ah al-īmān*.<sup>78</sup>

##### **1. *Al-Ijāz al-‘Ilmīfī Ul m al-Ar***

Membincangkan tentang *al-Ijāz al-‘Ilmī* dalam bidang geologi.

##### **2. *Manāhij al-Da‘wah; al-Taghyīr wa Wasā'iluhā***

Membincangkan metode dakwah dalam melakukan perubahan kepimpinan dalam politik.

##### **3. *Al-Munzalaqāt fī al-Asm ’ wa al- ifāt***

Perbincangan tentang punca-punca akidah yang terpesong dalam perbahasan tauhid *al-Asmā’ wa al- ifāt*.

<sup>75</sup> li Mu ammad bin ulays al-Y fi‘, *al-Dawr al-Tar kh al-Hadhar al-‘Ilm wa al-Jihad*; *Shaykh al-Zindan wa ‘Ulama’ al-Yaman f Mas rah al-I lah al-Shamil*, 175.

<sup>76</sup> “al-Sīrah al-Dhātiyah li Faḍīlat al-Shaykh ‘Abd al-Majīd bin ‘Azīz al-Zindānī”, dicapai 2 Mei, 2013, [http://olamaa-yemen.net/main/articles.aspx?article\\_no=609](http://olamaa-yemen.net/main/articles.aspx?article_no=609)

<sup>77</sup> ‘Abd al-Majīd bin ‘Azīz, *Bayyināt al-Ras l wa Mu‘jizātuh* (Kuwait: Maktabah al-Manār al-Islāmiyyah, xxxx), i-iv.

<sup>78</sup> “al-Manhaj al-Dirāsī al-‘Ām alladhī Yadrusuhū al-Tālib”, dicapai 2 Mei, 2013, [http://jameataleman.org/main/articles.aspx?selected\\_article\\_no=82](http://jameataleman.org/main/articles.aspx?selected_article_no=82).

#### **4. *Al-Ijāz al-‘Ilmīfīal-Bi ḥar wa al-Sa ḥab***

Membincangkan *al-Ijāz al-Ilmī* tentang laut dan awan serta hubungannya dengan tiupan angin.

#### **5. *Al-Ijāz al-‘Ilmīfīal-ib al-Ilāzī***

Membincangkan *al-Ijāz al-Ilmī* tentang rawatan berdasarkan perubatan nabawi.

### **2.12 Pandangan dan Pujian**

li Mu ammad bin ulays al-Y fi‘ī menyatakan bahawa al-Zind nī merupakan seorang pemimpin masyarakat yang disanjung dalam kalangan umat Islam.<sup>79</sup>

Shaykh ‘Abd All h usayn al-A mar<sup>80</sup> pula menyatakan bahawa al-Zind nī adalah seorang pendakwah, pemimpin agama dan politik yang mempunyai karisma tersendiri.<sup>81</sup> Manakala mantan Presiden Yaman, ‘Alī ‘Abd All h li<sup>82</sup> menyatakan bahawa Shaykh al-Zind nī adalah seorang yang rasional, bersikap adil dan sederhana.<sup>83</sup>

<sup>79</sup> li Mu ammad bin ulays al-Y fi‘ī, *al-Dawr al-Tār khī al-Hadhārī al-‘Ilmī wa al-Jihādī; Shaykh al-Zindānī wa ‘Ulamā’ al-Yaman fī Masīrah al-I lāh al-Shāmil*, 158.

<sup>80</sup> Dilahirkan pada tahun 1933 di kawasan Zulaymah Hāshid, Yaman. Beliau merupakan ketua tertinggi kesemua kabilah di Yaman.

Lihat “Al-Shaykh ‘Abd Allāh fī Ṣūṭūr: Nubdhah Ta‘rīfiyyah,” laman sesawang *alahmar.net*, dicapai 26 Mei 2013, <http://www.alahmar.net/content.php?id=45>.

<sup>81</sup> li Mu ammad bin ulays al-Y fi‘ī, *al-Dawr al-Tār khī al-Hadhārī al-‘Ilmī wa al-Jihādī; Shaykh al-Zindānī wa ‘Ulamā’ al-Yaman fī Masīrah al-I lāh al-Shāmil*, 509.

<sup>82</sup> Dilahirkan pada 21 Mac 1946. Dipilih sebagai presiden Yaman pada tahun 1978 sehingga sekarang. Lihat “Marshal Ali Abdullah Saleh President of the Republic of Yemen,” laman sesawang *President Saleh Website*, dicapai 26 Mei 2013, [http://www.presidentsaleh.gov.ye/shownews.php?lng=en&\\_newsctgry=2](http://www.presidentsaleh.gov.ye/shownews.php?lng=en&_newsctgry=2).

<sup>83</sup> “al-Shaykh al-Zind nī Yakshif li al-Quds al- Arabī Khafāyā al-Liqā’ ma‘a al-Safīr al-Amrīkī wa al-Rā’is al-Yāmanī,” laman sesawang *al-Quds al- Arabī*, dicapai 26 Mei 2013, <http://81.144.208.20:9090/pdf/2006/03Mar/11MarSat/qds04.pdf>.

## **2.13 Tohmahan dan Fitnah**

Al-Zindīnī telah melalui sepanjang hidupnya beberapa kali cubaan bunuh<sup>84</sup> dan dilemparkan dengan pelbagai tohmahan. Beliau menyatakan bahawa fitnah yang dibuat ke atas beliau disebabkan oleh pegangan agama beliau, pendiriannya terhadap isu-isu politik,<sup>85</sup> serta kelantangannya dalam melakukan amar makruf nahi mungkar tanpa mengira aliran politik, kedudukan dan pangkat.

Boleh jadi segala tohmahan ini datang daripada pihak yang mempunyai tanggapan yang salah terhadap beliau, sifat iri hati dan dengki, rasa tidak puas hati, atau daripada musuh politik dan musuh Islam. Beliau juga dituduh sebagai penganas antarabangsa.<sup>86</sup>

## **2.14 Pengaruh al-Zindānī**

Al-Zindānī dianugerahkan dengan kepetahan berhujah dan mampu menyesuaikan diri dengan pelbagai lapisan masyarakat. Sikapnya yang sederhana, ilmu yang dimiliki khususnya dalam *al-Ijāz al-Ilmī* serta keprihatinan terhadap isu-isu ummah telah menjadikan beliau sangat berpengaruh dalam kalangan masyarakat Yaman dan antarabangsa.

---

<sup>84</sup> “‘afa t min ay tī’, Qan h al-Majd, 2009, video.

<sup>85</sup> “Abd al-Majid al-Zindānī: Sīrah al-Shaykh wa Tārīkh al-Balad, Jild 1,” laman sesawang *aljazeera.net*, dicapai 26 Mei 2013, <http://www.aljazeera.net/programs/pages/c1439529-45c0-431a-9175-1e50074754fd>.

<sup>86</sup> “United States Designated Bin Laden Loyalist,” laman sesawang *U.S Department of The Treasury*, dicapai 26 Mei 2013, <http://www.treasury.gov/press-center/press-releases/Pages/js1190.aspx>.

### **2.14.1 Pengaruh Keilmuan**

Al-Zindānī telah menulis kitab *al-Īmān* berdasarkan tuntutan semasa yang dihadapi ketika itu bertujuan menjadikannya panduan asas dalam ilmu akidah untuk masyarakat Yaman.<sup>87</sup> Ia telah tersebar secara meluas sama ada melalui penyampaian ceramah atau pembacaan yang telah meninggalkan kesan yang besar terhadap pengukuhan akidah masyarakat Yaman. Ramai yang telah kembali kepada akidah Islam yang betul melalui usaha ini setelah terpengaruh dengan ideologi sesat dan khurafat. Impak daripada kitab tersebut menyebabkan ia telah diterima dengan baik dan diterjemahkan untuk dimanfaatkan oleh umat Islam di negara-negara lain.

Dalam kajian *al-Ijāz al-‘Ilmī*, buku-buku beliau dijadikan rujukan terutamanya kitab *Ta’līf al-Ijāz al-‘Ilmī fī al-Qur’ān wa al-Sunnah* yang merupakan salah satu rujukan terpenting.

### **2.14.2 Pengaruh Terhadap Masyarakat**

Masyarakat Yaman amat menyanjung al-Zindānī dan merupakan salah seorang tokoh yang sangat berpengaruh sehingga dinobatkan sebagai ikon Yaman. Persepsi ini disebabkan peranan dan penglibatan beliau secara langsung dalam lakaran sejarah Yaman.

---

<sup>87</sup> “*al-Burhān fī Ijāz al-Qur’ān*”, laman sesawang [www.alrahma.tv](http://www.alrahma.tv/Pages/Liberary/Details.aspx?ID=6964), dicapai 17 September 2014,

Al-Zindānī ialah seorang tokoh yang berkarisma. Beliau menjadi tumpuan masyarakat Yaman dan kehadirannya amat dinantikan dalam setiap majlis, khutbah, pengajian, persidangan dan sebagainya. Perkara ini terbukti melalui kejayaan beliau bersama para ulama memimpin demonstrasi aman terbesar dalam sejarah Yaman dikenali sebagai *al-Masīrah al-Mīlyūniyyah* (Demonstrasi Sejuta Umat) pada 12 Mei 1991. Beliau telah menyampaikan ucapan mewakili rakyat Yaman untuk menuntut pindaan perlombagaan.<sup>88</sup>

### **2.14.3 Pengaruh Terhadap Isu Dunia**

Al-Zindānī sangat peka dengan isu-isu yang sedang berlaku di dunia. Beliau menyusun dan menghadiri pelbagai demonstrasi dan forum sebagai jurucakap dalam memperjuangkan nasib umat Islam di Palestin, Afghanistan, Chechnya dan negara-negara umat Islam yang dilanda konflik. Beliau sering dijemput untuk sesi temu ramah oleh stesen-stesen televisyen dan wartawan dalam memberikan pandangan dalam isu-isu global.

### **2.15 Maklumat Terkini al-Zindānī**

Al-Zindānī tetap aktif dalam bidang dakwah seperti dahulu. Beliau masih memegang beberapa jawatan penting sebagaimana yang telah dinyatakan sebelum

---

<sup>88</sup> li Mu'ammad bin 'Ulays al-Yāfi'i, *al-Dawr al-Tārīkhī al-Hadhārī al-'Ilmī wa al-Jihādī*; *Shaykh al-Zindānī wa 'Ulamā' al-Yaman fī Masīrah al-I'lāh al-Shāmil*, 396-400.

ini.<sup>89</sup> Mengikuti perkembangan melalui saluran televisyen antarabangsa dan internet, beliau masih menetap di Yaman walaupun negara tersebut dilanda krisis yang berpanjangan kesan daripada protes anti kerajaan (*Arab Spring*). Pandangan beliau sering kedengaran melalui temu ramah<sup>90</sup> oleh stesen-stesen televisyen<sup>91</sup> dan juga sidang akhbar khususnya isu-isu global yang melibatkan umat Islam.

## 2.16 Kesimpulan

Tujuan dan objektif bab ini adalah untuk mengkaji biografi al-Zindānī serta pelbagai sumbangan beliau khususnya kesarjanaan beliau sebagai tokoh ulama *al-Ijāz al-‘Ilmī*.

Hasil kajian mendapati bahawa Shaykh Abd al-Majīd bin Azīz bin Am d al-Zind nī ialah seorang tokoh ulama dan pendakwah yang telah memberikan sumbangan besar kepada masyarakat Yaman khususnya dan umat Islam umumnya dalam bidang politik, sosial dan pendidikan melalui pelbagai peranan dan usaha terutamanya dalam perkembangan *al-Ijāz al-‘Ilmī*.

Melalui maklumat-maklumat yang telah dikemukakan, sumbangan al-Zindānī lebih tertumpu terhadap *al-Ijāz al-‘Ilmī* berdasarkan sumbangan dan kecenderungan beliau melalui karya-karya yang telah dihasilkan.

---

<sup>89</sup> Lihat 2.7 Kerjaya, Jawatan dan Sumbangan dalam muka surat 35-57.

<sup>90</sup> “Al-Zindānī: Thawrah al-Yaman lam Tuḥaqqiq Ahdāfahā,” laman sesawang *aljazeera.net*, dicapai 26 Mei 2013, <http://www.aljazeera.net/news/pages/56f5e34b-2dbe-4f91-8c02-70ec3546339d?GoogleStatID=21>.

<sup>91</sup> Terutamanya Stesen Televisyen al-Jazeera.

## BAB 3

### PENGENALAN KITAB TA' *L AL-I JĀZ AL- ILM F AL-QUR'ĀN WA AL-SUNNAH DAN METODOLOGI PENULISANNYA*

#### 3.1 Pendahuluan

Kitab *Ta' ɻ al-I jāz al- Ilmīfī al-Qur'ān wa al-Sunnah* adalah sebuah sumbangan idea serta karya yang membincangkan tentang asas dan kaedah *al-I jāz al- Ilmī* berdasarkan al-Quran dan *al-Sunnah*. Dalam bab ini, akan dikemukakan nama kitab, pengenalan kitab *Ta' ɻ*, faktor penulisan, objektif penulisan, subjek utama kitab, sistem penulisan, metodologi dan rujukan kitab.

#### 3.2 Nama Kitab

Kitab ini dinamakan sebagai *Ta' ɻ al-I jāz al- Ilmīfī al-Qur'ān wa al-Sunnah* sebagaimana yang tertulis pada kulit kitab. Terjemahan kitab ini dalam bahasa Malaysia ialah Asas dan Kaedah *al-I jāz al- Ilmī* di dalam al-Quran dan *al-Sunnah*.

#### 3.3 Pengenalan Terhadap Kitab *Ta' ɻ al-I jāz al- Ilmīfī al-Qur'ān wa al-Sunnah*

Kitab *Ta' ɻ* adalah sebuah kitab yang memuatkan tiga kertas kerja tentang asas dan kaedah *al-I jāz al- Ilmī*. Ketiga-tiga kertas kerja tersebut telah dibentangkan

dalam *al-Mu'tamar al-'Ālamī al-Awwal li al-Ijāz al-Ilmī* di Islamabad, Pakistan pada 18 hingga 21 Oktober 1987.<sup>92</sup>

Kitab tersebut adalah sebuah kitab teras yang menjadi satu kemestian kepada para pengkaji *al-Ijāz al-Ilmī* dan tafsir. Kandungannya menerangkan bahawa *al-Ijāz al-Ilmī* bukan suatu percakapan rambang. Tetapi ia didirikan di atas kaedah-kaedah dan asas-asas yang kukuh. Kitab ini boleh dikategorikan sebagai kitab kecil yang mempunyai 91 muka surat dan terbahagi kepada empat bahagian:

**Pertama:** *Al-Mu jizah al- Ilmiyyah fī al-Qur'ān wa al-Sunnah* oleh Shaykh Abd al-Majid al-Zind nī dengan kata pengantar daripada Shaykh al-Azhar ketika itu iaitu Sam a al-Shaykh J d al- aq Alī J d al- aq.<sup>93</sup> Bahagian ini merupakan subjek utama tumpuan penulisan disertasi ini.

**Kedua:** *Mustanadāt al-Tawfiq bayn al-Nu'l al-Qur'āniyyah wa bayn al-Nata'iij al- Ilmiyyah al- ahī a* oleh Profesor Suat Yıldırım.<sup>94</sup>

**Ketiga:** *Khulā ah Baḥth al-Tafsīr al- Ilmī li al-Qur'ān bayn al-Mujāzīn wa al-Māni īn* oleh Shaykh Mu ammad al-Amīn Walad al-Shaykh.<sup>95</sup>

<sup>92</sup> 'Abd al-Majid al-Zind nī, *Ta'īl al-Ijāz al-Ilmī fī al-Qur'ān wa al-Sunnah*, 4.

<sup>93</sup> *Ibid.*, 1-37.

<sup>94</sup> *Ibid.*, 38-78.

<sup>95</sup> *Ibid.*, 79-85.

**Keempat:** Resolusi-resolusi *al-Mu'tamar al-'Ālamī al-Awwal li al-Ijāz al-Ilmī fī al-Qur'ān wa al-Sunnah.*

### 3.4 Faktor Penulisan

Kajian ini ditulis setelah muncul banyak tulisan dalam *al-Ijāz al-Ilmī* yang boleh dikategorikan sebahagiannya amat baik manakala sebahagian lagi perlu kepada pembetulan dan saringan.<sup>96</sup> Dalam masa yang sama, muncul dua kumpulan yang mempunyai pandangan berbeza sama ada menyokong atau menentang kajian terhadap *al-Ijāz al-Ilmī*. Menurut al-Zindānī, kedua-dua pihak masing-masing terdiri daripada ulama Islam dan ahli sains Islam. Situasi ini tidak boleh dibiarkan berlarutan dan memerlukan penyelesaian melalui tindakan segera.

Perkara ini timbul disebabkan ketidakwujudan asas atau kaedah kajian yang dikhurasukan terhadap *al-Ijāz al-Ilmī* memandangkan ia masih pada peringkat awal. Konsep yang kurang jelas terhadap *al-Ijāz al-Ilmī* tanpa menghayati garis panduan khusus terhadap kajian *al-Ijāz al-Ilmī* telah menarik perhatian al-Zindānī untuk berusaha mencari jalan penyelesaian. Kekurangan yang wujud ini merupakan faktor utama penulisan tentang asas dan kaedah *al-Ijāz al-Ilmī* khususnya kitab *Ta'īl* ini.

---

<sup>96</sup> *Ibid.*, 4.

### **3.5 Objektif Penulisan**

Al-Zind nī menerangkan tentang *al-Ijāz al-Ilmī* dengan mengemukakan sejumlah idea yang menyokong kajian beliau bersandarkan dalil-dalil naqli daripada al-Quran dan *al-Sunnah*, juga dalil-dalil akal berdasarkan realiti serta hasil eksperimen berdasarkan fakta sains terkini. Di samping itu, beliau telah meletakkan ringkasan kaedah-kaedah yang mesti diikuti untuk kajian dan penulisan dalam *al-Ijāz al-Ilmī*.<sup>97</sup>

Kajian *al-Ijāz al-Ilmī* telah melalui rutin yang sama seperti ilmu-ilmu lain dalam proses perkembangannya. Sebagai contoh, wujudnya perselisihan dalam mentakrifkan sesuatu ilmu dan kaedah yang mesti diikuti dalam kajiannya. Dalam konteks kajian *al-Ijāz al-Ilmī*, al-Zind n mengemukakan asal usul, asas dan kaedah *al-Ijāz al-Ilmī* supaya sebarang kajiannya didirikan di atas konsep yang jelas selari dengan metode ilmiah sesuatu bidang ilmu.

### **3.6 Subjek Utama Kitab**

Isu perbincangan kitab *Ta’līm* berkisar tentang pengenalan *al-Ijāz al-Ilmī*, sumber dalil atau sandaran *al-Ijāz al-Ilmī* daripada al-Quran dan *al-Sunnah*, kaedah-kaedah dalam kajian dan penulisan *al-Ijāz al-Ilmī*, perkara-perkara yang berkaitan dengan *al-Ijāz al-Ilmī* sama ada makna ayat al-Quran atau hadis berdasarkan bahasa Arab, pendapat-pendapat ulama tafsir dan hadis yang

---

<sup>97</sup> *Ibid.*, 25-26.

berhubung kait dengan ayat-ayat al-Quran atau hadis serta idea-idea bernas al-Zind nī ketika mengemukakan ulasan dan kupasan terhadap isu-isu *al-Ijāz al-Ilmī*.

Al-Zind nī telah menyusun kajian ini dengan begitu sistematik ketika mempersembahkan isi kandungannya. Beliau menyusun topik-topik tulisannya secara teratur mengikut urutan yang sesuai untuk mengekalkan kesinambungan isu-isu yang berkaitan dengan *al-Ijāz al-Ilmī*. Penyusunan yang telah dibuat memudahkan para pembaca dan pengkaji untuk menyusuri ulasan idea-idea beliau. Pembahagian topik oleh al-Zind nī adalah seperti berikut:

1. *Muqaddimah*.
2. *Ta'rīf al-Ijāz* (Definisi *al-Ijāz*).
3. *Ta'rīf al-Ilm* (Definisi *al-'Ilm*).
4. *Ta'rīf al-Ijāz al-Ilmī* (Definisi *al-Ijāz al-Ilmī*).
5. *Li kul Rasūl Mu'jizah Tunāsib Qawmahū wa Muddat Risālatih* (Setiap Rasul Mempunyai Mukjizat Yang Bersesuaian Dengan Kaum dan Tempoh Risalahnya).
6. *Al-Farq bayn al-Tafsīr al-'Ilmī wa al-Ijāz al-Ilmī* (Perbezaan antara *al-Tafsīr al-Ilmī* dan *al-Ijāz al-Ilmī*).
7. *Qawā'id Abḥāth al-Ijāz al-Ilmī fī Dāw' Manhaj al-Salaf wa Kalām al-Mufassirīn* (Kaedah-kaerah Kajian *al-Ijāz al-Ilmī* Mengikut Metode Ulama Salaf dan Pendapat Ahli-ahli Tafsir).

8. *Surūr Rasūl Allāh bi Zuhūr al-Tawāfiq bayn al-Wahy wa bayn al-Wāqi‘*  
(Perasaan Gembira Rasulullah SAW Dengan Zahirnya Keserasian Antara Wahyu dan Realiti).
9. *Ahammiyyah Abḥāth al-Ijāz al-Ilmī wa Thimārihā* (Kepentingan Kajian *al-Ijāz al-Ilmī* dan Hasil-hasilnya).
10. *Wājib al-Muslimīn* (Kewajipan Umat Islam).
11. *Mayādīn Abḥāth al-‘Ilm* (Bidang Kajian Ilmiah).
12. *Al-Marāji‘* (Rujukan).

### 3.7 Rujukan Penulisan Kitab

1. *Al-Qur’ān.*
2. *Fat̄ al-Bārī Sharḥ Saḥīḥ al-Bukhārī* oleh Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī.
3. *Saḥīḥ Muslim* oleh Muslim bin al-Ḥajjāj.
4. *Sunan al-Tirmidhī* oleh Muḥammad bin ‘Isā al-Tirmidhī.
5. *Sunan al-Nasā’ī* oleh Aḥmad bin Shuayb bin ‘Alī Abū ‘Abd al-Rahmān al-Nasā’ī.
6. *Al-Mufradāt fī Ghārīb al-Qur’ān* oleh al-Ḥusayn bin Muḥammad al-Rāghib al-Asfahānī.
7. *Jāmi‘ al-Bayān ‘an Ta’wīl Āy al-Qur’ān* oleh Muḥammad bin Jarīr al-Tabarī.
8. *Al-Kashshāf ‘an ḥaqāiq Ghawāmidh al-Tanzīl wa ‘Uyūn al-Aqāwīl fī Wujūh al-Ta’wīl* oleh Maḥmūd bin ‘Umar al-Zamakhsharī.
9. *Zād al-Masīr fī ‘Ilm al-Tafsīr* oleh ‘Abd al-Rahmān bin ‘Alī al-Jawzī.

10. *Al-Jāmi‘ li Aḥkām al-Qur’ān wa al-Mubayyin li ma Taḍammanahū min al-Sunnat wa Ḥāy al-Furqān* oleh Muḥammad bin Aḥmad al-Qurṭubī.
11. *Al-Baḥr al-Muḥīṭ fī al-Tafsīr* oleh Muḥammad bin Yūsuf Abu Ḥayyān.
12. *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Ażīz* oleh Muḥammad Ibn Kathīr.
13. *Anwār al-Tanzīl wa Asrār al-Ta’wīl* oleh ‘Abd Allah bin ‘Umar al-Bayḍāwī.
14. *Madārik al-Tanzīl wa Haqāiq al-Ta’wīl* oleh ‘Abd Allāh bin Aḥmad al-Nasafī.
15. *Lubāb al-Ta’wīl fī Ma‘ālim al-Tanzīl* oleh ‘Alī bin Muḥammad al-Baghdādī (al-Khāzin).
16. *Naẓm al-Durar fī Tanāsub al-Āyāt wa al-Suwar* oleh Ibrāhīm bin ‘Umar al-Biqā’ī.
17. *Rūḥ al-Ma‘ānī fī Tafsīr al-Qur’ān al-‘Ażīz wa al-Sab‘ al-Mathānī* oleh Shiḥāb al-Dīn al-Sayyid Maḥmūd al-Alī sī.
18. *Irshād al-‘Aql al-Salīm ilā Mazāyā al-Kitāb al-Karīm* oleh Abū al-Sa‘d Muḥammad bin Muḥammad.
19. *Fatḥ al-Qadīr al-Jāmi‘ bayn Fannay al-Riwayah wa al-Dirayah min ‘Ilm al-Tafsīr* oleh Muḥammad bin ‘Alī al-Shawkānī.
20. *Maḥāsin al-Ta’wīl* oleh Muḥammad Jamāl al-Dīn bin Muḥammad al-Qāsimī.
21. *Tafsīr al-Jalālayn* oleh Jalāl al-Dīn Muḥammad bin Aḥmad al-Mahallī dan Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī.
22. *Al-Tafsīr wa al-Mufassir n* oleh Muḥammad bin Ḥusayn al-Zahabī.

23. *Majmū ah Fatāwā li Ibn Taymiyyah* oleh Aḥmad bin Taymiyyah al-Harrānī.
24. *Dar al-Ta āru al-‘Aql wa al-Naql* oleh Aḥmad bin Taymiyyah al-Harrānī.
25. *Mu‘jam Maqāyīs al-Lughah* oleh Aḥmad bin Fāris (Ibn Fāris).
26. *Al-Ṣīḥāh Tāj al-Lughah wa Ṣīḥāh al-‘Arabiyyah* oleh Ismā‘īl bin Ḥammād al-Jawharī.
27. *Lisān al-‘Arab* oleh Muḥammad bin al-Mukarram (Ibn Manzūr).
28. *Tāj al-Ar s min Jawāhir al-Qāmūs* oleh Muḥammad Murtaḍā al-Zabīdī.
29. *Irsyād al-Fu l ilā Taḥqīq al-Ḥaq min ‘Ilm al-Uṣūl* oleh Muḥammad bin ‘Alī al-Shawkānī.
30. *Al-Tawrāh wa al-Injīl wa al-Qur’ān fī aw al-Ma‘ārif al-Ilmiyyah al-Hadīthah* oleh Dr. Maurice Bucaille.
31. *Ilm al-Ajinnah fī Daw’ al-Qur’ān wa al-Sunnah* oleh ‘Abd al-Majīd bin ‘Azīz al-Zindānī et al.
32. Kertas-kertas Kerja Persidangan Perubatan Arab Saudi Kelapan, tahun 1404H.
33. Ceramah bertajuk: *Human Development as Described in the Quran and Sunnah* oleh Profesor Keith L. Moore.

### **3.8 Metodologi Penulisan Kitab *Ta’līq al-Ijāz al-Ilmīfī al-Qur’ān wa al-Sunnah***

Setelah dibuat penelitian dan analisis terhadap kitab *Ta’sīl*, hasil kajian mendapati al-Zind nī telah menggunakan metodologi berikut di dalam penulisan kitab tersebut:

#### **3.8.1 Memulakan Dengan Nama Allah SWT dan Selawat**

Dalam bahagian *Muqaddimah*, al-Zind n memulakan kitabnya dengan memuji Allah SWT dan selawat ke atas Nabi Muhammad SAW.<sup>98</sup> Ia merupakan kelaziman ulama silam khususnya apabila memulakan sebarang penulisan.

#### **3.8.2 Membahagikan Perbahasan Kepada Topik Kecil**

Perbahasan dalam kitab telah dibahagikan kepada beberapa topik kecil. Tajuk-tajuk tersebut selain mengisyaratkan kepada huraian khusus yang dibuat, ia juga menjadi sempadan perbahasan yang berbeza antara satu sama lain.

---

<sup>98</sup> *Ibid.*, 3.

### **3.8.3 Membuat Definisi Terhadap Istilah Tertentu**

Al-Zind nī telah mengemukakan definisinya sendiri terhadap istilah *al-Ijāz al-Ilmī*<sup>99</sup> dan *al-Tafsīr al-‘Ilmī*<sup>100</sup>. Definisi-definisi tersebut dibuat supaya kajian yang dilakukan mengikut landasan, berdasarkan skop dan konsepnya yang sebenar. Di samping itu, ia dapat mengelakkan kekeliruan yang mungkin timbul disebabkan wujudnya perkaitan antara keduanya. Tambahan pula, ada sesetengah pihak yang tidak membezakan antara *al-Ijāz al-Ilmī* dan *al-Tafsīr al-‘Ilmī*<sup>101</sup>.

### **3.8.4 Perbahasan Ringkas dan Teliti**

Huraian setiap tajuk dibuat secara ringkas tetapi dilakukan dengan penuh ketelitian untuk memastikan kesinambungan antara satu sama lain. Perbahasan yang dibuat adalah secara teratur supaya mendapat gambaran yang sempurna.

Sebagai contoh, dalam tajuk kecil *al-Mu jizah al-‘Ilmiyyah Tunāsib al-Risālah al-Khātimah wa al-Mustawayāt al-Bashariyyah* diterangkan secara ringkas tentang hakikat *al-Ijāz al-Ilmī*, masa kemunculan, bidang kajian dan generasi yang akan menyaksikannya. Tetapi, ketelitian dalam merangkumkan beberapa perkataan dalam nas al-Quran dan *al-Sunnah* (*al-Ilm* [Surah al-Nisā’ 4 : 166], *Waḥy* [Surah al-An‘ām 6 : 19], *al-Naba’* [Surah al-An‘ām 6 : 67], *Hīn*

---

<sup>99</sup> *Ibid.*, 10.

<sup>100</sup> *Ibid.*, 24.

<sup>101</sup> Dr. ‘Abd Allāh al-Muṣliḥ, *al-Ijāz al-Ilmī Tārīkhuh wa Dawābiṭuh* (Makkah:al-Hai’ah al-‘Ālamiyah li al-Ijāz al-Ilmī fī al-Qur’ān wa al-Sunnah, 2006), 43-44.

[Surah Ṣād 38 : 87-88], *Mustaqar* [Surah al-An‘ām 6 : 67], *al-Āfāq* [Surah Fuṣṣilat 41 : 53] ) telah menzahirkan kefahaman tentang *al-Ijāz al-‘Ilmī* dengan lebih jelas.<sup>102</sup>

### **3.8.5 Memastikan Perbahasan Selari Dengan Dalil Daripada al-Quran, Hadis dan Manhaj Ulama Salaf**

Al-Zindānī telah melontarkan idea-idea dengan mengemukakan dalil-dalil dan pendapat-pendapat para ulama berserta perbahasan secara analitis. Beliau sedaya upaya cuba menyampaikan idea-idea kajian ini dalam ruang lingkup kefahaman daripada al-Quran dan *al-Sunnah*. Perkara ini dapat dilihat dengan jelas berdasarkan isi kandungan kitab *Ta’sīl*.

### **3.8.6 Memilih Sejumlah Rujukan dan Pendapat Ulama Muktabar**

Cara yang paling cepat dan berkesan untuk mengetahui makna kalimah al-Quran atau hadis dan mendapatkan tafsirannya yang tepat ialah dengan merujuk terus kepada tafsiran ulama yang pakar dalam bidang tersebut. Al-Zindānī telah menukilkan pelbagai pendapat daripada ulama muktabar yang amat teliti dalam menyatakan pandangan. Berdasarkan rujukan yang dibuat oleh al-Zindānī, beliau telah memilih kitab-kitab yang muktabar khususnya kitab tafsir untuk dijadikan rujukan kajian.

---

<sup>102</sup> ‘Abd al-Majīd al-Zindānī, *Ta’sīl al-Ijāz al-‘Ilmī fī al-Qur’ān wa al-Sunnah*, 11-20.

Al-Zind nī telah merujuk sejumlah 13 buah kitab tafsir antaranya kitab *Jāmi al-Bayān ‘An Ta’wīl al-Qur’ān* oleh Imam al-Tabarī, kitab *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Aṣṭān* oleh Ibn Kathīr, kitab *Lubāb al-Ta’wīl fī Ma ḥanī al-Tanzīl* oleh al-Khāzin, kitab *al-Jāmi li Aḥkām al-Qur’ān* oleh al-Qurṭubī, kitab *al-Baḥr al-Muḥīt* oleh Abū Ḥayyān, *Fatḥ al-Qadīr* oleh al-Shawkānī, kitab *Rūh al-Ma ḥanī* oleh al-Alūsī, kitab *Anwār al-Tanzīl wa Asrār al-Ta’wīl* oleh al-Baydāwī dan lain-lain.

Sebagai contoh, ketika menyatakan tafsir ayat 166 Surah al-Nisā’, al-Zind nī telah menyatakan nama dan pendapat ahli tafsir berikut :

لَكِنَّ اللَّهُ يَشْهُدُ بِمَا أَنْزَلَ إِلَيْكَ أَنَّ لَهُ بِعْلَمٍ وَالْمَلَائِكَةُ يَشْهُدُونَ  
وَكَفَى بِاللَّهِ شَهِيدًا

al-Nisā’ 4: 166

Kata al-Khāzin ketika mentafsirkan ayat ini: “Akan tetapi Allah bersaksi terhadapmu wahai Muhammad dengan kenabian melalui al-Quran ini yang diturunkan kepadamu”.<sup>103</sup>

Apabila terdapat pandangan para ahli tafsir yang hampir sama antara satu sama lain setelah dinukilkan pendapat salah seorang daripada mereka, al-Zind nī akan menyatakan siapakah ahli tafsir tersebut. Sebagai contoh, setelah mengemukakan pendapat al-Farrā’, beliau menyusuli dengan pendapat al-Suddī al-Kabīr untuk mengukuhkan pendapat tersebut :

---

<sup>103</sup> *Ibid.*, 12.

Kata al-Farrā' ketika mentafsirkan (*al-h̄m*) yang tersebut di dalam ayat: "Masa selepas mati dan sebelumnya supaya terungkap hakikat yang Aku (Allah) katakan (*ba'da h̄m*) iaitu pada masa akan datang." **Pendapat al-Suddī al-Kabīr hampir sama dengan maksud ini.**<sup>104</sup>

Jika seseorang ahli tafsir mengemukakan di dalam kitabnya pelbagai pendapat terhadap makna sesuatu perkataan, al-Zind nī mengisyaratkan kewujudan pelbagai pendapat tersebut dan hanya mengambil pendapat *rājiḥ* (paling tepat) yang menjadi pilihan ahli tafsir tersebut untuk dikemukakan.

Contohnya :

Kata Ibn Jarīr al-Tabarī, **setelah menyebut pelbagai pendapat** ketika mentafsirkan (*h̄m*) : pendapat yang lebih tepat iaitu: Allah memberitahu orang kafir bahawa mereka akan mengetahui perkhabaran al-Quran pada masa akan datang tanpa dihadkan tempoh kerana berdasarkan kefahaman orang Arab, tiada had terhadap kalimah (*h̄m*). Oleh demikian, tiada pendapat yang lebih tepat tentang hal itu daripada pengitlakannya (secara umum) seperti Allah SWT telah menyebutnya secara itlak (secara umum) tanpa adanya batasan waktu.<sup>105</sup>

Berkenaan dengan hadis, al-Zind nī mengemukakan matan hadis kemudian turut membawakan huraian hadis (*sharb*) daripada ulama hadis yang muktabar seperti Ibn ajar.<sup>106</sup> Ini dapat dilihat dalam contoh berikut :

Kata Ibn ajar ketika mengulas hadis ini : bahawa mukjizat al-Quran akan kekal sehingga ke hari kiamat, gaya bahasanya yang luar biasa, balaghah dan perkhabaran tentang perkara ghaib. Setiap masa yang berlalu akan

---

<sup>104</sup> *Ibid.*

<sup>105</sup> *Ibid.*, 14.

<sup>106</sup> *Ibid.*, 13.

menzahirkan sebahagian daripada perkhabaran yang menyatakan ia akan berlaku, menunjukkan perkhabaran tersebut adalah benar. Maka, manfaatnya akan meliputi orang yang hadir, orang yang tidak hadir, orang yang menjumpai dan orang yang akan menjumpai...<sup>107</sup>

### 3.8.7 Membuat Kesimpulan Umum (*Istinbāt*)

Setelah al-Zind n membuat penerangan dengan menyatakan dalil-dalil sebagai sandaran hujah, barulah beliau membuat kesimpulan tertentu. Sebagai contoh, dalam tajuk kecil *Wājib al-Muslimīn*, al-Zind n menyatakan bahawa membuat kajian *al-Ijāz al-‘Ilmī* merupakan sebahagian daripada fardu kifayah yang sangat dituntut.<sup>108</sup>

### 3.8.8 Penerangan Melalui Contoh Perumpamaan dan Kias (Perbandingan)

Ketika menerangkan sesuatu tajuk, al-Zind n telah membuat perumpamaan tertentu supaya gambaran sesuatu masalah lebih mudah difahami. Sebagai contoh, dalam tajuk kecil *Abḥāth al-Ijāz al-‘Ilmī fī Daw’ Manhaj al-Salaf wa Kalām al-Mufassirīn*, dinyatakan perumpamaan orang yang mengkaji perkara ghaib adalah seumpama orang yang meraba-raba dalam kegelapan.<sup>109</sup>

<sup>107</sup> Ibn ajar al-‘Asqalānī, *Fatḥ al-Bārī Sharḥ aṣ-ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (Riyadh: Dār al-Salām, 2000), 9: 10.

<sup>108</sup> ‘Abd al-Majīd al-Zind nī, *Ta’sīl al-Ijāz al-‘Ilmī fī al-Qur’ān wa al-Sunnah*, 34.

<sup>109</sup> *Ibid.*, 30.

### **3.8.9 Meletakkan Contoh Dalam Nota Kaki Supaya Mudah Difahami**

Al-Zind n menyatakan bahawa salah satu bentuk mukjizat *Awjuh al-Ijaz* ialah memperbetulkan kefahaman yang salah terhadap al-Quran dan *al-Sunnah* tentang rahsia penciptaan. Beliau telah meletakkan nota kaki untuk menerangkan contoh kefahaman salah tersebut iaitu pendapat yang mengatakan manusia tercipta daripada darah haid.<sup>110</sup>

### **3.8.10 Menggunakan Perkataan *Tanbih* Ketika Menyatakan Skop dan Fokus Sebenar Daripada Sesuatu Kenyataan Umum**

Perkataan *Tanbih* bermaksud awas atau perhatian. Al-Zind n menarik perhatian pembaca melalui penggunaan perkataan *Tanbih*, untuk menegaskan bahawa perbahasan kitab ini hanya tertumpu dalam ruang lingkup kefahaman *al-Ijaz al-'Ilmi*. Manakala perkara yang berkaitan dengan akidah, ibadat, muamalat dan akhlak, huraihan dan pentafsirannya telah dijelaskan oleh Rasulullah SAW.<sup>111</sup>

### **3.8.11 Memfokuskan Pengkaedahan *al-Ijaz al-'Ilmi***

Jika diteliti keseluruhan kandungan kitab, ia ditulis untuk meletakkan asas dan kaedah dalam memahami kajian *al-Ijaz al-'Ilmi*. Fokus al-Zind n terhadap asas dan kaedah *al-Ijaz al-'Ilmi* bertujuan untuk mengelakkan daripada mendapat

---

<sup>110</sup> *Ibid.*, 28.

<sup>111</sup> *Ibid.*, 29.

gambaran yang salah serta dapat merapatkan jurang perbezaan pendapat terhadapnya.<sup>112</sup>

### **3.8.12 Meletakkan Nombor Muka Surat Berserta Tajuk Kitab Pada Setiap Helaian Kitab**

Terdapat tajuk kitab yang lengkap iaitu *Ta' ȳl al-Ijāz al-Ilmīfī al-Qur'ān wa al-Sunnah* pada bahagian atas setiap helaian yang mempunyai nombor muka surat.

### **3.8.13 Meletakkan Nota Kaki**

Terdapat nota kaki yang diletakkan di bahagian bawah muka surat mengisyaratkan tempat asal sumber rujukan tersebut dibuat atau menerangkan maksud istilah, perkataan dan nama tertentu. Contohnya, perkataan *Mujazziz* yang terdapat dalam hadis adalah nama seorang individu.<sup>113</sup>

Penomboran nota kaki setiap muka surat dimulakan dengan nombor Arab (١, ٢, ٣) dan seterusnya. Apabila berpindah ke muka surat lain, penomboran nota kaki disetkan kepada nombor (١) semula.

---

<sup>112</sup> *Ibid.*, 4.

<sup>113</sup> *Ibid.*, 32.

Dalam keadaan tertentu, ketika menyatakan sesuatu permasalahan, al-Zind nī membuat sesuatu kenyataan yang pada hakikatnya adalah berasaskan kefahaman hadis. Kemudian, beliau akan meletakkan hadis yang dimaksudkan sebagai rujukan dalam nota kaki. Contohnya adalah seperti berikut:

(و) إن نصوص الوحي قد نزلت بآلفاظ جامعة تحيط بكل المعاني

الصحيحة في مواضعها التي قد تتتابع في ظهورها جيلاً بعد جيل.<sup>114</sup>

Terjemahan: Nas wahyu diturunkan dengan lafaz yang menghimpunkan pelbagai makna meliputi setiap makna yang sahih pada topik-topiknya yang akan terserlah secara berterusan daripada generasi kepada generasi yang lain.

Dalam nota kaki,<sup>115</sup> al-Zind n menyatakan bahawa perkataan (*bi alfāz jāmi ah*) yang dimaksudkan di sini bersandarkan kepada hadis al-Bukhārī,<sup>116</sup> Muslim,<sup>117</sup> al-Tirmidhī<sup>118</sup> dan al-Nasā'ī<sup>119</sup> iaitu:

... بُعْثُتُ بِجَوَامِعِ الْكَلِمِ ...

Terjemahan: "... Aku diutuskan dengan *jawāmi al-kalim* (perkataan-perkataan yang sedikit tetapi mengandungi banyak makna)..."

<sup>114</sup> *Ibid.*, 26.

<sup>115</sup> *Ibid.*

<sup>116</sup> Hadis riwayat al-Bukhārī, (*Kitāb al-Jihād*), no. hadis 2977. Lihat Muḥammad bin Ismā’īl Abū ‘Abd Allāh al-Bukhārī, “Ṣaḥīḥ al-Bukhārī,” (Riyadh: Dar al-Salām, 1999), 492.

<sup>117</sup> Hadis riwayat Muslim, (*Kitāb al-Masājid*), no. hadis 1167. Lihat Muslim bin al-Hajjāj al-Qushayrī, “Ṣaḥīḥ Muslim,” (Beirut: Dār al-Marifah, 2007), 5 : 8.

<sup>118</sup> Hadis riwayat al-Tirmidhī, (*Kitab al-Siyar*), no. hadis 1553. Lihat Muḥammad bin ‘Isā bin Sūrah al-Tirmidhī, “Sunan al-Tirmidhī,” (Riyadh: Maktabah al-Mārif li al-Nashr wa al-Tawzī’, t.t.), 367.

<sup>119</sup> Hadis riwayat al-Nasā'ī, (*Kitāb al-Jihād*), no. hadis 3087. Lihat Aḥmad bin Shu‘ayb bin ‘Alī Abū ‘Abd al-Rahmān al-Nasā'ī, “Sunan al-Nasā'ī,” (Riyadh: Maktabah al-Mārif li al-Nashr wa al-Tawzī’, t.t.), 475.

### 3.8.14 Menukilkan Ayat al-Quran Berserta Baris, Surah dan Nombor Ayat

Ayat-ayat al-Quran dinukilkan secara penuh atau dengan memfokuskan bahagian tertentu yang mempunyai kaitan dengan perbincangan yang diutarakan. Kebanyakan ayat yang dikemukakan dinyatakan nama surah dan nombor ayat. Jika terdapat ayat al-Quran sama yang berulang, kebanyakan nama surah dan nombor ayat hanya diletakkan pada salah satu ayat sahaja.<sup>120</sup> Ayat-ayat al-Quran diletakkan selepas sesuatu kenyataan dibuat untuk membuktikan perbahasan kitab ada asasnya daripada nas al-Quran.

Sebagai contoh, dalam tajuk kecil *al-Mu jizah al-'Ilmiyyah Tunāsib al-Risālah al-Khātimah wa al-Mustawayāt al-Bashariyyah al-Mukhtalifah*, al-Zind nī membuat kenyataan bahawa: terdapat dalam al-Quran perkhabaran (*Anbā'*) yang diketahui maksudnya kerana ia adalah bahasa Arab. Tetapi, hakikat, cara dan bentuknya tidak akan menjelma secara jelas kecuali selepas melalui tempoh masa tertentu.<sup>121</sup> Kemudian beliau menyusuli kenyataan tersebut dengan firman Allah SWT berikut:

إِنْ هُوَ إِلَّا ذِكْرٌ لِّلْعَالَمِينَ ﴿٨٧﴾ وَلَتَعْلَمُنَّ نَبَأًهُ بَعْدَ حِينٍ

§ād 38: 87-88

Terjemahan: Al-Quran tidak lain hanyalah peringatan bagi penduduk seluruh alam. Dan demi sesungguhnya, kamu akan mengetahui kebenaran perkara-perkara yang diterangkannya, tidak lama lagi.

<sup>120</sup> 'Abd al-Majid al-Zind nī, *Ta' ūl al-I'j z al-'Ilmī fī al-Qur'* n wa al-Sunnah, 13-15 dan 18-22.

<sup>121</sup> *Ibid.*, 13-14.

### 3.8.15 Mengaplikasikan Metode Pentafsiran Terbaik

Tafsir al-Quran dengan al-Quran ialah cara pentafsiran yang paling sahih. Ia adalah metode pentafsiran yang paling ideal sebagaimana yang dinyatakan oleh para ulama antaranya Ibn Taymiyyah.<sup>122</sup> Metode pentafsiran terbaik ialah metode yang dibina di atas susunan enam peringkat secara tertib.<sup>123</sup>

Oleh kerana kajian *al-Ijāz al-Ilmī* berkaitan dengan *al-Tafsīr al-Ilmī* terhadap ayat-ayat *kawniyyah* (kosmologi) maka, ia adalah salah satu cabang daripada cabang-cabang ilmu tafsir.<sup>124</sup> Al-Zind nī telah mengikuti metode-metode pentafsiran yang paling baik sebagaimana yang telah dibincangkan oleh para ulama. Apabila terdapat ayat lain yang boleh menjelaskan atau dikaitkan dengan kenyataan tertentu, al-Zind nī akan menukilkan ayat tersebut untuk mentafsirkannya. Contohnya, dalam tajuk kecil *al-Mu jizah al-‘Ilmiyyah Tunāsib al-Risālah al-Khaṭimah wa al-Mustawayāt al-Bashariyyah al-Mukhtalifah* ketika membincangkan tentang masa zahirnya *al-Ijāz al-Ilmī*, al-Zind nī telah mentafsirkan perkataan *hīn* dalam Surah Ṣād dengan perkataan *mustaqar* dalam Surah al-Anām sebagaimana berikut:<sup>125</sup>

<sup>122</sup> Ahmad bin Taymiyyah al-Ḥarrānī, *Majmū ah al-Fatāwā*, cet. ke-2, Mansūrah: Dār al-Wafā’, 2001), 13: 195.

<sup>123</sup> (1). Tafsir al-Quran dengan al-Quran. (2). Tafsir al-Quran dengan al-Sunnah. (3). Tafsir al-Quran dengan pendapat para sahabat Nabi . (4). Tafsir al-Quran dengan pendapat *al-T bi mīn*. (5). Tafsir al-Quran dengan bahasa Arab. (6). Membuat kesimpulan daripada makna, (*dilālah*) dan hukum-hakamnya.

<sup>124</sup> ‘Abd al-Majīd al-Zind nī, *Ta’līm al-Ijāz al-Ilmī fī al-Qur’ān wa al-Sunnah*, 25.

<sup>125</sup> *Ibid.*, 13-14.

إِنْ هُوَ إِلَّا ذِكْرٌ لِّلْعَالَمِينَ ﴿٨٧﴾ وَلَتَعْلَمُنَّ نَبَاهُ بَعْدَ حِينٍ

Sād 38: 87-88

Terjemahan: Al-Quran tidak lain hanyalah peringatan bagi penduduk seluruh alam. Dan demi sesungguhnya, kamu akan mengetahui kebenaran perkara-perkara yang diterangkannya, **tidak lama lagi.**

لِكُلِّ نَبَاهٍ مُّسْتَقْرٌ وَسَوْفَ تَعْلَمُونَ ﴿٦٧﴾

al-An ām 6: 67

Terjemahan: Tiap-tiap khabar berita **mempunyai masa yang menentukannya** (yang membuktikan benarnya atau dustanya); dan kamu akan mengetahuinya.

Jika terdapat *asbāb al-nuzūl* (sebab penurunan) ayat, al-Zind nī akan menyatakannya sebagaimana yang dapat dilihat dalam contoh berikut :

وفي هذه الآية التي نزلت ردا على تكذيب الكافرين بنبوة محمد بيان  
لطبيعة المعجزة العلمية التي تبقى بين يدي الناس وتتجدد مع كل فتح  
بشرى في آفاق العلوم والمعارف ذات الصلة بمعانى الوحي الإلهي.

Terjemahan: Dalam ayat ini yang diturunkan sebagai penafian terhadap pendustaan orang kafir terhadap kenabian Muhammad SAW merupakan penerangan tentang konsep *al-Mu jizah al- Ilmiyyah* yang kekal di hadapan manusia, sentiasa diperbarui bersesuaian dengan perkembangan maklumat manusia dalam pelbagai bidang

sains dan pengetahuan yang berkait rapat dengan wahyu Ilahi.<sup>126</sup>

### 3.8.16 Mengutamakan Istilah al-Quran

Daripada aspek pemilihan dan penggunaan istilah, al-Zind nī cuba memperluaskan penggunaan istilah al-Quran di samping istilah mukjizat yang telah digunakan oleh para ulama. Kalimah mukjizat telah diterima umum sejak sekian lama. Kalimah *Āyah* [Surah al-Isrā' (17) : 101, Surah al-A'rāf (7) : 106], *al-Āyāt* [Surah al-An'ām (6) : 109, Surah al-'Ankabūt (29) : 50], *al-Bayyinah* [Surah al-A'rāf (7) : 73 dan 105], *Burhān* [Surah al-Qaṣāṣ (28) : 32], *Sultān* [Surah Ibrāhīm (14) : 10-11] dan sebagainya antara yang digunakan dalam al-Quran apabila merujuk kepada istilah mukjizat.

Oleh sebab itu, walaupun istilah *al-Ijāz al-Ilmī* lebih meluas digunakan, al-Zind nī kadang-kadang menggunakan istilah *al-Bayyinah al-Ilmiyyah*<sup>127</sup> di samping istilah *al-Mujizah al-Ilmiyyah*<sup>128</sup> atau *al-Ijāz al-Ilmī*<sup>129</sup> dalam penulisan beliau.

---

<sup>126</sup> *Ibid.*, 11.

<sup>127</sup> *Ibid.*, 13.

<sup>128</sup> *Ibid.*

<sup>129</sup> *Ibid.*, 18.

### 3.8.17 Menukilkan Hadis Tanpa Disertakan Baris

Kesemua hadis yang dijadikan rujukan dinukilkan tanpa diletakkan baris. Tetapi, hampir kesemua *matan* (teks) hadis tadi ditulis dengan huruf tebal (*bold*) supaya dapat dibezakan dengan huraian kitab. Sebagai contoh, matan hadis dalam tajuk kecil *al-Mu jizah al-'Ilmiyyah Tunāsib al-Risālah al-Khātimah wa al-Mustawayāt al-Bashariyyah* ditulis dengan huruf tebal.<sup>130</sup>

Terdapat juga matan hadis yang ditulis dengan huruf tebal pada bahagian tertentu sahaja. Ia merupakan isyarat untuk menarik perhatian terhadap bahagian yang menjadi tumpuan utama dalam *matan* hadis tersebut. Contohnya dapat dilihat dalam tajuk kecil *Surūr Rasūl Allāh bi Zuhūr al-Tawāfiq bayn al-Wāḥy wa bayn al-Wāqi'*,<sup>131</sup> sebagaimana berikut:

رَوَى مُسْلِمٌ فِي صَحِيفَةِ عَنْ فَاطِمَةَ بِنْتِ قَيْسٍ قَالَ : ... فَلَمَّا قَضَى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ صَلَاتُهُ جَلَسَ عَلَى الْمِنْبَرِ وَهُوَ يَضْحَكُ فَقَالَ لِيَلَّمَ كُلُّ إِنْسَانٍ مُصَلَّاهُ ثُمَّ قَالَ أَتَدْرُونَ لَمْ جَمَعْتُكُمْ قَالُوا اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَعْلَمُ قَالَ إِنِّي وَاللَّهِ مَا جَمَعْتُكُمْ لِرَغْبَةٍ وَلَا لِرَهْبَةٍ وَلَكِنْ جَمَعْتُكُمْ لِأَنَّ تَمِيمًا الدَّارِيَّ كَانَ رَجُلًا نَصْرَانِيًّا فَجَاءَ فَبَيَّنَ وَأَسْلَمَ وَحَدَّثَنِي حَدِيثًا وَفَقَرَّ الَّذِي كُنْتُ أَحَدِثُكُمْ عَنْ مَسِيحِ الدَّجَالِ...<sup>132</sup>

Terjemahan: Muslim meriwayatkan dalam kitabnya *Saḥīḥ Muslim* daripada Fāṭimah bint Qays : ... setelah Rasulullah

<sup>130</sup> *Ibid.*, 13.

<sup>131</sup> *Ibid.*, 32. Lihat *takhrīj* hadis ini dalam nota kaki seterusnya.

<sup>132</sup> Hadis riwayat Muslim, (*Kitāb al-Fitan wa Ashrāt al-Sā'ah*), no. hadis 7312. Lihat Muslim bin al-Hajjāj al-Qushayrī, "Sāḥīḥ Muslim," 18: 282.

SAW selesai solat, baginda duduk di atas mimbar dan ketawa sambil bersabda :“Sila berada di tempat solat kalian! Tahukah kamu kenapa aku menghimpunkan kalian semua?” Mereka menjawab : “Allah SWT dan Rasul Nya lebih mengetahui.” Baginda bersabda : “Demi Allah SWT, aku bukan menghimpun kamu kerana keinginan atau ketakutan. Tetapi aku menghimpunkan kamu kerana Tamīm al-Dārī yang dahulunya merupakan seorang Kristian telah datang memberi baiah lalu memeluk Islam. Beliau telah menceritakan kepadaku sesuatu yang telah bertepatan dengan apa yang telah aku ceritakan kepada kamu semua tentang Dajal ...

### **3.8.18 Meriwayatkan Hadis Berserta Takhrij**

Dalil-dalil daripada hadis telah dinukilkhan secara bersanad dan disebut bersama perawinya. Kadangkala, al-Zind nī menyebut nama ulama hadis yang mentakhrijkan hadis tersebut, nama kitab dan perawinya dalam kalangan sahabat. Contohnya, beliau menyebut bahawa Imam Muslim telah meriwayatkan hadis ini di dalam kitabnya *Sahīh Muslim* daripada Fātimah bint Qays.<sup>133</sup> Kemudian, dinyatakan hadis yang dimaksudkan.

Jika hadis terlalu panjang, beliau hanya mengambil potongan hadis yang berkaitan dan diletakkan tanda tiga titik pada permulaan dan akhir matan. Ia bagi mengisyaratkan sebelum dan selepas potongan matan hadis yang diambil masih mempunyai sambungannya. Contohnya dalam tajuk kecil *Surūr Rasūl Allāh bi*

---

<sup>133</sup> *Ibid.*, 31.

*Zuhūr al-Tawāfiq bayn al-Wahy wa bayn al-Wāqi'*, al-Zind nī telah menukilkan hadis berikut:<sup>134</sup>

رَوَى مُسْلِمٌ فِي صَحِيفَةِ عَنْ فَاطِمَةَ بْنَتِ قَيْسٍ قَالَ : ... فَلَمَّا قَضَى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ صَلَاتَهُ جَلَسَ عَلَى الْمِنْبَرِ وَهُوَ يَضْحَكُ فَقَالَ لِيَلْزَمْ كُلُّ إِنْسَانٍ مُصَلَّاهُ ثُمَّ قَالَ أَتَدْرُونَ لَمْ جَعَلْتُكُمْ قَالُوا اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَعْلَمُ قَالَ إِنِّي وَاللَّهِ مَا جَعَلْتُكُمْ لِرَغْبَةٍ وَلَا لِرَهْبَةٍ وَلَكُنْ جَعَلْتُكُمْ لِأَنَّ تَمِيمًا الدَّارِيَّ كَانَ رَجُلًا نَصْرَانِيًّا فَجَاءَ فَبَيْعَ وَأَسْلَمَ وَحَدَّثَنِي حَدِيثًا وَافَقَ الَّذِي كُنْتُ أَحَدُثُكُمْ عَنْ مَسِيحِ الدَّجَالِ ...<sup>135</sup>

Terjemahan: Muslim meriwayatkan dalam kitab *Šahīhnya* daripada Fātimah bint Qays : ... setelah Rasulullah SAW selesai solat, baginda duduk di atas mimbar dan ketawa sambil bersabda :“Sila berada di tempat solat kalian! Tahukah kamu kenapa aku menghimpunkan kalian semua?” Mereka menjawab : “Allah SWT dan Rasul Nya lebih mengetahui.” Baginda bersabda : “Demi Allah SWT, aku bukan menghimpun kamu kerana keinginan atau ketakutan. Tetapi aku menghimpunkan kamu kerana Tamīm al-Dārī yang dahulunya merupakan seorang Kristian telah datang memberi baiah lalu memeluk Islam. Beliau telah menceritakan kepadaku sesuatu yang telah bertepatan dengan apa yang telah aku ceritakan kepada kamu semua tentang Dajal ...”

### 3.8.19 Menggabungkan Hadis

Al-Zind nī menggabungkan hadis<sup>136</sup> untuk mendapatkan makna yang lengkap dan sempurna dalam mengemukakan dalil terhadap kenyataan yang diketengahkan.

<sup>134</sup> *Ibid.*, 31-32.

<sup>135</sup> Telah ditakhrijkan dalam sub topik yang lalu.

<sup>136</sup> *Ibid.*, 32.

Sebagai contoh, dalam tajuk kecil *Surūr Rasūl Allāh bi Zuhūr al-Tawāfiq bayn al-Wahy wa bayn al-Wāqi‘*, al-Zindīn telah menggabungkan dua riwayat hadis Imam al-Bukhārī.<sup>137</sup> Beliau mengisyaratkan kewujudan hadis kedua<sup>138</sup> dengan perkataan (*wa fī riwāyah...*) di dalam kurungan.

فَعَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا قَالَتْ إِنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ دَخَلَ عَلَيَّ مَسْرُورًا تَبْرُقُ أَسَارِيرُ وَجْهِهِ فَقَالَ أَلَمْ تَرِي أَنَّ مجْزِزًا نَظَرَ آنَفًا إِلَى زَيْدِ بْنِ حَارَثَةَ وَأَسَامَةَ بْنِ زَيْدٍ (وَفِي رِوَايَةِ وَعَلَيْهِمَا قَطِيفَةَ قَدْ غَطَّيَا رُؤوسَهُمَا وَبَدَتْ أَقْدَامُهُمَا) فَقَالَ إِنَّ هَذِهِ الْأَقْدَامَ بَعْضُهَا مِنْ بَعْضٍ.<sup>139</sup>

Terjemahan: Daripada ‘Āishah RA berkata bahawa Rasulullah SAW telah datang kepadaku dalam keadaan ceria dan gembira. Baginda bersabda: “adakah kamu tahu bahawa Mujazziz telah melihat Zayd bin Hārithah dan Usāmah bin Zayd (**dalam riwayat lain**, kedua-duanya menutup muka tetapi hanya menampakkan kaki mereka) lalu Mujazziz berkata bahawa kaki-kaki ini adalah sama antara satu sama lain.”

### 3.9 Metodologi Pendalilan Dalam Kitab *Ta’ṣīl al-Ijāz al-Ilmī fī al-Qur’ān wa al-Sunnah*

Melalui analisis terhadap penulisan beliau ini, dapat dinyatakan beberapa metodologi pendalilan yang telah digunakan oleh al-Zindīn antaranya:

<sup>137</sup> Hadis riwayat al-Bukhārī, Kitāb al-Farā’iq, no. hadis 6770. Lihat Muḥammad bin Ismā’īl Abū ‘Abd Allāh al-Bukhārī, *Saḥīḥ al-Bukhārī*, 1167-1168.

<sup>138</sup> *Ibid.*, 1168. No. hadis 6771.

<sup>139</sup> ‘Abd al-Majīd al-Zindīn, *Taṣīl al-Ijāz al-Ilmī fī al-Qur’ān wa al-Sunnah*, 32.

### 3.9.1. Metode Pendalilan Dengan al-Quran

Penggunaan ayat al-Quran yang mempunyai perkaitan dengan tajuk amat penting kerana hanya ayat al-Quran yang dapat meneguhkan hujah akal dan memberi kesan kepada pemikiran secara paling maksimum.<sup>140</sup> Di dalam kitab *Ta'sīl al-Zind nī* telah merujuk dan menukilkan sejumlah 28 ayat al-Quran<sup>141</sup> tanpa ulangan sebagai sandaran hujah.

Sebagai contoh, ketika memperkatakan tentang *bayyinah kubrā* berdalilkan ayat 19 dalam Surah al-An‘ām, al-Zind nī menyatakan bahawa, antara perkara yang berkaitan penyaksian Allah SWT terhadap kerasulan Nabi Muhammad SAW ialah perkara yang mempunyai kaitan dengan *al-Ijāz al-Ilmī*<sup>142</sup> yang diambil daripada perkataan (*bi ‘ilmih*) berdasarkan firman Allah SWT dalam al-Quran:

لَكِنَّ اللَّهُ يَشْهُدُ بِمَا أَنْزَلَ إِلَيْكَ أَنْزَلَهُ، بِعِلْمِهِ وَالْمَلَائِكَةُ يَشْهُدُونَ

وَكَفَى بِاللَّهِ شَهِيدًا

Al-Nisā’ 4: 166

<sup>140</sup> ‘Abd al-Majīd al-Zind nī et al., *Bayyin t al-Ras l wa Mu‘jiz tuh* (Sana'a: Markaz al-Buh th bi J mi ah al- m n, 2004), 16.

<sup>141</sup> Iaitu Surah al-An‘ām (6) : 19, 67, 95-97, Surah al-Nisā’ (4) : 166, Surah Hūd (11) : 14, Surah al-Furqān (25) : 6, Surah Ṣād (38) : 87-88, Surah Yūnus (10) : 18, Surah Fuṣṣilat (41) : 52-53, Surah al-Jumu‘ah (62) : 2, Surah al-Shūrā (42) : 29, Surah al-Naml (27) : 93, Surah al-‘Ankabūt (29) : 48-52, Surah al-Anfāl (8) : 2, Surah al-Bayyinah (98) : 1, Surah al-Isrā’ (17) : 36, Surah Muḥammad (47) : 19.

<sup>142</sup> ‘Abd al-Majīd al-Zind nī, *Ta’sīl al-Ijāz al-‘Ilmī fī al-Qur’ān wa al-Sunnah*, 11.

Terjemahan: (Orang-orang kafir itu tidak mahu mengakui apa yang telah diturunkan Allah kepadamu wahai Muhammad), **tetapi Allah SWT sentiasa menjadi saksi akan kebenaran al-Quran yang telah diturunkannya kepadamu. Allah SWT menurunkan al-Quran dengan ilmu Nya** dan malaikat juga turut menjadi saksi dan cukuplah Allah menjadi saksi (akan kebenaran al-Quran ini).

### 3.9.2 Metode Pendalilan Dengan *al-Sunnah*

Al-Zind nī telah berhujah dengan tiga hadis<sup>143</sup> yang menerangkan atau mempunyai kaitan ketika menjelaskan tentang *al-Ijāz al-Ilmī*. Beliau menukilkan matan hadis tanpa sanad atau mendatangkan sanad dengan hanya menyebut sahabat yang meriwayatkan hadis tersebut. Dalam masa yang sama, beliau cukup berhati-hati ketika memetik hadis Nabi untuk memastikan kesahihannya dan boleh dijadikan sandaran hujah.

Jika sebuah hadis itu *muttafaq ‘alaih* (diriwayatkan oleh al-Bukhārī dan Muslim), al-Zind nī akan memilih lafaz hadis al-Bukhārī. Sebagai contoh, dalam tajuk kecil *al-Mu’jizah al-‘Ilmiyyah Tunāsib al-Risālah al-Khātimah wa al-Mustawayāt al-Bashariyyah al-Mukhtalifah*,<sup>144</sup> al-Zind nī mengemukakan hadis tanpa menyatakan nama sahabat yang meriwayatkannya sebagaimana berikut :

---

<sup>143</sup> Hadis-hadis tersebut sama ada telah diriwayatkan oleh Imam al-Bukhārī, Imam Muslim, Imam al-Tirmidhī atau Imam al-Nasā’ī.

<sup>144</sup> *Ibid.*,13.

مَا مِنَ الْأَنْبِيَاءَ نَبَّىٰ إِلَّا أُعْطِيَ مَا مِثْلُهُ أَمَّنْ عَلَيْهِ الْبَشَرُ وَإِنَّمَا كَانَ الَّذِي  
أُوتِيتُ وَحْيًا أَوْحَاهُ اللَّهُ إِلَيَّ فَأَرْجُو أَنْ أَكُونَ أَكْثَرَهُمْ تَابِعًا يَوْمَ الْقِيَامَةِ.<sup>145</sup>

Terjemahan: Tiada seorang pun dalam kalangan para Nabi , kecuali telah diberikan tanda-tanda yang tidak sama untuk diimani oleh manusia. Aku telah diberikan wahyu oleh Allah SWT. Oleh itu, aku berharap akan menjadi seorang Nabi yang paling ramai pengikutnya pada hari kiamat.

### 3.9.3 Metode Pendalilan Berdasarkan Ilmu Bahasa Arab

Untuk mengetahui makna kalimah secara literal sama ada di dalam al-Quran atau *al-Sunnah*, memerlukan pengetahuan yang luas dan kefahaman mendalam terhadap ilmu bahasa Arab (*'Ilm al-Lughah*). Kajian *al-Ijāz al-Ilmī* di dalam al-Quran dan *al-Sunnah* sangat berkait rapat dengan ilmu bahasa Arab.

Al-Zind nī mengaplikasikan metode ini dalam topik *al-Ijāz al-Ilmī* ketika menghuraikan definisi *al-Ijāz al-Ilmī*. Beliau telah menjadikan beberapa buah kamus sebagai rujukan bahasa Arab seperti *Lisān al-'Arab* oleh Ibn Manzūr, *al-Mufradāt* oleh al-Rāghib al-Asfahānī, *Mu'jam Maqāyīs al-Lughah* oleh Ibn Fāris, *al-Sīhāh* oleh al-Jawhārī dan *Tāj al-'Arūs* oleh al-Zabīdī. Sebagai contoh, al-Zind n menyatakan:<sup>146</sup>

<sup>145</sup> Hadis riwayat al-Bukhārī, Kitab Fa āil al-Qurān, no. hadis 4981. Lihat Mu ammad bin Ismā'īl al-Bukhārī, "Fat al-Bārī." Shar a ī al-Bukhārī, 9: 5.

<sup>146</sup> 'Abd al-Majīd al-Zind nī, *Ta'sīl al-Ijāz al-Ilmī fī al-Qur'ān wa al-Sunnah*, 10.

الإعْجَازُ مشتق من العَجْزٌ. والعَجْزُ : الضعف أو عدم القدرة. والإعْجَازُ  
مصدر أَعْجَزَ : وهو بمعنى الفوت والسبق.<sup>147</sup>

Terjemahan: *al-I'jāz* ialah pecahan daripada perkataan *al-'Ajz*. Maksud *al-'Ajz*: lemah atau tidak mampu. *I'jāz* adalah masdar (kata terbitan) *A'jaza*: dengan makna mendahului.

### 3.9.4 Metode Pendalilan Berdasarkan Kaedah *U l Fiqh*

Kajian *al-Ijāz al-Ilmī* adalah berkait rapat dengan ilmu *U l Fiqh* dan mesti mengikut kaedah-kaedah muktabar ketika membahaskan nas berkaitan. Nas-nas *al-Ijāz al-Ilmī* perlu dikenal pasti sama ada ia termasuk dalam kategori '*Ām*, *Khāṣ*, *Mushtarak*, *Muṭlaq*, *Muqayyad*, *Nas*, *Zāhir* dan lain-lain.<sup>148</sup>

Al-Zind nī telah mengikut metode ulama *U l Fiqh* ketika meringkaskan kaedah-kaedah *al-Ijāz al-Ilmī* dalam topik *Qawā'id Abhāth al-Ijāz al-Ilmī*. Sebagai contoh, al-Zind nī menggariskan kaedah yang menyatakan tiada pertembungan antara nas yang *qaṭ'ī* dengan fakta sains yang muktamad sebagaimana dalam kaedah keempat.<sup>149</sup> Ia adalah antara kaedah penting yang telah dipersetujui oleh para ulama Islam. Ibn Taymiyyah telah menulis kitab berkaitan perbahasan ini bertajuk *Dar' Ta'āruḍ al-Aql wa al-Naql*.

<sup>147</sup> Muḥammad bin al-Mukarram Ibn Manzūr, *Lisān al-'Arab* (Kaherah: Dār al-Ma ārif, t.t), 31: 2816-2817.

<sup>148</sup> Dr. 'Abd Allāh al-Muṣliḥ, *al-Ijāz al-Ilmī Tārīkhuh wa Dawābiṭuh*, 47-67.

<sup>149</sup> 'Abd al-Majīd al-Zind nī, *Ta'sīl al-Ijāz al-Ilmī fī al-Qur'ān wa al-Sunnah*, 25.

Ketika berlaku pertembungan antara *qat‘ī* (mutlak) dan *zannī* (samar) yang berkaitan nas atau fakta dan teori sains, al-Zind nī telah menyatakan jalan penyelesaiannya dalam kaedah ketujuh dan kelapan.<sup>150</sup>

### 3.9.5 Metode Ulama Salaf Dalam Kalangan Ahli Tafsir (*Mufassirīn*)

Al-Zind nī telah mengikut metode ulama *Salaf* dalam kalangan ahli Tafsir (*Mufassirīn*) ketika membahaskan *al-Ijāz al-Ilmī* dalam kitab *Ta’sīl*. Beliau telah mengkhususkan satu tajuk kecil iaitu *Abhāth al-Ijāz al-Ilmī fī Daw’ Manhaj al-Salaf wa Kalām al-Mufassirīn*. Al-Zind nī menyatakan bahawa para ulama salaf memiliki metode yang benar ketika berhubungan dengan hal-hal ghaib (*sam iyyāt*) yang dibawa oleh wahyu. Metode ini diaplikasikan dengan cara berhenti pada kadar yang dimaksudkan oleh nas-nas tanpa *takalluf* (pemaksaan terhadap pemahaman makna di luar lingkungan had dan bebananya) untuk mengetahui bentuk terperinci yang tidak diterangkan oleh wahyu.

Kalam Allah SWT tentang rahsia-rahsia makhluk di segenap penjuru alam semesta dan diri manusia termasuk dalam kategori perkara ghaib sebelum Allah SWT memperlihatkan hakikat rahsia tersebut. Pemaksaan terhadap hakikat wahyu yang sangat agung dan mutlak melalui gambaran-gambaran akal dan pancaindera yang terhad seumpama pemaksaan akal dalam perkara di luar kemampuannya. Para ulama salaf tidak membebankan diri dengan perkara yang tidak diketahui.

---

<sup>150</sup> *Ibid.*, 26.

Istilah *al-I'jāz al-'Ilmī* adalah istilah kontemporari yang telah tersebar luas pada zaman ini. Akan tetapi permulaannya seiringan dengan ilmu tafsir.<sup>151</sup> Ramai para ulama salaf dalam kalangan ahli tafsir yang mengikuti metode ini telah memberikan pendapat yang tepat ketika menghuraikan kebanyakan makna ayat al-Quran tentang kosmos meskipun fakta-fakta alam semesta masih belum tersingkap melalui penyaksian pada zaman mereka. Tafsiran mereka tidak terhenti dalam ruang lingkup nas semata-mata bahkan mereka berusaha meluaskan skop tafsiran berdasarkan ilmu pengetahuan semasa dan kefahaman (*dirāyah*).<sup>152</sup> Tetapi, ahli tafsir yang menggabungkan antara wahyu yang didengar dan penyaksian di alam nyata mendapat tambahan ilmu tentang rupa bentuk secara lebih jelas dan terperinci.

Dari sudut lain, pentafsiran secara *dirāyah* ini boleh dikaitkan dengan *al-Tafsīr al-'Ilmī* yang menzahirkan bentuk-bentuk *al-I'jāz al-'Ilmī* dalam al-Quran, makna-makna nas dan penjelasan baru secara lebih terperinci yang sentiasa berkembang sepanjang zaman.

Oleh sebab hal-hal berkaitan alam semesta tidak ditetapkan dalam permasalahan akidah ketika itu, para ahli tafsir tidak berhenti pada batasan nas tetapi berusaha menerangkannya dengan tahap pengetahuan semasa dan kefahaman yang Allah SWT kurniakan. Usaha-usaha agung yang dilakukan oleh

<sup>151</sup> Sāliḥ bin 'Abd al-Qawiy al-Sanabānī, *al-I'jāz Tārīkhuhū wa Dawābiṭuh* (t.tp.: t.p., t.t), 16.

<sup>152</sup> 'Abd al-Majīd al-Zind nī, *Ta'sīl al-I'jāz al-'Ilmī fī al-Qur'ān wa al-Sunnah*, 30-31.

ahli tafsir menunjukkan tahap keilmuan manusia dalam disiplin dan bidang kosmologi.<sup>153</sup>

### 3.9.6 Metode Sejarah Ilmu Sains Eksperimen

Al-Quran diturunkan lebih 1400 tahun yang lalu. Oleh demikian, sangat menakjubkan apabila hampir satu perenam ayat al-Quran mengandungi pelbagai fakta kosmologi yang hanya dapat dilihat dan dipastikan oleh manusia pada zaman ini. Daripada aspek sejarah, al-Quran diturunkan kepada bangsa Arab jahiliah yang sangat meyakini perkara khurafat dan mengamalkan sihir. Ia melambangkan kesesatan pemikiran bangsa Arab ketika al-Quran diturunkan. Pengetahuan tentang kosmologi dalam kalangan bangsa Arab hanya sekadar maklumat asas dan ringkas.

Al-Zindān telah menggunakan metode sejarah ilmu sains eksperimen dalam konteks sejarah penurunan al-Quran yang mengandungi fakta kosmologi untuk menzahirkan *al-Ijāz al-Ilmī* melalui bentuk-bentuk mukjizat (*Awjuh al-Ijāz*)<sup>154</sup> seperti berikut:

1. Fakta kosmologi al-Quran selari bahkan telah mendahului ilmu sains eksperimen.

---

<sup>153</sup> *Ibid.*, 29-31.

<sup>154</sup> *Awjuh al-Ijāz* yang dimaksudkan di sini berdasarkan kefahaman dan penjelasan oleh al-Zindānī.

2. Memperbetulkan kesilapan maklumat manusia tentang rahsia alam semesta.
3. Menyempurnakan fakta kosmologi apabila nas-nas al-Quran dan *al-Sunnah* dikumpulkan walaupun masa penurunan nas berbeza.
4. Menetapkan hukum syarak yang bijaksana seterusnya dibuktikan melalui ilmu sains eksperimen dalam pelbagai bidang.
5. Membuktikan tiada percanggahan antara wahyu *qaṭī* dengan fakta sains.<sup>155</sup>

### 3.9.7 Metode Kajian Ilmu Sains Eksperimen

Al-Zind nī telah mengikut metode saintifik ketika merujuk fakta sains yang berkaitan dengan kajian *al-Ijāz al-Ilmī*. Ini bagi memastikan fakta sains tersebut merupakan fakta yang muktamad dan telah terbukti kesahihannya secara ilmiah melebihi peringkat hipotesis dan teori serta boleh diklasifikasikan sebagai hukum sains (*Scientific Laws*).

Sebagai contoh, ketika mendefinisikan *al-Ijāz al-Ilmī*, al-Zind nī menyebut perkataan fakta saintifik yang telah dibuktikan melalui eksperimen.

---

<sup>155</sup> *Ibid.*, 27-28.

Dalam perenggan lain, al-Zind nī menyatakan bahawa manusia pada masa ini telah mengumumkan untuk menerima ilmu sebagai jalan mengetahui kebenaran setelah lama terbelenggu dengan rantai taklid yang membabi buta. Lalu dikukuhkan pembinaan ilmu pengetahuan melalui dukungan para ulama yang memfokuskan seluruh tenaga mereka serta dengan peruntukan dana yang besar.<sup>156</sup>

Al-Zind nī banyak merujuk tulisan-tulisan Maurice Bucaille<sup>157</sup> yang telah menulis buku bertajuk *The Bible, the Quran and Science The Holy Scriptures Examined in The Light of Modern Knowledge*.<sup>158</sup> Ketika membicarakan tentang perbandingan kenyataan-kenyataan al-Quran dengan ilmu sains, Maurice Bucaille menyatakan dengan jelas metode yang digunakan terhadap maksud istilah sains sebagai ilmu yang telah terbukti kukuh yang berkemungkinan besar tidak akan berubah dan bertukar lagi walaupun kemajuan sains sentiasa berkembang.<sup>159</sup>

---

<sup>156</sup> *Ibid.*, 16.

<sup>157</sup> Antara rujukan lain ialah *The Developing Human as Described in the Quran and Sunnah Correlation with Modern Embryology* oleh Profesor Moore, karya-karya G. C. Goeringer, Joe Leigh Simpson, T. V. N. Persaud, E. Marshall Johnson dan lain-lain. Al-Zind nī telah bekerjasama dengan para saintis tersebut dalam kajian *al-Ijzāz al-Ilmī* dan penulisan pelbagai kertas kerja berkaitan sebagaimana yang telah diterangkan dalam bab lalu. Di samping itu, beliau berjumpa dengan beberapa orang saintis lain melalui sesi perbincangan dan soal jawab untuk mendapatkan kepastian terhadap fakta sains berkaitan kajian *al-Ijzāz al-Ilmī*. Soal jawab tersebut telah dibukukan dengan judul *This is The Truth*. (Pengkaji).

<sup>158</sup> Buku ini merupakan hasil kajian perbandingan terhadap kitab *Bible* dan al-Quran dengan ilmu sains eksperimen selama 10 tahun. Lihat ‘Abd al-Majid al-Zindānī et al., *Bayyinat al-Rasūl wa Mu’jizatuh* (Sana’a: Jāmi‘ah al-Imān, 2004), 72.

<sup>159</sup> Baharudin Ahmad, *Falsafah Sains Dari Perspektif Islam* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2008), 3-4.

### **3.10 Pandangan Ulama Terhadap Kitab *Ta’ ȳl al-Ijāz al- Ilmīfī al-Qur’ān wa al-Sunnah***

Sam ah al-Shaykh J d al- aq Alī J d al- aq iaitu Shaykh al-Azhar menyatakan bahawa al-Zind nī telah mengemukakan sejumlah idea bersandarkan kepada dalil-dalil *naqlī* dan ‘*aqlī* yang membantu kajiannya serta merujuk kepada natijah teori-teori dan eksperimen-eksperimen sains terkini.<sup>160</sup>

Pada tahun 1988, *Hay’ah al-Ijāz al- Ilmīfī al-Qur’ān wa al-Sunnah* telah mengeluarkan resolusi supaya ketiga-tiga kertas kerja tersebut disebarluaskan untuk manfaat umum.<sup>161</sup> Kitab ini telah dicetak oleh Universiti al-Īmān, Republik Yaman dan dijadikan subjek pengajian *al-Ijāz al- Ilmī* di universiti tersebut.<sup>162</sup>

### **3.11 Komentar Terhadap Kitab**

Setiap hasil usaha manusia sudah pasti mempunyai kelebihan dan kekurangan. Tidak terkecuali kitab *Ta’ ȳl al-Ijāz al- Ilmī fī al-Qur’ān wa al-Sunnah*. Kelebihan kitab ini adalah bersesuaian dengan tajuknya kerana meletakkan asas-asas pengkaedahan *al-Ijāz al- Ilmī* berdasarkan dalil-dalil al-Quran dan *al-Sunnah*. Ia merupakan antara penulisan awal yang memfokuskan perbincangan tentang asas-asas *al-Ijāz al- Ilmī* secara menyeluruh.

---

<sup>160</sup> ‘Abd al-Majīd al-Zind nī, *Ta’sīl al-Ijāz al-‘Ilmī fī al-Qur’ān wa al-Sunnah*, 7.

<sup>161</sup> *Ibid.*, 4.

<sup>162</sup> Kitab *Ta’sīl* dijadikan sukanan subjek tahun dua untuk pengajian di Universiti al-Īmān, Republik Yaman. (Pengkaji).

Perbincangan yang dikemukakan oleh al-Zind nī adalah mengikut lunas-lunas metode ilmiah yang konkret membuktikan ketelitian dan kefahaman beliau terhadap *al-Ijāz al-Ilmī* walaupun pengkaedahan *al-Ijāz al-Ilmī* masih di peringkat awal. Kitab ini sedikit sebanyak telah merapatkan jurang perbezaan pendapat terhadap *al-Ijāz al-Ilmī* yang timbul disebabkan persepsi dan gambaran individu yang berbeza.

Dari sudut lain, sebagaimana yang diakui oleh al-Zind nī sendiri, kitab ini memerlukan ulasan yang terperinci dan perlu disertakan dengan contoh yang banyak supaya penerangannya menjadi lebih jelas.

### **3.12 Kesimpulan**

Objektif kajian dalam bab ini adalah untuk mengkaji metodologi al-Zindānī dalam kitab *Ta'sīl*. Fokus utama dalam bab ini ialah metodologi pendalilan dalam kajian *al-Ijāz al-Ilmī*. Kajian dalam bab ini mendapati kitab *Ta'īl al-Ijāz al-Ilmī fī al-Qur'ān wa al-Sunnah* merupakan sumbangan idea serta usaha gigih yang telah dicurahkan oleh al-Zind nī di dalam mengemukakan hujah dan penerangan tentang *al-Ijāz al-Ilmī* sekali gus menjadi antara tulisan terawal atau perintis dalam meletakkan asas-asas *al-Ijāz al-Ilmī* secara khusus.

Hasil kajian mendapati, penulisan kitab *Ta'sīl* digarap daripada pelbagai metode untuk mengemukakan sandaran dalil dan hujah yang membuktikan

bahawa *al-Ijāz al-Ilmī* didirikan di atas asas yang teguh bersumberkan al-Quran dan *al-Sunnah*.

Al-Zindānī mengutamakan al-Quran dan *al-Sunnah* sebagai sandaran dalil dalam menetapkan *al-Ijāz al-Ilmī* di samping metode ulama salaf dalam ilmu tafsir, *Uṣūl Fiqh* dan bahasa Arab. Beliau cuba menyatukan pihak-pihak yang mempunyai pendapat berbeza terhadap *al-Ijāz al-Ilmī* dengan mengemukakan sumber-suber rujukan yang muktamad tersebut.

## BAB 4

### **AL-I'JĀZ AL-'ILMĪ MENURUT AL-ZINDĀNĪ DAN KAEADAH PENERIMAANNYA**

#### **4.1 Pendahuluan**

Istilah *al-I'jāz al-'Ilmī* atau Mukjizat Saintifik di dalam al-Quran dan *al-Sunnah* bermaksud suatu ilmu eksperimen yang datang untuk mendalami kajian-kajian yang luas dalam pelbagai bidang melalui bantuan alat-alat canggih dan selepas beberapa siri pengembaraan ilmiah yang mencabar berserta para pengkaji yang silih berganti, maka penemuan demi penemuan telah menyerlahkan sedikit demi sedikit subjek kajian.

Apabila fakta tentang subjek kajian tersebut lengkap dan sempurna, tiba-tiba fakta tersebut didapati telah dinyatakan di dalam al-Quran yang diturunkan lebih 1400 tahun lalu. Justeru itu, manusia mengetahui bahawa al-Quran diturunkan dengan ilmu Allah SWT. Demikian itu membuktikan secara yakin dan pasti bahawa al-Quran adalah kalam Allah SWT dan tiada percanggahan antara agama yang benar (*al-Dīn*) dengan ilmu yang benar (*al-'Ilm*).

Oleh demikian, perlu diketengahkan elemen-elemen yang berkaitan dengan kefahaman al-Zindānī terhadap *al-I'jāz al-'Ilmī* untuk menyerlahkan sumbangan beliau dalam kajian bidang tersebut.

Dalam bab ini, pengkaji akan memperkatakan tentang pengenalan *al-I'jāz* *al-'Ilmī*, pengenalan mukjizat al-Quran menurut al-Zindānī, ketelitian catatan mukjizat luar biasa (*al-mu'jizah al-khāriqah*), perkembangan kefahaman penggunaan istilah *al-I'jāz*, pendirian ulama Islam terhadap *al-I'jāz* *al-'Ilmī*, definisi *al-I'jāz* *al-'Ilmī*, keistimewaan *al-I'jāz* *al-'Ilmī*, kepentingan *al-I'jāz* *al-'Ilmī*, definisi *al-Tafsīr al-'Ilmī*, perbezaan antara *al-I'jāz* *al-'Ilmī* dan *al-Tafsīr al-'Ilmī*, sumber-sumber *al-I'jāz* *al-'Ilmī*, medan kajian *al-I'jāz* *al-'Ilmī*, *al-I'jāz* *al-'Ilmī* dan iman serta kesimpulan.

#### 4.2 Pengenalan Mukjizat al-Quran Menurut al-Zindānī

Agama Islam keseluruhannya bergantung kepada ajaran Rasulullah SAW. Allah SWT telah mengutuskan para rasul untuk mengajar manusia mengenali Tuhan mereka, menyeru mereka supaya beribadat kepada Nya dan menerangkan hikmah penciptaan mereka. Begitu juga untuk menyelamatkan mereka daripada kecelakaan perselisihan, menegakkan agama Allah SWT dalam kalangan manusia dan berhukum berdasarkan wahyu Allah SWT.

Para rasul juga diutuskan untuk menyampaikan berita gembira tentang nikmat yang Allah SWT sediakan kepada orang mukmin dan memberi amaran tentang balasan azab kepada orang kafir kerana kekufuran mereka. Begitu juga untuk menegakkan hujah Tuhan ke atas manusia dan supaya para rasul menjadi teladan kepada orang yang beriman.

Jadi, ilmu utama yang wajib diketahui oleh manusia ialah; mengenal Allah SWT, sifat-sifat Nya dan meyakini bahawa Nabi Muhammad SAW adalah utusan Nya sebagai pemberi hidayah, berita gembira dan peringatan. Dalam masa yang sama dapat mengetahui agama yang diredayai serta dapat melihat masa depan manusia selepas kematian.

Walau bagaimanapun, ilmu-ilmu ini tidak akan diketahui hakikatnya yang sebenar melainkan dengan perkhabaran daripada Tuhan yang telah mencipta, menghidupkan, mematikan, dan membangkitkan manusia setelah kematian.

Oleh kerana itu, Allah SWT telah mengutuskan rasul-rasul untuk mengajar manusia melalui bahasa yang difahami tentang petunjuk-petunjuk dan maknanya, sebagaimana firman Nya:

وَمَا أَرْسَلْنَا مِنْ رَسُولٍ إِلَّا بِلِسَانٍ قَوْمِهِ لِيُبَيِّنَ كُلُّمَا فَيُضْلِلُ اللَّهُ مَنْ يَشَاءُ وَيَهْدِي مَنْ يَشَاءُ وَهُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ

Ibrāhīm 14 : 4

Terjemahan: Dan Kami tidak mengutuskan seseorang Rasul melainkan dengan bahasa kaumnya supaya ia menjelaskan (hukum-hukum Allah) kepada mereka. Maka Allah menyesatkan sesiapa yang dikehendaki Nya (menurut undang-undang peraturan Nya), juga memberi hidayah petunjuk kepada sesiapa yang dikehendaki Nya (menurut undang-undang peraturan Nya); dan Dia lah juga Yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.

Akan tetapi, para rasul utusan dalam dakwah mereka akan berhadapan dengan penentangan manusia sebagaimana yang telah dihadapi oleh semua rasul. Selagi kebenaran para rasul tidak dibuktikan, maka hujah ke atas manusia tidak dapat ditegakkan dan manusia akan mempunyai alasan untuk menolak risalah yang dibawa oleh para rasul. Firman Allah SWT:

رُسُلًا مُّبَشِّرِينَ وَمُنذِرِينَ إِعْلَامٌ يَكُونُ لِلنَّاسِ عَلَى اللَّهِ حُجَّةٌ بَعْدَ

الرُّسُلِ وَكَانَ اللَّهُ عَزِيزًا حَكِيمًا

Al-Nisā' 4 : 165

Terjemahan: Rasul-rasul (yang Kami telah utuskan itu semuanya) pembawa khabar gembira (kepada orang-orang yang beriman), dan pembawa amaran (kepada orang-orang yang kafir dan yang berbuat maksiat), supaya tidak ada bagi manusia sesuatu hujah (atau sebarang alasan untuk berdalih pada hari kiamat kelak) terhadap Allah sesudah mengutuskan rasul-rasul itu. Dan (ingatlah) Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.

Allah SWT Maha Mengetahui perkara tersebut, lalu Allah SWT juga mengurniakan kepada para rasul bukti dan dalil yang di namakan *āyāt* atau *bayyyināt*. Manusia pula menamakannya sebagai mukjizat. Mukjizat ini menjadi bukti kepada para rasul tentang kebenaran risalah yang dibawa, sebagai tanda

kenabian dan mereka adalah penyampai risalah yang benar yang diutuskan oleh Allah SWT.<sup>1</sup>

Oleh demikian, Allah SWT menegakkan hujah dan bukti kebenaran para rasul kepada manusia dengan *bayyinah* dan mukjizat. Mukjizat dikurniakan kepada para rasul bertujuan untuk mematahkan hujah dan memberi keterangan sebagai membuktikan kebenaran risalah serta dapat membezakan nabi-nabi palsu. Keterangan mukjizat tersebut akan menjadi hujah ke atas manusia. Firman Allah SWT:

لَقَدْ أَرْسَلْنَا رُسُلًا بِالْبَيِّنَاتِ وَأَنْزَلْنَا مَعَهُمُ الْكِتَابَ وَالْمِيزَانَ  
لِيَقُومَ النَّاسُ بِالْقِسْطِ ...

Al-Hadīd 57 : 25

Terjemahan: Demi sesungguhnya! Kami telah mengutus rasul-rasul Kami dengan membawa bukti-bukti dan mukjizat yang jelas nyata, dan Kami telah menurunkan bersama-sama mereka Kitab Suci dan keterangan yang menjadi neraca keadilan, supaya manusia dapat menjalankan keadilan ...

Maka, ilmu tentang rasul dan kebenaran mereka merupakan kunci ilmu, kunci hidayah untuk mencapai kebahagiaan di dunia dan akhirat. Tetapi, keimanan terhadap rasul tidak akan berlaku kecuali dengan mengetahui tanda-tanda kebenaran mereka dan juga bukti-bukti risalah yang dibawa. Bukti-

---

<sup>1</sup> ‘Abd al-Majīd al-Zindānī, *Kitab Tauhid* (Kuala Lumpur: Pustaka Salam, 2004), 81-82.

bukti ataupun tanda-tanda kerasulan ini dikenali sebagai mukjizat yang berlaku kepada para rasul dengan izin Allah SWT.

Manakala orang-orang kafir, mereka tidak akan dibiarkan terus menerus dalam keadaan kekufturan sehingga datang kepada mereka tanda-tanda yang membenarkan para rasul. Firman Allah SWT:

لَمْ يَكُنِ الَّذِينَ كَفَرُوا مِنَ أَهْلِ الْكِتَابِ وَالْمُشْرِكِينَ مُنَفِّكِينَ حَتَّىٰ  
تَأْتِيهِمُ الْبِيِّنَاتُ ﴿١﴾

Al-Bayyinah 98 : 1

Terjemahan: Orang-orang yang kafir dari Ahli Kitab (Yahudi dan Nasrani) serta orang-orang musyrik, tidak akan terlepas (dari kepercayaan dan amalan masing-masing) sehingga datang kepada mereka bukti yang jelas nyata.

Seseorang rasul akan mencabar kaumnya supaya mendatangkan sesuatu yang sama dengan apa yang telah mereka perlihatkan daripada mukjizat-mukjizat yang melemahkan manusia di hadapannya. Lalu mereka tunduk kepada bukti kerasulan tersebut seterusnya mereka tahu bahawa baginda adalah utusan Allah SWT pencipta mereka.

Sebagai contoh, al-Quran merakamkan kisah ahli sihir Firaun yang beriman setelah melihat secara langsung mukjizat Nabi Musa AS. Mereka telah melihat bukti dan mukjizat baginda lantas beriman dengan rasul dan mempercayainya. Mereka tidak lagi mengendahkan dunia di hadapan janji akhirat. Ancaman bunuh daripada Firaun menjadi terlalu remeh di mata ahli-ahli sihir dan mereka sanggup memilih kematian daripada kembali kepada kekufuran.

Beginilah jawapan keimanan yang telah tersemat kukuh di dalam hati ahli sihir Firaun setelah mereka melihat bukti mukjizat sebagaimana firman Allah SWT:

قَالُوا لَن نُؤْثِرَكَ عَلَىٰ مَا جَاءَنَا مِنْكَ الْبَيِّنَاتِ وَالَّذِي فَطَرَنَا فَاقْضِ  
مَا أَنْتَ قَاضٍ إِنَّمَا تَقْضِي هَذِهِ الْحَيَاةَ الدُّنْيَا

Tāhā 20 : 72

Terjemahan: Mereka menjawab: "Kami tidak sekali-kali akan mengutamakanmu daripada apa yang telah datang kepada kami dari mukjizat-mukjizat yang terang nyata, dan (tidak akan mengutamakanmu daripada) Tuhan yang telah menjadikan kita semua. Oleh itu, hukumkanlah apa sahaja yang engkau hendak hukumkan, kerana sesungguhnya engkau hanyalah dapat menghukum dalam kehidupan dunia ini sahaja.

Ilmu tentang tanda-tanda kerasulan ialah titian yang telah dilalui oleh para sahabat daripada kekufuran dan pendustaan kepada keimanan dan keyakinan. Setelah mereka yang dahulunya daripada golongan yang memfitnah rasul sebagai ahli sihir, tukang tilik, penyair dan penipu, mereka berlumba-lumba untuk mematuhi perintah baginda dan berseru sambil berkata : “Galang gantimu adalah ayah dan ibuku wahai Rasulullah SAW.”

### **4.3 Ketelitian Catatan Mukjizat Luar Biasa (*al-Mu‘jizah al-Khāriqah*)**

Mukjizat serta bukti kerasulan Nabi Muhammad SAW masih ketara sehingga hari ini. Terdapat bukti keterangan mukjizat setelah kejadian itu berlaku. Keterangan dan mukjizat tersebut telah diabadikan di dalam al-Quran sebagai kenyataan yang benar tanpa keraguan oleh manusia yang berakal.<sup>2</sup>

#### **4.3.1 Rekod Mukjizat Dalam al-Quran**

Kitab al-Quran telah merekodkan beberapa mukjizat yang berlaku dan telah disaksikan oleh orang ramai. Penurunan al-Quran secara beransur-ansur mengikut peristiwa dengan menyebut, mengulas atau menghuraikan sebab-sebab berlaku di samping bertujuan memberi pengajaran daripada peristiwa tersebut.

---

<sup>2</sup> ‘Abd al-Majīd al-Zindānī, *Tawhīd al-Khāliq* (Kuala Lumpur: Pustaka Salam, 2004), 81-82.

Allah SWT menjamin keaslian al-Quran sehingga ke hari kiamat sebagaimana dalam firman Nya:

إِنَّا هُنَّ نَزَّلْنَا عَلَيْكُمْ رَحْمَةً مِنْ أَنْفُسِنَا وَنَحْنُ لَهُ حَافِظُونَ ﴿٩﴾

Al-Hijr 15 : 9

Terjemahan: Sesungguhnya Kami yang menurunkan al-Quran, dan Kami yang memelihara dan menjaganya.

Para ulama membahagikan penjagaan al-Quran itu kepada dua bahagian. Pertama dari sudut penulisan dan yang kedua dari sudut hafalan.<sup>3</sup> Sejarah mencatatkan bahawa pada zaman Rasulullah SAW telah pun berlaku penulisan wahyu (al-Quran). Di antara penulis-penulis wahyu yang dilantik oleh baginda dalam kalangan sahabat ialah ‘Alī bin Abī Ṭālib, Mu‘āwiyah bin Abī Sufyān, Ubay bin Ka‘b, Zayd bin Thābit RA yang mana penulisan tersebut di bawah pengawasan baginda sendiri.

Tersebut di dalam al-Quran, Allah SWT telah mengiktiraf bahawa Rasulullah SAW telah menyempurnakan amanah dengan menyampaikan kesemua wahyu kepada umat manusia. Firman Allah SWT:

---

<sup>3</sup> Mannā‘ Qaṭṭān, *Mabāḥith fī ‘Ulūm al-Qur’ān* (Riyadh: Maktabah al-Ma‘ārif li al-Nasr wa al-Tawzī‘, 2000), 119.

... أَلْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتْمَتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيتُ لَكُمْ

الْإِسْلَامَ دِينًا ... ﴿٣﴾

Al-Māidah 5 : 3

Terjemahan: ... pada hari ini, Aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu, dan Aku telah cukupkan nikmatKu kepada kamu, dan Aku telah redakan Islam itu menjadi agama untuk kamu ...

Dengan pengiktirafan tersebut, para sahabat telah meyakini bahawa al-Quran yang disampaikan oleh baginda SAW adalah wahyu daripada Allah SWT melalui perantaraan Jibril AS. Selepas kewafatan Rasulullah SAW, para sahabat meneruskan kesinambungan tugas baginda di dalam penyampaian al-Quran kepada generasi seterusnya, iaitu golongan yang tidak sempat dengan baginda Rasulullah SAW (Tabiin). Golongan Tabiin ini meyakini bahawa al-Quran yang disampaikan oleh para sahabat adalah wahyu yang diturunkan kepada Rasulullah SAW berdasarkan nas daripada al-Quran sendiri yang mengiktiraf keimanan para sahabat. Firman Allah SWT:

لِلْفُقَرَاءِ الْمُهَاجِرِينَ الَّذِينَ أَخْرَجُوا مِنْ دِيْرِهِمْ وَأَمْوَالِهِمْ يَبْتَغُونَ  
فَضْلًا مِنْ أَنَّ اللَّهَ وَرَضِيَّا وَيَنْصُرُونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَأُولَئِكَ هُمُ  
الصَّادِقُونَ ﴿٤﴾ وَالَّذِينَ تَبَوَّءُو الْأَدَارَ وَالْأَيْمَنَ مِنْ قَبْلِهِمْ تُحِبُّونَ مَنْ  
هَا جَرَ إِلَيْهِمْ وَلَا تَجِدُونَ فِي صُدُورِهِمْ حَاجَةً مِمَّا أُوتُوا وَيُؤْثِرُونَ  
عَلَى أَنْفُسِهِمْ وَلَوْ كَانَ بِهِمْ خَصَاصَةٌ وَمَنْ يُوقَ شُحَّ نَفْسِيهِ فَأُولَئِكَ

هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿١﴾ وَالَّذِينَ جَاءُو مِنْ بَعْدِهِمْ يَقُولُوْنَ رَبَّنَا  
 آغْفِرْ لَنَا وَلَا خَوَانِنَا الَّذِيْنَ سَبَقُوْنَا بِالإِيمَنِ وَلَا تَجْعَلْ فِي قُلُوبِنَا  
 غِلَّاً لِلَّذِيْنَ ءا مَنُوا رَبَّنَا إِنَّكَ رَءُوفٌ رَّحِيمٌ ﴿٢﴾

Al-Hasyr 59 : 8-10

Terjemahan: (Pemberian itu hendaklah diuntukkan) kepada orang-orang fakir yang berhijrah, yang telah diusir keluar dari kampung halamannya dan harta bendanya (kerana berpegang teguh kepada ajaran Islam), untuk mencari limpah kurnia dari Allah dan keredaan Nya, serta menolong (agama) Allah dan Rasul Nya; mereka itulah orang-orang yang benar (imannya dan amalnya).

Dan orang-orang (Ansar) yang mendiami negeri (Madinah) serta beriman sebelum mereka, mengasihi orang-orang yang berhijrah ke negeri mereka, dan tidak ada pula dalam hati mereka perasaan berhajatkan apa yang telah diberi kepada orang-orang yang berhijrah itu; dan mereka juga mengutamakan orang-orang yang berhijrah itu lebih daripada diri mereka sendiri, sekalipun mereka dalam keadaan kekurangan dan amat berhajat. Dan (ingatlah), sesiapa yang menjaga serta memelihara dirinya daripada dipengaruhi oleh tabiat bakhilnya, maka merekalah orang-orang yang berjaya.

Dan orang-orang (Islam) yang datang kemudian daripada mereka (berdoa dengan) berkata: "Wahai Tuhan Kami! Ampunkanlah dosa kami dan dosa saudara-saudara kami yang mendahului kami dalam iman, dan janganlah Engkau jadikan dalam hati perasaan hasad dengki dan dendam terhadap orang-orang yang beriman. Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya Engkau amat melimpah belas kasihan dan rahmatMu."

Pada zaman Tabiin, al-Quran telah tesebar dengan seluas-luasnya sehingga tiada ruang untuk meragui kebenaran al-Quran. Begitulah seterusnya golongan Tabiin menyampaikan al-Quran kepada generasi mendatang sehingga sampai kepada generasi hari ini.

Terdapat banyak riwayat di dalam hadis yang menceritakan tentang pengumpulan al-Quran di zaman sahabat seperti hadis berikut:

أَنَّ زَيْدَ بْنَ ثَابِتَ الْأَنْصَارِيَّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ وَكَانَ مِنْ يَكْتُبُ الْوَحْيَ قَالَ أَرْسَلَ إِلَيَّ أَبُو بَكْرَ مَقْتَلَ أَهْلِ الْيَمَامَةِ وَعِنْدَهُ عُمَرٌ فَقَالَ أَبُو بَكْرٍ إِنَّ عُمَرَ أَتَانِي فَقَالَ إِنَّ الْقَتْلَ قَدْ اسْتَحْرَرَ يَوْمَ الْيَمَامَةِ بِالنَّاسِ وَإِنِّي أَخْشَى أَنْ يَسْتَحْرَرَ الْقَتْلُ بِالْقُرَاءِ فِي الْمَوَاطِنِ فَيَذَهَبَ كَثِيرٌ مِنَ الْقُرْآنِ إِلَّا أَنْ يَجْمِعُوهُ وَإِنِّي لَأَرَى أَنْ يَجْمِعَ الْقُرْآنَ قَالَ أَبُو بَكْرٍ قُلْتُ لِعُمَرَ كَيْفَ أَفْعُلُ شَيْئًا لَمْ يَفْعَلْهُ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ عُمَرٌ هُوَ وَاللَّهِ خَيْرٌ فَلَمْ يَزَلْ عُمَرٌ يَرْاجِعُنِي فِيهِ حَتَّى شَرَحَ اللَّهُ لِذَلِكَ صَدَرِي وَرَأَيْتُ الَّذِي رَأَى عُمَرٌ قَالَ زَيْدَ بْنَ ثَابِتَ وَعُمَرٌ عِنْدَهُ جَالِسٌ لَا يَتَكَلَّمُ فَقَالَ أَبُو بَكْرٍ إِنَّكَ رَجُلٌ شَابٌ عَاقِلٌ وَلَا نَتَهَمُكَ كُنْتَ تَكْتُبُ الْوَحْيَ لِرَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَتَتَبَعَّ الْقُرْآنَ فَاجْمَعَهُ فَوَاللَّهِ لَوْ كَانَ فِي نَقْلِ جَبَلٍ مِنَ الْجَبَالِ مَا كَانَ أَثْقَلَ عَلَيَّ مَا أَمْرَنِي بِهِ مِنْ جَمْعِ الْقُرْآنِ قُلْتُ كَيْفَ تَفْعَلُنِ شَيْئًا لَمْ يَفْعَلْهُ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ أَبُو بَكْرٍ هُوَ وَاللَّهِ خَيْرٌ فَلَمْ أَزُلْ أَرْجِعَهُ حَتَّى شَرَحَ اللَّهُ صَدَرِي لِذَلِكَ شَرَحَ اللَّهُ لَهُ صَدَرٌ أَيْ بَكْرٌ وَعُمَرٌ فَقَمْتُ فَتَتَبَعَّ الْقُرْآنَ أَجْمَعَهُ مِنَ الرِّقَاعِ وَالْأَكْتَافِ وَالْعَسَبِ وَصَدُورِ الرِّجَالِ حَتَّى وَجَدْتُ مِنْ سُورَةِ التُّوْبَةِ آيَتَيْنِ مَعَ خِزْمَةِ الْأَنْصَارِيِّ لَمْ أَجِدْهُمَا مَعَ أَحَدٍ غَيْرِهِ لَقَدْ جَاءَكُمْ رَسُولٌ مِنْ أَنفُسِكُمْ عَزِيزٌ عَلَيْهِ مَا عَنْتُمْ حَرِيصٌ عَلَيْكُمْ إِلَى آخِرِهِمَا وَكَانَتِ الصُّحْفُ الَّتِي جَمَعَ فِيهَا الْقُرْآنَ عِنْدَ أَبِي بَكْرٍ حَتَّى تَوَفَّاهُ اللَّهُ ثُمَّ عِنْدَ عُمَرَ حَتَّى تَوَفَّاهُ اللَّهُ ثُمَّ عِنْدَ حَفْصَةَ بِنْتِ عُمَرِ ...<sup>4</sup>

Terjemahan: Zayd bin Thabit al-Anṣārī RA, merupakan di antara orang yang menulis wahyu berkata: “Abū Bakr telah mengutuskan kepadaku khabar pembunuhan ahli Yamāmah”, ‘Umar bin al-Khattab berada di sisinya, lalu

<sup>4</sup> Hadis riwayat al-Bukhārī, (Kitāb al-Tafsīr), no. hadis 4679. Lihat Muḥammad bin Ismā’īl Abū ‘Abd Allāh al-Bukhārī, “Šāhīh al-Bukhārī,” (Riyadh: Dar al-Salām, 1999), 804.

berkata Abū Bakr: “Sesungguhnya ‘Umar telah datang kepadaku dan berkata: peristiwa Yamāmah telah menyebabkan para qari al-Quran terbunuh. Aku bimbang pembunuhan akan membinasakan para qari di tempat-tempat lain (yang berlaku peperangan) seterusnya ramai qari akan mati dan aku berpendapat supaya engkau memerintahkan pengumpulan al-Quran dilakukan”. Aku berkata kepada Umar: “Bagaimanakah kamu ingin melakukan sesuatu yang tidak pernah dibuat oleh Rasulullah”? Berkata ‘Umar: “Demi Allah, ia adalah sesuatu yang baik”. Maka Umar berulang kali datang kepadaku sehingga Allah SWT telah membuka hatiku untuk mengumpul al-Quran dan aku bersetuju dengan pendapat ‘Umar. Berkata Zayd: telah berkata Abū Bakr: “Kamu seorang pemuda yang bijaksana, kami percaya kepadamu, kamu telah menulis wahyu kepada Rasulullah, maka dapatkanlah ayat-ayat al-Quran dan kumpulkannya. Demi Allah, jika mereka menugaskan aku supaya memindahkan satu bukit daripada bukit-bukit, ia tidaklah seberat bebanan yang telah kamu perintahkan kepadaku daripada mengumpulkan al-Quran”. Aku berkata: “Bagaimanakah kamu melakukan sesuatu yang tidak dilakukan oleh Rasulullah SAW”? Beliau berkata: “Ia demi Allah adalah suatu yang baik”. Maka Abū Bakr berulang kali datang kepadaku sehingga Allah SWT telah membuka hatiku untuk perkara tersebut sebagaimana Dia membuka hati Abū Bakr dan ‘Umar. Maka aku telah mendapatkan ayat-ayat al-Quran yang aku kumpul daripada pelepah-pelepah tamar, papan-papan batu dan hafalan para hafiz sehingga aku mendapati akhir Surah *al-Tawbah* dengan Abū Khuzaymah al-Anṣārī, aku tidak mendapatinya dengan orang lain selain daripadanya

لَقَدْ جَاءَكُمْ رَسُولٌ مِّنْ أَنفُسِكُمْ عَزِيزٌ عَلَيْهِ مَا عِنْتُمْ حَرِيصٌ  
... عَلَيْكُمْ

sehingga akhir Surah *Barāah*. Maka helaian-helaian berada dalam simpanan Abū Bakr sehingga beliau diwafatkan oleh Allah SWT, kemudian dalam simpanan ‘Umar ketika hidupnya, kemudian dalam simpanan Hafṣah binti ‘Umar...

Sayidina ‘Uthmān RA dengan kesepakatan para sahabat telah mengumpulkan al-Quran dalam satu kaedah penulisan seterusnya menghantar

beberapa naskhah ke beberapa buah negara Islam setelah berlakunya perselisihan dalam pembacaan (*qirāah*). Beliau telah menyimpan satu naskhah al-Quran di Madinah dengan menamakannya *Mashāf al-Imān*. Bagi menghindari perselisihan tersebut menjadi lebih buruk, beliau memerintahkan supaya naskhah-naskhah yang lain dimusnahkan<sup>5</sup> tanpa mendapat sebarang bantahan daripada para sahabat.

Dengan tindakan yang diambil oleh Sayidina Uthmān ini, maka al-Quran semakin tersebar dalam kalangan orang-orang Islam seterusnya sampai kepada kita hari ini tanpa sebarang keraguan. Tambahan pula, masyarakat Islam sangat prihatin untuk memiliki al-Quran sehingga boleh dikatakan setiap rumah terdapat naskhah al-Quran.

Jika dibandingkan setiap naskhah al-Quran di seluruh dunia, tiada sebarang perbezaan di antaranya. Walaupun ia telah diterjemahkan dalam pelbagai bahasa, masyarakat Islam tidak meninggalkan nas asal al-Quran dalam bahasa Arab serta mempelajarinya.

Umat Islam mengetahui bahawa mukjizat-mukjizat Nabi Muhammad SAW telah berlaku dan dilihat oleh puluhan, ratusan dan boleh jadi ribuan daripada pengikut baginda dalam kalangan orang mukmin termasuk musuh-musuh yang menentang baginda. Kemudian, turun ayat al-Quran sebagai memperingati dan merekodkan mukjizat-mukjizat yang berlaku berserta

---

<sup>5</sup> Mānnā‘ Qaṭṭān, *Mabāḥith fī ‘Ulūm al-Qur’ān* (Riyadh: Maktabah al-Ma‘ārif li al-Nasyr wa al-Tawzī‘, 2000), 131-132.

pengajaran daripadanya kerana al-Quran turun secara berperingkat-peringkat mengikut peristiwa yang berlaku.

Contohnya setelah berlaku peristiwa perang *Aḥzāb*, Allah SWT berfirman dalam al-Quran:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ إِيمَنُوا اذْكُرُوا نِعْمَةَ اللَّهِ عَلَيْكُمْ إِذْ جَاءَتْكُمْ جُنُودٌ  
فَأَرْسَلْنَا عَلَيْهِمْ رِيحًا وَجُنُودًا لَمْ تَرَوْهَا وَكَانَ اللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ  
بَصِيرًا إِذْ جَاءُوكُم مِّنْ فَوْقِكُمْ وَمِنْ أَسْفَلَ مِنْكُمْ وَإِذْ رَاغَتِ  
الْأَبْصَرُ وَبَلَغَتِ الْقُلُوبُ الْحَنَاجِرَ وَتَظَنُّونَ بِاللَّهِ الظُّنُونًا  
هُنَالِكَ أَئْتُنِي الْمُؤْمِنُونَ وَرُزِّلُوا زِلْزَالًا شَدِيدًا ﴿١١﴾

Al-Aḥzāb 33 : 9-11

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman, kenangkanlah nikmat Allah yang dilimpahkan Nya kepada kamu. Semasa kamu didatangi tentera (*al-Aḥzāb*), lalu Kami hantarkan kepada mereka angin ribut (yang kencang) serta angkatan tentera (dari malaikat) yang kamu tidak dapat melihatnya. Dan (ingatlah) Allah sentiasa melihat apa yang kamu lakukan.

Masa itu ialah masa tentera musuh datang melanggar kamu dari sebelah hulu dan dari sebelah hilir (tempat pertahanan) kamu; dan masa itu ialah masa pemandangan mata kamu tidak tentu arah (kerana gempar dan bingung) serta hati pun resah gelisah (kerana cemas dan takut), dan kamu masing-masing pula menyangka terhadap Allah dengan berbagai-bagai sangkaan.

Pada saat itulah diuji orang-orang yang beriman, dan digoncangkan perasaan dan pendiriannya dengan goncangan yang amat dahsyat.

Setelah turunnya al-Quran memperingatkan mukjizat ini, orang-orang mukmin membenarkannya dan ia meningkatkan iman serta keyakinan terhadap Islam. Tidak timbul sebarang keraguan tentang berlakunya mukjizat yang mereka lihat sendiri. Berbeza dengan pihak musuh, mereka hanya mampu berdiam diri terhadap apa yang mereka dengar daripada ayat-ayat Quran yang memperingatkan berkenaan mukjizat tersebut.

Sekiranya semua yang diceritakan oleh al-Quran berkenaan mukjizat tersebut tidak benar, maka tentulah musuh-musuh Nabi Muhammad SAW menjadi orang pertama menyanggahnya kerana ia merupakan satu peluang keemasan untuk mendakwa Muhammad SAW adalah seorang pendusta. Lebih-lebih lagi, mereka ini adalah golongan yang begitu beria-ia untuk mendustakan baginda. Mereka juga merupakan puak-puak yang ingin mencacatkan kenabian dan kebenaran risalah baginda, lantas menaruh keraguan di dalam perkhabaran baginda supaya umat Islam meragui kebenaran Islam seterusnya meninggalkan Islam.

Akan tetapi, ia tidak berlaku bahkan orang mukmin makin bertambah teguh keimanan mereka dan membenarkan tentang apa yang dirakamkan dalam al-Quran. Kaum musyrikin pula hanya mampu berdiam diri terhadap apa yang mereka saksikan daripada mukjizat-mukjizat yang berlaku. Sebaliknya mereka pula selepas itu secara beramai-ramai memeluk agama Islam.

Dapatlah diketahui dengan pengetahuan yang yakin bahawa mukjizat tersebut yang membuktikan kerasulan dan penyaksian kepada kebenaran baginda benar-benar berlaku. Mereka yang berjumlah puluhan, ratusan juga ribuan yang menyaksikan sendiri mukjizat, mereka mengesahkan ‘pentas’ berlakunya mukjizat. Mereka adalah saksi-saksi secara langsung terhadap mukjizat dan berlakunya mukjizat tersebut.<sup>6</sup>

#### **4.3.2 Rekod Mukjizat Dalam *al-Sunnah***

Sebagaimana yang diterangkan tentang rekod mukjizat dalam al-Quran, *al-Sunnah* juga ada merekodkan perincian-perincian mukjizat yang tercatat dalam al-Quran. Dalam masa yang sama terdapat rekod perkara-perkara luar biasa (*al-mu‘jizah al-khāriqah*) dan mukjizat yang tidak disebut dalam al-Quran contohnya mukjizat makanan sedikit menjadi banyak.<sup>7</sup> Keaslian rekod mukjizat di dalam hadis dijaga dengan teliti tanpa menimbulkan sebarang keraguan seolah-olah mukjizat yang direkodkan sedang berlaku secara langsung.

Ini disebabkan Rasulullah SAW adalah tumpuan para sahabat untuk memahami agama Islam sama ada melalui pertuturan, perbuatan dan tingkah laku

---

<sup>6</sup> ‘Abd al-Majīd al-Zindānī et al., *Bayyināt al-Rasūl wa Mu‘jizātuh* (Sana'a: Jāmi‘ah al-Imān, 2004), 225-226.

<sup>7</sup> Hadis riwayat Muslim (Kitab al-Imān), Bab al-Dalīl ‘alā anna Man Māt ‘alā al-Tawhīd Dakhala al-Jannah, no. hadis 138. Lihat Muslim bin al-Hajjāj “Sahīh Muslim,” 1 : 171-172.

baginda. Para sahabat memerhatikan Rasulullah SAW daripada segenap segi termasuk mukjizat baginda.<sup>8</sup>

Untuk mengetahui tahap ketelitian dalam dalam penulisan *al-Sunnah* maka perlu diperhalusi disiplin ilmu hadis yang sangat istimewa dan tidak terdapat dalam lipatan sejarah agama-agama lain. Setiap hadis diriwayatkan secara bersanad untuk dinilai tahap kesahihannya oleh ulama hadis.

#### **4.4 Perkembangan Kefahaman Penggunaan Istilah *al-I'jāz***

Istilah *al-I'jāz al-'Ilmī* adalah istilah kontemporari yang telah tersebar luas pada zaman ini. Akan tetapi permulaannya seiringan dengan ilmu tafsir. Ramai ulama salaf dalam kalangan ahli tafsir telah memberikan pentafsiran yang tepat ketika menghuraikan makna ayat-ayat al-Quran tentang kosmos meskipun fakta-fakta alam semesta masih belum tersingkap melalui penyaksian pada zaman mereka. Tafsiran mereka tidak terhenti dalam ruang lingkup nas semata-mata bahkan mereka berusaha meluaskan skop tafsiran berdasarkan ilmu pengetahuan semasa dan kefahaman (*dirāyah*).

Dari sudut lain, pentafsiran secara *dirāyah* ini boleh dikaitkan dengan *al-Tafsīr al-'Ilmī* yang menzahirkan bentuk-bentuk *al-I'jāz al-'Ilmī* dalam al-

---

<sup>8</sup> 'Abd al-Majīd al-Zindānī et al., *Bayyināt al-Rasūl wa Mu'jizātuh* (Sana'a: Jāmi'ah al-Īmān, 2004), 231-232.

Quran, makna-makna nas dan penjelasan baru secara lebih terperinci yang sentiasa berkembang sepanjang zaman.

Kefahaman terhadap istilah *al-Ijāz* dan *Mujizah* telah melalui pelbagai peringkat perkembangannya zaman berzaman yang menghasilkan pelbagai pandangan dan perincian tertentu. Terdapat usaha untuk mengumpulkan kronologi tentang *Ijāz al-Qur'ān* sepanjang kurun, para pengkaji, pandangan tentang *Ijāz* dan bentuk-bentuknya, karya-karya penting berkaitan *Ijāz* serta kesimpulan karya tersebut yang ditulis oleh Na'im al-Himṣī dalam bukunya *Fikrah Ijāz al-Qur'ān Mundhu al-Bi'thah al-Nabawiyyah Hattā 'Aṣrinā al-Hādīr Ma'a Naqd wa Ta'līq*.

Dr. Ṣalāḥ ‘Abd al-Fattāḥ al-Khālidī (2000) telah membahagikan sejarah fenomena perkembangan kefahaman terhadap *al-Ijāz* kepada tiga peringkat:<sup>9</sup>

- 1) *Ijāz al-Qur'ān* sebagai bukti untuk menetapkan sumber al-Quran daripada Allah SWT dan kenabian Muhammad SAW.

Peringkat ini merupakan asas kepada makna *Ijāz* dan prinsip permulaan untuk perbincangan berkaitan dengannya. Ia bermula dari zaman Nabi Muhammad SAW, zaman sahabat baginda, zaman *al-Tābi'īn* dan zaman *Tābi'i al-Tābi'īn* sehingga kurun ketiga hijrah.

---

<sup>9</sup> Dr. Ṣalāḥ ‘Abd al-Fattāḥ al-Khālidī (2000), *Ijāz al-Qur'ān al-Bayānī wa Dalā'il Maṣdaruhū al-Rabbānī*, ‘Ammān: Dār ‘Ammār li al-Nashr wa al-Tawzī‘, h. 106 - 110.

2) *Ijāz al-Qur'ān* sebagai suatu kajian ilmiah dari sudut *al-Bayānī al-Qur'ānī*(gaya bahasa / sastera).

Dalam peringkat ini, lahirnya ilmu *Balāghah al-Qur'āniyyah* atau ilmu *Asālīb al-Bayān fī al-Qur'ān* atau ilmu *al-Naẓm al-Qur'ānī al-Rā'i*. Ia berlaku pada permulaan kurun keempat hijrah.

3) *Ijāz al-Qur'ān* sebagai suatu kajian menyeluruh terhadap bukti-bukti sumber al-Quran.

Dalam peringkat ini, kajiannya lebih meluas mencakupi hampir kesemua bukti sumber al-Quran yang menetapkan bahawa ia adalah wahyu Allah SWT. Bukti-bukti ini tidak hanya tertakluk kepada aspek sastera, kandungan dan hakikat kebenaran sahaja, tetapi turut memasukkan unsur lain yang mempunyai kaitan terus dengan al-Quran atau pun tidak mempunyai kaitan langsung seperti sirah Nabi SAW sebagai contoh. Bukti-bukti tersebut telah dijadikan sebagai *Awjuh al-Ijāz* (Bentuk-bentuk Mukjizat).

Hasil daripada perkembangan dalam peringkat ini, lahirnya bentuk-bentuk mukjizat yang diambil daripada isi kandungan al-Quran contohnya seperti: *al-Ijāz al-'Ilmī*(Mukjizat Saintifik), *al-Ijāz al-Tashrī'ī*(Mukjizat Pensyariatan), *al-Ijāz al-'Adadī*(Mukjizat Angka), *al-Ijāz al-Ghaybī*(Mukjizat Perkara Ghaib), *al-Ijāz al-Tārīkhī*(Mukjizat Sejarah) dan lain-lain.

Mukjizat al-Quran menjelma dalam beberapa bahagian sebagaimana yang telah digariskan oleh al-Zindānī:

**Pertama:** *Faṣāḥah al-Qur’ān* dan *balāghah* pada lafaz, gaya bahasa serta strukturnya. Perkara tersebut merupakan fokus cabaran daripada Allah SWT terhadap manusia dan jin supaya mendatangkan seumpama al-Quran. Firman Allah SWT:

**Kedua:** Al-Quran merupakan mukjizat kerana mengandungi perkhabaran-perkhabaran ghaib yang berlaku pada masa silam, membongkar sesuatu yang tersemat dalam hati manusia kepada Rasulullah SAW ketika turunnya ayat.

**Ketiga:** Al-Quran mengandungi perkhabaran-perkhabaran ghaib yang kebanyakannya telah berlaku dan sedang berlaku sehingga ke hari ini serta pada masa akan datang.

Perkara ghaib adalah suatu perkara yang tersembunyi daripada pengetahuan makhluk. Ia tidak diketahui secara pasti dan betul melainkan Allah SWT. Apabila Allah SWT membukakan perkara ghaib tersebut kepada rasul Nya, ia menjadi bukti kebenaran rasul tersebut dan mereka adalah utusan Allah SWT yang benar.

Perkara ghaib pada masa silam meliputi sejarah agama, sejarah manusia dan sejarah alam semesta. Manakala perkara ghaib pada zaman Rasulullah SAW seperti peristiwa-peristiwa yang berlaku jauh tanpa kehadiran baginda akan tetapi Rasulullah SAW mengetahui dan menyatakan peristiwa tersebut. Ada juga yang tersemat dalam hati manusia lalu Rasulullah SAW mengetahuinya melalui perkhabaran wahyu. Perkara ghaib pada masa akan datang pula akan berlaku pada generasi dan alam semesta masa hadapan.<sup>10</sup>

Al-Zindānī mempunyai pandangan dan metode tersendiri dalam kajian *al-Ijāz al-‘Ilmī*. Jika dilihat daripada aspek sejarah, *al-Ijāz al-‘Ilmī* berkait rapat dengan sejarah istilah *Ijāz al-Qur’ān* itu sendiri. Menurut al-Zindānī, istilah *al-Ijāz* telah lama digunakan sejak beberapa kurun dahulu lalu ia telah tersebar dan meluas penggunaannya dalam kalangan umat Islam. Jadi, istilah *al-Ijāz al-‘Ilmī* ialah perkataan *al-Ijāz* yang kemudiannya digabungkan dengan perkataan *al-‘Ilm*.

Al-Zindānī menyatakan bahawa tidak dapat dipastikan siapakah orang terawal yang mula memperkatakan tentang *al-Ijāz al-‘Ilmī*. Apa yang boleh dinyatakan di sini, apabila berlaku percampuran pengetahuan moden dan penemuan fakta saintifik, sekumpulan umat Islam telah menggabungkan antara dua pengetahuan tersebut lalu mereka melihat adanya hubungan dan perkaitan antara fakta saintifik tersebut dengan al-Quran. Mereka adalah orang pertama yang memperkatakan tentang *al-Ijāz al-‘Ilmī*.

<sup>10</sup> ‘Abd al-Majid al-Zindānī, *‘Ilm al-‘Imān* (Sana'a: Jāmi‘ah al-‘Imān, 2000), 213-214.

Al-Zindānī lebih cenderung menggunakan istilah *al-Bayyinah al-‘Ilmiyyah* menggantikan istilah *al-I‘jāz al-Ilmī* kerana mengutamakan istilah al-Quran yang pastinya lebih tepat dan lengkap. Walau bagaimana pun, istilah *al-I‘jāz al-Ilmī* atau *al-Mu‘jizah al-Ilmiyyah* lebih dikenali dan diguna pakai secara meluas dalam kalangan umat Islam sehingga ia mengatasi penggunaan istilah dalam al-Quran. Tambahan pula, istilah *al-I‘jāz* telah digunakan secara meluas sejak sekian lama menyebabkan kefahaman umat Islam lebih hampir dengan istilah tersebut.<sup>11</sup>

#### **4.5 Pendirian Ulama Terhadap *al-Tafsīr al-Ilmī* dan *al-I‘jāz al-Ilmī***

Secara ringkasnya para ulama Islam yang membahaskan tentang *al-Tafsīr al-Ilmī* di dalam al-Quran terbahagi kepada dua kumpulan;

**Kumpulan pertama :** mengharuskan pentafsiran ilmiah terhadap al-Quran, menyeru ke arahnya, melihatnya sebagai satu lembaran baru dan merupakan satu reformasi jalan dakwah kepada Allah SWT serta sebagai petunjuk ke jalan Allah SWT.

**Kumpulan kedua :** berpendapat pentafsiran jenis ini telah mengeluarkan al-Quran daripada objektif sebenar penurunannya, melibatkannya dalam

---

<sup>11</sup> “Ta’ īl al-I‘jāz al-Ilmī fī al-Qur’ān wa al-Sunnah,” Jāmi‘ah al-Īmān, 2002, video.

perkara yang merupakan logik akal manusia semata-mata, serta menjadikannya medan ujian yang ada kalanya benar dan salah.<sup>12</sup>

Dalam perkembangan lain, ketika membicarakan tentang *al-I'jāz al-'Ilmī*, tidak berlaku pertentangan pendapat yang ketara dalam kalangan ulama bahkan majoriti ulama Islam hampir sepakat menyatakan penerimaan mereka terhadap *al-I'jāz al-'Ilmī*. Hal ini berlaku disebabkan adanya usaha menggariskan kaedah menjadikan *al-I'jāz al-'Ilmī* satu bidang ilmu baru yang khusus berdasarkan disiplin, syarat-syarat dan kaedah-kaedah tertentu yang telah disepakati. Lebih-lebih lagi, kaedah ini bersumberkan al-Quran dan *al-Sunnah*.

Oleh sebab itu, kitab *Ta' ȳl al-I'jāz al-'Ilmī fī al-Qur'ān wa al-Sunnah* oleh al-Zindānī telah mengubah dimensi dan perspektif para ulama terhadap *I'jāz al-'Ilmī*.

Walau bagaimanapun dalam keghairahan sesetengah penulis tentang kajian *al-I'jāz al-'Ilmī* yang kurang peka terhadap kepentingan kaedah-kaedah *al-I'jāz al-'Ilmī* telah menyebabkan mereka tersasar daripada memahami konsep sebenar *al-I'jāz al-'Ilmī*.

---

<sup>12</sup> Shaykh Muḥammad al-Amīn Walad al-Shaykh (t.t), “Khulāṣah Bahثh al-Tafsīr al-'Ilmī li al-Qur'ān Bayn al-Mujīzīn wa al-Māni‘īn” dalam ‘Abd al-Majīd al-Zindānī, *Ta' ȳl al-I'jāz al-'Ilmī fī al-Qur'ān wa al-Sunnah*, 80.

Kesan penulisan yang tersasar ini bukan sahaja mencemarkan imej Islam dan menimbulkan kekeliruan terhadap wahyu, bahkan boleh mengaburkan bukti kebenaran agama Islam untuk manusia pada zaman ini.

Oleh sebab itu, perlu perlu difahami definisi *al-I'jāz al-'Ilmī* supaya perbahasan dan kajian yang dilakukan tidak lari daripada skop dan fokus sebenar *al-I'jāz al-'Ilmī*.

#### 4.6 Definisi *al-I'jāz al-'Ilmī*

Definisi ialah kenyataan yang ringkas dan padat bagi menjelaskan konsep atau makna sesuatu kata, frasa, dan lain-lain.<sup>13</sup> Al-Zind n telah mendefinisikan *al-I'jāz al-'Ilmī* seperti berikut:

تعريف الإعجاز العلمي: هو إخبار القرآن الكريم أو السنة النبوية بحقيقة  
أثبتها العلم التجريبي ، وثبت عدم إمكانية إدراكتها بالوسائل البشرية  
في زمن الرسول صلى الله عليه وسلم .

Terjemahan: Definisi *al-I'jāz al-'Ilmī* : perkhabaran al-Quran dan *al-Sunnah* tentang hakikat sesuatu yang dapat dibuktikan oleh ilmu eksperimen dan hal itu belum tercapai kerana keterbatasan peralatan manusia pada zaman Rasulullah SAW.<sup>14</sup>

<sup>13</sup> Kamus Dewan, ed. ke-4 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007), 326, entri “definisi.”

<sup>14</sup> ‘Abd al-Majid al-Zind nī, *Ta'sīl al-I'jāz al-'Ilmī fī al-Qur'ān wa al-Sunnah*, 10.

Definisi tersebut telah diterima pakai oleh *al-Hay'ah al-'Ālamiyah li al-Ijāz al-Ilmīfi al-Qurān wa al-Sunnah*. Menurut Dr. Musā'id al-Ṭayyār (2007), boleh dikatakan hampir kesemua pengkaji *al-Ijāz al-Ilmī* bersepakat tentang maksud tersebut.<sup>15</sup>

Daripada definisi al-Zindānī, *al-Ijāz al-Ilmī* mestilah memenuhi kriteria-kriteria berikut:

- i. Ia adalah perkhabaran berasaskan al-Quran atau hadis yang boleh diterima sebagai sandaran hujah (dinilai *sahīh* atau *ḥasan*).
- ii. Fakta sains yang dikemukakan adalah fakta muktamad yang diperakui kesahihannya melalui penyaksian (*Mushāhadah*) berdasarkan eksperimen atau kesimpulan akal. Teori, hipotesis, andaian dan seumpamanya ditolak sehingga terbukti kebenarannya melalui penyaksian. Kajian yang dibuat hendaklah berdasarkan kaedah-kaedah *al-Ijāz al-Ilmī* dan metode kajian ilmiah yang muktamad.
- iii. Terbukti ketidakmampuan peralatan manusia pada zaman Rasulullah SAW untuk mencerap hakikat tersebut. Zaman Rasulullah SAW merujuk zaman penurunan al-Quran kepada bangsa Arab khususnya dan bangsa-bangsa lain di dunia amnya serta tahap keilmuan mereka dalam bidang sains teknologi. Hal ini membuktikan kebenaran Rasulullah SAW yang telah menyampaikan ilmu daripada Allah SWT.

---

<sup>15</sup> Dr. Musā'id Ibn Sulaymān al-Ṭayyār, *Taṣḥīḥ Tarīqah Mu'ālajah Tafsīr al-Salaf fī Buḥūth al-Ijāz al-'Ilmī* (t.p. : Majallah Ma'had al-Imām al-Shāṭibī li al-Dirāsāt al-Qur'āniyyah, 2007), 78.

Oleh demikian, *al-I'jāz al-Ilmī* dapat difahami sebagai perkhabaran al-Quran dan *al-Sunnah* tentang hakikat fakta sains yang disaksikan bertepatan dengan kaedah-kaedah khusus *al-I'jāz al-Ilmī* terhadap sesuatu yang dapat dibuktikan oleh ilmu eksperimen dan hal itu belum tercapai kerana keterbatasan peralatan manusia pada zaman Rasulullah SAW. Hal ini membuktikan kebenaran Rasulullah SAW yang telah menyampaikan ilmu daripada Allah SWT.

#### 4.7 Keistimewaan *al-I'jāz al-Ilmī*

Al-Zindānī sangat menitikberatkan kajian *al-I'jāz al-Ilmī* kerana beberapa keistimewaan berikut:

##### 4.7.1 Ilmu Ilahi

Allah SWT telah menurunkan al-Quran yang mengandungi ilmu Ilahi.<sup>16</sup> Ilmu Allah SWT yang terkandung dalam al-Quran adalah ilmu yang luas dan meliputi segala sesuatu. Firman Allah SWT:

لَكِنَّ اللَّهُ يَشْهُدُ بِمَا أَنْزَلَ إِلَيْكَ أَنْزَلَ رَبُّكَ عِلْمٌ هُوَ أَعْلَمُ بِهِ وَالْمَلَائِكَةُ يَشْهُدُونَ  
وَكَفَىٰ بِاللَّهِ شَهِيدًا

Al-Nisā' 4: 166

<sup>16</sup> Lihat dalil yang lain dalam Surah Hud ayat 14 dan Surah al-Furqān ayat 6.

Terjemahan: (Orang-orang kafir itu tidak mahu mengakui apa yang telah diturunkan Allah kepadamu wahai Muhammad), tetapi Allah sentiasa menjadi saksi akan kebenaran al-Quran yang telah diturunkan Nya kepadamu. Allah menurunkannya dengan ilmu Nya, dan malaikat juga turut menjadi saksi. Dan cukuplah Allah menjadi saksi (akan kebenaran al-Quran ini).

Al-Quran yang merupakan mukjizat terbesar Nabi Muhammad SAW yang masih wujud dan kekal sehingga kini seterusnya sehingga ke hari kiamat dan di dalamnya terkandung ilmu Allah SWT yang menjadi hujah kepada manusia. Sebahagian ayat al-Quran membicarakan tentang alam semesta, langit, bumi, kejadian manusia dan lain-lain.

Pada zaman ini, antara dalil-dalil mukjizat yang paling nyata ialah *al-I'jāz al-'Ilmī* yang telah mengemukakan kepada seluruh manusia mukjizat yang mengandungi sebahagian daripada ilmu Ilahi. Firman Allah SWT:

لَكِنَّ اللَّهُ يَشْهُدُ بِمَا أَنْزَلَ إِلَيْكَ أَنْزَلَهُ بِعِلْمِهِ وَالْمَلَائِكَةُ يَشْهُدُونَ  
وَكَفَىٰ بِاللَّهِ شَهِيدًا

Al-Nisā' 4: 166

Terjemahan: (Orang-orang kafir itu tidak mahu mengakui apa yang telah diturunkan Allah kepadamu wahai Muhammad), tetapi Allah sentiasa menjadi saksi akan kebenaran al-Quran yang telah diturunkan Nya kepadamu. Allah menurunkannya dengan ilmu Nya, dan malaikat juga turut menjadi saksi. Dan cukuplah Allah menjadi saksi (akan kebenaran al-Quran ini).

Kemajuan manusia dalam sains dan teknologi menyebabkan pelbagai alatan dan mesin dapat dicipta. Manusia dapat meneroka angkasa lepas, menyelam ke dasar lautan dan membuat kajian terhadap alam semesta. Banyak fakta saintifik dan rahsia kejadian alam semesta dapat ditemui sehingga para saintis begitu terpegun dengan hakikat yang mereka lihat.

Allah SWT tidak memungkiri janji-janji Nya. Usaha-usaha dan penemuan-penemuan yang dilakukan oleh manusia telah menzahirkan kebenaran ayat-ayat al-Quran tersebut. Di sini berlakunya mukjizat al-Quran yang telah diturunkan lebih 14 abad yang lalu. Fakta-fakta saintifik ini hanya diketahui oleh manusia setelah terciptanya peralatan yang memungkinkan mereka membuat kajian. Ini menunjukkan bahawa al-Quran mengandungi ilmu Allah SWT dan datang daripada Nya. Firman Allah SWT:

لَكِنَّ اللَّهُ يَشْهُدُ بِمَا أَنْزَلَ إِلَيْكَ أَنَّ لَهُ عِلْمٌ وَالْمَلَائِكَةُ يَشْهُدُونَ  
وَكَفَىٰ بِاللَّهِ شَهِيدًا

Al-Nisā' 4: 166

Terjemahan: (Orang-orang kafir itu tidak mahu mengakui apa yang telah diturunkan Allah kepadamu wahai Muhammad), tetapi Allah sentiasa menjadi saksi akan kebenaran al-Quran yang telah diturunkan Nya kepadamu. Allah menurunkannya dengan ilmu Nya, dan malaikat juga turut menjadi saksi. Dan cukuplah Allah menjadi saksi (akan kebenaran al-Quran ini).

سُرِّيْهِمْ ءَايَتِنَا فِي الْأَفَاقِ وَفِي أَنفُسِهِمْ حَتَّىٰ يَتَبَيَّنَ لَهُمْ أَنَّهُ الْحُقْقُ أَوْلَمْ  
يَكُفِ بِرَبِّكَ أَنْهُ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ شَهِيدٌ

Fuṣṣilat 41: 53

Terjemahan: Kami akan **perlihatkan** kepada mereka tanda-tanda kekuasaan Kami di merata-rata tempat (dalam alam yang terbentang luas ini) dan pada diri mereka sendiri, sehingga ternyata jelas kepada mereka bahawa al-Quran adalah benar. Belumkah ternyata kepada mereka kebenaran itu dan belumkah cukup (bagi mereka) bahawa Tuhanmu mengetahui dan menyaksikan tiap-tiap sesuatu?

#### 4.7.2 Mukjizat Universal

Para rasul sebelum Nabi Muhammad SAW diutuskan secara khusus kepada kaum masing-masing pada waktu yang tertentu dan masa yang terhad. Oleh sebab itu, mereka diberikan mukjizat berbentuk *hissiyyah* seperti tongkat Nabi Musa AS yang bertukar menjadi ular dan Nabi Isa AS dapat menghidupkan orang yang telah mati dengan izin Allah SWT. Kesan mukjizat *hissiyyah* ini akan berterusan bertahan dalam tempoh tertentu untuk risalah setiap rasul tersebut.

Apabila manusia mengubah agama Allah SWT, rasul yang lain akan diutuskan dengan membawa agama yang direndai Nya, mukjizat yang baru serta bukti-bukti kerasulan yang zahir.<sup>17</sup> Jelaslah bahawa Allah SWT menguatkan hujah untuk para rasul melalui mukjizat-mukjizat supaya manusia lebih meyakini perkhabaran para rasul.

<sup>17</sup> ‘Abd al-Majid al-Zind nī, *Ta’sīl al-Ijāz al-‘Ilmī fī al-Qur’ān wa al-Sunnah*, 11.

Oleh sebab itu, mukjizat nabi-nabi terdahulu hanya tercatat dalam lipatan sejarah. Penganut agama Yahudi atau Kristian tidak mampu menunjukkan mukjizat nabi-nabi yang diutuskan kepada mereka. Kaum Yahudi pasti tidak mampu untuk mendatangkan tongkat Nabi Mūsā AS ataupun salah satu daripada mukjizat-mukjizat baginda. Begitu juga dengan penganut agama Kristian, mereka pasti tidak mampu untuk menunjukkan kepada manusia pada hari ini mukjizat-mukjizat Nabi ‘Īsā AS. Yahudi dan Kristian hanya mempunyai riwayat-riwayat sejarah tentang mukjizat tersebut. Ini membuktikan agama Yahudi dan Kristian adalah agama untuk kaum di zaman tersebut kerana mukjizat Nabi Mūsā AS dan Nabi ‘Īsā AS tidak kekal.

Kepercayaan mereka terhadap agama dibina di atas sejarah mukjizat tersebut. Jika bukan kerana peristiwa mukjizat tersebut tercatat di dalam al-Quran, agak sukar bagi umat Islam untuk memastikan adakah peristiwa tersebut benar-benar berlaku kerana kitab-kitab suci mereka telah diubah.

Antara tanda-tanda kebijaksanaan Allah SWT yang paling nyata, Dia menjadikan tanda-tanda setiap rasul yang diutuskan bersesuaian dengan kaumnya supaya menjadi satu hujah yang jelas dan sebagai satu mukjizat yang terang serta nyata.

Allah SWT mengurniakan kepada Nabi Muhammad SAW mukjizat-mukjizat yang sesuai dengan kaum yang diutuskan padanya daripada kalangan

bangsa Arab, bangsa-bangsa lain daripada umat manusia dalam generasi tersebut serta generasi-generasi yang datang selepas mereka sehingga ke hari kiamat.

Mukjizat Nabi Muhammad SAW merupakan suatu yang amat penting kerana ianya merupakan satu-satunya mukjizat yang masih kekal sehingga ke hari ini daripada mukjizat-mukjizat para rasul selainnya sebagai membuktikan kebenaran baginda SAW, kebenaran para rasul sebelum baginda dan dengannya (mukjizat) menjadi hujah kepada sekalian manusia.

Berlaku perkara yang berbeza terhadap mukjizat nabi Muhammad SAW berbanding dengan mukjizat para rasul sebelum baginda. Allah SWT telah mengutuskan Nabi Muhammad SAW sebagai rasul terakhir dengan risalah terakhir serta jaminan untuk menjaga agama Nya. Oleh sebab itu, walaupun ada mukjizat yang berbentuk *ḥissi*, Nabi Muhammad SAW juga telah diberikan mukjizat teragung yang terus kekal untuk manusia sehingga ke hari kiamat.

Firman Allah SWT dalam al-Quran:

قُلْ أَيُّ شَيْءٍ أَكْبَرُ شَهِدَةً قُلْ إِنَّ اللَّهَ شَهِيدٌ بِي وَبِنِيكُمْ وَأُوْحَى إِلَيَّ هَذَا الْقُرْءَانُ لِأَنذِرَكُمْ بِهِ وَمَنْ بَلَغَ ...  
19

Al-An‘ām 6 : 19

Terjemahan: Bertanyalah (wahai Muhammad): "Apakah sesuatu yang lebih besar persaksianya?" (Bagi menjawabnya) katakanlah: "Allah menjadi saksi antaraku dengan kamu, dan diwahyukan kepadaku al-Quran ini, supaya aku memberi amaran dengannya kepada kamu dan

juga (kepada) sesiapa yang telah sampai kepadanya seruan al-Quran itu ...

Dalam ayat tersebut ada perkara yang berkaitan dengan *al-I'jaz al-'Ilmi* sebagaimana terdapat isyarat dalam ayat al-Quran yang lain iaitu:

لَكِنَّ اللَّهَ يَشْهُدُ بِمَا أَنْزَلَ إِلَيْكَ أَنَّهُ أَعْلَمُ بِعِلْمِهِ وَالْمَلَائِكَةُ يَشْهُدُونَ وَكَفَىٰ بِاللَّهِ شَهِيدًا

al-Nisā' 4: 166

Terjemahan: (Orang-orang kafir itu tidak mahu mengakui apa yang telah diturunkan Allah kepadamu wahai Muhammad), tetapi Allah sentiasa menjadi saksi akan kebenaran al-Quran yang telah diturunkan Nya kepadamu. **Allah menurunkannya dengan ilmu Nya**, dan malaikat juga turut menjadi saksi. Dan cukuplah Allah menjadi saksi (akan kebenaran al-Quran ini).

Jika diamati, gabungan kedua-dua ayat tersebut menyatakan tentang penyaksian Allah SWT sendiri terhadap al-Quran yang mengandungi ilmu Ilahi. Dengan kata lain, Allah SWT akan memperlihatkan ilmu Nya yang terkandung di dalam al-Quran kepada manusia.

Ayat berikutnya menjadi bukti bahawa *al-I'jaz al-'Ilmi* adalah mukjizat universal yang dapat difahami oleh manusia keseluruhannya sama ada orang Arab

atau Ajam.<sup>18</sup> Ia akan menjadi fenomena yang nyata dan sentiasa diperbaharui sehingga ke hari kiamat.<sup>19</sup> Firman Allah SWT:

إِنْ هُوَ إِلَّا ذِكْرٌ لِّلْعَالَمِينَ ﴿٨٧﴾ وَلَتَعْلَمُنَّ نَبَاهُ بَعْدَ حِينٍ

Şad 38: 87-88

Terjemahan: Al-Quran tidak lain hanyalah peringatan bagi penduduk seluruh alam. Dan demi sesungguhnya, kamu akan mengetahui kebenaran perkara-perkara yang diterangkannya, tidak lama lagi.

لِكُلِّ نَبَاهٍ مُّسْتَقْرِئٌ وَسَوْفَ تَعْلَمُونَ ﴿٦٧﴾

al-An'am 6 : 67

Terjemahan: Tiap-tiap khabar berita mempunyai masa yang menentukannya (yang membuktikan benarnya atau dustanya); dan kamu akan mengetahuinya.

#### 4.7.3 Mukjizat Yang Sentiasa Diperbaharui Sepanjang Zaman

Kehendak Allah SWT menjadikan setiap berita atau perkhabaran akan terserlah menjadi nyata dalam waktu tertentu. Jika muncul kejadian dengan jelas, maka nampaklah erti yang dimaksudkan oleh huruf-huruf dan lafaz-lafaz dalam al-

<sup>18</sup> Orang Islam yang bukan bangsa Arab. Lihat *Kamus Dewan*, ed. ke-4 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007), 20, entri “Ajam.”

<sup>19</sup> ‘Abd al-Majid al-Zind nī, *Ta’sīl al-I’jāz al-‘Ilmī fī al-Qur’ān wa al-Sunnah*, 13.

Quran. Akhirnya, *al-I'jāz al-'Ilmī* menjadi realiti pada suatu masa sebagaimana tersebut dalam ayat berikut.<sup>20</sup>

لِكُلِّ نَبَأٍ مُّسْتَقِرٌ وَسَوْفَ تَعْلَمُونَ ﴿٦﴾

al-An'ām 6 : 67

Terjemahan: Tiap-tiap khabar berita mempunyai masa yang menentukannya (yang membuktikan benarnya atau dustanya); dan kamu akan mengetahuinya.

إِنَّهُوَ إِلَّا ذِكْرٌ لِلْعَالَمِينَ ﴿٨٧﴾ وَلَتَعْلَمُنَّ نَبَأً بَعْدَ حِينٍ ﴿٨٨﴾

Sād 38: 87-88

Terjemahan: Al-Quran tidak lain hanyalah peringatan bagi penduduk seluruh alam. Dan demi sesungguhnya, kamu akan mengetahui kebenaran perkara-perkara yang diterangkannya, tidak lama lagi.

Oleh kerana Rasulullah SAW adalah utusan kepada manusia keseluruhannya maka Allah telah menjadikan bukti-bukti kerasulan dan mukjizat-mukjizat baginda sentiasa diperbaharui sepanjang zaman, cukup untuk bangsa manusia berbagai pengetahuan, kebudayaan dan ideologi mereka.

Sesiapa yang inginkan bukti, dia pasti akan menemui dan melihatnya, pada zaman kerasulan, selepasnya, hari ini dan zaman yang akan datang sehingga ke hari kiamat.

---

<sup>20</sup> *Ibid.*, 14.

#### **4.7.4 Mukjizat yang Meliputi Alam Semesta**

Perkhabaran-perkhabaran tentang bumi dan langit dalam al-Quran dan *al-Sunnah* lebih nyata pada abad penemuan ini. Al-Quran dan *al-Sunnah* sarat dengan berita tentang alam dan rahsia-rahsianya. Pada abad ini, ilmu pengetahuan manusia dengan penemuan-penemuan yang terus menerus di permukaan bumi dan di angkasa, membuktikan hakikat ilmu yang diwahyukan dalam al-Quran dan *al-Sunnah*. Firman Allah SWT dalam al-Quran:

إِنَّ فِي الْسَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ لَآيَاتٍ لِّلْمُؤْمِنِينَ ﴿٣﴾

Al-Jāthiah 45: 3

Terjemahan: Sesungguhnya pada langit dan bumi terdapat tanda-tanda (yang membuktikan kekuasaan Allah) bagi orang-orang yang beriman.

#### **4.7.5 Penurunan al-Quran dalam Era Kejahilan dan Kegelapan**

Mereka adalah kaum yang meyakini khurafat dan sihir, perdukunan, tilik nasib, khayalan, undian nasib, pesimisme terhadap bulan-bulan tertentu, mempercayai tuah dan malang daripada binatang tertentu, mencari perlindungan dari raja-raja jin di daerah pergunungan dan sungai-sungai. Itulah contoh kesesatan pemikiran yang dimiliki orang Arab ketika al-Quran diturunkan. Firman Allah SWT dalam al-Quran:

هُوَ الَّذِي بَعَثَ فِي الْأُمَّيَّنَ رَسُولًا مِّنْهُمْ يَتَوَلَّهُ عَلَيْهِمْ إِيمَانُهُمْ وَيُزَكِّيهِمْ  
وَيُعَلِّمُهُمُ الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ وَإِنْ كَانُوا مِنْ قَبْلُ لِفِي ضَلَالٍ مُّبِينٍ ﴿٢﴾

Al-Jumu'ah 62: 2

Terjemahan: Dia lah yang telah mengutuskan dalam kalangan orang-orang (Arab) yang *Ummiyān*, seorang Rasul (Nabi Muhammad SAW) dari bangsa mereka sendiri, yang membacakan kepada mereka ayat-ayat Allah (yang membuktikan keesaan Allah dan kekuasaanNya), dan membersihkan mereka (dari iktiqad yang sesat), serta mengajarkan mereka kitab Allah (al-Quran) dan hikmah (pengetahuan yang mendalam mengenai hukum-hukum syarak). Dan sesungguhnya mereka sebelum (kedatangan Nabi Muhammad) itu adalah dalam kesesatan yang nyata.

Pada masa itu dan kepada umat itu wahyu diturunkan, di dalamnya ada ilmu Allah SWT yang menjelaskan rahsia-rahsia tentang bermacam-macam hal, memperincikan penciptaan dalam diri manusia, menyatakan asal usulnya, menjelaskan rahsia-rahsia saat ini dan menerangkan keadaan masa depan yang akan dilalui oleh semua makhluk.

#### 4.7.6 Janji Allah SWT untuk Memperlihatkan Mukjizat

Allah SWT menunaikan janji Nya untuk memperlihatkan kepada manusia bukti-bukti mukjizat. Kemajuan sains dan teknologi pada zaman ini dipelopori oleh orang kafir menyebabkan mereka mampu menyingkap rahsia alam serta melihat hakikat kejadian makhluk-makhluk ciptaan Allah SWT. Firman Allah SWT dalam al-Quran:

سُرِّيْهِمْ ءَايَتِنَا فِي الْأَفَاقِ وَفِي أَنْفُسِهِمْ حَتَّىٰ يَتَبَيَّنَ لَهُمْ أَنَّهُ الْحُقْقُ أَوْلَمْ  
يَكْفِ بِرَبِّكَ أَنَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ شَهِيدٌ

Fuṣṣilat 41: 53

Terjemahan: Kami akan perlihatkan kepada mereka tanda-tanda kekuasaan Kami di merata-rata tempat (dalam alam yang terbentang luas ini) dan pada diri mereka sendiri, sehingga ternyata jelas kepada mereka bahawa al-Quran adalah benar. Belumkah ternyata kepada mereka kebenaran itu dan belumkah cukup (bagi mereka) bahawa Tuhanmu mengetahui dan menyaksikan tiap-tiap sesuatu?

وَقُلِ الْحَمْدُ لِلَّهِ سَيِّدِ الْكُمُرِءَ اِيَّتِهِ فَتَعْرُفُونَهَاٰ وَمَا رَبُّكَ بِغَافِلٍ عَمَّا  
تَعْمَلُونَ

Al-Naml 27: 93

Terjemahan: Dan katakanlah (wahai Muhammad): "Segala puji tertentu bagi Allah (yang melimpahkan nikmat-nikmat Nya yang tidak terhitung), Ia akan memperlihatkan kepada kamu tanda-tanda kekuasaan Nya supaya kamu dapat mengetahuinya (dengan jelas nyata)"; dan Tuhanmu tidaklah lalai akan segala yang kamu lakukan.

#### 4.8 Kepentingan *al-I'jāz al-'Ilmī* Pada Zaman Ini

Al-Zindānī telah mengemukakan beberapa kepentingan kajian *al-I'jāz al-'Ilmī* khususnya pada zaman ini:

- a. Memperbaharui bukti kebenaran risalah Islam pada zaman penemuan saintifik.
- b. Memperbetulkan hala tuju ilmu eksperimen sains dunia.
- c. Mengaktifkan orang Islam untuk penerokaan-penerokaan alam melalui dorongan keimanan.
- d. Mengemukakan dalil-dalil keimanan untuk menguatkan iman orang mukmin.<sup>21</sup>

#### **4.9 Definisi *al-Tafsīr al-‘Ilmī***

Istilah *al-I‘jāz al-‘Ilmī* berkait rapat dengan *al-Tafsīr al-‘Ilmī* terhadap ayat-ayat *al-kawniyah* (kosmologi).<sup>22</sup> Menurut Muḥammad Husayn al-Dhahabī (2005), maksud *al-Tafsīr al-‘Ilmī* ialah pentafsiran terhadap istilah-istilah saintifik berdasarkan ayat-ayat al-Quran melalui usaha untuk mengintegrasikan pelbagai ilmu pengetahuan dan falsafah berkaitan ilmu tersebut.<sup>23</sup>

Manakala menurut al-Zindanī, *al-Tafsīr al-‘Ilmī* ialah menerangkan makna-makna ayat al-Quran atau hadis berdasarkan sebahagian teori ilmu kosmologi yang lebih kuat dan terserlah kesahihannya.<sup>24</sup>

---

<sup>21</sup> *Ibid.*, 32-34.

<sup>22</sup> *Ibid.*, 25.

<sup>23</sup> Dr. Muḥammad Ḥusayn al-Dhahabī (2005), *al-Tafsīr wa al-Mufassirūn*. (Beirut: Avand Danesh LTD), j. 2, 321.

<sup>24</sup> ‘Abd al-Majīd al-Zind nī, *Ta’sīl al-I‘jāz al-‘Ilmī fī al-Qur’ān wa al-Sunnah*, 24.

Perbezaan kefahaman dan definisi *al-Tafsīr al-‘Ilmī* telah menyebabkan pendapat para ulama tentangnya dibuat daripada perspektif yang berbeza sama ada menolak atau menyokong. Kesimpulannya, *al-Tafsīr al-‘Ilmī* diharuskan sekiranya menepati segala syarat dan kaedah yang berkaitan serta dilakukan oleh sesiapa yang layak kerana dikurniakan kepakaran ilmu al-Quran dan ilmu tentang kosmologi.

#### **4.10 Perbezaan antara *al-Ijāz al-Ilmī* dan *al-Ijāz al-Tashrī’ī***

Jika dilihat secara sepantas lalu, kemungkinan berlaku kekeliruan di dalam memahami *al-Ijāz al-Ilmī* dan *al-Ijāz al-Tashrī’ī* kerana kedua-duanya berkaitan dengan fakta-fakta sains yang telah dibuktikan melalui eksperimen dan maklumat ini tidak diketahui pada zaman Nabi SAW. Tetapi pada hakikatnya, ia merupakan dua perkara yang berbeza.

Istilah *al-Ijāz al-Tashrī’ī* berkaitan dengan penerangan hukum-hukum syarak yang telah dinyatakan oleh al-Quran tanpa disebut fakta-fakta sains. Melalui hukum tersebut, para ulama dapat mengenal pasti sebab dan alasan penetapan sesuatu hukum berdasarkan kajian sains yang menzhirkan sebahagian hikmah di sebalik pensyariatan tersebut. Contohnya kemudaratan memakan bangkai, darah, daging babi dan sebagainya. Manakala *al-Ijāz al-Ilmī* berkaitan dengan fakta sains yang tidak diketahui pada zaman Rasulullah SAW.<sup>25</sup>

---

<sup>25</sup> Dr. Ṣāliḥ Ṣawāb, *al-Ijāz fī al-Qur’ān al-Karīm* (Sana'a: Maktabah Dār al-Āfāq, t.t) 87 – 88.

#### 4.11 Kaitan antara *al-Ijaz al-'Ilmi* dan *al-Khawariq al-'Adah*

Allah SWT menjadikan alam semesta dengan peraturan-peraturan tertentu. Peraturan-peraturan tersebut berlaku pada alam semesta dan tidak boleh diubah kecuali dengan keizinan dan kekuasaan Allah SWT sahaja.<sup>26</sup>

Sebagai contoh, Nabi Muhammad SAW diberikan keizinan oleh Allah SWT untuk menjadikan bulan terbelah dua dan disaksikan oleh golongan kafir sehingga mereka mengatakan baginda adalah tukang sihir. Firman Allah SWT dalam al-Quran:

أَقْرَبَتِ الْسَّاعَةُ وَانْشَقَ الْقَمَرُ ۝ وَإِنْ يَرَوْا إِلَيْهِ يُعَرِّضُوا وَيَقُولُوا  
سِحْرٌ مُّسْتَمِرٌ ۝ وَكَذَّبُوا وَاتَّبَعُوا أَهْوَاءَهُمْ ۝ وَكُلُّ أَمْرٍ مُّسْتَقِرٌ



Al-Qamar 54:1 - 3

Terjemahan: Telah hampir saat (kedatangan hari kiamat) dan terbelahlah bulan.

Dan kalau mereka (kaum musyrik Mekah) melihat sesuatu mukjizat, mereka berpaling ingkar sambil berkata: (Ini ialah) sihir yang terus menerus berlaku.

Dan (telah menjadi adat) mereka mendustakan (Nabi Muhammad dan mukjizat-mukjizat yang dibawanya) serta menurut hawa nafsu mereka, sedang tiap-tiap perkara tetap (menurut keadaan yang ditentukan oleh Allah).

<sup>26</sup> 'Abd al-Majid al-Zindan, *Tawhid al-Khaliq*, cet. ke-2, (Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri, 1992), 2: 172.

Al-Zindānī meletakkan peristiwa bulan terbelah sebagaimana dalam ayat tersebut dalam kategori *al-Khawāriq al-‘Ādah*.<sup>27</sup> Peristiwa tersebut merupakan perkara luar biasa yang telah disaksikan pada zaman Nabi Muhammad SAW.

Oleh sebab jisim bulan boleh dikaji dari sudut saintifik, maka ia secara tidak langsung mempunyai kaitan dengan *al-Ijāz al-‘Ilmī* dalam menyerlahkan lagi bukti-bukti saintifik bahawa bulan telah terbelah pada zaman Nabi Muhammad SAW.

#### **4.12 Sumber-Sumber *al-Ijāz al-‘Ilmī***

Menurut al-Zindānī,<sup>28</sup> rujukan kajian *al-Ijāz al-‘Ilmī* hendaklah kepada sumber-sumber berikut:

1. Al-Quran dan tafsir.
2. Hadis dan huraian hadis (*sharḥ*).
3. Ilmu bahasa Arab.
4. Ilmu sains eksperimen.
5. Sejarah sains eksperimen.
6. Ilmu *Uṣūl Fiqh*.
7. Ilmu Usuluddin.

---

<sup>27</sup> ‘Abd al-Majīd al-Zindānī et al., *Bayyināt al-Ras l wa Mu‘jizātuh* (Sana’ā: Markaz al-Buhūth bi Jami‘i al-Ma‘nūn, 2004), 227-228.

<sup>28</sup> ‘Abd al-Majīd al-Zindānī, *Ta’sīl al-Ijāz al-‘Ilmī fī al-Qur’ān wa al-Sunnah*, 25.

Berdasarkan sumber-sumber tersebut, kajian *al-Ijāz al-Ilmī* merupakan kajian yang menggabungkan kepakaran dalam bidang syariah, bahasa Arab dan sains eksperimen. Dengan kata lain, pakar ilmu syarak ('Ālim al-Sharī'),<sup>29</sup> pakar ilmu bahasa Arab ('Ālim al-Lughah) dan saintis perlu bergabung tenaga dan saling melengkapi dengan kepakaran masing-masing dalam usaha menyerlahkan kajian *al-Ijāz al-Ilmī*.

Di samping itu, perlu wujud ulama *al-Ijāz al-Ilmī* ('Ālim al-Ijāz al-Ilmī) yang mengetahui disiplin kajian *al-Ijāz al-Ilmī*. Ulama *al-Ijāz al-Ilmī* adalah orang yang mempunyai kepakaran khusus dalam bidang *al-Ijāz al-Ilmī* dengan peranan mengaitkan dan menggabungkan secara teknikal elemen-elemen ilmu syariat, bahasa Arab dan sains eksperimen.<sup>30</sup>

#### **4.13 Medan Kajian *al-Ijāz al-Ilmī***

Setiap kenyataan al-Quran dan hadis dalam disiplin ilmu sains yang merupakan hakikat fakta yang jelas dan tidak boleh dinisbahkan perkhabaran yang dibawa oleh wahyu kecuali hanya kepada Allah SWT adalah merupakan medan kajian *al-Ijāz al-Ilmī*.

Berdasarkan kefahaman ini, medan kajian *al-Ijāz al-Ilmī* merupakan medan kosmologi yang disebut atau diisyaratkan dalam al-Quran dan *al-Sunnah*

---

<sup>29</sup> Ilmu syariah yang dimaksudkan di sini adalah ilmu agama secara umum yang berkaitan dengan kajian *al-Ijāz al-Ilmī*. (Pengkaji).

<sup>30</sup> Rujuk bahagian Metodologi Pendalilan dalam bab lalu muka surat 86 – 95.

di samping kemampuan ilmu manusia untuk menyingkap rahsia-rahsia kosmologi.

Bukan sekadar itu sahaja, para pengkaji perlu melengkapkan diri dengan disiplin ilmu dalam medan-medan yang lain untuk mentafsirkan nas syarak dengan pentafsiran yang sahih. Begitu juga pengetahuan terhadap sejarah ilmu sains dan kemajuannya adalah sangat penting yang berperanan untuk memperjelaskan sudut-sudut dan bentuk-bentuk mukjizat (*Awjuh al-I'jāz*).<sup>31</sup>

#### **4.14 *al-Ijāz al-Ilmī* dan Iman**

Menurut al-Zindānī, *al-Ijāz al-Ilmī* amat berkait rapat dengan keimanan. Perkara ini dapat dilihat dalam banyak ayat al-Quran. Dalam al-Quran, apabila dinyatakan bukti-bukti alam semesta, ia akan dikaitkan dengan seruan keimanan. Setelah manusia melihat dan menyaksikan bukti-bukti fakta kosmologi di dalam al-Quran dan *al-Sunnah*, ia merupakan hujah dan dalil kebenaran wahyu terhadap kewujudan hari akhirat seterusnya dapat membangkitkan keyakinan dan menambahkan keimanan dalam diri. Itulah tujuan utama dan natijah yang diharapkan daripada kajian *al-Ijāz al-Ilmī*. Contohnya firman Allah SWT tentang proses kejadian manusia:

---

<sup>31</sup> *Ibid.*, 35.

وَلَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنْسَنَ مِنْ سُلْطَةٍ مِّنْ طِينٍ ﴿١﴾ ثُمَّ جَعَلْنَاهُ نُطْفَةً فِي قَارِبٍ مِّكِينٍ ﴿٢﴾ ثُمَّ خَلَقْنَا الْنُطْفَةَ عَلَقَةً فَخَلَقْنَا الْعَلَقَةَ مُضْغَةً فَخَلَقْنَا الْمُضْغَةَ عِظِيمًا فَكَسَوْنَا الْعِظِيمَ لَهُمَا ثُمَّ أَنْشَأْنَاهُ خَلْقًا إِنَّا بَرَّا فَتَبَارَكَ اللَّهُ أَحْسَنُ الْخَلْقِينَ ﴿٣﴾ ثُمَّ إِنَّمَا بَعْدَ ذَلِكَ لَمَيِّتُونَ ﴿٤﴾ ثُمَّ إِنَّمَا يَوْمَ الْقِيَمَةِ تُبَعَّثُونَ ﴿٥﴾

Al-Mu'minūn 23: 12-16

Terjemahan: Dan sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dari pati (yang berasal) dari tanah; Kemudian Kami jadikan "pati" itu (setitis) air benih pada penetapan yang kukuh; Kemudian Kami ciptakan air benih itu menjadi sebuku darah beku. lalu Kami ciptakan darah beku itu menjadi seketul daging; kemudian Kami ciptakan daging itu menjadi beberapa tulang; kemudian Kami balut tulang-tulang itu dengan daging. Setelah sempurna kejadian itu Kami bentuk dia menjadi makhluk yang lain sifat keadaannya. Maka nyatakanlah kelebihan dan ketinggian Allah sebaik-baik Pencipta. Kemudian, sesungguhnya kamu sesudah itu akan mati. Kemudian sesungguhnya kamu akan dibangkitkan hidup semula pada hari kiamat.

Ilmu bukti-bukti kerasulan dan mukjizatnya adalah ilmu yang wajib diambil oleh setiap orang Islam untuk mengukuhkan pembuktian kebenaran Rasulullah SAW yang telah datang dengan kebenaran daripada Tuhan. Firman Allah SWT:

\* أَفَمَنْ يَعْلَمُ أَنَّمَا أُنْزِلَ إِلَيْكَ مِنْ رَبِّكَ الْحُقْقُ كَمَنْ هُوَ أَعْمَى إِنَّمَا يَتَذَكَّرُ أُولُوا الْأَلْبَابِ ﴿١﴾

Al-Ra'd 13: 19

Terjemahan: Maka adakah orang yang mengetahui bahawa Al-Quran yang diturunkan kepadamu dari Tuhanmu itu (wahai Muhammad) perkara yang benar, sama dengan orang yang buta matahatinya? Sesungguhnya orang-orang yang mahu memikirkan hal itu hanyalah orang-orang yang berakal sempurna.

Ilmu ini juga membawa kepercayaan kepada Rasul SAW, keimanan terhadap janji baik dan janji buruk, menghasilkan kecintaan kepada Allah, prihatin tentang keredaan Nya dan kejayaan mencapai syurga Nya, sebagaimana ia membawa ketakutan kepada Allah dan azab neraka.

Dengan ini akan lahir penggerak yang kuat dalam diri orang-orang yang beriman ke arah melakukan ketaatan-ketaatan dan menjauhi perkara-perkara haram. Lalu kebaikan akan melimpah di dalam masyarakat. Maka terbenamlah kejahatan, dan manusia akan berbahagia dengan kehidupan yang disadur padanya kebaikan, jauh daripada kehinaan dan keburukan.

Bukti-bukti kerasulan dan mukjizat-mukjizatnya adalah tali yang kukuh yang mana orang-orang beriman berpegang padanya dalam menghadapi gelora fitnah dan keraguan-keraguan yang tidak mampu untuk dihadapi oleh orang yang hanya mengikut (taklid) nenek moyang dan masyarakat dalam iman mereka .

Sebagaimana ia juga sebagai pertahanan di hadapan arus-arus sekularisme dan budaya-budaya yang memusuhi agama yang menyerang manusia melalui media massa yang masuk ke setiap rumah.

#### **4.15 Kesimpulan**

Tujuan dan objektif bab ini adalah untuk mengkaji pengertian *al-I'jāz al-'Ilm* dan kaedah penerimaannya menurut kefahaman al-Zindān bersandarkan dalil al-Quran dan *al-Sunnah*.

Hasil kajian mendapati bahawa Rasulullah SAW adalah utusan kepada manusia keseluruhannya maka Allah telah menjadikan bukti-bukti kerasulan dan mukjizat-mukjizat baginda sentiasa diperbaharui sepanjang zaman, cukup untuk bangsa manusia berbagai pengetahuan, kebudayaan dan ideologi mereka. Sesiapa yang inginkan bukti, dia pasti akan menemui dan melihatnya, pada zaman kerasulan, selepasnya, hari ini dan zaman yang akan datang sehingga ke hari kiamat.

Maka, al-Quran adalah mukjizat terbesar yang masih kekal sehingga kini. Mukjizatnya dari segi kefasihan dan kesusasteraan, ilmu-ilmu, ketelitian di dalam merekodkan mukjizat-mukjizat yang diiktiraf oleh mukmin dan kafir serta perkhabarannya. Manusia boleh mendapatkan kepastian daripada setiap aspek mukjizatnya.

Al-Zindānī menekankan kajian *al-I'jāz al-'Ilmī* kerana keistimewaannya sebagai mukjizat universal yang dapat difahami oleh manusia keseluruhannya sama ada orang Arab atau Ajam.

Oleh demikian, *al-I'jāz al-Ilmī* dapat difahami sebagai perkhabaran al-Quran dan *al-Sunnah* tentang hakikat fakta sains yang disaksikan bertepatan dengan kaedah-kaedah khusus *al-I'jāz al-Ilmī* terhadap sesuatu yang dapat dibuktikan oleh ilmu eksperimen dan hal itu belum tercapai kerana keterbatasan peralatan manusia pada zaman Rasulullah SAW. Hal ini membuktikan kebenaran Rasulullah SAW yang telah menyampaikan ilmu daripada Allah SWT.

## BAB 5

### ANALISIS KAEDEAH-KAEDEAH *AL-I'JAZ AL-'ILMI* OLEH AL-ZIND N BERSERTA CONTOH-CONTOHNYA

#### 5.1 Pengenalan

Kaedah *al-I'jaz al-'Ilmi* merupakan teknik-teknik yang perlu diikuti dalam kajian *al-I'jaz al-'Ilmi* untuk memastikan segala perbahasannya berada pada landasan yang betul. Perkara ini sangat penting kerana ia akan menjadi kayu ukur yang menilai kesahihan sesuatu kajian *al-I'jaz al-'Ilmi* yang dilakukan.

Dalam bab ini, akan dihuraikan kaedah-kaedah tersebut kemudian disusuli dengan contoh-contoh *al-I'jaz al-'Ilmi* yang mengandungi analisis berdasarkan kaedah-kaedah tersebut secara praktikal.

#### 5.2 Huraian Kaedah-kaedah *al-I'jaz al-'Ilmi*

Al-Zindānī telah meringkaskan kaedah-kaedah kajian *al-I'jaz al-'Ilmi* kepada lapan kaedah. Berikut adalah huraian-huraian ringkas terhadap kaedah *al-I'jaz al-'Ilmi* yang digariskan oleh al-Zindānī dalam kitab *Ta'sīl*:

### 5.2.1 Kaedah Pertama

Ilmu Allah SWT adalah ilmu yang sempurna, meliputi, tanpa kesilapan dan tiada sebarang kekurangan. Ilmu manusia adalah terhad, boleh bertambah, dan terdedah kepada kesilapan.<sup>32</sup>

#### **Huraian:**

Ilmu Allah SWT adalah ilmu yang mutlak sejak azali. Alam semesta yang terbentang ialah makhluk ciptaan Allah SWT yang menunjukkan sifat Maha Mengetahui. Banyak ayat al-Quran yang menyatakan sifat Maha Mengetahui Allah SWT. Antaranya, firman Allah SWT dalam al-Quran:

هُوَ الَّذِي خَلَقَ لَكُمْ مَا فِي الْأَرْضِ جَمِيعًا ثُمَّ أَسْتَوَى إِلَى السَّمَاءِ  
فَسَوَّنَهُنَّ سَبْعَ سَمَوَاتٍ وَهُوَ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ  
۲۹

Al-Baqarah 2: 29

Terjemahan: Dialah (Allah) yang menjadikan untuk kamu segala yang ada di bumi, kemudian Dia menuju dengan kehendak Nya ke arah (bahan-bahan) langit, lalu dijadikannya tujuh langit dengan sempurna; dan Dia Maha Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu.

<sup>32</sup> ‘Abd al-Majid al-Zind nī, *Ta’sīl al-Ijāz al-‘Ilmī fī al-Qur’ān wa al-Sunnah*, 25.

Al-Zind nī menyatakan : alat-alat ilmu<sup>33</sup> (*adawāt al-‘Ilm*) pada manusia sangat terhad kemampuan, peranan dan jarak operasinya. Manusia tidak dapat melihat kecuali dalam lingkungan terhad panjang gelombang, tidak dapat mendengar kecuali dalam frekuensi bunyi dan jarak yang terhad, tidak dapat merasa kecuali di bawah kemampuan deria untuk mengesannya.

Oleh kerana operasi *al-qalb*<sup>34</sup> dan *al-fuād*<sup>35</sup> bergantung kepada sumber yang datang kepadanya daripada deria yang terhad kemampuannya, maka ruang operasinya juga terhad seperti terhadnya operasi deria. Sekiranya kesemua deria tidak berfungsi, maka akal<sup>36</sup> dan *al-fuād* tidak dapat mengetahui dan memahami sebarang maklumat. Kemampuan akal fikiran manusia juga akan bercelaru apabila keluar daripada lingkungan kemampuannya. Apabila akal cuba memikirkan nombor  $\infty$  (infiniti), pasti berlaku pertentangan dengan asas-asas matematik yang dimaklumi. Contohnya:

$$a. \ 100,000 \infty \times 1,000,000 \infty = \infty$$

$$b. \ 10,000 \infty + 50,000,000 \infty = \infty$$

$$c. \ 30 \infty - 15 \infty = \infty^{37}$$

---

<sup>33</sup> Iaitu mata, telinga dan akal.

<sup>34</sup> Dalam bahasa Arab, kalimah *al-qalb* ialah jantung, manakala hati disebut *al-kabid*. Jadi, *al-qalb* ialah tempat *al-fuād* dan merupakan alat untuk akal berfikir. Lihat ‘Abd al-Majīd al-Zind nī et al., ‘*Ilm al-Īmān*, (Sana’ā: Jāmi‘ah al- Mānūn, t.t), 2: 17

<sup>35</sup> Terdapat tiga makna kalimah *al-fuād* iaitu: 1. Jantung. 2. Dalam jantung. 3. Membran yang membalut jantung (*pericardium*). *Ibid.*

<sup>36</sup> Akal ialah proses berfikir (*‘amaliyyah al-ta aqqul*). *Ibid.*, 20.

<sup>37</sup> ‘Abd al-Majīd al-Zindānī et al., ‘*Ilm al-Īmān*, (Sana’ā: Jāmi‘ah al- Mānūn, t.t), 2: 21.

Maka, ilmu manusia tidak layak untuk dibandingkan dengan ilmu Allah SWT. Hakikat ini adalah muktamad dan menjadi asas dalam kajian *al-I'jāz al-'Ilmī*. Ilmu Allah SWT adalah yang paling utama kerana ia merupakan wahyu yang benar berdasarkan firman Allah SWT tentang al-Quran:

لَا يَأْتِيهُ الْبَطِلُ مِنْ بَيْنِ يَدَيْهِ وَلَا مِنْ حَلْفِهِ تَنْزِيلٌ مِّنْ حَكِيمٍ

حَمْدُ

Fuṣṣilat 41 : 42

Terjemahan: Yang tidak dapat didatangi sebarang kepaluan dari mana-mana arah dan seginya; ia diturunkan dari Tuhan Yang Maha Bijaksana, lagi Maha Terpuji.

### 5.2.2 Kaedah Kedua

Di sana ada nas *qa'i* (muktamad) sebagaimana di sana ada fakta-fakta sains yang muktamad *qa'i*.<sup>38</sup>

#### Huraian

Sumber rujukan Islam dikategorikan kepada nas *qat'i* dan *zannī*. Nas *qat'i* terdiri daripada al-Quran dan hadis mutawatir.<sup>39</sup> Begitu juga dalam bidang sains terdapat

<sup>38</sup> 'Abd al-Majid al-Zind nī, *Ta'sīl al-I'jāz al-'Ilmī fī al-Qur'ān wa al-Sunnah*, 25.

<sup>39</sup> Hadis yang diriwayatkan oleh kumpulan yang ramai sehingga bilangan perawi tersebut mustahil pada adat untuk berpakaat melakukan pembohongan. Lihat Maḥmūd al-Ṭāḥīḥān, *Taysīr Muṣṭalaḥ al-Hadīth* (Iskandariah: Markaz al-Hudā li al-Dirāsāt, 1410H, 21).

fakta-fakta sahih yang muktamad. Dalam huraian seterusnya akan diterangkan tentang fakta sains yang dimaksudkan dalam kajian ini.

Francis Bacon<sup>40</sup> adalah orang pertama yang memindahkan asas saintifik (*scientific method*) ke Eropah. Ia berlaku hasil daripada terkesannya orang-orang Eropah terhadap ilmu-ilmu yang diajar oleh orang-orang Islam di Andalusia dan universiti-universiti berhampiran dengan Eropah berdasarkan petunjuk firman Allah SWT dalam al-Quran:

وَلَا تَقْفُ مَا لَيْسَ لَكَ بِهِ عِلْمٌ إِنَّ السَّمْعَ وَالبَصَرَ وَالْفُؤَادُ كُلُّ  
أُولَئِكَ كَانَ عَنْهُ مَسْؤُلًا

Al-Isr ' 17: 36

Terjemahan: Dan janganlah engkau mengikut apa yang engkau tidak mempunyai pengetahuan mengenainya; sesungguhnya pendengaran dan pelihatannya serta hati, semua anggota itu tetap akan ditanya tentang apa yang dilakukannya.

Kebangkitan ilmu moden terbina di atas asas tersebut melalui uji kaji sebenar yang memandu ke arah pengetahuan sains yang diyakini. *Scientific Methode* menyatakan tentang pengetahuan (*makrifat*) :

---

<sup>40</sup> Viscount Saint Alban, juga dikenali sebagai Sir Francis Bacon. Lahir pada 22 Januari 1561 di York House, London, England. Meninggal dunia pada 9 April 1626. Seorang peguam, negarawan dan ahli falsafah. Lihat “Francis Bacon, Viscount Saint Alban,” laman sesawang *Encyclopaedia Britannica*, dicapai 10 Disember 2013, <http://global.britannica.com/EBchecked/topic/48126/Francis-Bacon-Viscount-Saint-Alban>.

Eksperimen + Penyaksian (Mata Kasar) + Kesimpulan akal = **Fakta Sains**.

Semasa menjalankan eksperimen, penelitian dilakukan untuk mengetahui permulaan sambil mengikuti proses dan menganalisis natijahnya. Kemudian dengan menggunakan akal fikiran, akan dirumuskan fakta sains yang menyatukan antara penyaksian permulaan eksperimen pada peringkat pertama dengan sesuatu yang disaksikan natijahnya pada peringkat kedua. **Maka, fakta sains ialah : kesimpulan akal terhadap sesuatu yang dicerap oleh pancaindera.**

Sesetengah fenomena seperti pergerakan orbit atau tindak balas jisim-jisim hidup tidak dapat diuji, tetapi fenomena yang disaksikan mengambil tempat menggantikan eksperimen. Maka:

Fenomena + Penyaksian + Kesimpulan akal = **Fakta Sains.<sup>41</sup>**

Gabungan antara nas *qa ‘ī* dan fakta sains eksperimen yang muktamad dalam kajian *al-Ijāz al-Ilmī* adalah sangat penting bagi memastikan mukjizat tersebut berada dalam kedudukan yang kukuh, diyakini, terbukti benar dan tiada ruang untuk dipertikaikan pada masa hadapan. Fakta sains yang dikemukakan hendaklah fakta muktamad yang diperakui kesahihannya melalui penyaksian (*mushāhadah*) berdasarkan eksperimen atau kesimpulan akal. Oleh itu, dalam

---

<sup>41</sup> ‘Abd al-Majīd al-Zindīn, *Tawḥīd al-Khāliq*, cet. ke-2, (Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri, 1992), 2: 33-34.

kajian *al-I'jāz al-Ilmī*, Allah SWT telah meletakkan satu garis panduan sebagai pengukur kebenaran ilmu iaitu penyaksian fakta sebagaimana firman Nya:

سُرِّيهِمْ إِيَّنَا فِي الْأَفَاقِ وَفِي أَنفُسِهِمْ حَتَّىٰ يَتَبَيَّنَ لَهُمْ أَنَّهُ الْحَقُّ أَوْ لَمْ

يَكُفِّ بِرَبِّكَ أَنَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ شَهِيدٌ

Fuṣṣilat 41: 53

Terjemahan: Kami akan **perlihatkan** kepada mereka tanda-tanda kekuasaan Kami di merata-rata tempat (dalam alam yang terbentang luas ini) dan pada diri mereka sendiri, sehingga ternyata jelas kepada mereka bahawa al-Quran adalah benar. Belumkah ternyata kepada mereka kebenaran itu dan belumkah cukup (bagi mereka) bahawa Tuhanmu mengetahui dan menyaksikan tiap-tiap sesuatu?

### 5.2.3 Kaedah Ketiga

Dalam wahyu ada nas yang samar-samar (*annī*) dalam pendalilannya dan di dalam ilmu sains ada teori-teori yang samar-samar dari segi kekuatannya.<sup>42</sup>

#### Huraian

Nas *annī* pula terdiri daripada hadis yang tidak mencapai tahap mutawatir. Teori-teori saintifik berubah dari semasa ke semasa dan apa yang menyebabkan sesuatu teori itu diterima ialah apabila ia dapat menjelaskan sesuatu fenomena

<sup>42</sup> ‘Abd al-Majid al-Zind nī, *Ta’sīl al-I’jāz al-‘Ilmī fī al-Qur’ān wa al-Sunnah*, 25.

secara konsisten. Tetapi apabila fenomena baru ditemui yang tidak dapat dijelaskan oleh teori tadi, maka ia akan disingkir.

Oleh yang demikian, di sana terdapat nas-nas *annī* dan teori-teori sains yang boleh berubah. Pentafsiran nas *annī* dengan teori sains dikategorikan sebagai *al-Tafsīr al-‘Ilmī*. Kajian *al-I‘jāz al-Ilmī* berkait rapat dengan *al-Tafsīr al-‘Ilmī* terhadap ayat-ayat *al-kawniyyah* (kosmologi).<sup>43</sup> Menurut Muḥammad Husayn al-Dhahabī (2005), maksud *al-Tafsīr al-‘Ilmī* ialah pentafsiran terhadap istilah-istilah saintifik berdasarkan ayat-ayat al-Quran melalui usaha untuk mengintegrasikan pelbagai ilmu pengetahuan dan falsafah berkaitan ilmu tersebut.<sup>44</sup>

Manakala menurut al-Zindanī, *al-Tafsīr al-‘Ilmī* ialah menerangkan makna-makna ayat al-Quran atau hadis berdasarkan teori ilmu kosmologi yang lebih kuat dan terserlah kesahihannya.<sup>45</sup> Dr. ‘Abd Allāh al-Muṣlih (2006) menyatakan bahawa definisi ini adalah lebih praktikal dan menyeluruh.<sup>46</sup>

Perbezaan kefahaman dan definisi terhadap *al-Tafsīr al-‘Ilmī* telah menyebabkan pendapat para ulama tentangnya, dibuat daripada perspektif yang berbeza sama ada menolak atau menyokong. Kesimpulannya, *al-Tafsīr al-‘Ilmī* diharuskan sekiranya menepati segala syarat dan kaedah yang berkaitan serta

<sup>43</sup> *Ibid.*, 25.

<sup>44</sup> Dr. Muḥammad Ḥusayn al-Dhahabī, *al-Tafsīr wa al-Mufassirūn* (Beirut: Avand Danesh LTD, 2005), 2: 321.

<sup>45</sup> ‘Abd al-Majid al-Zind nī, *Ta’sīl al-I‘jāz al-‘Ilmī fī al-Qur’ān wa al-Sunnah*, 24.

<sup>46</sup> Dr. ‘Abd Allāh al-Muṣlih, *al-I‘jāz al-‘Ilmī Tārīkhuh wa Dawābiṭuh*, 38.

dilakukan oleh sesiapa yang layak kerana dikurniakan kepakaran ilmu al-Quran dan ilmu kosmologi.<sup>47</sup>

#### 5.2.4 Kaedah Keempat

Pertembungan antara wahyu yang *qa’ī* dan fakta sains eksperimen tidak mungkin akan berlaku. Jika berlaku pada zahir, sudah pasti di sana ada kesilapan di dalam menentukan kemuktamadan salah satu daripadanya.<sup>48</sup>

#### Huraian

Akal yang sahih tidak mungkin bertentangan dengan wahyu (*al-naql*) yang nyata sebagaimana kaedah-kaedah berikut:

1. Apabila akal dan wahyu adalah *qa’ī* : sama ada kedua-duanya *qa’ī* secara *aqlī*, atau secara *samī* *ī*, atau salah satunya *samī* *ī* dan yang lain *aqlī*, maka yang *qa’ī* menunjukkan maknanya (*madlūl*) secara muktamad dan ia dikira sebagai (*al-‘Ilm*) ilmu pengetahuan. Mustahil perkara sedemikian boleh bertentangan antara satu sama lain.<sup>49</sup> Apabila berlaku pertentangan dari segi zahir, sudah pasti berlaku kepincangan di dalam memutuskan kemuktamadan (*qa’iyyah*) salah satu daripadanya,

---

<sup>47</sup> ‘Abd al-Majīd al-Zind nī, *Ta’sīl al-Ijāz al-‘Ilmī fī al-Qur’ān wa al-Sunnah*, 83.

<sup>48</sup> *Ibid.*, 25.

<sup>49</sup> Ahmad bin Taymiyyah al-Ḥarrānī, *Majmū ah al-Fatāwā*, cet. ke-2, 5: 21-23.

atau kedua-duanya, atau salah satunya difahami melalui bentuk kefahaman yang berbeza-beza.

2. Apabila kedua-duanya adalah *annī* maka mesti diutamakan yang paling tepat (*al-rājiḥ*) secara mutlak sama ada ia ‘*aqlī* atau *samī*’.
3. Apabila salah satunya *qaṣīṣī* dan yang lain *annī* : yang *qaṣīṣī* mesti diutamakan secara mutlak sama ada ia ‘*aqlī* atau *samī*’. Oleh demikian, tiada lagi pertentangan antara akal dan wahyu. Penilaian terhadap mana yang lebih tepat didirikan di atas asas *qaṣīṣī* salah satu daripada dua dalil tersebut, bukan di atas asas tanggapan pertentangan antara akal dan wahyu.<sup>50</sup>

Pertembungan yang dimaksudkan di sini ialah pertembungan dari segi zahir pada perkiraan akal manusia yang terhad. Hakikatnya, tiada pertembungan antara nas yang *qaṣīṣī* dengan fakta sains yang muktamad.

### 5.2.5 Kaedah Kelima

Apabila Allah SWT memperlihatkan kepada hamba Nya satu bukti daripada tanda-tanda Nya di ufuk dan dalam diri sebagai membenarkan ayat dalam kitab Nya atau hadis daripada hadis-hadis rasul Nya, lalu ia menjelaskan makna, menyempurnakan keserasian, menyelesaikan penetapan makna tafsir,

---

<sup>50</sup> ‘Abd al-Majid al-Zindan, *al-Munzalaqat fī al-Asmā’ wa al-Ifāt* (t.t.p.: t.p., t.t.), 15.

mengehadkan pendalilan lafaz-lafaz nas dengan apa yang telah diperlihatkan daripada fakta-fakta saintifik. Ini merupakan mukjizat.<sup>51</sup>

### **Huraian**

Al-Quran diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW yang berada dalam masyarakat Arab yang mempunyai tahap keilmuan yang sangat rendah lebih-lebih lagi dalam bidang sains dan teknologi. Allah SWT menyatakan di dalam al-Quran melalui firman Nya bahawa masyarakat Arab sebelum al-Quran diturunkan berada di dalam kesesatan yang nyata.

هُوَ الَّذِي بَعَثَ فِي الْأَمَمِ رَسُولًا مِّنْهُمْ يَتَوَلَُّ عَلَيْهِمْ إِيمَانُهُمْ وَيُزَكِّيهِمْ  
وَيُعَلِّمُهُمُ الْكِتَبَ وَالْحِكْمَةَ وَإِنْ كَانُوا مِنْ قَبْلُ لَفِي ضَلَالٍ مُّبِينٍ ﴿٦٢﴾

Al-Jumu ah 62: 2

Terjemahan: Dialah yang telah mengutus kan dalam kalangan orang-orang (Arab) yang Ummiyin, seorang Rasul (Nabi Muhammad SAW) daripada bangsa mereka sendiri, yang membacakan kepada mereka ayat-ayat Allah (yang membuktikan keesaan Allah dan kekuasaan Nya), dan membersihkan mereka (dari iktikad yang sesat), serta mengajarkan mereka Kitab Allah (al-Quran) dan Hikmah (pengetahuan yang mendalam mengenai hukum-hukum syarak). Dan sesungguhnya mereka sebelum (kedatangan Nabi Muhammad) itu adalah dalam kesesatan yang nyata.

<sup>51</sup> ‘Abd al-Majid al-Zind nī, *Ta’sīl al-I‘jāz al-‘Ilmī fī al-Qur’ān wa al-Sunnah*, 25-26.

Sesiapa yang meneliti keadaan masyarakat dunia sebelum penurunan al-Quran akan mendapati tahap keilmuan yang sangat rendah dalam bidang sains dan teknologi. Ia dapat dilihat pada ilmu manusia tentang alam telah bercampur aduk dengan perkara karut. Pengetahuan manusia tentang alam telah dipengaruhi oleh sihir, tilik nasib dan kepercayaan tertentu sehingga perkara khurafat dan mitos menguasai pemikiran manusia.<sup>52</sup> Ketika inilah al-Quran diturunkan secara berperingkat-peringkat pada masa yang berbeza-beza menceritakan tentang fakta-fakta alam semesta di dalam sebahagian besar ayat-ayatnya yang seterusnya ditulis pada pelbagai bahagian surah dalam al-Quran.

Setelah penurunan al-Quran, manusia terpaksa menunggu dalam tempoh yang sangat panjang sehingga mereka mampu memiliki prasarana untuk membuat kajian ilmiah yang telah menyingkap rahsia alam.

Perkembangan kajian manusia menyingkap sedikit demi sedikit rahsia alam sehingga menjadi sempurna setelah melalui tempoh tertentu. Apabila Allah SWT mengizinkan pada suatu masa tertentu yang ditetapkan, fakta di ufuk dan diri manusia akan dapat disaksikan sebagai membenarkan ayat al-Quran dan hadis yang berkaitan.

Lantas fakta yang telah disingkap oleh para pengkaji melalui pemerhatian dan kajian yang mengambil masa panjang dan menelan belanja yang besar telah termaktub di dalam ayat al-Quran atau pun hadis sejak 1400 tahun dahulu. Ia

---

<sup>52</sup> *Ibid.*, 27.

merupakan pembuktian fakta yang telah dinyatakan melalui wahyu Allah SWT tentang sesuatu hakikat kebenaran.

Penyaksian melalui kajian berterusan, menjelaskan makna ayat al-Quran atau hadis seterusnya menyempurnakan keserasian antara fakta sains dan nas. Ia menetapkan pentafsiran makna ayat dan menentukan kefahaman lafaz-lafaz nas melalui penyingkapan fakta-fakta sains. Dengan kata lain, nas al-Quran atau hadis telah mendahului ilmu sains di dalam menyingkap rahsia alam semesta. Inilah yang dimaksudkan sebagai mukjizat.

### **5.2.6 Kaedah Keenam**

Nas wahyu diturunkan dengan lafaz yang menghimpunkan pelbagai makna meliputi setiap makna yang sahih dalam topik-topiknya yang akan terserlah secara berterusan daripada generasi kepada generasi yang lain.<sup>53</sup>

#### **Huraian**

Nas al-Quran dan *al-Sunnah* menggunakan kalimah-kalimah yang menghimpunkan pelbagai makna. Sabda Rasulullah SAW:

---

<sup>53</sup> *Ibid.*, 26.

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ  
بُعْثَتْ بِجَوَامِعِ الْكَلِمِ...<sup>54</sup>

Terjemahan: Daripada Abū Hurayrah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda: “Aku diutuskan dengan *Jawāni‘ al-Kalim...*”.

Nas al-Quran dan *al-Sunnah* adalah wahyu Allah SWT yang sangat berbeza dengan kata-kata manusia. Nas wahyu menggunakan perkataan yang ringkas tetapi merangkumi semua makna yang tepat meliputi segala yang berkaitan dengan sesuatu perkara tersebut. Makna-makna nas akan tersingkap dan zahir satu persatu sepanjang zaman sehingga ke hari kiamat.

Istilah *al-I‘jāz al-‘Ilmī* atau Mukjizat Saintifik di dalam al-Quran dan *al-Sunnah* bermaksud suatu ilmu eksperimen yang datang untuk mendalami kajian-kajian yang luas dalam pelbagai bidang melalui bantuan alat-alat canggih dan selepas beberapa siri pengembaraan ilmiah yang mencabar berserta para pengkaji yang silih berganti, maka penemuan demi penemuan telah menyerlahkan sedikit demi sedikit subjek kajian.

Apabila fakta tentang subjek kajian tersebut lengkap dan sempurna, lantas fakta tersebut didapati telah dinyatakan di dalam al-Quran yang diturunkan lebih 1400 tahun lalu. Justeru itu, manusia mengetahui bahawa al-Quran diturunkan dengan ilmu Allah SWT. Demikian itu membuktikan secara yakin dan pasti

<sup>54</sup> Telah ditakhrijkan dalam bab yang lalu. Lihat muka surat 78.

bahawa al-Quran adalah kalam Allah SWT dan tiada percanggahan antara agama yang benar (*al-Dīn*) dengan ilmu yang benar (*al-‘Ilm*).

### 5.2.7 Kaedah Ketujuh

Apabila berlaku pertembungan antara pendalilan secara muktamad (*qatī*) daripada nas dan teori sains, maka teori ini akan ditolak kerana nas adalah wahyu daripada ilmu Allah SWT yang meliputi segala sesuatu. Apabila nas dan teori serasi, maka nas tadi menjadi dalil kesahihan teori tersebut. Apabila nas tadi adalah *annī*, dan fakta sains adalah *qa‘ī*, maka nas ditakwilkan bersesuaian dengan teori tersebut.<sup>55</sup>

#### Huraian

Ayat al-Quran adalah nas *qa‘ī* yang tidak boleh dipertikaikan kedudukannya kerana ia merupakan wahyu Allah SWT yang benar. Dalam kajian *al-Ijāz al-‘Ilmī*, nas tidak perlu ditakwilkan kecuali apabila timbul sebarang pertembungan. Menurut Dr. Musā‘id al-Tayyār (2007), *Ta’wīl al-Kalām* terbahagi kepada dua bahagian:

---

<sup>55</sup> *Ibid.*, 26.

- i. Menerangkan maksud perkataan yang diucapkan. Ia adalah (tafsir).
- ii. Berlaku perkara yang diucapkan dalam perkataan secara realiti sama ada ia berkaitan dengan perkhabaran atau tuntutan.

Kedua-dua makna ini terdapat di dalam al-Quran, hadis, pentafsiran ulama salaf dan bahasa Arab.<sup>56</sup> Menurut al-Rāghib al-Asfahānī, *ta’wīl* ialah mengembalikan sesuatu kepada matlamat sebenar yang dimaksudkan sama ada berbentuk ilmu atau perbuatan.<sup>57</sup>

Kemudian, kefahaman terhadap makna *ta’wīl* telah berubah sehingga ia didefinisikan sebagai menetapkan makna yang dikehendaki terhadap suatu lafadz yang dapat menerima banyak makna kerana didukung oleh dalil.<sup>58</sup>

Secara ringkas, dalam kajian *al-I‘jāz al-‘Ilmī, ta’wīl* dimaksudkan sebagai salah satu daripada kategori tafsir dan dalam masa yang sama merujuk kepada hakikat berlakunya sesuatu perkhabaran.<sup>59</sup> Ia berdasarkan kepada firman Allah SWT dalam al-Quran:

<sup>56</sup> Dr. Musā‘id bin Sulaymān al-Tayyār, *Mafhūm al-Tafsīr wa al-Ta’wīl wa al-Istinbāt wa al-Tadabbur wa al-Mufassir* (Riyadh: Dār Ibn al-Jawzī, 2007), 91 – 92.

<sup>57</sup> al-Rāghib al-Asfahānī al-Ḥusayn bin Muḥammad, *al-Mufradāt fī Ghariṣ al-Qur’ān* (Beirut: Dār al-Ma‘rifah, t.t), 31.

<sup>58</sup> Dr. Musā‘id bin Sulaymān al-Tayyār, *Mafhūm al-Tafsīr wa al-Ta’wīl wa al-Istinbāt wa al-Tadabbur wa al-Mufassir* (Riyadh: Dār Ibn al-Jawzī, 2007), 103.

<sup>59</sup> ‘Abd al-Majid al-Zind nī, *Ta’sīl al-I‘jāz al-‘Ilmī fī al-Qur’ān wa al-Sunnah*, 58.

بَلْ كَذَّبُوا بِمَا لَمْ تُحِيطُوا بِعِلْمِهِ وَلَمَّا يَأْتِهِمْ تَأْوِيلُهُ ...

Yūnus 10: 39

Terjemahan: Bahkan mereka pula terburu-buru mendustakan al-Quran yang fahaman mereka tidak dapat meliputi segala isi pengetahuannya, dan belum datang kepada mereka kenyataan yang menjelaskan kebenarannya...

Maksud *Ta'wīl* dalam kaedah ketujuh ini adalah berdasarkan definisi ulama *muta'akhkhirīn*. Menurut al-Zindānī, sepanjang penglibatan beliau dalam kajian *al-Ijāz al-Ilmī*, makna lafaz yang digunakan oleh al-Quran kesemuanya merujuk kepada makna zahir tanpa perlu ditakwilkan.<sup>60</sup>

Kadang-kadang perlu diteliti perkataan yang digunakan oleh al-Quran yang mempunyai pelbagai maksud tetapi masih dalam skop bahasa Arab. Perkara ini sangat penting diberi perhatian untuk mengelakkan sebarang kekeliruan terhadap maksud ayat yang menyebabkan pertembungan antara fakta sains dan nas al-Quran secara zahirnya. Padahal, pertembungan ini timbul disebabkan kekeliruan dalam memilih makna yang dimaksudkan oleh ayat tersebut.

Contohnya kalimah *al-ard* diertikan sebagai bumi atau boleh juga dimaksudkan sebagai daratan atau sebahagian dari daratan bergantung pada

<sup>60</sup> Kenyataan ini dibuat oleh al-Zindānī semasa menyampaikan kuliah berkaitan subjek *al-Munzalaqāt fi al-Asmā' wa al-Sifāt* di *Jāmi'ah al-Imān* pada tahun 2006M. (Pengkaji).

konteks ayat.<sup>61</sup> Penelitian terhadap konteks ayat dapat mengelakkan daripada *ta'wīl* yang dibina di atas tanggapan yang keliru terhadap maksud lafaz.

### 5.2.8 Kaedah Kelapan

Apabila berlaku percanggahan antara fakta sains yang *qa'i* dan hadis yang *annī* di dalam pembuktianya (*thubbat*), maka ditakwilkan hadis yang *annī* supaya bersesuaian dengan fakta sains. Ketika mana tiada ruang-ruang untuk mengharmonikan antara keduanya, maka yang *qa'i* diutamakan.<sup>62</sup>

#### Huraian

Dalam kaedah ini, al-Zindan menggariskan jalan penyelesaian terhadap percanggahan antara fakta yang muktamad dengan hadis yang *zannī* sekiranya ia benar-benar berlaku. Oleh sebab majoriti hadis adalah *zannī*, maka ditakwilkan hadis *zannī* apabila berlaku percanggahan dengan fakta sains yang muktamad jika tiada nas *qat'i* yang boleh menguatkan hadis *zannī* tersebut. Walau pun begitu, belum ada percanggahan sebegini dalam kajian *al-Ijāz al-Ilmī* setakat ini.

*Ta'wīl* dalam kaedah kelapan ini juga berdasarkan kefahaman ulama *muta'akhkhirīn* sebagaimana yang telah dihuraikan dalam kaedah ketujuh.

<sup>61</sup> Dr. Zaghlūl al-Najjār, *al-Ardīfī al-Qur'ān al-Karīm* (Beirut: Dār al-Ma'rifah, 2005), 81.

<sup>62</sup> 'Abd al-Majīd al-Zindanī, *Ta'sīl al-Ijāz al-Ilmī fī al-Qur'ān wa al-Sunnah*, 26.

Kaedah kelapan adalah kesinambungan daripada kaedah ketujuh yang meletakkan *ta'wīl* sebagai jalan keluar.

Oleh demikian, ketelitian dalam menilai atau memahami hadis yang *zannī* dan fakta sains yang muktamad sangat penting supaya tiada penolakan terhadap mana-mana hadis *zannī* atau fakta sains hanya disebabkan kekeliruan pemahaman, kegagalan merujuk, mengumpul serta menganalisis sumber asal yang muktamad. Perbahasan atau huraihan tentang hadis *zannī* tersebut perlulah dibuat berdasarkan ilmu *muṣṭalaḥ* hadis, kaedah bahasa arab yang sahih, kaedah mentakwilan dan menghuraikan nas tanpa terkeluar atau menyimpang daripada skop kaedah-kaedah tersebut.

Sebagai contoh, boleh dilihat kefahaman ulama Islam terdahulu terhadap hadis-hadis Rasulullah SAW berikut:

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ مَسْعُودٍ قَالَ حَدَثَنَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَهُوَ الصَّادِقُ الْمَصْدُوقُ: إِنَّ أَحَدَكُمْ يُجْمِعُ خَلْقَهُ فِي بَطْنِ أُمِّهِ أَرْبَعِينَ يَوْمًا ثُمَّ يَكُونُ عَلَقَةً مِثْلَ ذَلِكَ ثُمَّ يَكُونُ مُضْغَةً مِثْلَ ذَلِكَ ثُمَّ يُرْسَلُ الْمَلَكُ فَيُنَفِّخُ فِيهِ الرُّوحُ وَيُؤْمِرُ بِأَرْبَعِ كَلِمَاتٍ بِكَتْبِ رِزْقِهِ وَأَجْلِهِ وَعَمَلِهِ وَشَقِّيٍّ أَوْ سَعِيدٍ...<sup>63</sup>

Terjemahan: Daripada ‘Abd Allah bin Mas‘ūd RA berkata: Rasulullah SAW yang bersifat benar bersabda: “Sesungguhnya setiap manusia dihimpunkan ciptaannya dalam kandungan ibu selama 40 hari, kemudian menjadi

<sup>63</sup> Hadis riwayat al-Bukhārī, Kitab Fa āil al-Qurān, no. hadis 6594. Lihat Mu ammad bin Ismā‘īl al-Bukhārī, “Fat al-Bārī.” Sharī’ah al-Bukhārī, 11: 581.

‘alaqah, kemudian menjadi *mudghah*, kemudian diutuskan malaikat lalu meniupkan roh dan diperintahkan menulis empat perkara iaitu rezeki, ajal, amalan, celaka atau bahagia...”

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ مَسْعُودٍ قَالَ حَدَثَنَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَهُوَ الصَّادِقُ الْمَصْدُوقُ: إِنَّ أَحَدَكُمْ يَجْمِعُ خَلْقَهُ فِي بَطْنِ أُمِّهِ أَرْبَعينَ يَوْمًا ثُمَّ يَكُونُ فِي ذَلِكَ عَلَقَةً مُثْلِذَلِكَ ثُمَّ يَكُونُ فِي ذَلِكَ مُضْعَةً مُثْلِذَلِكَ ثُمَّ يُرْسَلُ الْمَلَكُ فَيَنْفَخُ فِيهِ الرُّوحُ وَيُؤْمِرُ بِأَرْبَعَ كَلِمَاتٍ بِكَتْبِ رِزْقِهِ وَأَحْلِهِ وَعَمَلِهِ وَشَقِّيٍّ أَوْ سَعِيدٍ...<sup>64</sup>

Terjemahan: Daripada ‘Abd Allah bin Mas‘ūd RA berkata: Rasulullah SAW yang bersifat benar bersabda: “Sesungguhnya setiap manusia dihimpunkan ciptaan dalam kandungan ibu selama 40 hari, kemudian menjadi ‘alaqah, kemudian menjadi *mudghah*, kemudian diutuskan malaikat lalu meniupkan roh dan diperintahkan menulis empat perkara iaitu rezeki, ajal, amalan, celaka atau bahagia...”

Berdasarkan kedua-dua hadis tersebut, pendapat para ulama terbahagi kepada dua bahagian iaitu; sama ada peringkat *mudghah* yang sempurna berlaku dalam tempoh 120 hari atau hanya dalam jangka masa 40 hari.<sup>65</sup> Perbezaan pendapat ini berlaku disebabkan tambahan perkataan (نُطْفَةً) selepas perkataan (فِي ذَلِكَ) dan kekeliruan pada kalimah (أَرْبَعينَ يَوْمًا) yang sebenarnya merujuk

<sup>64</sup> Hadis riwayat Muslim, Kitab al-Qadar, Bab Kayfiyyah al-Khalq al-Ādamī fī Baṭn Ummih wa Kitābat Rizqihī wa Ajalih wa ‘Ilmih wa Shaqāwatih wa Sa‘ādatih, no. hadis 6665. Lihat Muslim bin al-Ḥajjāj “Ṣaḥīḥ Muslim,” 16: 406.

<sup>65</sup> ‘Abd al-Majid al-Zindānī et al., ‘Ilm al-Ajinnah fī Daw’ al-Qur’ān wa al-Sunnah, 149.

kepada apa? Adakah *ism al-ishārah* (ذَلِكَ) merujuk kepada (يَجْمُعُ حَلْقَهُ) atau (فِي بَطْنِ) atau (أَمْهَ) (أَرْبَعَينَ يَوْمًا)?

Jika diteliti dengan merujuk sumber asal hadis tersebut dalam kitab al-Bukhārī dan Muslim, langsung tidak disebut perkataan *nuffah*. Ini menunjukkan tambahan perkataan *nuffah* bukan daripada riwayat al-Bukhārī dan Muslim. Ia adalah tambahan yang tidak sahih daripada perawi yang lain tetapi dinisbahkan kepada al-Bukhārī.

Al-Zindānī ketika menjelaskan perkara ini menyatakan bahawa riwayat Muslim menambah perkataan (فِي ذَلِكَ) dua kali sebelum lafadz (عَلْقَةً) (مُضْعَةً) dan.

Menurut ilmu *mustalaḥ* hadis, tambahan ini sahih dan dianggap sebagai asal kepada matan hadis untuk menerima kedua-dua riwayat. Maka, riwayat yang sempurna ialah riwayat Imam Muslim.

Melalui kaedah *Uṣūl Fiqh*, hadis al-Bukhārī adalah umum (*mujmal*) manakala hadis Muslim adalah khusus (*mufaṣṣal*). Dengan kata lain, hadis riwayat Muslim memperincikan hadis al-Bukhārī yang umum sehingga dapat menjelaskan kesamaran dan kekeliruan tersebut. Tambahan pula fakta sains yang

muktamad menyatakan peringkat *mudghah* yang sempurna berlaku selepas 42 hari.<sup>66</sup>

Salah seorang daripada ulama Islam terawal iaitu Ibn al-Zamlakānī<sup>67</sup> merumuskan bahawa peringkat *nufah*, ‘alaqah dan *mudghah* berlaku dalam tempoh 40 hari pertama berdasarkan perkataan tambahan (في ذلك) dalam hadis riwayat Muslim yang merujuk kepada (يجمع خلقه).<sup>68</sup>

Pendapat yang menyatakan peringkat *mudghah* yang sempurna berlaku dalam tempoh 40 hari dikuatkan dengan hadis lain yang berikut:

إِذَا مَرَّ بِالنُّطْفَةِ ثَنَانٌ وَأَرْبَعُونَ لَيْلَةً بَعَثَ اللَّهُ إِلَيْهَا مَلَكًا فَصَوَرَهَا وَخَلَقَ سَمْعَهَا وَبَصَرَهَا وَجَلَدَهَا وَلَحْمَهَا وَعَظَامَهَا ثُمَّ قَالَ يَا رَبِّ أَذْكُرْ أَمْ أَنْشِ فَيَقْضِي رِئَكَ مَا شَاءَ وَيَكْتُبُ الْمَلَكُ ...<sup>69</sup>

Terjemahan: “Apabila telah berlalu terhadap *nufah*, 42 malam, Allah mengutuskan malaikat kepadanya, lalu membentuk rupanya, membuat pendengaran, penglihatan, kulit, daging dan tulangnya. Kemudian malaikat itu berkata: Wahai Tuhanku! Lelaki atau perempuan? Lalu Tuhanmu menentukan apa yang Dia dikehendaki dan malaikat tersebut akan menulis...”

<sup>66</sup> *Ibid.*, 150.

<sup>67</sup> Beliau ialah Muḥammad bin ‘Alī al-Anṣārī yang lebih dikenali dengan Ibn al-Zamlakān, meninggal dunia pada tahun 727H. Lihat Khayr al-Dīn al-Ziriklī, *Al-A’lām*, (Beirut: Dār al-‘Ilm li al-Malāyīn, 2002), 6: 284.

<sup>68</sup> Ibn al-Zamlakān, *al-Burhān al-Kāshif ‘an I’jāz al-Qur’ān* (t.p.: t.p, t.t), 275.

<sup>69</sup> Hadis riwayat Muslim, Kitab al-Qadar, Bab Kayfiyyah al-Khalq al-Ādāmī fī Baṭn Ummih wa Kitābat Rizqihī wa Ajalih wa ‘Ilmih wa Shaqāwatih wa Sa‘ādatih, no. hadis 6668. Lihat Muslim bin al-Hajjāj “Sahīh Muslim,” 16: 409.

Begitu juga penolakan sesetengah pihak terhadap hadis tentang lalat disebabkan manusia tiada maklumat tentang hakikat perkara tersebut atas dasar untuk menjaga imej Islam daripada hadis-hadis yang tidak boleh diterima akal (*hadis musykil*) pada tanggapan pemikiran mereka. Tidak kurang juga wujud pihak yang ingin mencemarkan imej Islam melalui hadis-hadis tersebut.

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : إِذَا  
وَقَعَ الدُّبَابُ فِي إِنَاءٍ أَحَدَكُمْ فَلَيْغُمِسْهُ كُلُّهُ ثُمَّ لِيَطْرُحْهُ فَإِنَّ فِي أَحَدِ  
جَنَاحَيْهِ شِفَاءً وَفِي الْأَخْرِ دَاءً.<sup>70</sup>

Terjemahan: Daripada Abu Hurairah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda: “Apabila seekor lalat jatuh ke dalam minuman kamu, maka benamkanlah (lalat itu sepenuhnya dalam minuman itu) dan kemudian buanglah lalat itu. Kerana sesungguhnya pada sebelah sayapnya terdapat penyembuh manakala pada sebelah yang lain terdapat penyakit”.

Masalahnya, hadis-hadis yang dikatakan musykil ini kebanyakannya tiada masalah dari segi kajian sanad dan dinilai sahih lebih-lebih lagi ia diriwayatkan oleh al-Bukhārī dan Muslim melainkan jika ia dinilai sebagai hadis daif oleh ulama hadis yang muktabar. Kemampuan akal dan ilmu manusia adalah terhad menyebabkan tidak dapat menerima hakikat wahyu yang masih belum tersingkap. Di sini dapat dilihat kaitan akal dan wahyu yang sepatutnya akal manusia dipandu oleh wahyu Allah SWT yang benar.

<sup>70</sup> Hadis riwayat al-Bukhārī, Kitab al-Tibb, no. hadis 5782. Lihat Mu ammad bin Ismā‘il al-Bukhārī, “Fat al-Bārī.” Sharī‘at al-Bukhārī, 10: 307.

Akhirnya, pada tahun 1912, risalah pendidikan kesihatan di Amerika menyatakan bahawa lalat merupakan serangga paling bahaya yang pernah dikenali manusia selama ini yang menjadi agen pembawa penyakit demam kepialu, taun, cirit birit, sakit mata, dan banyak lagi. Dalam masa yang sama, didapati ada kuman-kuman virus dalam badan lalat yang berfungsi membunuh kuman-kuman bakteria. Kajian ke atas lalat rumah *Musca domestica* menunjukkan, ia mengandungi virus bacteriophage yang mampu membunuh kuman-kuman *Staphylococcus muscae*, *Escherichia coli*, *Salmonella paratyphi* dan *Eberthella typhosa* yang menjadi penyebab kepada penyakit cirit birit dan demam kepialu.<sup>71</sup>

Contoh seterusnya penolakan terhadap hadis tentang *habbat al-sawdā'*<sup>72</sup> boleh menyembuhkan setiap penyakit disebabkan kurang memahami maksud hadis, tahap penemuan sains masih rendah pada ketika itu atau tiada kepakaran dalam ilmu perubatan. Maksud penyembuh setiap penyakit ialah tindak balasnya terhadap kekuatan sistem antibodi apabila dimakan. Secara tidak langsung, antibodi yang kuat dapat menentang penyakit.

عن أبي هريرة رضي الله عنه أن رسول الله صلى الله عليه وسلم قال: إِنَّ

فِي الْحُبَّةِ السُّودَاءِ شِفَاءً مِنْ كُلِّ دَاءٍ، إِلَّا السَّامَ.<sup>73</sup>

<sup>71</sup> Dr. Danial bin Zainal Abidin, *Bukti-bukti Sains dan Sejarah Kerasulan Muhammad* (Kuala Lumpur: PTS Publication), 140.

<sup>72</sup> Nama saintifiknya ialah *Nigella Sativa* (*Black Seed*).

<sup>73</sup> Hadis riwayat Muslim, Kitab al-Tibb, Bab al-Tadāwī bi al-Ḥabbat al-Sawdā', no. hadis 5728. Lihat Muslim bin al-Ḥajjāj "Ṣaḥīḥ Muslim," 14: 422.

Terjemahan: Daripada Abu Hurairah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda: “Sesungguhnya *habbat al-sawdā'* adalah penawar terhadap sebarang penyakit kecuali kematian”.

Kemudian, kaedah bahasa Arab menyatakan lafaz umum (*nakirah*) dalam hadis pada perkataan (شفاء) dan (داء) bermaksud apa-apa kesembuhan untuk mana-mana penyakit sama ada peratusan kesembuhan adalah sedikit atau sembah sepenuhnya.<sup>74</sup>

Salah tanggapan terhadap pemahaman hadis-hadis tersebut dan hadis-hadis lain menyebabkan hadis-hadis tersebut dikenali sebagai hadis musykil membuktikan tahap ilmu manusia adalah terbatas berbanding ilmu Allah SWT. Inilah yang dikatakan sebagai mukjizat kerana Rasulullah SAW menyatakan sesuatu hakikat yang hanya diketahui oleh manusia setelah tahap keilmuan mereka mampu menyingkap hakikat tersebut.

Oleh itu, sekali lagi ditegaskan bahawa rujukan, himpunan hadis-hadis berkaitan, penelitian terhadap nas, kemahiran dalam disiplin-disiplin ilmu berkaitan *al-I'jāz al-'Ilmī* serta kurniaan Allah SWT berupa kefahaman terhadap nas dapat merungkai kekeliruan seterusnya dapat mengelakkan daripada tanggapan yang salah terhadap nas *zannī*.

---

<sup>74</sup> Dr. 'Abd al-Jawwād al-Sāwī, "Al-Ḥabbat al-Sawdā' wa Jihāz al-Manā'ah," Majallah al-I'jāz al-'Ilmī, Zulkaedah 1423H, 16 - 23.

Jika nas *zannī* telah dipastikan benar-benar bercanggah dengan fakta sains yang muktamad maka kaedah kelapan boleh dipraktikkan. Setakat pengetahuan pengkaji, belum ada nas-nas *zannī* yang bercanggah dengan fakta sains yang muktamad khususnya tulisan al-Zindānī.<sup>75</sup>

Kesimpulan daripada huraiān kesemua kaedah ini ialah, dalam kajian *al-Ijāz al-Ilmī*, perkara *qatī* sama ada nas atau fakta sains hendaklah diutamakan sebagaimana yang dinyatakan oleh al-Zindānī dalam bahagian akhir kaedah kelapan.

### 5.3 Analisis Kaedah-Kaedah *al-Ijāz al-Ilmī* Berdasarkan Contoh

Lapan kaedah *al-Ijāz al-Ilmī* dan huraiān ringkas yang lalu sekurang-kurangnya dapat memberi gambaran dan panduan dalam analisis contoh-contoh berikut. Fokus lapan kaedah *al-Ijāz al-Ilmī* tersebut tertumpu kepada keutamaan wahyu berbanding dengan akal manusia, nas atau fakta sains yang *qatī* dan *zannī*, pertimbangan untuk mengambil makna zahir nas atau perlu ditakwilkan serta jalan penyelesaian seandainya berlaku pertembungan antara perkara-perkara tersebut.

Jadi, untuk memastikan al-Zindānī mempraktikkan kaedah-kaedah *al-Ijāz al-Ilmī*, pengkaji perlu mengambil contoh *al-Ijāz al-Ilmī* yang ditulis oleh

<sup>75</sup> Sila rujuk artikel untuk maklumat lebih terperinci. Lihat “Ahammiyyah al-I‘jāz bayn al-Muslimīn,” laman sesawang *Jāmi‘ah al-mānī*, dicapai 29 November 2014, [http://www.jameataleman.org/main/articles.aspx?article\\_no=1196](http://www.jameataleman.org/main/articles.aspx?article_no=1196).

beliau sebagai sampel analisis. Pengkaji memilih beberapa artikel al-Zindānī yang terdapat dalam laman sesawang [www.jameataleman.org](http://www.jameataleman.org) kerana ia merupakan laman rasmi untuk merujuk sebahagian besar hasil karya beliau terutamanya yang berkaitan dengan *al-Ijāz al-Ilmī*.

Contoh-contoh *al-Ijāz al-Ilmī* yang dikemukakan merangkumi pelbagai bidang ilmu seperti oseanografi,<sup>76</sup> neurologi,<sup>77</sup> geologi,<sup>78</sup> botani<sup>79</sup> dan embriologi.<sup>80</sup> Tambahan pula, contoh-contoh tersebut merupakan hasil kajian dan penulisan al-Zindānī yang telah dibentangkan dalam banyak seminar antarabangsa. Berdasarkan contoh-contoh tersebut, dapat dipastikan konsep *al-Ijāz al-Ilmī* menurut al-Zindānī yang menterjemahkan secara praktikal kaedah-kaedah *al-Ijāz al-Ilmī* yang telah digariskan oleh beliau di samping dapat menyatakan *Awjuh al-Ijāz al-Ilmī*. Berikut adalah contoh-contoh *al-Ijāz al-Ilmī* oleh al-Zindānī:

---

<sup>76</sup> Ilmu tentang segala aspek (termasuk fizik, biologi, kimia, geologi) yang berkaitan dengan lautan. Lihat *Kamus Dewan*, ed. ke-4 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007), 1104, entri “oseanografi.”

<sup>77</sup> Kajian tentang anatomi, fisiologi, dan penyakit-penyakit sistem saraf. Lihat *Kamus Dewan*, ed. ke-4 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007), 1077, entri “neurologi.”

<sup>78</sup> Sains tentang asal usul, sejarah, struktur, dan komposisi bumi, kaji bumi. Lihat *Kamus Dewan*, ed. ke-4 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007), 460, entri “geologi.”

<sup>79</sup> Cabang biologi yang berkaitan dengan kehidupan tumbuh-tumbuhan. Lihat *Kamus Dewan*, ed. ke-4 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007), 204, entri “botani.”

<sup>80</sup> Salah satu cabang ilmu perubatan yang mengkaji perkembangan embrio. Lihat *Kamus Dewan*, ed. ke-4 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007), 388, entri “embriologi.”

### 5.3.1 Analisis Contoh *al-Ijaz al-Ilm* Dalam Bidang Oseanografi

#### 5.3.1.1 Sifat *Hājiz / Barzakh* di antara Dua Buah Lautan

Terdapat dua nas al-Quran yang menyatakan tentang *Hājiz / Barzakh* di antara dua buah lautan sebagaimana firman Allah SWT:

مَرْجَ الْبَحْرَيْنِ يَلْتَقِيَانِ ﴿١﴾ بَيْنَهُمَا بَرَزَخٌ لَا يَبْغِيَانِ ﴿٢﴾ فَبِأَيِّ إِلَاءٍ  
رِبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ ﴿٣﴾ تَخْرُجُ مِنْهُمَا الْلُؤْلُؤُ وَالْمَرْجَانُ

Al-Rahmān 55: 19-22

Terjemahan: Ia biarkan air dua buah lautan (yang masin dan yang tawar)<sup>81</sup> mengalir, sedang keduanya pula bertemu; Di antara keduanya ada *barzakh* yang memisahkannya, masing-masing tidak melampaui sempadannya; Maka yang mana satu di antara nikmat-nikmat Tuhan kamu, yang kamu hendak dustakan? Dari kedua laut itu, keluar mutiara dan marjan;

وَجَعَلَ بَيْنَ الْبَحْرَيْنِ حَاجِزاً

al-Naml 27: 61

Terjemahan: ... dan juga telah menjadikan di antara dua laut sekatan (semula jadi) yang memisahnya?...

<sup>81</sup> Huraian dalam terjemahan (yang masin dan yang tawar) dalam ayat tersebut adalah tidak tepat kerana pertemuan laut dan sungai dinyatakan oleh Allah dalam Surah al-Furqān (25) : 53. (Pengkaji).

Fakta sains menyatakan terdapat *barzakh* yang memisahkan di antara setiap dua buah lautan yang sentiasa bergerak. Ahli oseanografi menamakan *barzakh* ini sebagai *oceanic front* bagi menyamakannya dengan *al-Jabhhah* (barisan hadapan) yang memisahkan di antara dua kumpulan angkatan tentera. Kewujudan *barzakh* menyebabkan setiap laut dapat memelihara ciri-ciri khusus yang tertentu bersesuaian dengan hidupan yang berada di dalam ekologi tersebut.

Oleh sebab wujudnya *barzakh*, percampuran air daripada dua buah lautan berlaku secara perlahan-lahan. Kuantiti air yang merentasi daripada sebuah lautan ke laut yang lain akan mendapat ciri-ciri laut yang direntas ketika melalui *barzakh*. Perkara ini berlaku disebabkan fungsi *barzakh* yang menukar sifat air supaya setiap laut mengekalkan ciri-cirinya yang khusus.<sup>82</sup>

Al-Zindānī telah merujuk makna-makna dari segi bahasa dan pendapat-pendapat ahli tafsir untuk membuktikan perkataan *al-bahrayn* dalam ayat tersebut adalah laut masin. Sebahagian pendapat dan rujukan beliau adalah seperti berikut:

Kata Ibn Fāris: *bār'*, *ḥār'* dan *rā'*, al-Khalīl mengatakan: “laut itu disebut sebagai laut kerana sifatnya yang melaut iaitu terbentang luas ... dan dikatakan kepada air yang pekat setelah menjadi tawar, *istabḥara*. Manakala *mā' bahriyy* (air laut) : iaitu air yang masin”.<sup>83</sup> Al-Asfahānī<sup>84</sup> berkata

<sup>82</sup> ‘Abd al-Majīd al-Zindānī et al., *Bayyināt al-Rasūl wa Mu'jizātuh* (Sana'a: Jāmi‘ah al-Imān, 2004), 74.

<sup>83</sup> Ibn Fāris, *Mu'jam Maqāyīs fī al-Lughah*, 201., Ibn Manzūr, *Lisān al-'Arab*, (Kaherah: Dār al-Ma‘ārif, t.t), 215., dan al-Rāghib al-Asfahānī, *al-Mufradāt*, (t.tp.: Maktabah Nazār Muṣṭafā al-Bāz, t.t.), 47.

<sup>84</sup> al-'Allamah al-Muhaqqiq Abu al-Qāsim, al-Husayn bin Muḥammad bin al-Mufaḍḍal al-Asfahānī, yang digelar dengan al-Rāghib, pemilik karangan-karangan yang bermanfaat. Beliau meninggal pada tahun 502H.

dengan menukilkan pendapat sebahagian daripada ahli bahasa bahawa perkataan *al-baḥr* disebut pada asalnya bagi air yang masin bukan yang tawar.<sup>85</sup> Ibn Manzūr<sup>86</sup> berkata: penggunaan perkataan tersebut lebih banyak untuk air yang masin berbanding air tawar.<sup>87</sup> Apabila disebut perkataan *al-baḥr* secara itlak (secara umum), ia menunjukkan kepada laut yang masin, dan apabila ia dikaitkan dengan sesuatu perkara, maka ia menunjukkan kepada perkara yang dikaitkan.<sup>88</sup>

Jika terdapat pelbagai pendapat tentang sesuatu perkataan al-Zindānī akan membuat kesimpulan dengan menggabungkan makna-makna daripada pelbagai pendapat tersebut selagi tidak terpesong daripada kefahaman dan kaedah bahasa Arab.

Sebagai contoh, ketika menerangkan perkataan *al-Marjān* al-Zindānī merujuk pelbagai pendapat seperti Ibn al-Jawzī,<sup>89</sup> al-Zajjāj,<sup>90</sup> Abu Ḥayyān,<sup>91</sup> al-Alūsī,<sup>92</sup> al-Daḥḥāk dan Qatādah.<sup>93</sup>

<sup>85</sup> al-Rāghib al-Asfahānī, *al-Mufradāt*, 47.

<sup>86</sup> Muḥammad bin al-Mukarram bin ‘Alī bin Aḥmad al-Anṣārī, seorang pakar bahasa. Beliau penulis ‘*Lisān al-‘Arab*’ yang merupakan kamus terbesar bahasa Arab. Beliau meninggal dunia pada 711H.

<sup>87</sup> Ibn Manzūr, *Lisān al-Arab*, 215.

<sup>88</sup> ‘Abd al-Majīd al-Zindānī et al., *Bayyināt al-Rasūl wa Mu‘jizātuh*, 78-79.

<sup>89</sup> ‘Abd al-Raḥmān bin ‘Alī bin Muḥammad al-Qurāṣī al-Taymī al-Bakrī, seorang ahli hadis, ahli sejarah, ḥāfiẓ, ahli tafsir, pembimbang, ahli fekah. Beliau memiliki karya yang banyak. Meninggal pada 597H. Lihat Ibn al-Jawzī, *Zād al-Masīr*, (Beirut: al-Maktab al-Islī mī, 1984), 1379.

<sup>90</sup> Ibrāhīm bin al-Sarī bin Sahl, Abū Iṣhāq al-Zajjāj, seorang ahli nahu, bahasa Arab dan tafsir. Di antara kitabnya ialah *Ma‘ānī al-Qur’ān*. Meninggal dunia pada tahun 311H. Lihat Ibn al-Jawzī, *Zād al-Masīr*, (Beirut: al-Maktab al-Islī mī, 1984), 1379.

<sup>91</sup> Muḥammad bin Yūsuf bin ‘Alī bin Ibn Ḥayyān al-Gharnāṭī al-Jiyānī, seorang ahli nahu serta tafsir. Beliau memiliki beberapa buah karya; antaranya ialah *al-Baḥr al-Muḥīt* di dalam bidang tafsir. Meninggal dunia di Kaherah pada tahun 745H. Lihat Abū Ḥayyān, *al-Baḥr al-Muḥīt*, (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1993), j.8, 190.

<sup>92</sup> Maḥmūd bin ‘Abd Allah bin Maḥmūd al-Ḥusaynī al-Alūsī, seorang ahli tafsir, hadis dan bahasa Arab. Karangan yang termasyhur ialah *Rūḥ al-Ma‘ānī* di dalam pentafsiran al-Quran. Meninggal dunia di Baghdad pada 1270H. Lihat al-Alūsī, *Rūḥ al-Ma‘ānī* (Beirut: Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabī, t.t), 27 : 106-107.

<sup>93</sup> al-Qurṭubī, *al-Jāmi‘ li Aḥkām al-Qur’ān* (Beirut: Muassasah al-Risālah, 2006), 130.

Seterusnya, beliau membuat kesimpulan bahawa *al-Marjān* merupakan sejenis perhiasan dengan warna yang pelbagai seperti putih dan merah, bersaiz besar dan kecil, dan ia adalah batu seperti rod. Kadangkala ia adalah kecil seperti mutiara atau manik, dan di dalam ayat tersebut ia bukan mutiara, huruf ‘*aṭaf*’ (kata sendi) di antaranya menunjukkan *al-Mughāyarah* (makna berbeza). *Marjān* tidak wujud kecuali di dalam laut-laut masin.<sup>94</sup>

Al-Zindānī mengemukakan dalil lain daripada al-Quran untuk mengelakkan sebarang kekeliruan. Dalam ayat lain, al-Quran menggunakan perkataan *al-anhār* (sungai-sungai) untuk mengisyaratkan kepada air-air tawar yang mengalir dengan banyak. Manakala perkataan laut digunakan untuk menunjukkan kepada laut yang masin. Firman Allah SWT:

وَسَخَّرَ لَكُمُ الْفُلْكَ لِتَجْرِيَ فِي الْبَحْرِ بِأَمْرِهِ وَسَخَّرَ لَكُمُ  
الْأَنْهَارَ

Ibrāhīm 14: 32

Terjemahan: dan Dia yang memberi kemudahan kepada kamu menggunakan kapal-kapal untuk belayar di laut dengan perintah Nya, juga yang memudahkan sungai-sungai untuk kamu (mengambil manfaat darinya).

<sup>94</sup> ‘Abd al-Majid al-Zindānī et al., *Bayyināt al-Rasūl wa Mu‘jizātuh*, 80.

Ayat-ayat tersebut menunjukkan maklumat terperinci rahsia-rahsia yang disingkap hari ini oleh ilmu Oseanografi kerana ia menceritakan pertemuan di antara laut-laut yang masin dan bukti perkara tersebut adalah seperti berikut:

**Pertama:** Ayat tersebut telah menyebut lafaz *al-Baḥrayn* (dua buah lautan) tanpa sebarang *qayd* (ikatan) menunjukkan bahawa dua buah lautan tersebut adalah masin.

**Kedua:** Ayat-ayat dalam surah *al-Raḥmān* menjelaskan bahawa mutiara dan batu karang dikeluarkan daripada dua buah lautan tersebut. Telah jelas bahawa batu karang tidak didapati kecuali di dalam laut-laut masin. Oleh demikian, ayat tersebut menyatakan tentang dua buah lautan masin. Firman Allah SWT: *Yakhruj min humā al-lu'lu' wa al-marjān* iaitu keluar daripada keduanya.<sup>95</sup>

تَخْرُجُ مِنْهُمَا الْلُؤلُؤُ وَالْمَرْجَانُ

Al-Raḥmān 55: 19-22

Terjemahan: Dari kedua laut itu, keluar mutiara dan marjan;

---

<sup>95</sup> *Ibid.*


Selain al-Quran, jika terdapat hadis yang boleh menjelaskan sebarang kekeliruan, al-Zindānī akan menukilkannya kerana hadis berperanan menghuraikan lafaz al-Quran yang umum. Sebagai contoh, di dalam hadis berikut menyatakan penggunaan perkataan *al-baḥr* menunjukkan kepada air yang masin:

سَأَلَ رَجُلٌ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنَّا نَرْكِبُ  
الْبَحْرَ وَنَحْمِلُ مَعَنَا الْقَلِيلَ مِنَ الْمَاءِ فَإِنْ تَوَضَّأْنَا بِهِ عَطَشْنَا أَفْتَوَضْنَا مِنْ  
مَاءِ الْبَحْرِ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: هُوَ الطَّهُورُ مَا وَهُ الْحَلُّ

Terjemahan: Seorang lelaki telah bertanya kepada Rasulullah SAW dan berkata: Ya Rasulullah! Kami melayari laut dan kami membawa bersama-sama sedikit air. Jika kami berwuduk dengannya, kami akan kehausan. Adakah boleh kami berwuduk dengan **air laut**? Lalu Rasulullah SAW berkata: "ia adalah air yang menyucikan dan yang halal bangkainya."

Kemudian kenyataan dalam al-Quran dibuktikan dengan fakta-fakta sains yang diperoleh melalui kajian-kajian yang dilakukan berserta gambar-gambar sebagai penyaksian fakta tersebut. Dalam tajuk ini al-Zindānī telah mengemukakan gambar-gambar berikut:

<sup>96</sup> Hadis riwayat al-Tirmidhī di dalam Kitab Tahārah, Bāb Mā' al-Baḥr Annahū Tahūr, no. Hadis 69. Lihat Muhammad bin 'Īsā bin Sūrah al-Tirmidhī, "Sunan al-Tirmidhī," 27.




Gambar 4.1: Gambar satelit yang menjelaskan keadaan suhu permukaan laut di Teluk Mexico yang secara tidak langsung menzahirkan kewujudan jisim-jisim air yang berlainan dalam sesuatu kawasan.<sup>97</sup>


Gambar berikut menjelaskan *barzakh* air Laut Mediterranean yang panas serta masin, ketika memasuki Lautan Atlantik yang mempunyai air yang sejuk dan kurang masin daripadanya.

---

<sup>97</sup> NOAA, “High Resolution Satellite-Derived SST products”, laman sesawang *Monitering the Gulf of Mexico Conditions*, dicapai 21 November 2013, <http://www.aoml.noaa.gov/phod/dhos/sst.php>.




Gambar 4.2: *Barzakh* di antara air-air Laut Mediterranean dan Lautan Atlantik. Jelas perbezaan air-air *barzakh* daripada air-air dua buah lautan tersebut dari segi kadar kemasinan, dan ia dijelaskan dengan garisan-garisan, nombor-nombor dan warna-warna.<sup>98</sup>



Gambar 4.3: Akhirnya manusia telah berjaya mengambil gambar *barzakh* yang bergerak dan berbentuk zigzag di antara laut yang masin dengan teknik khas melalui fotografi suhu menggunakan satelit, yang menjelaskan bahawa air-air laut sekalipun pada zahirnya merupakan jisim yang satu, tetapi di sana terdapat perbezaan-perbezaan ketara di antara jisim air bagi laut yang berlainan, jelas dengan warna yang berlainan mengikut perbezaannya dari segi kadar suhu.<sup>99</sup>

<sup>98</sup> Air Laut Mediterranean ketika ia memasuki Lautan Atlantik melewati *Gibraltar Sill* (Selat Gibraltar) dengan suhu kepanasan, kemasinan, sifat kurang kelikatannya yang khusus, disebabkan *barzakh* yang memisahkan di antara keduanya. Suhu adalah dalam darjah Celsius (C°) – Ph. Lihat H Kuenen, *Realms of Water* (New York: Wiley, 1963), 67.

<sup>99</sup> NASA, “Temperature”, laman sesawang *NASA Science Earth*, dicapai 21 November 2013, <http://science.nasa.gov/earth-science/oceanography/physical-ocean/temperature/>.



Gambar 4.4: Peta mendatar bagi Teluk Arab dan keratan-keratan yang menegak membezakan kawasan *barzakh* antara Teluk Arab dan Teluk Oman. Ini adalah perbezaan kemasinan tiga buah kawasan tersebut.

Sesiapa yang mendengar ayat ini akan membayangkan bahawa percampuran yang besar berlaku di antara laut-laut ini akan menghilangkan ciri-ciri khusus yang dimiliki. Oleh sebab itu, kebanyakan ahli tafsir telah berpendapat bahawa *barzakh* yang memisahkan di antara dua buah lautan tersebut adalah *barzakh* daripada kuasa Allah SWT<sup>100</sup> yang tidak dapat dilihat. Mereka menghadapi masalah dalam mengharmonikan pemahaman untuk menyatukan antara percampuran air-air laut dengan wujudnya *barzakh* lautan, kerana

<sup>100</sup> Lihat sebagai contoh, Maḥmūd bin ‘Umar al-Zamakhsharī, *al-Kashshāf ‘an Ḥaqāiq Ghawāmiḍ al-Tanzīl wa ‘Uyūn al-Aqāwīl fī Wujūh al-Ta’wīl* (Riyadh: Maktabah al-‘Ubaykān, 1998), 6: 8.

kewujudan *barzakh* memestikan terhalangnya percampuran dan pernyataan bercampur memestikan ketidakwujudan *barzakh*. Kemusykilan tersebut telah hilang dengan penemuan rahsia-rahsia laut mengikut realiti-realitinya.

Daripada penerangan yang lalu dapat dinyatakan contoh *Awjuh al-I'jāz* (bentuk-bentuk mukjizat) sebagaimana berikut:

- 1) Al-Quran yang turun sebelum lebih 1400 tahun mengandungi maklumat-maklumat terperinci berkenaan fenomena-fenomena laut yang baru sahaja disingkap dengan alatan-alatan moden. Antara maklumat tersebut ialah wujudnya *barzakh* daripada air di antara laut-laut. Firman Allah SWT:

مَرْجَ الْبَحْرَيْنِ يَلْتَقِيَانِ ﴿١٩﴾ بَيْنَهُمَا بَرَّخُ لَا يَبْغِيَانِ ﴿٢٠﴾

Al-Rahmān 55: 19-22

Terjemahan: Ia biarkan air dua buah lautan (yang masin dan yang tawar)<sup>101</sup> mengalir, sedang keduanya pula bertemu; Di antara keduanya ada *barzakh* yang memisahkannya, masing-masing tidak melampaui sempadannya;


- 2) Perkembangan sejarah di dalam perjalanan ilmu Oseanografi menyaksikan ketidakwujudan maklumat-maklumat terperinci mengenai laut terutamanya sebelum ekspedisi Challenger pada tahun 1873M apatah lagi pada waktu turunnya al-Quran sebelum 1400 tahun yang diwahyukan kepada seorang

<sup>101</sup> Lihat nota kaki nombor 80 yang lalu dalam bab ini, muka surat 174.

Nabi buta huruf yang menjalani kehidupan di dalam suasana padang pasir dan tidak melayari laut.

- 3) Oseanografi juga tidak berkembang melainkan pada dua kurun terakhir, khususnya pada separuh akhir kurun ke-20 M. Sebelum itu, laut merupakan sesuatu yang tidak banyak diketahui lagi menakutkan serta banyak dongeng dan kepercayaan karut mengenainya. Orang yang melayarinya hanya mengambil berat tentang keselamatan dan mendapat laluan yang betul sewaktu pelayaran mereka yang jauh. Manusia tidak mengetahui bahawa laut-laut yang masin adalah laut-laut yang berlainan melainkan pada tahun 30-an dalam dekad yang lalu setelah para pengkaji mendirikan beribu-ribu stesen kaji laut untuk menyelidik sampel-sampel air dari laut-laut tersebut. Mereka mengukur perbezaan-perbezaan suhu, kadar kemasinan, kadar kelikatan, kadar oksigen melarut di dalam air laut-laut tersebut di setiap stesen itu, lalu mereka mendapat tahu setelah itu bahawa laut-laut yang masin adalah pelbagai.
- 4) Manusia tidak mengetahui tentang *barzakh* yang memisahkan antara laut-laut yang masin, kecuali setelah mendirikan stesen-stesen penyelidikan laut yang menunjukkan kepadanya, setelah menghabiskan waktu yang lama mengkaji kewujudan *barzakh* berbentuk bengkang bengkok yang sentiasa beralih, berubah dari segi kedudukan geografinya dengan perubahan musim setahun.

- 5) Manusia tidak mengetahui bahawa air dua buah lautan yang terpisah di antara satu sama lain dengan *barzakh*, kedua-duanya adalah bercampur dalam masa yang sama kecuali setelah berterusan mengkaji dengan peralatan-peralatan dan kapal-kapal terhadap pergerakan air-air di kawasan-kawasan pertemuan di antara laut-laut, serta melakukan penyelidikan terhadap jisim-jisim air di kawasan-kawasan tersebut.
- 6) Manusia tidak mengakui kaedah ini terhadap semua laut yang bercantum, kecuali setelah imbasan saintifik yang meluas ke atas fenomena yang berlaku di antara setiap dua buah lautan pada seluruh laut di bumi.



Gambar 4.5: Kemasinan diukur dengan kadar garam (mengikut gram) yang larut di dalam 1,000 gram air laut. Kerana itu kemasinan sering dinyatakan sebagai "parts per thousand" (ppt) [satu bahagian setiap seribu]. Kemasinan air berdekatan permukaan laut berbeza-beza dari tempat ke tempat yang lain. Kemasinan permukaan laut merangkumi dari kira-kira 32 ppt di kebanyakan kawasan Utara Pasifik sehingga 37.5 ppt di kawasan Utara tengah Atlantik.<sup>102</sup>

<sup>102</sup> Bureau of Meteorology, "Forecast Help", laman sesawang Bureau of Meteorology, dicapai 24 November 2013, <http://www.bom.gov.au/oceanography/forecasts/forecast-help.shtml>

- 7) Adakah Rasulullah SAW dahulunya memiliki stesen-stesen kaji laut, peralatan-peralatan menyelidik jisim-jisim air dan kemampuan untuk mengikuti pergerakan jisim-jisim air yang berlainan?
- 8) Adakah baginda telah melakukan aktiviti imbasan menyeluruh, sedangkan baginda yang tidak pernah melayari laut sama sekali dan hidup pada zaman perkara dongeng menguasai pemikiran manusia, terutamanya dalam lapangan kajian laut?
- 9) Adakah Rasulullah SAW mempunyai kemudahan kajian-kajian, peralatan dan penyelidikan seperti kemudahan yang ada pada ahli oseanografi yang telah menemui rahsia-rahsia tersebut melalui kajian dan penyelidikan?
- 10) Sesungguhnya ilmu yang terkandung dalam al-Quran ini mengandungi rahsia paling rumit pada zaman yang mustahil untuk manusia mengetahui fakta kebenaran menunjukkan sumbernya daripada Ilahi, sebagaimana firman Allah SWT:

قُلْ أَنْزَلَهُ اللَّهُ الَّذِي يَعْلَمُ الْسِرَّ فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ إِنَّهُ كَانَ غَفُورًا

رَحِيمًا

Al-Furqān 25 : 6

Terjemahan: Katakanlah (Wahai Muhammad): "Al-Quran itu diturunkan oleh Allah yang mengetahui segala rahsia di langit dan di bumi; sesungguhnya adalah Ia Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.

11) Sebagaimana ia juga menunjukkan bahawa orang yang diturunkan kepadanya kitab tersebut adalah seorang rasul yang diwahyukan kepadanya. Benarlah firman Allah SWT:

سُرِّيهِمْ ءَايَتِنَا فِي الْأَفَاقِ وَفِي أَنفُسِهِمْ حَتَّىٰ يَتَبَيَّنَ لَهُمْ أَنَّهُ الْحُقُّ أَوْ لَمْ  
يَكُفِ بِرَبِّكَ أَنَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ شَهِيدٌ ﴿٦﴾ أَلَا إِنَّهُمْ فِي مِرَيَةٍ مِّنْ لِقَاءِ  
رَبِّهِمْ أَلَا إِنَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ مُّحِيطٌ ﴿٧﴾

Fuṣṣilat 41: 53

Terjemahan: Kami akan perlihatkan kepada mereka tanda-tanda kekuasaan Kami di merata-rata tempat (dalam alam yang terbentang luas ini) dan pada diri mereka sendiri, sehingga ternyata jelas kepada mereka bahawa al-Quran adalah benar. Belumkah ternyata kepada mereka kebenaran itu dan belumkah cukup (bagi mereka) bahawa Tuhanmu mengetahui dan menyaksikan tiap-tiap sesuatu?

Berdasarkan *Awjuh al-I'jāz* tersebut dapat dirumuskan fokus dan penekanan yang dititikberatkan oleh al-Zindānī untuk menzahirkan *al-I'jāz al-Ilmī* sebagaimana berikut:

- i. Kitab al-Quran yang diturunkan lebih 1400 lalu mengandungi ilmu berupa fakta-fakta yang hanya mampu disingkap dengan peralatan canggih dan moden.

- ii. Sejarah perkembangan sesuatu bidang ilmu mencatatkan tiada maklumat terperinci ketika penurunan al-Quran kepada Nabi yang buta huruf yang tinggal di padang pasir.
- iii. Kepercayaan karut dan dongeng menguasai pemikiran manusia terhadap banyak fenomena alam yang membuktikan kejahilan manusia tentang hakikat dan fakta sebenar.
- iv. Banyak perkara yang tidak diketahui oleh manusia hanya dapat disingkap setelah kajian menyeluruh dilakukan.
- v. Menimbulkan persoalan yang membangkitkan perasaan takjub terhadap Rasulullah SAW yang menyampaikan fakta-fakta sedangkan baginda tidak memiliki segala peralatan untuk kajian.
- vi. Fakta yang sangat rumit yang terkandung dalam al-Quran yang mustahil untuk disingkap oleh manusia pada zaman penurunannya membuktikan sumbernya daripada Allah SWT.
- vii. Membuktikan Nabi Muhammad SAW yang diturunkan kepadanya al-Quran merupakan Rasulullah SAW.

### 5.3.2 Analisis Contoh *al-Ijaz al-Ilm* Dalam Bidang Geologi

#### 5.3.2.1 Gunung Sebagai Pasak Bumi

Firman Allah SWT dalam al-Quran yang mengisyaratkan tentang bentuk gunung-ganang dan fungsinya dalam ayat-ayat berikut:

أَلَمْ تَجْعَلِ الْأَرْضَ مِهَادًا ۝ وَالْجِبالَ أُوتَادًا ۝

Al-Naba' 78 : 6-7

Terjemahan : (Mengapa kamu ragu-ragukan kekuasaan Kami menghidupkan semula orang-orang yang telah mati?)  
Bukankah Kami telah menjadikan bumi (terbentang luas) sebagai hamparan? Dan gunung-ganang sebagai pancang pasaknya?

...وَأَلْقَى فِي الْأَرْضِ رَوْسَيْ أَنْ تَمِيدَ بِكُمْ ...

Luqmān 31 : 10

Terjemahan : dan Ia mengadakan di bumi gunung-ganang yang menetapnya supaya bumi itu tidak menghayun-hayunkan kamu;

وَجَعَلْنَا فِي الْأَرْضِ رَوْسَيْ أَنْ تَمِيدَ بِهِمْ وَجَعَلْنَا فِيهَا فِجَاجًا سُبُلًا

لَّهُمْ يَهْتَدُونَ ۝

al-Anbiyā' 21 : 31

Terjemahan: Dan Kami telah menjadikan di bumi gunung-ganang yang menetapnya, supaya bumi itu tidak menggegar mereka; dan Kami jadikan padanya celah-celah sebagai jalan-jalan lalu-lalang, supaya mereka dapat sampai kepada mencapai keperluan rohani dan jasmani.

Ayat-ayat ini mengisyaratkan bahawa gunung-ganang adalah pasak untuk bumi. Pasak terjadi dengan adanya sebahagian yang zahir pada permukaan bumi dan sebahagian besarnya tenggelam di dalam bumi. Tugasnya sebagai pengukuh sesuatu yang lain.

Walau demikian, jika dilihat kesemua definisi semasa untuk perkataan gunung, ia tertumpu pada bentuk luaran topografi-topografi ini, tanpa sedikit pun isyarat kepada pengunjurannya di bawah permukaan bumi, walaupun akhirnya telah dipastikan bahawa ia melebihi ketinggian yang zahir, beberapa kali ganda.<sup>103</sup>


Pada kurun ke-19, andaian teori Sir George Airy tentang kewujudan tunjang gunung akhirnya menjadi fakta sains dengan kemajuan sains dan teknologi menggunakan seismograf.<sup>104</sup>

Dalam tajuk ini, al-Zindānī telah mengemukakan gambar-gambar berikut untuk menjelaskan bentuk gunung yang sebenar:


---

<sup>103</sup> Dr. Zaghlūl al-Najjār, *The Geological Concept of Mountains in the Qur'an* (Mekah: al-Hay'ah al-'Ālamiyah li al-I'jāz al-'Ilmī fī al-Qur'ān wa al-Sunnah, 1992), 3.

<sup>104</sup> Alat untuk merakam dan mengukur kekuatan gempa bumi. Lihat *Kamus Dewan*, ed. ke-4 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007), 1411, entri "seismograf."



Gambar 4.6: Keratan rentas gunung seperti pasak yang mempunyai tunjang yang dalam tertanam di dalam bumi.<sup>105</sup>



Gambar 4.7: Gambar lain yang menerangkan tentang gunung yang menyerupai pasak kerana tunjangnya yang dalam.<sup>106</sup>

Al-Zindānī merujuk kepada perkataan *alqā* dalam surah Luqmān ayat 10 dan sebuah hadis tentang isyarat pembentukan gunung-gunung berapi yang memuntahkan magma daripada perut bumi kemudian mengalir membentuk lapisan di atas permukaan bumi. Proses pembentukan gunung berapi tersebut dijelaskan oleh hadis Rasulullah SAW sebagaimana berikut:

<sup>105</sup> Andre Cailleux and J. Moody Stuart, *Anatomy of the Earth* (McGraw-Hill Companies, 1968), 220.

<sup>106</sup> Edward J. Tarbuck and Frederick K. Lutgens, *Earth Science* (USA: Macmillan, 1993), 158.

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّهُ قَالَ: لَمَّا خَلَقَ اللَّهُ  
الْأَرْضَ جَعَلَتْ تَمِيدٌ فَخَلَقَ الْجِبَالَ فَعَادَ إِلَيْهَا فَاسْتَقَرَّتْ ...<sup>107</sup>

Terjemahan: Apabila Allah SWT menciptakan bumi, ia mula bergoyang-goyang, lantas Allah SWT mencipta gunung-ganang, lalu ia keluar dan kembali ke atas permukaan bumi lantas menjadi tetap ...

Perkataan Rasulullah SAW yang menjelaskan tentang proses pembentukan gunung dalam hadis tersebut ialah *fa ‘ād bi hā ‘alay hā* yang bermaksud pembentukan gunung berlaku dengan keluarnya magma dari bumi dan jatuh mengalir membentuk lapisan di atasnya. Berdasarkan ayat dan hadis tersebut, al-Zindānī membuat kesimpulan bahawa gunung berapi adalah gunung pertama yang terbentuk di atas permukaan bumi.

Daripada penerangan yang lalu dapat dinyatakan contoh *Awjuh al-I‘jāz* (bentuk-bentuk mukjizat) sebagaimana berikut:

1. Sesiapa yang melihat gunung-ganang di bumi tidak akan nampak bentuk sebenar tunjangnya yang menyerupai pasak. Apa yang kelihatan ialah bongkah yang timbul lebih tinggi daripada permukaan bumi sebagaimana definisi pakar-pakar geografi dan geologi. Mustahil seseorang boleh mengetahui bentuk pasaknya yang berperanan seperti sauh kecuali setelah mengetahui bahagian yang tenggelam dalam cairan lava di lapisan mantel.

<sup>107</sup> Hadis riwayat al-Tirmidhī, (Kitab Tafsīr al-Qur’ān, Bab wa min Sūrah al-Mu‘awwidhatayn), no. hadis 3369. Lihat Muḥammad bin ‘Isā bin Sūrah al-Tirmidhī, “Sunan al-Tirmidhī,” 765.

Sangat mustahil untuk seseorang manusia biasa membayangkan tentang perkara tersebut sehingga zahirnya teori Sir George Airy pada tahun 1855M.

2. Siapakah yang memberitahu Muhammad SAW tentang realiti ghaib di dalam perut bumi dan di bawahnya, pada kedalaman mencecah berpuluhan kilometer, sebelum pengetahuan manusia mengenainya dalam jangka masa 13 kurun?
3. Siapakah yang memberitahu Muhammad SAW tentang peranan gunung-ganang, yang melaksanakan tugas sebagai pasak dan baji, dan ia merupakan fakta yang tidak diketahui oleh manusia kecuali selepas tahun 1960M?
4. Adakah Rasulullah SAW telah menyaksikan penciptaan bumi, ketika ia sedang bergoyang-goyang, serta penciptaan gunung-gunung berapi melalui cara menghamburkan daripada perut bumi dan jatuh mengalir ke atas permukaan bumi supaya tanah menjadi teguh?
5. Tidakkah ia mencukupi, sebagai bukti bahawa ilmu ini adalah wahyu yang diturunkan oleh Allah SWT ke atas rasul Nya, seorang Nabi yang buta huruf dalam kalangan bangsa yang buta huruf, pada suatu zaman yang dahulunya pemikiran mereka dikuasai oleh kepercayaan karut dan dongeng?
6. Ia adalah bukti ilmiah yang menyaksikan bahawa sumber al-Quran ini adalah daripada pencipta bumi dan gunung-ganang, yang Maha Mengetahui rahsia-rahsia langit dan bumi, yang telah berfirman:

قُلْ أَنَّا نَزَّلْنَا عَلَيْكُم مِّنَ السَّمَوَاتِ رِزْقًا إِنَّهُ كَانَ غَفُورًا



Al-Furqān 25 : 6

Terjemahan: Katakanlah (Wahai Muhammad): "Al-Quran itu diturunkan oleh Allah yang mengetahui segala rahsia di langit dan di bumi; sesungguhnya adalah Ia Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.

Berdasarkan *Awjūh al-I'jāz* tersebut dapat dirumuskan fokus dan penekanan yang dititikberatkan oleh al-Zindānī untuk menzahirkan *al-I'jāz al-'Ilmī* sebagaimana berikut:

- i. Definisi yang dikemukakan oleh pakar geografi dan geologi sebelum kemunculan teori Sir George Airy hanya menggambarkan gunung sebagai bongkah yang lebih tinggi daripada permukaan bumi berdasarkan apa yang zahir daripada penglihatan mata kasar. Ini menunjukkan tahap pengetahuan manusia yang terbatas sehingga zahirnya teori Sir George Airy pada tahun 1855M.
- ii. Mengemukakan persoalan tentang bagaimanakah seorang nabi buta huruf boleh menyatakan suatu fakta yang berada pada kedalaman berpuluhan puluh kilometer di dalam perut bumi.

- iii. Mengemukakan persoalan tentang bagaimana seorang nabi yang hidup lebih 1400 tahun lampau mengetahui peranan gunung sebagai pasak bumi.
- iv. Mengemukakan persoalan untuk menyatakan bahawa nabi tidak melihat permulaan kejadian bumi dan pembentukan gunung berapi awal. Tetapi bagaimana baginda boleh menyatakan fakta tentang perkara tersebut.
- v. Jika fakta yang dikemukakan oleh Rasulullah SAW adalah mustahil untuk diketahui oleh manusia biasa pada zaman baginda, maka ia menunjukkan bahawa Nabi Muhammad SAW adalah utusan yang menerima wahyu daripada Allah SWT.
- vi. Ia adalah bukti ilmiah yang menunjukkan sumber fakta tersebut adalah daripada wahyu Allah SWT.

### **5.3.3 Analisis Contoh *al-Ijāz al-Ilm* Dalam Bidang Anatomi dan Fisiologi<sup>108</sup> Otak**

#### **5.3.3.1 *Nāsiyah***

Firman Allah SWT dalam al-Quran menyifatkan *Nāsiyah* (*Lobus Frontal*) berdusta dan bersalah:

نَاصِيَةٌ كَذِبَةٌ حَاطِعَةٌ

Al-‘Alaq 96 : 16

Terjemahan: Ubun-ubun yang berdusta, yang bersalah.

*Nāsiyah* tidak bercakap dan tidak melakukan kesalahan tetapi kenapakah pendustaan dan kesalahan disandarkan kepadanya? Al-Zindānī telah mendapatkan penjelasan terhadap persoalan tersebut daripada Profesor Muḥammad Yūsuf Sukkar<sup>109</sup> ketika menerangkan kepada beliau tentang fungsi-fungsi otak, iaitu tugas bahagian otak yang terletak pada bahagian *Nāsiyah* manusia ialah untuk memberi arahan terhadap personaliti manusia. Dengan kata lain, apabila dia mahu menipu, keputusan tersebut diambil pada bahagian *Nāsiyah*. Begitu juga apabila

<sup>108</sup> 1. Cabang ilmu sains berkenaan fungsi organisma; 2. Proses dan fungsi keseluruhan atau sebahagian daripada sesuatu organisma: perlu juga disebutkan tentang kajian beliau berkenaan dengan mata dan masalah pelihatan. Lihat *Kamus Dewan*, ed. ke-4 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007), 412, entri “fisiologi.”

<sup>109</sup> Profesor Muḥammad Yūsuf Sukkar ialah Dekan Pengajian Tinggi Fakulti Perubatan di Universiti Malik ‘Abd al-‘Azīz di Jeddah pada waktu itu. Beliau menulis sebuah buku di dalam bahasa Inggeris berkenaan ilmu fisiologi yang menjadi rujukan di fakulti-fakulti negara asing. Lihat ‘Abd al-Majīd al-Zindānī et al., *Bayyināt al-Rasūl wa Mu‘jizātuh*, 83.

dia mahu melakukan kesalahan, keputusan tersebut juga diambil pada bahagian *Nāsiyah*.

Al-Zindānī cuba mendapatkan lebih kepastian dengan mengemukakan tajuk tersebut kepada beberapa orang ahli sains pakar, antara mereka adalah Profesor Keith L. Moore yang juga menegaskan bahawa *Nāsiyah* bertanggungjawab membuat penilaian-penilaian tertinggi dan mengarah peribadi manusia, manakala anggota-anggota tubuh hanya tentera-tentera yang melaksanakan keputusan-keputusan yang diambil pada bahagian *Nāsiyah*. Tambah Profesor Moore lagi, ketika membuat kajian perbandingan antara otak manusia dan otak haiwan menyatakan bahawa ia berkongsi fungsi yang sama iaitu sebagai pusat kawalan sama ada pada manusia atau haiwan.

Al-Zindānī mengemukakan nas-nas yang lain yang berkaitan dengan *Nāsiyah* pada haiwan sebagaimana berikut:

مَا مِنْ دَآبَةٍ إِلَّا هُوَ أَحَدٌ بِنَاصِيَتِهِ حَقٌّ إِنَّ رَبِّي عَلَىٰ صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ ﴿١١﴾

Hūd 11 : 56

Terjemahan: Tiadalah sesuatupun dari makhluk-makhluk yang bergerak di muka bumi melainkan Allah jualah yang menguasai ubun-ubunnya. Sesungguhnya Tuhanku tetap di atas jalan yang lurus.

اللَّهُمَّ إِنِّي عَبْدُكَ وَابْنُ عَبْدِكَ وَابْنُ أَمْتَكَ نَاصِيَتِي بِيَدِكَ ...

Terjemahan: Ya Allah! Sesungguhnya aku adalah hamba-Mu, anak hamba lelaki Mu, anak hamba perempuan Mu, ubun-ubunku di tangan Mu.<sup>110</sup>

أَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ كُلٍّ شَيْءٌ أَنْتَ آخِذُ بِنَاصِيَتِهِ ...

Terjemahan: Aku berlindung dengan-Mu dari kejahatan setiap sesuatu yang Engkau kuasai ubun-ubunnya.<sup>111</sup>

الْحَيْلُ مَعْقُودٌ فِي نَوَاصِيهَا الْخَيْرُ إِلَى يَوْمِ الْقِيَامَةِ

Terjemahan: Kuda, terikat pada ubun-ubunnya kebaikan sehingga Hari Kiamat.<sup>112</sup>


Daripada himpunan hadis tersebut, al-Zindānī membuat kesimpulan bahawa *Nāsiyah* adalah pusat kawalan dan arahan bagi tingkah laku manusia, begitu juga tingkah laku haiwan.

Dalam tajuk ini, al-Zindānī telah mengemukakan gambar-gambar berikut untuk menjelaskan kenyataan beliau:


<sup>110</sup> Hadis riwayat Aḥmad di dalam al-Musnad no. hadis 3712, Beirut: Muassasah al-Risālah, 1995, 6 : 246-247.

<sup>111</sup> Hadis riwayat Muslim, Kitab Mā Yaqūl ‘ind al-Nawm wa akhz al-Maḍāji’, no. hadis 6827. Lihat Muslim bin al-Ḥajjāj “Ṣaḥīḥ Muslim,” 17 : 37-38.

<sup>112</sup> Hadis riwayat al-Bukhārī, Kitab al-Jihād wa al-Siyar, Bab al-Khayl Ma‘qūd fī Nawāṣīhā al-Khayr ilā Yawm al-Qiyāmah, no. hadis 2850, 371-372.



Gambar 4.8: Fungsi bahagian otak pada pandangan sisi kiri.<sup>113</sup>



Gambar 4.9: *Nāsiyah* adalah pusat kawalan dalam otak manusia dan juga haiwan.<sup>114</sup>

<sup>113</sup> ‘Abd al-Majīd al-Zindānī et al., *Bayyināt al-Rasūl wa Mu‘jizātuh*, 85.

<sup>114</sup> *Ibid.*, 87.

Al-Zindānī mengemukakan pendapat jumhur ahli tafsir yang telah mentakwilkan ayat jauh daripada zahir nas disebabkan tahap pengetahuan mereka pada zaman tersebut tidak mampu membayangkan bahawa *Nāsiyah* yang berdusta dan melakukan kesilapan. Lalu mereka mentakwilkan ayat dengan menisbahkan pendustaan dan kesilapan kepada pemilik *Nāsiyah* tersebut bukan kepada *Nāsiyah* itu sendiri. Namun begitu Ibn Kathīr mengambil sikap tidak mahu membebankan diri dalam perkara yang di luar kemampuan ilmu pengetahuan pada zaman tersebut dengan berpendapat sebagaimana zahir nas tanpa sebarang *ta'wīl*.

Daripada penerangan yang lalu dapat dinyatakan contoh *Awjuh al-I'jāz* sebagaimana berikut:

1. Profesor Moore membuat kenyataan untuk membuktikan mukjizat saintifik ini dengan menegaskan bahawa maklumat-maklumat yang diketahui berkenaan fungsi-fungsi otak tidak pernah dinyatakan sepanjang sejarah, dan tidak disebut langsung dalam buku-buku perubatan. Jika didatangkan buku perubatan kesemuanya pada zaman Nabi SAW dan selepas baginda beberapa ratus tahun, tidak terdapat sebarang kenyataan tentang tugas *frontal lobe* dan mustahil dapat ditemui sebarang penjelasan tentangnya. Tiada perbincangan tentangnya kecuali di dalam al-Quran yang menunjukkan ia datang daripada ilmu Allah SWT yang meliputi setiap sesuatu seterusnya menyaksikan bahawa Muhammad SAW adalah utusan Allah SWT.

2. Permulaan pengetahuan manusia tentang tugas hadapan lobus frontal adalah pada tahun 1848M, apabila salah seorang pekerja rel kereta api di Amerika tertusuk batang besi yang menembusi dahinya.<sup>115</sup> Perkara itu telah memberi kesan terhadap tingkah lakunya dan tidak memudaratkan tugas-tugas tubuh yang lain. Lalu ahli perubatan mula mengetahui tugas *frontal lobe* otak dan hubungannya dengan tingkah laku manusia.
3. Dahulunya ahli-ahli perubatan menyangka bahawa bahagian otak ini adalah kawasan senyap yang tidak mempunyai sebarang tugas. Siapa yang mengajarkan Muhammad SAW bahawa bahagian otak ini (*Nāsiyah*) adalah pusat kawalan untuk manusia dan haiwan, dan ia adalah pusat untuk mengambil keputusan untuk melakukan penipuan dan kesalahan.
4. Ahli-ahli tafsir telah terdesak untuk mentakwilkan nas yang jelas kerana ketiadaan ilmu pengetahuan yang luas tentang rahsia ini, bertujuan memelihara al-Quran daripada pendustaan manusia yang jahil tentang hakikat ini sepanjang zaman lampau. Pada hal perkara tersebut dapat dilihat dengan jelas di dalam kitab Allah SWT dan hadis Rasulullah SAW bahawa *Nāsiyah* adalah pusat kawalan dan arahan pada manusia dan haiwan.
5. Siapakah yang memilih untuk memberitahu Muhammad SAW dalam kalangan seluruh umat di dunia tentang rahsia dan hakikat ini? Ia adalah ilmu Ilahi yang benar dari setiap sudutnya dan ia adalah penyaksian

---

<sup>115</sup> Perkerja pembinaan rel kereta api tersebut adalah Phineas Gage (1823-1860) yang sedang menyediakan tapak bagi landasan kereta api berdekatan Cavendish, Vermont di Amerika Syarikat pada 13 September 1848. Beliau juga merupakan pesakit pertama yang memungkinkan manusia dapat mempelajari sesuatu tentang hubungan antara personaliti dan fungsi bahagian-bahagian depan otak. "Phineas Gage's Story," dicapai 9 Mac 2014, <http://www.uakron.edu/gage/story.dot>.

daripada Allah SWT bahawa al-Quran adalah daripada Nya, kerana ia turun dengan ilmu Allah SWT.

Berdasarkan *Awjuh al-I'jāz* tersebut dapat dirumuskan fokus dan penekanan yang dititikberatkan oleh al-Zindānī untuk menzahirkan *al-I'jāz al-'Ilmī* sebagaimana berikut:

- i. Al-Quran adalah kitab pertama yang menyatakan tentang fungsi *Nāsiyah* sedangkan kitab-kitab perubatan lain tidak menyentuh sedikit pun tentang perkara tersebut.
- ii. Sejarah ilmu perubatan menyatakan tentang permulaan pengetahuan manusia tentang tugas lobus frontal otak dan hubungannya dengan tingkah laku manusia bermula tahun 1848M.
- iii. Tanggapan salah ahli perubatan terhadap *Nāsiyah* sekian lama menimbulkan persoalan siapakah yang mengajar Nabi Muhammad SAW tentang fungsi bahagian tersebut.
- iv. Tahap pengetahuan tentang *Nāsiyah* pada zaman tersebut menyebabkan sebahagian ahli tafsir terpaksa mentakwilkan nas yang zahir.
- v. Pendedahan oleh Nabi Muhammad SAW tentang hakikat ini menunjukkan baginda menerima ilmu daripada Allah SWT seterusnya membuktikan baginda merupakan utusan Allah SWT.

### 5.3.4 Analisis Contoh *al-Ijaz al-Ilm* Dalam Bidang Botani

#### 5.3.4.1 Klorofil<sup>116</sup> (*Khaṣīr*)

Firman Allah SWT dalam al-Quran tentang klorofil yang dihasilkan oleh tumbuhan di dalam kilang-kilang hijau sebagai sumber makanan untuk manusia dan haiwan:

وَهُوَ الَّذِي أَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَأَخْرَجَنَا بِهِ نَبَاتٍ كُلِّ شَيْءٍ  
فَأَخْرَجَنَا مِنْهُ حَضِيرًا تَخْرُجُ مِنْهُ حَبَّاً مُتَرَاسِكَبًا وَمِنَ النَّخْلِ مِنْ  
طَلْعِهَا قِنْوَانٌ دَانِيَةٌ وَجَنَّتٌ مِنْ أَعْنَابٍ وَالرَّيْتُونَ وَالرُّمَانَ مُشْتَبِهًا  
وَغَيْرُ مُتَشَبِّهٍ أَنْظُرُوا إِلَى ثَمَرَهٗ إِذَا أَثْمَرَ وَيَنْعِهٗ إِنَّ فِي ذَلِكُمْ لَاءِيَتٍ

لِقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ

Al-An‘ām 6 : 99

Terjemahan: Dan Dia lah yang menurunkan air dari langit lalu Kami tumbuhkan dengannya [yakni air tersebut] segala jenis tumbuh-tumbuhan, kemudian Kami keluarkan daripadanya bahan hijau, Kami keluarkan pula dari bahan hijau itu butir-butir (buah) yang bergugus-gugus; dan dari pohon-pohon tamar (kurma), dari mayang-mayangnya (Kami keluarkan) tandan-tandan buah yang mudah dicapai dan dipetik; dan (Kami jadikan) kebun-kebun dari anggur dan zaitun serta buah delima, yang bersamaan (bentuk, rupa dan rasanya) dan yang tidak bersamaan. Perhatikanlah kamu kepada buahnya apabila ia berbuah, dan ketika masaknya. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi

<sup>116</sup> Bahan pewarna hijau dalam tumbuh-tumbuhan hijau yang membolehkannya membuat makanannya sendiri. Lihat *Kamus Dewan*, ed. ke-4 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007), 800, entri “klorofil.”

tanda-tanda (yang menunjukkan kekuasaan Kami) bagi orang-orang yang beriman.

Fakta sains menyatakan bahawa kilang-kilang hijau yang dikeluarkan oleh tumbuh-tumbuhan pada awal pertumbuhannya, dinamakan di dalam buku-buku sains botani sebagai *Green Plastids*<sup>117</sup> yang mengandungi klorofil, al-Quran menyatakannya sebagai *al-Khaḍir* (hijau). Ia mengambil manfaat daripada tenaga cahaya dan menukarkannya kepada tenaga kimia. Tenaga kimia yang terhasil berfungsi dalam pembentukan biji-bijian dan buah-buahan yang pelbagai serta seluruh bahagian-bahagian tumbuhan.

Berdasarkan nas al-Quran dan fakta sains tersebut, al-Zindānī membuat kesimpulan bahawa kilang-kilang hijau ini keluar daripada tumbuh-tumbuhan ketika permulaan pembesarannya, dan tumbuh-tumbuhan dikeluarkan oleh air daripada benih dan akarnya. Allah SWT menurunkan air hujan dari langit, lalu mengeluarkan tumbuh-tumbuhan daripada setiap jenis. Seterusnya dikeluarkan daripada tumbuh-tumbuhan tersebut kilang-kilang hijau yang terhasil daripadanya bahan-bahan makanan yang terbentuk daripadanya biji-bijian dan buah-buahan serta seluruh bahagian tumbuh-tumbuhan.


Daripada aspek sejarah sains, manusia tidak mengetahui fakta tersebut kecuali selepas kajian yang mengambil masa 300 tahun, bermula dari tahun

---

<sup>117</sup> Benda-benda halus dalam sel hidup yang menjadi pusat tindakan (pergerakan kimia). Lihat *Kamus Dewan*, ed. ke-4 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007), 1218, entri “plastid.”

1600M, di mana ahli fisiologi tumbuhan telah menjalankan banyak kajian dan uji kaji untuk mengetahui proses fotosintesis.

Dalam tajuk ini, al-Zindānī telah mengemukakan gambar-gambar berikut untuk menjelaskan kenyataan beliau:



Gambar 4.10: Kitaran Calvin-Benson.<sup>118</sup>

<sup>118</sup> 'Abd al-Majid al-Zindānī et al., *Bayyināt al-Rasūl wa Mu'jizātuh*, 99.

## Anatomy of the Plant Cell Chloroplast




Figure 1

Gambar 4.11: Kloroplas sel tumbuhan.<sup>119</sup>

Daripada penerangan yang lalu dapat dinyatakan contoh *Awjuh al-I'jāz* sebagaimana berikut:

1. Ahli sains yang membuat kajian dalam bidang fisiologi tumbuh-tumbuhan telah menemui bahawa bahan hijau *al-Khadir* berfungsi melakukan penyerapan tenaga cahaya dan mengubahnya kepada tenaga kimia yang menghasilkan pembentukan pelbagai jenis buah-buahan.

<sup>119</sup> *Ibid.*, 100.

2. Penemuan ini berlaku setelah kajian yang berterusan dan pelbagai uji kaji yang mengambil masa tiga kurun, berlanjutan sehingga kurun ke-20.
3. Proses pembentukan biji-bijian, buah-buahan dan pokok-pokok merupakan satu rahsia yang tidak diketahui, tersembunyi di dasar *thylakoids* dalam *green plastids* yang tidak dapat dilihat dengan mata kasar. Ahli sains botani hanya mengetahuinya setelah rangkaian kajian yang panjang dan penyelidikan yang berterusan dengan mengerahkan barisan ahli sains sepanjang beberapa kurun untuk tujuan tersebut.
4. Setelah memiliki peralatan dan kaedah-kaedah kajian saintifik yang canggih, akhirnya mereka mengakui bahawa wujud bahan hijau pada tumbuh-tumbuhan. Bahan hijau ini mengeluarkan karbohidrat yang merupakan asas bagi pembentukan semua bahan-bahan yang membentuk buah-buahan dan tumbuh-tumbuhan.
5. Inilah yang diperakui oleh al-Quran sebelum 1400 tahun yang lalu, melalui lidah seorang Nabi yang buta huruf, hidup dalam suasana padang pasir, dalam kalangan bangsa yang buta huruf, pada zaman yang tidak mempunyai peralatan kajian saintifik.
6. Sememangnya al-Quran boleh mengabaikan sebutan tentang bahan hijau, dan tidak seorang pun akan menentang pengabaian tersebut kecuali orang yang tahu peranan asas bahan tersebut. Oleh sebab ia disebut dalam ayat al-Quran, maka ia menunjukkan pengetahuan pihak yang berkata-kata

bahawa ia melakukan peranan utama di dalam pembentukan dan penghasilan biji-bijian, buah-buahan serta seluruh tumbuhan. Di antara keagungan al-Quran, ia menyebut fakta tersebut dan memimpin manusia merintis jalan bagi sesiapa yang ingin mengetahui rahsia tersebut melalui barisan ayat: “*Perhatikanlah kepada buahnya apabila ia berbuah, dan ketika masaknya.*”. Al-Quran mengarahkan supaya memerhatikan permulaan pembentukan buah-buahan dan hubungannya dengan peringkat masak yang berakhir pada peringkat tersebut penghasilan buah-buahan disebabkan daun-daun sebahagian pokok mula menguning dan sel-selnya mati.

7. Siapakah yang mengajarkan Muhammad SAW hakikat ini? Sedangkan baginda seorang Nabi buta huruf yang tinggal di tengah suasana buta huruf, pada zaman yang tidak terdapat walau seringkas-ringkas peralatan, apatah lagi memiliki perkara yang diperlukan untuk mengetahui fakta-fakta ini, yang terdiri daripada peralatan moden, pusat-pusat dan makmal-makmal kajian di dalam bidang fisiologi tumbuhan.
8. Sesungguhnya perangkuman al-Quran terhadap maklumat-maklumat tumbuhan yang terperinci ini menyaksikan bahawa ia datang daripada Allah SWT yang berfirman:

لَكِنَّ اللَّهَ يَشْهُدُ بِمَا أَنْزَلَ إِلَيْكَ أَنْزَلَهُ بِعِلْمِهِ وَالْمَلَائِكَةُ  
يَشْهَدُونَ وَكَفَىٰ بِاللَّهِ شَهِيدًا ﴿١٦﴾

Al-Nisā' 4 : 166

Terjemahan: (Orang-orang kafir itu tidak mahu mengakui apa yang telah diturunkan Allah kepadamu wahai Muhammad), tetapi Allah sentiasa menjadi saksi akan kebenaran al-Quran yang telah diturunkan Nya kepadamu. Allah menurunkannya dengan ilmu Nya, dan malaikat juga turut menjadi saksi. Dan cukuplah Allah menjadi saksi (akan kebenaran al-Quran ini).

Berdasarkan *Awjuh al-I'jāz* tersebut dapat dirumuskan fokus dan penekanan yang dititikberatkan oleh al-Zindānī untuk menzahirkan *al-I'jāz al-'Ilmī* sebagaimana berikut:

- i. Ahli sains menemui fungsi bahan hijau *al-Khaḍīr* iaitu untuk menghasilkan pembentukan pelbagai jenis buah-buahan.
- ii. Fakta tersebut diketahui setelah proses kajian selama 300 tahun yang merupakan tempoh yang sangat panjang.
- iii. Al-Quran menyatakan satu proses pembentukan biji-bijian, buah-buahan dan pokok-pokok yang merupakan satu rahsia tersembunyi yang tidak dapat dilihat dengan mata kasar.
- iv. Fakta tersebut hanya dapat disingkap setelah terciptanya peralatan yang sesuai untuk melakukan kajian.

- v. Al-Quran menyatakan fakta tersebut melalui seorang Nabi buta huruf yang menjalani kehidupan dalam suasana padang pasir yang jauh daripada kemajuan teknologi tanpa peralatan canggih untuk melaksanakan kajian.
- vi. Al-Quran menyebut tentang *al-Khaḍīr* menunjukkan peranan besar yang dilakukan oleh bahan hijau tersebut sebagai sumber makanan manusia dan haiwan. Jika al-Quran mengabaikan daripada menyebut *al-Khaḍīr* tiada sesiapa yang akan menentang pengabaian tersebut kecuali orang yang mengetahui peranan penting *al-Khaḍīr*. Ini menunjukkan ilmu Allah SWT yang meliputi setiap sesuatu dan mendahului ilmu manusia.
- vii. Perkhabaran fakta tersebut oleh Nabi Muhammad SAW menimbulkan persoalan dari manakah ilmu tersebut diperoleh sedangkan ia mustahil untuk diketahui oleh manusia biasa pada zaman baginda.
- viii. Ilmu yang terkandung dalam al-Quran ini membuktikan sumbernya datang daripada Allah SWT yang mencipta alam semesta ini.

### 5.3.5      Analisis Contoh *al-Ijāz al-Ilm* Dalam Bidang Embriologi

#### 5.3.5.1    Mukjizat Bentuk Embrio Selepas Malam ke-42

Sabda Rasulullah SAW dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Hudhayfah tentang rupa bentuk embrio selepas malam ke-42:

إِذَا مَرَّ بِالنُّطْفَةِ ثَنَانٌ وَأَرْبَعُونَ لَيْلَةً بَعَثَ اللَّهُ إِلَيْهَا مَلَكًا فَصَوَرَهَا وَخَلَقَ سَمْعَهَا وَبَصَرَهَا وَجَلَدَهَا وَلَحَمَهَا وَعَظَمَهَا ثُمَّ قَالَ يَا رَبِّ أَذْكُرْ أَمْ أَنْشِ فَيَقْضِي رَبُّكَ مَا شَاءَ وَيَكْتُبُ الْمُلْكُ ...<sup>120</sup>

Terjemahan: “Apabila telah berlalu terhadap *nufah*, 42 malam, Allah mengutuskan malaikat kepadanya, lalu membentuk rupanya, membuat pendengaran, penglihatan, kulit, daging dan tulangnya. Kemudian malaikat itu berkata: Wahai Tuhanku! Lelaki atau perempuan? Lalu Tuhanmu menentukan apa yang Dia dikehendaki dan malaikat tersebut akan menulis...”

Berdasarkan hadis tersebut, terdapat fakta-fakta asas yang berkaitan dengan proses kejadian manusia iaitu:

1. Manusia dicipta daripada titisan mani iaitu daripada sperma lelaki dan ovum wanita berdasarkan hadis “Apabila telah berlalu terhadap *nufah*” iaitu bahawa manusia dijadikan daripada titisan air bukan daripada darah

<sup>120</sup> Hadis riwayat Muslim, Kitab al-Qadar, Bab Kayfiyyah al-Khalq al-Ādamī fī Baṭn Ummih wa Kitābat Rizqihī wa Ajaliḥ wa ‘Ilmiḥ wa Shaqāwatiḥ wa Sa‘ādatiḥ, no. hadis 6668. Lihat Muslim bin al-Hajjāj “Sahīh Muslim,” 16: 409.

haid sebagaimana yang tersebar dalam kalangan ahli perubatan sehingga kurun ke-17.

2. Hadis tersebut telah menetapkan malam tertentu daripada umur embrio yang kemudiannya malaikat akan diutuskan: “Apabila telah berlalu terhadap *nutfah*, 42 malam, Allah SWT mengutuskan kepadanya malaikat.”. Lalu selepas malam itu, malaikat berkenaan melakukan perkara berikut:
  3. “lalu dia membentuk rupanya,” iaitu rupa bentuk manusia pada embrio muncul selepas malam ke-42.
  4. “membuat pendengarannya” begitu juga muncul pembentukan telinga dan sistem pendengaran.
  5. “penglihatannya” iaitu dijadikan penglihatannya lalu mata mula muncul dan sistem penglihatan.
  6. “kulitnya” malaikat itu menjadikan kulit selepas malam ke-42.
  7. “dagingnya” malaikat itu menjadikan daging (otot-otot) selepas malam yang sama.

8. “tulangnya” malaikat itu menjadikan tulang (rangka tulang) selepas malam yang sama.
9. Kemudian dia berkata: “Wahai Tuhanku! Adakah dia lelaki atau pun perempuan?” iaitu malaikat tersebut mula membentuk kemaluan pada lelaki dan perempuan, yang dengannya akan berlaku perbezaan di antara lelaki dan perempuan, dan yang demikian itu juga berlaku selepas malam ke-42.
10. Embrio akan melalui beberapa peringkat sebelum malam ke-42; dan ia bukan dalam rupa bentuk manusia, serta tidak terdapat padanya anggota-anggota dan sistem-sistem yang dinyatakan oleh hadis berkenaan menunjukkan bahawa ia tidak tercipta melainkan selepas malam ke-42.<sup>121</sup>

Fakta sains menyatakan bahawa pada akhir minggu keenam dan sebelum hari yang ke-42, bentuk wajah tidak nyata atau tidak menyerupai rupa manusia sebagaimana yang dinyatakan oleh Profesor Joe Leigh Simpson, salah seorang saintis terkemuka di Amerika dalam bidang genetik dan embriologi dalam satu kajian yang disampaikan di dalam beberapa persidangan saintifik.<sup>122</sup>

Mata, telinga dan alat kelamin mula terbentuk dalam peringkat perkembangannya sebelum hari yang ke-40 dan ia tidak berfungsi serta tidak

---

<sup>121</sup> ‘Abd al-Majīd al-Zindānī et al., *Bayyināt al-Rasūl wa Mu‘jizātuh*, 172-173.

<sup>122</sup> ‘Abd al-Majīd al-Zindānī et al., ‘Ilm al-Ajinnah fī Daw’ al-Qur’ān wa al-Sunnah (Sana’ah: Jāmi‘ah al-Imān, t.t.), 144.

menyerupai anggota manusia. Kemudian beliau menyatakan bahawa penentuan umur embrio sebelum penemuan ovum dan perkaitan kitaran haid dengannya adalah perkara yang sangat rumit.<sup>123</sup>

Profesor T. V. N. Persaud daripada Universiti Manitoba, Winnipeg di Kanada adalah salah seorang yang terkenal yang merupakan pengarang dua bidang ilmu iaitu ginekologi dan embriologi di Kanada, menyatakan tentang embrio selepas hari yang ke-42 pada awal minggu ketujuh pertumbuhan, iaitu; pada sekitar hari yang ke-42 akan terbentuk rangka tulang rawan yang memberikan bentuk khusus manusia. Maka, bahagian belakang embrio menjadi lurus dan kepala berbentuk bulat.

Sementara lengan-lengan yang muncul dalam bentuk tunas-tunas pada akhir minggu yang keempat, menjadi lebih panjang selepas hari yang ke-42. Jari jemari akan muncul dengan jelas sedangkan ia tidak wujud sebelum itu. Manakala hujung tulang belakang yang terkeluar akan mengundur dan menjadi sama, meninggalkan kesan yang hampir tidak kelihatan.<sup>124</sup>

Bentuk awal kemaluan pada peringkat permulaan mempunyai persamaan di antara lelaki dan perempuan.<sup>125</sup> Ia mula berkembang sebelum malam yang ke-42 pada minggu yang keempat, tetapi tuberkel genital, bengkakan dan lipatan

---

<sup>123</sup> *Ibid.*, 156.

<sup>124</sup> *Ibid.*, 163-164.

<sup>125</sup> William F. Ganong, *Kajian Semula Fisiologi Perubatan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994), 458.

urogenital yang membentuk ciri-ciri khas jantina yang berbeza (kemaluan lelaki dan wanita), tidak zahir kecuali pada minggu yang kesembilan (iaitu selepas malam ke-42), yang mana tidak mungkin dapat dibezakan di antara anggota seksual luaran lelaki dan wanita, melainkan selepas minggu yang ke-12. Profesor Persaud berkata: “Rasulullah SAW telah menyebut semua perkembangan ini yang digambarkan melalui keterangan yang telah lalu serta tempoh-tempohnya, di dalam hadis yang diriwayatkan oleh Muslim daripada Hudhayfah” dan beliau menyatakan nas hadis tersebut. Kemudian Profesor Persaud menambah kenyataannya: “Hadis yang mulia ini menjelaskan kepentingan hari yang ke-42 di dalam kehidupan janin di dalam rahim, seperti mana ia juga menjelaskan perkembangan-perkembangan kecil yang muncul selepas hari berkenaan.”<sup>126</sup>

Daripada aspek sejarah sains, Profesor Moore menyatakan bahawa ramai dalam kalangan ahli Embriologi menganggap Aristotle sebagai pengasas embriologi walaupun beliau pernah mencadangkan idea bahawa embrio berkembang daripada jisim yang tidak berbentuk yang terhasil daripada penyatuhan air mani dengan darah haid.<sup>127</sup>

Profesor Georinger menyatakan bahawa lukisan miniatur manusia dalam sperma yang dikemukakan oleh Hartsoeker pada tahun 1694M-1105H selepas penemuan mikroskop menunjukkan bahawa mikroskop ketika itu belum mampu untuk menjelaskan perincian kandungan sperma, maka disempurnakan gambar

---

<sup>126</sup> *Ibid.*, 167.

<sup>127</sup> Profesor Keith L. Moore, *Perkembangan Manusia Embriologi Berorientasi Klinikal*, terj. Dahlina Daut Mohmud (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994), 9.

dari pada imaginasi para ilmuwan, dan mereka membayangkan untuk kali kedua berkenaan pemikiran yang menguasai mereka iaitu: (manusia adalah makhluk yang dicipta sempurna di dalam sperma, dalam bentuk orang kerdil).<sup>128</sup>


Sehingga setelah penemuan ovum pada wanita, idea penciptaan sempurna terus kekal menguasai, walaupun ilmuwan-ilmuwan Renaissance Eropah telah menukar pendapat mereka mengenai peranan lelaki dalam kehamilan dengan tanggapan bahawa manusia dijadikan dengan kejadian sempurna di dalam ovum, juga dalam bentuk miniatur manusia. Kemudian ia terus berkembang dengan pertambahan saiz sahaja, tanpa sebarang perubahan bentuk bermula sejak awal pembentukan ovum. Mereka menyatakan bahawa lelaki tidak mempunyai peranan di dalam pembentukan embrio melainkan seperti peranan penggalak pertumbuhan.<sup>129</sup>

Dalam tajuk ini, al-Zindānī telah mengemukakan gambar-gambar berikut untuk menjelaskan kenyataan beliau:


---

<sup>128</sup> ‘Abd al-Majīd al-Zindānī et al., ‘Ilm al-Ajinnah fī Daw’ al-Qur’ān wa al-Sunnah, 20-21.

<sup>129</sup> ‘Abd al-Majīd al-Zindānī et al., Bayyināt al-Rasūl wa Mu’jizātuh, 167.




Gambar 4.12: Salinan lukisan sperma pada abad ke-17 oleh Hartsoeker. Miniatur manusia di dalamnya disangka akan membesar selepas sperma memasuki ovum. (Dengan ihsan Meyer 1939).<sup>130</sup>



Gambar 4.13: Lukisan awal yang dilakarkan untuk menunjukkan perkembangan manusia. (Dengan ihsan Needham 1959).<sup>131</sup>


<sup>130</sup> Nicholas Hartsoeker, *Essai Dioptrique* (Paris: T.T.P, 1695), 230.

<sup>131</sup> ‘Abd al-Majid al-Zindānī et al., *Human Development as Described in the Quran and Sunnah* (Mecca: Muslim World Legue, 2000), 21.




Gambar 4.14: Lukisan embrio pada minggu keenam sehingga minggu ketujuh. Rupa bentuk manusia masih belum jelas. (Dengan ihsan CIBA, *Clinical Symposia*, vol. 28, No. 3).<sup>132</sup>

<sup>132</sup> *Ibid.*, 117.




Gambar 4.15: Lukisan embrio pada minggu ketujuh sehingga minggu kelapan. Rupa bentuk manusia jelas kelihatan. (Dengan ihsan CIBA, *Clinical Symposia*, vol. 28, No. 3).<sup>133</sup>

<sup>133</sup> *Ibid.*, 129.



Gambar 4.16: Gambar embrio ketika 42 hari.<sup>134</sup>



Gambar 4.17: Gambar embrio ketika 44 hari.

---

<sup>134</sup> Gambar 4.16 dan 4.17 diambil daripada buku Alexander Tsiaras, yang bertajuk *From Conception to Birth*. Lihat ‘Abd al-Majid al-Zindani et al., *Bayyinat al-Rasul wa Mu’jizatuh*, 178.

Daripada penerangan yang lalu dapat dinyatakan contoh *Awjuh al-I'jāz* sebagaimana berikut:

1. Kemajuan sains telah datang membenarkan perkhabaran Rasulullah SAW selepas berlalu 14 kurun. Itu menunjukkan bahawa pengetahuan yang dibawa oleh hadis yang mulia ini tidak mungkin datang daripada sumber manusia, dan semestinya datang daripada Allah SWT yang Maha Meliputi Pengetahuan terhadap setiap sesuatu.
2. Manusia tidak mengetahui hakikat-hakikat ini melainkan pada tiga kurun terakhir iaitu kurun ke-18, ke-19 dan kurun ke-20, seperti yang telah lalu.
3. Rasulullah SAW diutuskan sebelum 1400 tahun yang lalu, pada zaman yang dikuasai kejahilan, khurafat dan tersebar dongeng secara meluas. Tambahan pula Rasulullah SAW hidup di dalam kelompok bangsa yang buta huruf yang pemikirannya tertumpu kepada penyembahan berhala, yang sesat akalnya dengan sangkaan-sangkaan tukang-tukang tilik dan penenung-penenung nasib, pengaruh besar dongengan, khurafat dan kesesatan.
4. Bangsa Arab ketika itu, sangat jauh daripada melibatkan diri dengan ilmu sains. Apabila terdapat dalam kalangan mereka sesiapa yang boleh membaca, menulis dan menunggang kuda, maka dia adalah lelaki yang sempurna di sisi mereka. Jika terdapat alat-alat tulis dalam kalangan mereka, ia cuma

merupakan beberapa potongan kulit binatang, tulang, batu nipis atau pelepas kurma yang digunakan untuk menulis. Tiada nukilan daripada mereka, sama ada dalam kata-kata atau syair-syair jahiliah yang merupakan tumpuan keprihatinan mereka sebelum dan selepas Islam perkara yang menunjukkan keprihatinan mereka terhadap sains, atau kesibukan mereka dengannya, apakah lagi tentang ilmu embrio yang tersembunyi daripada penglihatan mereka, di sebalik tiga lapisan dinding<sup>135</sup> yang gelap. Ia merupakan ilmu yang tidak tersingkap realitinya kepada manusia kecuali setelah kebangkitan sains moden, sepanjang tiga kurun daripada kajian dan penyelidikan, setelah penciptaan peralatan moden yang tidak pernah wujud sebelum itu.

5. Dengan ketepatan di antara perincian-perincian embriologi yang dikhabarkan oleh Nabi SAW dengan fakta-fakta yang ditemui oleh sains moden, lebih menyerlahkan suatu bukti daripada bukti-bukti kebenaran Rasulullah SAW.
6. Ia adalah bukti ilmu Ilahi yang telah diterima oleh Nabi yang buta huruf, lalu hanya baginda sendirian dalam kalangan umat manusia telah menghabarkannya. Kemudian datang kemajuan sains pada zaman ini membenarkan setiap perkara yang dikatakan oleh Rasulullah SAW tanpa sebarang kesilapan.

---

<sup>135</sup> Iaitu dinding abdomen, dinding Rahim (dinding uterus) dan kantung-kantung yang mengelilingi fetus. Lihat Dr. Muhamad ‘Alī al-Bār, *Perkembangan Manusia Menurut al-Quran dan Hadis*, terj. Profesor Madya Dr. Rusli bin Haji Nordin (Kuala Lumpur: Crescent News K.L Sdn. Bhd, 1993), 157.

7. Adakah terdapat sesiapa yang mampu mendustakan Rasulullah SAW pada zaman baginda atau selepas zaman baginda beberapa kurun jika baginda menetapkan malam selain malam yang ke-42, atau anggota-anggota selain anggota-anggota yang baginda khabarkan tentang proses pembentukannya?
8. Adakah Rasulullah SAW perlu menyatakan fakta-fakta ini supaya kaum baginda membenarkan kerasulan baginda pada ketika itu, sedangkan mereka tidak mengetahui tentang perkara tersebut sedikit pun?
9. Akan tetapi, ia adalah wahyu daripada Pencipta yang Maha Mengetahui disampaikan kepada Rasulullah SAW dengan ilmu Ilahi, merupakan mukjizat yang tersimpan untuk generasi zaman penemuan-penemuan saintifik, dan ia adalah penyaksian Ilahi tentang kebenaran Rasulullah SAW.

لَكِنَّ اللَّهُ يَشْهُدُ بِمَا أَنْزَلَ إِلَيْكَ أَنَّهُ أَنْزَلَهُ وَالْمَلَائِكَةُ

يَشْهُدُونَ وَكَفَىٰ بِاللَّهِ شَهِيدًا

al-Nisā' 4 : 166

Terjemahan: (Orang-orang kafir itu tidak mahu mengakui apa yang telah diturunkan Allah kepadamu wahai Muhammad), tetapi Allah sentiasa menjadi saksi akan kebenaran al-Quran yang telah diturunkan Nya kepadamu. Allah menurunkannya dengan ilmu Nya, dan malaikat juga turut menjadi saksi. Dan cukuplah Allah menjadi saksi (akan kebenaran al-Quran ini).

Berdasarkan *Awjuh al-I'jāz* tersebut dapat dirumuskan fokus dan penekanan yang dititikberatkan oleh al-Zindānī untuk menzahirkan *al-I'jāz al-'Ilmī* sebagaimana berikut:

- i. Penemuan sains terhadap perkhabaran Rasulullah SAW membuktikan sumber ilmu yang datang adalah daripada Allah SWT.
- ii. Jarak masa yang sangat panjang antara perkhabaran Rasulullah SAW dan sejarah penemuan sains oleh manusia dalam bidang embriologi yang tertumpu pada kurun ke-18, ke-19 dan kurun ke-20 menunjukkan tahap ilmu manusia belum sampai untuk mengetahui dan menyingkap fakta-fakta tersebut.
- iii. Zaman Rasulullah SAW diutuskan lebih 1400 tahun lampau dipenuhi dengan kepercayaan karut dan khurafat menjadikan fakta-fakta tersebut mustahil untuk diketahui oleh manusia biasa.
- iv. Bangsa Arab pada ketika itu tidak terlibat dengan kajian sains lebih-lebih lagi dalam bidang embriologi.
- v. Ketepatan fakta-fakta terperinci yang dikemukakan dalam hadis tersebut menunjukkan salah satu bukti kebenaran Rasulullah SAW.

- vi. Ilmu yang diterima oleh Rasulullah SAW adalah bukti ilmu Allah SWT yang diwahyukan kerana hanya baginda seorang dalam kalangan umat manusia telah menghabarkannya. Kemudian datang kemajuan sains membenarkan setiap perkara yang dinyatakan oleh Rasulullah SAW tanpa sebarang kesilapan.
- vii. Tiada sesiapa pada zaman Nabi Muhammad SAW yang akan menyedari jika Rasulullah SAW menyatakan perkara-perkara berkaitan masa atau anggota lain yang bertentangan dengan kandungan hadis tersebut. Ini menunjukkan Rasulullah SAW amanah dalam menyampaikan wahyu.
- viii. Menimbulkan persoalan terhadap fakta-fakta yang dikemukakan oleh Rasulullah SAW adalah di luar jangkauan pemikiran kaum baginda ketika itu menunjukkan ia akan menjadi mukjizat dan bukti kepada manusia selepas zaman Rasulullah SAW.
- ix. Menjawab persoalan dengan membuat kesimpulan jawapan yang merupakan objektif utama *al-I'jāz al-'Ilmī* iaitu pembuktian wahyu daripada Allah SWT yang Maha Mengetahui disampaikan kepada Rasulullah SAW dengan ilmu Ilahi, menjadi mukjizat yang tersimpan untuk generasi zaman penemuan-penemuan saintifik, seterusnya sebagai penyaksian Ilahi tentang kebenaran Rasulullah SAW.

## 5.4 Kesimpulan

Objektif kajian dalam bab ini adalah untuk menghuraikan kaedah-kaedah *al-Ijāz al-Ilmī* dalam kitab *Ta'sīl* yang menjadi fokus utama supaya dapat difahami dan dihayati dalam kajian *al-Ijāz al-Ilmī*.

Dapatkan kajian menyatakan bahawa kaedah-kaedah ini amat praktikal kerana telah menggabungkan pelbagai metode disiplin ilmu yang diperlukan untuk kajian *al-Ijāz al-Ilmī*. Al-Zindānī telah mempraktikkan kaedah-kaedah *al-Ijāz al-Ilmī* dalam contoh-contoh yang telah dianalisis.

Analisis terhadap contoh-contoh tersebut memperlihatkan ketelitian al-Zindānī untuk memastikan kesahihan makna nas dan fakta sains. Ketika berhadapan dengan nas *zannī* membuktikan keprihatinan beliau untuk beriltizam dengan kaedah-kaedah *al-Ijāz al-Ilmī* yang beliau gariskan.

Jadi, kaedah-kaedah *al-Ijāz al-Ilmī* dan contoh-contoh yang telah dikemukakan menunjukkan konsep dan model *al-Ijāz al-Ilmī* menurut al-Zindānī di samping memperlihatkan gaya penyampaian atau persembahan *al-Ijāz al-Ilmī*.

## BAB 6

### PENUTUP

#### 6.1 Kesimpulan Umum

Penulisan tesis ini merupakan kajian terhadap biografi Shaykh ‘Abd al-Majīd al-Zind n dan sumbangannya dalam kajian *al-Ijāz al-‘Ilmī*. Berdasarkan kepada maklumat-maklumat hasil kajian dan penelitian yang telah diketengahkan, dapat dirumuskan beberapa kesimpulan berikut:

Nama penuh al-Zind n ialah Abd al-Majīd bin Azīz bin Am d al-Zind nī dilahirkan pada tahun 1942 di perkampungan *al- ahbī* dalam daerah *al-Syīr* di wilayah *Ib*, Yaman.

Al-Zind n merupakan antara tokoh Islam kontemporari yang berkarisma sebagai seorang ulama *al-Ijāz al-‘Ilmī*, pendidik, pendakwah dan pemimpin yang berwibawa.

Usaha gigih al-Zind n untuk memartabatkan kajian *al-Ijāz al-‘Ilmī* sebagai salah sebuah medium dakwah yang berkesan dapat dilihat melalui penglibatan beliau secara langsung sebagai salah seorang pengasas *Hay’ah al-Ijāz al-‘Ilmīfī al-Qurān wa al-Sunnah* (*Commission on Scientific Signs in Quran and Sunnah*) ditubuhkan secara rasmi di Mekah pada tahun 1984M. Badan ini

telah menganjurkan beberapa persidangan *al-Ijāz al-‘Ilmī* melibatkan para saintis terkemuka dunia dalam pelbagai bidang kajian. Ia mencetuskan satu fenomena baru kerana menggabungkan antara ulama syariah dengan para saintis dalam kalangan orang Islam dan bukan Islam untuk membincangkan fakta-fakta sains di dalam al-Quran dan hadis.

Al-Zindan bercita-cita untuk mengembangkan *al-Ijāz al-‘Ilmī* ke seluruh pelosok dunia melalui penubuhan Universiti al-Īmān, Republik Yaman. Di samping mempelajari ilmu syariah, universiti ini telah memasukkan subjek *al-Ijāz al-‘Ilmī* sebagai subjek teras.

Kepakaran Al-Zindan dalam *al-Ijāz al-‘Ilmī* tidak dapat dinafikan lagi berdasarkan sumbangan beliau menggariskan asas-asas dan kaedah-kaedah sebagai pencerahan terhadap kajian *al-Ijāz al-‘Ilmī* dalam kitab *Ta’līf al-Ijāz al-Ilmī fī al-Qur’ān wa al-Sunnah*. Kitab *Ta’līf* bukan sahaja memberikan gambaran yang tepat terhadap kefahaman tentang *al-Ijāz al-‘Ilmī* berdasarkan al-Quran dan *al-Sunnah* bahkan dapat merungkaikan perselisihan pendapat antara golongan yang menyokong dan menentang *al-Ijāz al-‘Ilmī*.

Al-Zindan telah menggunakan metode ulama salaf dalam kalangan ahli tafsir dan ahli hadis ketika melakukan kajian *al-Ijāz al-‘Ilmī* terhadap sesuatu fakta serta merujuk kitab-kitab muktabar berkaitan tafsir dan hadis untuk mengetahui pendapat-pendapat mereka. Ini adalah bahagian pertama yang

dinamakan sebagai peringkat *al-Samā* (dengar). Setelah fakta-fakta dikumpulkan secara *al-Samā*, ia perlu melalui peringkat kedua yang dinamakan sebagai peringkat *al-Mushāhadah* (penyaksian) melibatkan pihak yang menyaksikan hakikat dan fakta tersebut iaitu para saintis. Al-Zindānī telah mengemukakan persoalan-persoalan terhadap para saintis yang menjadi saksi secara langsung untuk mendapatkan penjelasan terhadap fakta-fakta berkaitan *al-Ijāz al-‘Ilmī* di samping mengenal pasti penulis dan buku-buku yang menjadi rujukan utama yang diperakui kesahihannya.

Analisis terhadap contoh-contoh *al-Ijāz al-‘Ilmī* dalam karya-karya al-Zindānī menunjukkan beliau beriltizam dengan kaedah-kaedah *al-Ijāz al-‘Ilmī* yang telah digariskan. Ini membuktikan ketelitian beliau dalam kajian *al-Ijāz al-‘Ilmī* supaya menghasilkan natijah yang betul dan tidak menyeleweng daripada metode salaf.

Al-Zindānī mengemukakan contoh *al-Ijāz al-‘Ilmī* secara teratur mengikut elemen-elemen penting yang beliau tetapkan merangkumi makna ayat al-Quran atau hadis dari segi bahasa, pendapat ahli tafsir atau ahli hadis, sejarah penemuan fakta dan *Awjuh al-Ijāz* (bentuk-bentuk mukjizat). Elemen *Awjuh al-Ijāz* sangat dititikberatkan oleh al-Zindānī kerana ia berfungsi untuk menjelaskan dan menzahirkan *al-Ijāz al-‘Ilmī*.

Kepentingan *al-Ijāz al-‘Ilmī* yang membuktikan keserasian antara fakta sains dan wahyu dapat menguatkan iman serta membangkitkan keyakinan hati bagi orang yang mempelajarinya.

Berdasarkan analisis contoh-contoh *al-Ijāz al-Ilmī* yang dikemukakan oleh al-Zindānī, dapat dirumuskan model *al-Ijāz al-Ilmī* yang terdiri daripada kerangka berikut:

- Mengemukakan fakta saintifik berkaitan ayat atau hadis.
- Mengemukakan sejarah kajian manusia atau sejarah ilmu sains dalam sesuatu bidang, bagaimana fakta tersebut diperoleh seterusnya disokong dengan gambar, data dan sebagainya.
- Mengemukakan makna nas dari segi bahasa dan pendapat ahli tafsir dengan cara mengumpulkan sumber rujukan bahasa arab, sumber rujukan tafsir dan syarah hadis. Seterusnya maklumat tersebut dianalisis dengan menjadikan nas sebagai panduan.
- Mengeluarkan *Awjuh al-Ijāz* yang berperanan sebagai pembuktian mukjizat tersebut.

Oleh yang demikian, cara penghujahan al-Zindānī dalam kitab *Ta'sīl* seterusnya praktikal terhadap kaedah-kaedah yang digariskan melalui contoh-contoh *al-Ijāz al-Ilmī* menunjukkan kesungguhan beliau untuk menyampaikan teknik dan seni *al-Ijāz al-Ilmī* supaya dapat memberi kesan mendalam dalam hati seterusnya membangkitkan keyakinan terhadap agama Islam yang suci. Dalam masa yang sama, beliau cuba mempermudah penyampaian *al-Ijāz al-Ilmī*.

Al-Zindānī telah mengengahkan metode ilmiah yang sahih untuk menyaksikan tanda-tanda dan bukti-bukti mukjizat (*bayyinah*) yang menjadikan isu iktikad adalah suatu penyaksian berdasarkan bukti-bukti nyata. Beliau turut mengemukakan contoh-contoh tentang cara memerhatikan hakikat kosmologi, memperbetulkan landasan dengan meletakkannya bertepatan kehendak Allah SWT sebagai dalil keimanan dan bukti kerasulan Nabi Muhammad SAW. Firman Allah SWT:

وَكَذَلِكَ نُرِي إِبْرَاهِيمَ مَلَكُوتَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَلَيَكُونَ مِنَ

الْمُوقِنِينَ

Al-An'ām 6 : 75

Terjemahan: Dan demikianlah Kami perlihatkan kepada Nabi Ibrahim kebesaran dan kekuasaan (Kami) di langit dan di bumi, dan supaya menjadilah ia dari orang-orang yang percaya dengan sepenuh-penuh yakin.

## 6.2 BIBLIOGRAFI

### Rujukan Bahasa Arab

Abū Zahrah, Mu ammad. *al-Mu jizah al-Kubrā; al-Qur’ān*. Kaherah: Dār al-Fikr al- Arabī, 1998.

Al-‘Amrī, Profesor usayn. ed. *The Constitution of the Republic of Yemen*. Sana'a: Majallah al-Thawabit, 2002.

Al-Bukhārī, Mu ammad bin Ismā‘il. “*Fatāwa al-Bārī*.” *Sharḥ aṣ-ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Riyadh: Dār al-Salām, 2000.

Al-Bukhārī, Muhammād bin Ismā‘il Abū ‘Abd Allāh. “*Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*” Riyadh: Dar al-Salām, 1999.

Al-jāzī, A mad Y suf. *Mawsū‘ah al-I‘jaz al-Ilmī*, cet. ke-2, Damsyik: Maktabah Ibn ajar, 2003.

Al-umaydī, Dr. ‘Abd Al-Azīz bin ‘Abdullah. *Tafsīr Ibn ‘Abbās wa Marwiyyātuh fī al-Tafsīr min Kutub al-Sunnah*. Makkah: Jami‘ah Um al-Qur’ān, t.t.

Al-Khidr, ʻālādī Abd al-Fattāh. *Ijāz al-Qur’ān al-Bayānī wa Dalā'il Ma darih al-Rabbānī*. Jordan: Dār ‘Ammār, 2000.

Al-Mashūkhī, ‘Abd Allāh. *Mawqif al-Islām wa al-Kanīsa min al-Ilm*. al-Zarq ‘āwī: Maktabah al-Manār, 1982.

Al-Muṣlihī, Dr. ‘Abd Allāh. *al-Ijāz al-Ilmī Tārīkhuh wa Dawābiṭuh*. Makkah: al-Hai‘ah al-‘Ālamiyah li al-Ijāz al-Ilmī fī al-Qur’ān wa al-Sunnah, 2006.

Al-Nasā’ī, Ahmad bin Shu‘ayb bin ‘Alī Abū ‘Abd al-Rahmān. *Sunan al-Nasā’ī*. Riyadh: Maktabah al-Ma‘rifah li al-Nashr wa al-Tawzī, t.t.

Al-Qānūn, Mann ‘ādī. *Mabāhith fī ‘Ulūm al-Qur’ān*. Riyadh: Maktabah al-Ma‘rifah li al-Nashr wa al-Tawzī, 2000.

Al-Qushayrī, Muslim bin al-Hajjāj. *Ṣaḥīḥ Muslim*. Beirut: Dār al-Ma‘rifah, 2007.

Al-Rāghib al-Asfahānī, al-Ḥusayn bin Muhammād (t.t), *al-Mufradāt fī Gharīb al-Qur’ān*. Beirut: Dār al-Ma‘rifah, t.t.

Al-Sabt, Khidr bin Uthmān. *Qawā'id al-Tafsīr Jam'i'an wa Dir satan*. Riyadh: Dār Ibn Affān, 1412H.

Al- li , ub ī. *Mabāhith fī Ul m al-Qur’ān*. cet. ke-9. Beirut: D r al-‘Ilm li al-Mal yīn, 1997.

Al-Sanab nī, li ‘Abd al-Qawī. *al-I‘jāz al-‘Ilmī fī al- ib al-Wiqā’ī*. Sana'a: J mi ah al- m n, 2004.

Al-Suy ī, ‘Abd al-Ra m n bin al-Kam l Abu Bakr. *al-Itqān fī ‘Ul m al-Qur’ān*. cet. ke-5. Beirut: D r Ibn Kathīr, 2002.

Al-Suy ī, ‘Abd al-Ra m n bin al-Kam l Abu Bakr. *usn al-Mu ā arah fī T rīkh al-Mi r wa al-Qāhirah*. Kaherah: Dar Ihy ’ al-Tur th al-‘Arabī, 1967.

Al- abarī, Mu ammad bin Jarīr. *Jāmi al-Bayān ‘an Ta’wīl Āy al-Qur’ān*. TTP: Hajar li al- ib ‘ah wa al-Nashr wa al-Tawzī‘, 2001.

Al-Taħħān, Maħmūd. *Taysīr Muštalaħ al-Hadīħ*. Iskandariah: Markaz al-Hudā li al-Dirāsāt, 1410H.

Al-Ṭayyār, Dr. Musā‘id bin Sulaymān. *Mafhūm al-Tafsīr wa al-Ta’wīl wa al-Istibāt wa al-Tadabbur wa al-Mufassir*. Riyadh: Dār Ibnu al-Jawzī, 2007.

Al-Ṭayyār, Dr. Musā‘id Ibn Sulaymān. *Taṣħīħ Tarīqah Mu ‘alajah Tafsīr al-Salaf fī Buḥūth al-I‘jāz al-‘Ilmī*. t.t.p. : Majallah Ma‘had al-Imām al-Shāṭibī li al-Dirāsāt al-Qur’āniyyah, 2007.

Al-Tirmidhī, Muḥammad bin ‘Isā bin Sūrah. *Sunan al-Tirmidhī*. Riyadh: Maktabah al-Ma ārif li al-Nashr wa al-Tawzī‘ , t.t.

Al-Y fī ī, li Mu ammad bin ulays. *al-Dawr al-T r khī al-Ha ārī al-‘Ilmī wa al-Jihādī; Shaykh al-Zindānī wa ‘Ulamā’ al-Yaman fī Masīrah al-I lāh al-Shānil*. t.t.p.: t.p., 1992.

Al-Zamakhsharī, Maħmūd bin ‘Umar. *al-Kashshāf ‘an ḥaqāiq Ghawāniq al-Tanzīl wa ‘Uyūn al-Aqāwīl fī Wujūh al-Ta’wīl*. Riyadh: Maktabah al-‘Ubaykān, 1998.

Al-Zarkashī, Badr al-Dīn Mu ammad bin Abd All h. *al-Burhān fī Ulūm al-Qur’ān*. al-Mamlakah al- Arabiyah al-Sa ūdiyyah: Ālam al-Kutub, 2003.

Al-Zind nī, ‘Abd al-Majīd bin ‘Azīz et al. *‘Ilm al-Ajinnah fī al-Qur’ān wa al-Sunnah*. Sana'a: Markaz al-Buh th bi J mi ah al- m n, t.t.

\_\_\_\_\_. ‘Abd al-Majīd bin ‘Azīz et al. *‘Ilm al- mān*. Sana'a: Markaz al-Buh th bi J mi ah al- m n, 2000.

- \_\_\_\_\_. ‘Abd al-Majīd bin ‘Azīz et al. *Bayyināt al-Ras l wa Mu‘jizātuh*. Sana'a: Markaz al-Buh th bi J mi ah al- m n, 2004.
- \_\_\_\_\_. ‘Abd al-Majīd bin ‘Azīz, Suat Yıldırım dan Mu ammad al-Amīn Walad al-Shaykh. *Ta’līl al-I‘jāz al-‘Ilmī fī al-Qur’ān wa al-Sunnah*. Sana'a: J mi ah al- m n, t.t.
- \_\_\_\_\_. ‘Abd al-Majīd bin ‘Azīz. *Annahu al-Haq*. Makkah: al-Hay'ah al-‘Ālamiyah li al-I j z al- Ilmī fī al-Qur’ān wa al-Sunnah, 2006.
- \_\_\_\_\_. ‘Abd al-Majīd bin ‘Azīz. *Tawādīd al-Khāliq*. cet. ke-3, Kaherah: Maktabah D r al-Sal m li al- ib ‘ah wa al-Nashr, 1994.
- \_\_\_\_\_. ‘Abd al-Maj d. *al- awm; ikam wa A k m*. Sana'a: Jami ah al-Iman, xxxx.
- \_\_\_\_\_. ‘Abd al-Maj d. *Na wa al- m n*. x.x.: x.x, xxxx.
- \_\_\_\_\_. ‘Abd al-Maj d. *Tar q al- m n*. x.x.: x.x, xxxx.
- Al-Ziriklī, Khayr al-Dīn. *al-A‘lām*. Beirut: Dār al-‘Ilm li al-Malāyīn, 2002.
- Ḩamdn, Dr. Ghass n. *Kitāb Allāh fī I‘jāzihī Yatajallā*. Sana'a: Markaz Abb dī li al-Dir s t wa al-Nashr, 2002.
- Ibn al-Jawzī, Jamīl al-Dīn bin ‘Abd al-Rahmān. *Zād al-Masīr*. Beirut: al-Maktab al-Islāmī, 1984.
- Ibn al-Zamlakān . *al-Burhān al-Kāshif ‘an I‘jāz al-Qur’ān*. t.tp.: t.p, t.t.
- Ibn Ḥajar, al-‘Asqalānī. *Fatāwī al-Bārī Sharī‘at al-Bukhārī*. Riyadh: Dār al-Salām, 2000.
- Ibn Kathīr, Ismā‘il bin ‘Umar al-Dimashqī. *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Aṣmān*. Riyadh: D r al- ayyibah li al-Nashr wa al-Tawzī‘, 1999.
- Ibn Manzūr, Muḥammad bin al-Mukarram. *Lisān al-‘Arab*. Kaherah: Dār Ma‘rif, t.t.
- Ibn Taymiyyah, Aḥmad bin Taymiyyah al-Ḩarrānī, *Majmū‘ah al-Fatāwā*. cet. ke-2, Manṣūrah: Dār al-Wafā’, 2001.
- Ibrāhīm, Mu af . *al-Mujam al-Wasīt*. Istanbul: al-Maktabah al-Islāmiyyah, 1972.
- Khan, Wa ʕid al-Dīn. *al-Islām Yata addā’ afar al-Dīn Khan*, terj. Dr. ‘Abd al-abr Shāhīn. cet. ke-11, Beirut: Mu’assasah al-Risalah, 1966.

Şawāb, Dr. Şāliḥ. *al-Ijāz fī al-Qur'ān al-Karīm*. Sana'a: Maktabah Dār al-Āfāq, t.t.

### Rujukan Bahasa Melayu

'Abdul Halim Mat Diah. *Falsafah Pendidikan Islam di Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia*. Yogyakarta: Institut Agama Islam Negeri (IAIN), 1986.

Al-Bīr, Dr. Mohammed Alī. Dr. *Perkembangan Manusia Menurut al-Quran dan Hadis*. terj. Prof. Madya Dr. Rusli bin Haji Nordin. Kuala Lumpur: Crescent News (K.L) Sdn. Bhd, 1993.

Al-Zindān, 'Abd al-Majīd. *Tawḥīd al-Khāliq*. cet. ke-2, Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri, 1992.

Azizan Haji Baharuddin, Prof. Dr. *Science and Belief; Discourses on New Perceptions*. Kuala Lumpur: Institut Kajian Dasar, t.t.

Baharudin Ahmad. *Falsafah Sains Dari Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2008.

Bennabi , Malik. *Fenomena al-Qur'ān*. terj. Rosiyah Abd. Latif. cet. ke-2. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia, 2009.

Bucaille, Dr. Maurice. *Bible, Quran & Sains Modern*. terj. Prof. Dr. H. M. Rasjidi. Selangor: Thinkers Library Sdn. Bhd, 1994.

Charles Issawi. *Filsafat Islam Tentang Sejarah*. terj. Dr. A. Mukti Ali. Jakarta: Tinta Emas, 1962.

Danial Zainal Abidin. *Bukti-bukti Sains dan Sejarah Kerasulan Muhammad*. Kuala Lumpur: PTS Publication, 2010.

Esa Khalid, Konsep Tamadun Islam; Sains dan Teknologi. Johor Baru: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia, 2001.

Faisal Othman. "Pendidikan Islam : Konsep dan Realiti." dalam *Pendidikan Islam Malaysia*, ed. Ismail Ab. Rahman, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1993.

Ganong, William F. *Kajian Semula Fisiologi Perubatan*. terj. Mustafa Ali Mohd. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994.

Idris Awang. *Kaedah Penyelidikan Suatu Sorotan*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Intel Multimedia and Publications, 2001.

- Imam Barnadib. *Arti dan Metode Sejarah Pendidikan*. Yogyakarta: Yayasan Penerbitan FIB-IKIP, 1982.
- Ismail Ab. Rahman (Ed.). *Pendidikan Islam Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1993.
- Kamus Dewan*. Ed. ke-4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007.
- Khairul Azhar Idris (Ed.). *Kontemporari Islam*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), 1996.
- Koentjaraningrat (Ed.). *Metode-metode Penelitian Masyarakat*. Jakarta: Penerbit P.T Gramedia, 1977.
- Moore, Keith L. *Perkembangan Manusia Embriologi Berorientasi Klinikal*. terj. Dahlina Daut Mohmud. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994.
- Syed Muhammad Dawilah al-Edrus (Ed.). *Pendekatan Holistik Sains dan Agama; Cabaran Ketamadunan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007.
- Universiti Malaya. *Panduan Penulisan Ilmiah*. ed. ke-3. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2012.
- Zainudin Hashim dan Riduan Mohamad Nor. *Tokoh-Tokoh Gerakan Islam Abad Moden*. Kuala Lumpur: Jundi Resources, 2009.

### Rujukan Bahasa Inggeris

- Al-Rehaili, M. Abdullah. *This Is The Truth*. Makkah: World Supreme Council for Mosques Affairs, Commission on Scientific Signs of Qur'an and Sunnah, Muslim World League, 1995.
- Al-Zind nī, 'Abd al-Majīd et al. *Human Development as Described in the Qur'an and Sunnah; Correlation with Modern Embrology*. Makkah: Muslim World League, 2000.
- Bucaille, Dr. Maurice. *What Is The Origin of Man?*. trans. Alastair D. Pannel and the Author. New Delhi: Islamic Book Service, 2003.
- H Kuenen. *Realms of Water*. New York: Wiley, 1963.
- Keith L. Moore and Abd al-Majīd Azīz al-Zind nī, *The Developing Human with Islamic Additions*, 1982, Third Edition. Philadelphia: W.B. Saunders Company with Dar al-Qiblah for Islamic Literature, Jeddah, Saudi Arabia, 1983.

Muhammad Muqim (Ed.). *Research Methodology in Islamic Perspective*. Kuala Lumpur: Syed ‘Abdul Majid & Co., 1997.

### **Video, CD, Kaset**

“al-I‘jaz al-‘Ilmī fī Majlī al-Faqīh Muqābalah ma Dr. Fārūq al-Bāz”, al-Īmān li Bay‘ wa Tawzī‘ al-Ashriṭah, t.t, video.

“al-Zubayrī wa al-Thawrah”, kaset.

“Ziyārah Khāssah”, Qanāt al-Jazeera, 2007, video.

Qanāt al-Majd, “Afaat min ayatī”, Video, 2009.

### **Laman sesawang**

<http://81.144.208.20:9090/pdf/2006/03Mar/11MarSat/qds04.pdf>

<http://eseminar.dbp.gov.my/dokumen/arabrumi.pdf>

<http://faculty.ksu.edu.sa/>

<http://global.britannica.com/>

<http://magmj.com/>

<http://marebpress.net/>

<http://olamaa-yemen.net/>

<http://www.alahmar.net/>

<http://www.al-islah.net/>

<http://www.aljazeera.net/>

<http://www.alrahma.tv/>

<http://www.alsahwa-yemen.net/>

<http://www.eajaz.org/>

<http://www.faroukelbaz.com/>

<http://www.ikhwanwiki.com/>

<http://www.islammemo.cc/>

<http://www.jameataleman.org/>

<http://www.presidentsaleh.gov.ye/>

<http://www.science.nasa.gov/>

<http://www.treasury.gov/>

<http://www.waqfeya.com/>

<http://www.yemen-sound.com/>

<http://www.youtube.com/>